

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC)**Selasa, 16 Safar 1428 / 6 Mac 2007****YANG DIPERTUA DEWAN DAN
AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Yang Amat Mulia,
Pengiran Indera Mahkota Pengiran
Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni
Al-Marhum Pengiran Bendahara
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin,
PSLJ., SPMB., POAS., PHBS., PJK.,
PKL.,
Yang Dipertua Dewan,

AHLI RASMI KERANA JAWATAN:

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam, Perdana Menteri,
Menteri Pertahanan dan Menteri
Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
DKMB., DPKT., King Abdul Aziz
Ribbon, First Class (Saudi Arabia),
Medal of Honour (Lao), Order of
Lakandula with the Rank of Grand
Cross (Philippines), PHBS.,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana
Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana
Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato
Seri Setia Haji Awang Abdul
Rahman bin Dato Setia Haji
Mohamed Taib, PSNB., SLJ.,
PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji
Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin,
DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PJK.,
PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji
Ahmad bin Haji Jumat,
PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-
Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato
Seri Setia Awang Haji Yahya bin
Begawan Mudim Dato Paduka Haji
Bakar, PSNB., SPMB., DSNB., PJK.,
PIKB., PKL.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy)
di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato
Seri Setia Haji Abdul Rahman bin
Haji Ibrahim,
PSNB., DPMB., PIKB., PKL.,
Menteri Kewangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa
Dato Seri Setia Awang Lim Jock
Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI YANG DILANTIK
(ORANG-ORANG BERGELAR):**

Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran
(Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran
Haji Abdul Rahim,
DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS.,
PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Amat Mulia,
Pengiran Dipa Negara Laila Diraja
Pengiran Haji Abdul Momin bin
Pengiran Haji Ismail, DK., DSNB.,
DPMB., POAS., PHBS., PBLI., PJK.,
PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B)
Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd.
Yasmin bin Haji Umar, SPMB.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI DILANTIK (ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN) :

Yang Berhormat,
Pengiran Dato Paduka Haji Damit
bin Pengiran Haji Sunggoh,
DPMB., PHBS., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato
Paduka Awang Goh King Chin,
DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji
Othman bin Uking,
SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Idris bin
Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,
PSB.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin
Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin,
DPMB., SLJ., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin
Mohd Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK DARI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat,
Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin
Awang Haji Ibrahim,
SMB., PJK., PKL.,
Penghulu Mukim Kota Batu,
Negara Brunei Darussalam .

Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor,
PSB., PKL.,
Penghulu Mukim Lumapas,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji
Muhammad Taha bin Abd. Rauf,
SMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Penghulu Mukim Keriam,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd Shafiee bin
Ahmad,
Ketua Kampong Lumut 1,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,

Ketua Kampong Belingos,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya
Dato Paduka Awang Haji Judin bin
Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS.,
PBLI., PJK.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

TURUT HADIR:

Dayang Rose Aminah binti Haji
Ismail,
Penolong Jurutulis,
Negara Brunei Darussalam.

**Majlis mula bersidang jam 8.30
pagi**

Jurutulis: Majlis memulakan dengan ucapan Bismillahir Rahmanir Rahim, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketiga, bagi Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam yang bersidang pada hari ini didahului dengan doa selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

**Doa Selamat dibacakan oleh Yang
Dimuliakan Pehin Khatib Haji
Mohd. Jaya bin Haji Ibrahim:**

Membaca doa selamat.

Yang Dipertua Dewan: Kita sama-sama bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan keizinan-Nya pada hari yang aman dan tenang membawa sangat sukacita dan lagi memberangsangkan, maka semua Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat dan saya dapat bersama-sama di majlis yang mulia ini. Sebagaimana Ahli-Ahli lebih memahami kita akan bersidang seperti biasa, dalam persidangan ini kita tidak akan menggunakan bahasa beradat yang biasanya digunakan pada masa biasa begitu juga bahasa-bahasa asing untuk memudahkan perbincangan, membincangkan beberapa kertas

kerja terutamanya **Belanjawan 2007/2008**. Dan saya mengharapkan pada Ahli-Ahli Yang Berhormat, pertama pada membahaskan sebarang perkara tajuk perbincangan hendaklah menggunakan perkataan yang tepat pada asas tajuk yang kita bincangkan dan janganlah hujah-hujah menyokong perkara-perkara cadangan yang berkenaan terkeluar dari tajuk perkara tersebut.

Maka dengan jalan ini saya percaya persidangan kita akan dapat cepat dan sempurna di samping akan memberi peluang pada semua Ahli-Ahli ada masa untuk bercakap turut dapat sama-sama membincangkan, dan tidak pula akan membuang masa yang berharga itu kerana di dalam perbincangan ini masa amat berharga.

Jurutulis: Perkara Yang Kedua, Meneliti Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Pada Hari Rabu, Khamis, Sabtu, Isnin, Selasa dan Rabu, 15, 16, 18, 20, 21 dan 22 Safar 1427 bersamaan dengan 15,16, 18, 20, 21 dan 22 Mac 2006, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan: Yang Dipertua Dewan, oleh sebab minit yang telahpun dihadapkan ini telahpun dikelilingkan kepada semua Ahli dan segala pembetulan nampaknya telahpun dilaksanakan dan teratur maka saya ingin

mencadangkan supaya minit ini dipersetujui dan disahkan.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji

Abdul Momin: Peramba menyokong dan mensahkan minit tersebut.

Yang Dipertua Dewan: Oleh kerana mendapat sokongan, supaya diadakan undi mengenai dengan cadangan tersebut tadi. Dengan demikian saya meminta yang bersetuju angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang Dipertua Dewan: Nampaknya keseluruhan Ahli-Ahli di sini telah menunjukkan bersetuju, maka diteruskan.

Ahli Ahli Yang Berhormat, kita akan bersama-sama mengalu-alukan menyambut keberangkatan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan untuk menyempurnakan pembukaan majlis kita pada pagi ini.

Maka dengan hal yang demikian saya dengan sukacita menangguhkan permesyuaratan ini hingga keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menyempurnakan pembukaannya nanti. Sekian.

TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA
MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL
BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM
SULTAN HAJI OMAR 'ALI
SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI
WADDIEN, SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI**

**DARUSSALAM SEMPENA MAJLIS
PERASMIAN PERSIDANGAN
PEMBUKAAN RASMI
MESYUARAT PERTAMA DARI
MUSIM PERMESYUARATAN
KETIGA MAJLIS MESYUARAT
NEGARA, BERTEMPAT DI PUSAT
PERSIDANGAN ANTARABANGSA
(ICC) BERAKAS, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM PADA
HARI SELASA, 16 SAFAR 1428
BERSAMAAN DENGAN
6 MAC 2007.**

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir
Rahim, Alhamdulillah Rabbil
'Alameen, Wabihee Nasta'eenu
'Alaa Umuuriddunya Wadeen,
Wassalaatu Wassalaamu'Ala
Asyrafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammaddun Wa'ala Aalihiee
Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Syukur ke hadrat Allah Subhanahu
Waata'ala kerana mengizinkan
kita dapat berkumpul di Majlis
Perasmian Mesyuarat Pertama Dari
Musim Permesyuaratan Ketiga
Majlis Mesyuarat Negara pada hari
ini.

Dalam persidangan kali ini Ahli-Ahli
akan berpeluang untuk membincang
kan Peruntukan Belanjawan Tahun
2007 – 2008.

Peruntukan ini tidak syak lagi,
adalah nadi bagi menggerakkan
jentera pembangunan negara.
Objektifnya yang utama ialah supaya
kebajikan rakyat sentiasa
terpelihara. Dengan peruntukan itu,
kita bukan saja mampu merancang,
tetapi juga berupaya untuk
membawa negara ini kepada
perkembangan yang selayaknya.

Beta berharap, semua agensi Kerajaan yang diamanahkan dengan Peruntukan Kewangan akan dapat mengawalinya dengan penuh akauntabiliti serta menggunakannya menurut perancangan. Semua sistem pelaksanaan, pemantauan dan penilaian hendaklah sentiasa dikemaskinikan, supaya semua yang berkepentingan dengannya akan dapat menikmati perkhidmatan yang efisien lagi berkesan.

Pengurusan kewangan yang bijaksana dan bertanggungjawab akan membolehkan kita bergerak dengan lebih cepat dalam mengatasi apa jua rupa cabaran.

Di satu aspek, kita biasa diberitahu betapa pentingnya berbelanja dengan cara berhemat atau *prudent*. Tetapi di aspek yang lain kita juga perlu melihat keutamaan, sambil tidak mengorbankan kelicinan

pentadbiran yang akan menjejaskan pembangunan jangka pendek mahupun jangka panjang.

Setiap cadangan dan rancangan perlulah ditimbang, bahawa ia bukan saja berdasarkan keperluan 'value for money' tetapi lebih utama ialah kemanfaatannya, yang dapat membawa negara mencipta tamadun dan nama. Kerana negara yang ketandusan tamadun dan nama tidak akan mampu untuk berdiri cemerlang.

Demikian juga tidak salah untuk kita mengambil kira, bahawa setiap perancangan belanjawan itu hendaklah mempunyai nilai dapat mendatangkan pulangan pelaburan, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Bila bercakap mengenai pelaburan, janganlah ia disempitkan kepada aspek benda semata-mata. Tetapi di manakah

kita dengan aspek ilmu dan pendidikan umpamanya?

Kerana itu “perancangan besar” yang berkualiti ialah, bila mana kita dapat menjelmakan pelaburan bersepadu di antara benda dan tamadun.

Pelaburan ketamadunan juga adalah amat berpotensi untuk menambahkan penghasilan negara. Jadi rancangan-rancangan Kerajaan bukan saja untuk perkembangan ekonomi yang berkesan, malahan juga untuk memperkukuh dan memperkaya lagi inilai-nilai hidup dan tamadun bangsa.

Beta yakin tugas ini bukanlah luar biasa untuk dilaksanakan, jika semua pihak mempunyai kefahaman dan visi yang sama.

Setakat ini alhamdulillah, dengan izin dan petunjuk Allah jua, telah banyak kejayaan yang dapat kita nikmati. Sehubungan itu, beta juga gembira mendapati perkembangan yang baik, sejak Majlis Mesyuarat Negara diwujudkan semula.

Beta berharap, ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat menunaikan tanggungjawab masing-masing dengan bijaksana, dedikasi serta ikhlas. Dinamakan bijaksana itu ialah dapat melihat segala permasalahan dengan “mata hati”, bukan semata-mata apa yang dipapar sahaja, tetapi juga tahu meletakkan harga kata-kata bagi meraih manfaat daripadanya. Sasaran utama kita tidak lain ialah untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang benar-benar berdaulat aman makmur lagi selamat.

Akhirnya beta berdoa semoga Ahli-Ahli akan dapat berbincang dengan penuh hemah bagi memartabatkan Majlis Mesyuarat ini selaku sebuah institusi yang betul-betul dihormati. Jadikanlah ia forum atau wadah yang membina bagi kelangsungan konsep Melayu Islam Beraja yang luhur itu.

Beta yakin dengan bimbingan bijaksana Yang Amat Mulia Yang Dipertua Dewan persidangan ini berjalan dengan lancar, bebas dan menepati sasarannya. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bacaan doa selamat oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Maharaja Dato Seri Setia Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

(Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Majlis diiringi oleh Yang Amat Mulia Yang Dipertua Dewan dan Pembesar-Pembesar Negara).

(Yang Amat Mulia Yang Dipertua Dewan mengambil tempat duduk semula di dalam Dewan).

Yang Dipertua Dewan: Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala bahawa majlis Istiadat Pembukaan Majlis ini telah sempurna dilaksanakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka dengan hal ini

cukuplah sudah penyempurnaannya
bagi pagi ini, insya-Allah majlis saya
akan tangguhkan sehingga jam
2.30 petang nanti, sekian,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**Majlis bersidang disambung
pada jam 2.30 petang**

Jurutulis: Perkara IV,
Kertas-Kertas Yang Dibentangkan
Di Atas Meja: Kertas Bilangan 1
tahun 2007 oleh Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato
Seri Setia Awang Haji Abdul
Rahman bin Dato Setia Awang
Haji Mohamed Taib, Menteri
Pendidikan.

**Yang Berhormat Pehin Orang
Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Awang Haji Abdul Rahman bin
Dato Setia Awang Haji Mohamed
Taib, Menteri Pendidikan:** Yang
Dipertua Dewan, saya memohon
izin kepada Yang Dipertua Dewan
untuk membentangkan di atas
meja **Kertas Bilangan: 1 Tahun
2007 yang bertajuk Senarai
Perintah-Perintah Darurat Yang
Telah Diluluskan Dalam Tahun**

**2006 Menurut Fasal 83 Dari
Perlembagaan Negara Brunei
Darussalam.**

Jurutulis: Kertas Bilangan: 2
Tahun 2007 yang akan
dibentangkan oleh Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato
Seri Setia Awang Haji Abdul
Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri
Kewangan II (Kedua).

**Yang Berhormat Pehin Orang
Kaya Laila Setia Dato Seri Setia
Haji Awang Abdul Rahman bin
Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II
(Kedua):** Bismillahir Rahmanir
Rahim, Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh dan
salam sejahtera, Yang Dipertua
Majlis dengan segala hormatnya
saya memohon izin Yang Dipertua
Majlis untuk membentangkan di atas
meja **Kertas Bilangan: 2 Tahun
2007 iaitu Anggaran Hasil dan**

**Perbelanjaan Negara Tahun
Kewangan 2007/2008.**

Jurutulis: Perkara V Usul-Usul yang telah diberi notis, Usul yang pertama akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan: Yang Dipertua Dewan saya ingin terlebih dahulu mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas kebenaran Yang Dipertua Dewan bagi saya untuk membentangkan Satu Usul yang telah diberi notis. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan kesyukuran

ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas limpah kurnia-Nya jua dan dengan kebijaksanaan dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam Mesyuarat Pertama dari Majlis Permesyuaratan Ketiga bagi Majlis Mesyuarat Negara yang telah dapat bersidang pada kali ini dalam suasana yang penuh aman damai lagi harmoni. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini tadi dan seterusnya baginda telah berkenaan mengurniakan titah yang mana Majlis ini sepatutnya menjunjung setinggi-tingginya dan dengan sepenuh-penuhnya, di mana

membuktikan bahawa baginda dan Kerajaan baginda bersungguh-sungguh dan dengan penuh keprihatinan serta mengalinga akan kebajikan dan kesejahteraan rakyat negara ini.

Yang Dipertua Dewan, saya penuh yakin dengan pengalaman yang begitu luas Yang Dipertua Dewan Persidangan kita ini akan setentunya berjalan dengan licin, teratur dan memenuhi sasaran sebagaimana yang diharapkan oleh baginda pagi tadi. Dengan itu saya bangun bagi mencadangkan atas nama saya satu Usul yang berbunyi **“Majlis ini bersetuju meluluskan Satu Usul menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Sultan Haji Hassanah**

Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Majlis ini pada hari ini dan di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang mana Majlis ini menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya”.

Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada pagi tadi membawa maksud yang begitu tinggi nilainya yang mana baginda telah menggariskan dengan jelas

dan penuh *transparan* visi haluan tuju negara yang penuh berdaulat dan bertamadun. Baginda secara tulus ikhlas telah menitahkan visi tersebut dengan menggariskan beberapa aspek tertentu antaranya:

- 1) Objektif utama Majlis Mesyuarat Negara kita ini adalah sentiasa untuk memelihara kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan negara ini.
- 2) Baginda juga menitahkan peri mustahaknya supaya perancangan pembangunan negara yang dibuat itu seharusnya mengambil kira pengurusan yang efisien serta penuh berkualiti. aspek berjimat cermat hendaklah selari dengan keperluan pembangunan negara bagi

jangka pendek dan jangka panjang, dalam pada itu setiap perancangan tidak sahaja didasarkan kepada “**value for money**” tetapi juga berupaya untuk membawa kepada keberhasilan dan kemanfaatan yang menjadikan negara ini mencapai kecemerlangan tamadun dan nama.

- 3) Pelaburan Kerajaan juga hendaklah merangkumi keseimbangan antara perkembangan ekonomi dan tamadun itu, apa yang dapat kita fahami dari maksud titah baginda mengenai tamadun tersebut adalah kemajuan peradaban pemikiran yang tinggi. Dalam erti kata sumber tenaga manusia yang berkualiti. Oleh yang demikian Kerajaan baginda akan sentiasa berikhtiar ke arah merealisasikan perkara

ini dengan menyediakan khususnya pendidikan yang berkualiti tinggi sebagai terasnya. Bukan sahaja untuk melahirkan manusia yang berilmu tetapi juga mempunyai akhlak yang mulia sentiasa bersiap sedia dan berupaya untuk mengharungi arus kehidupan dalam proses globalisasi yang sedang kita hadapi ini.

Yang Dipertua Dewan,

- 4) Baginda juga menekankan supaya setiap organisasi baik Kerajaan mahupun swasta memainkan peranan masing-masing berlandaskan kesepakatan dan bertindak sebagai satu pasukan.
- 5) Hasrat baginda adalah bagi kita semua dalam Majlis ini

melaksanakan tanggungjawab kita sesempurnanya dengan penuh tulus ikhlas fokus dan mampu untuk membuat pertimbangan serta keputusan yang penuh bijaksana. Hujah-hujah yang dikemukakan hendaklah dinilai dan diteliti dengan wajar dan sebaik-baiknya. Ini setentunya akan mencerminkan bahawa Majlis Mesyuarat kita ini adalah merupakan institusi yang dihormati dan digalati.

Syukur alhamdulillah di atas kepimpinan dan kebijaksanaan baginda rakyat Negara Brunei Darussalam ini sangat beruntung hingga ke hari ini kita telah dapat menikmati taraf hidup yang selesa, aman dan sentosa serta makmur dan berjaya. Untuk mengecapi kedudukan sedemikian itu bukanlah satu perkara yang mudah.

Komitmen yang berterusan diperlukan bukan sahaja untuk mempertahankannya malahan untuk mempertingkatkan lebih tinggi dan lebih baik dan lebih mantap lagi. Sesuai dengan maksud ini, baginda dalam titah baginda telah memberikan panduan untuk kita semua berusaha ke arah menjayakan pembangunan negara yang penuh berdaulat bertamadun aman makmur lagi selamat, berlandaskan konsep negara Melayu Islam Beraja.

Jadi Yang Dipertua Dewan, saya memikirkan saya berpendapat bahawa titah baginda yang begitu jelas yang begitu transparan telah menggariskan apa yang baginda lihat sebagai ala tuju yang perlu diikuti oleh negara ini dalam kita mengharungi kehidupan kita di waktu-waktu yang akan datang.

Dengan sebab itu saya ingin sekali lagi memberikan, mencadangkan supaya usul yang saya kemukakan ini akan dapat diterima oleh semua pihak dalam majlis ini. Terima kasih.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan telahpun mendapat sokongan dan dengan demikian sekarang usul disebutkan untuk dibahaskan sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin untuk membahaskan, silakan.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Bismillahir Rahmanir Rahim, Asalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Pengiran Yang Dipertua Dewan. Izinkan peramba mengambil kesempatan ini menggabungkan diri peramba

kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, yang telah membuat usul berbunyi "Majlis bersetuju meluluskan satu usul menyembahkan sepenuh-penuh menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waadulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda ke majlis ini pada pagi ini dan atas keberangkatan dan melafaz titah baginda di majlis ini, pada pagi ini Selasa 16 Safar 1428 bersamaan 6 Mac 2007, peramba menjunjung kasih sepenuh-penuhnya.

Pengiran Yang Dipertua Dewan, pada hari yang bersejarah ini, peramba dengan hormat dan rendah hati menyembahkan sebanyak-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana mengurniakan penghormatan kepada peramba dan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk melaksanakan tanggungjawab dalam meneliti dan membincangkan Anggaran Peruntukan Perbelanjaan Tahunan dan Anggaran Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara bagi Tahun 2007/ 2008.

Insyallah peramba akan melaksanakan tugas ini secara jujur dan ikhlas dengan seberapa boleh yang peramba terdaya akan

memberi pandangan buah fikiran dan pendapat yang bernas serta adil di samping berkerjasama dengan menyuarakan kritikan yang membina dengan harapan ianya tidak disalah tafsirkan sebagai hanya kritikan semata-mata tanpa memikirkan kesan dan akibatnya terhadap pelaksanaan tugas-tugas dan keupayaan pihak-pihak yang berkenaan.

Peramba menyedari bahawa tugas, peranan dan tanggungjawab pihak-pihak yang berkenaan adalah berat di mana "berat mata memandang berat lagi bahu memikul", peramba penuh berkayakinan bahawa pihak-pihak berkenaan telah berusaha dengan bijaksana dan berkerja keras untuk mengatasi segala masalah dan perkara-perkara menjadi hindaran dan rintangan kepada

pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Pengiran Yang Dipertua Dewan, strategi perancangan meningkatkan pembangunan negara yang dirangka dan dilaksanakan bagi mempelbagaikan ekonomi diharap dapat diungkayahkan dengan secara yang lebih berkesan dengan memberi impak yang ketara pada persediaan negara menghadapi kelupusan sumber minyak dan gas. Usaha mempelbagai ekonomi yang dimulakan pada Rancangan Kemajuan Negara Kedua sehingga Rancangan Kemajuan Negara yang ada sekarang, perlu disukat akan kejayaannya dan setiap langkah yang sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mempercepatkan lagi usaha untuk mempelbagaikan ekonomi ini perlulah tulus dan seimbang dengan

arus pembangunan global pada masa kini .

Yang Dipertua Dewan. Dari segi menghadapi pembangunan sosial pula laporan dari Jabatan Buruh menunjukkan bahawa bilangan pengangguran di negara ini pada masa ini ialah sekitar 6,300 orang. Jika mengambil kira nisbah jumlah penduduk di negara ini, angka tersebut adalah pada tahap yang agak membimbangkan apatah lagi ianya melibatkan golongan muda yang merupakan pelapis kepada pembangunan bangsa dan negara. Negara memerlukan langkah-langkah yang bersepadu dalam menangani masalah pengangguran ini. Tanggungjawab ini seharusnya tidak hanya dipikul oleh Jabatan Buruh sahaja, malahan semua pihak termasuk pihak swasta, harus memikirkan

keadah yang positif untuk mengatasinya.

Pengiran Yang Dipertua Dewan. Falasafah Melayu Islam Beraja (MIB) amat penting diberikan penekanan dalam apa-apa jua aspek penghidupan penduduk Negara Brunei Darussalam. Maka amat wajarlah ianya menjadi salah satu komponen yang penting dalam Rancangan Kemajuan Negara, selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa persidangan bagi orang-orang yang disampiri gelaran di Universiti Negara Brunei Darussalam pada tahun lepas, yang mana baginda telah menekankan akan pentingnya falasafah MIB ini diserapkan dalam kehidupan harian rakyat dan penduduk negara ini.

Pengiran Yang Dipertua Dewan, bagi mengakhiri ucapan peramba ini

marilah kita bersama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala bagi kesejahteraan, kemakmuran dan kebahagiaan rakyat dan penduduk yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini. Mudah-mudahan kita akan sentiasa berada dalam suasana rukun damai seperti yang kita nikmati selama ini dengan izin Allah jua. Wabillahit Taufik Walhidayah Wasallamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Menjunjung kasih.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli lain.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Abas: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat

terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih, atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengabungkan diri bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan, bagi menyembahkan menjunjung kasih majlis ke hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Majlis Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini tadi dan di atas kurnia titah baginda di Majlis Perasmian tersebut.

Yang Dipertua Dewan, titah yang dilafazkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu cukup penuh dengan hasrat yang begitu besar dan kata-kata nasihat yang paling berguna

dan tinggi nilainya itu semua yang telah diamanahkan untuk menanai serta melaksanakan tugas

dan tanggungjawab perlulah bekerjasama dan bersatu padu dalam, melaksanakannya dengan penuh komitmen, dedikasi, bijaksana serta ikhlas.

Insya-Allah dengan kegigihan keupayaan serta semangat bersatu padu kita akan dapat bersama-sama melaksanakan tugas-tugas pengurusan apa jua bidang tugas yang diberikan dengan jayanya. Dari itu kita mestilah melengkapkan diri dengan keperluan dan kehendak zaman lebih-lebih lagi melabur dalam bidang pendidikan, jurusan kepakaran dan profesional yang mana juga ini akan boleh memberikan kekuatan diri kita dalam persaingan di dunia luar

antarabangsa dan era globalisasi lebih-lebih lagi di bidang teknologi maklumat dan komunikasi ICT yang sedang hangat dipraktikkan dewasa ini dan juga untuk masa depan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam benar-benar membuktikan pelaburan dalam pendidikan itu dengan sekali lagi baru-baru ini baginda mengurniakan dalam penubuhan Universiti Islam UNISA bagi kepentingan rakyat dan negara, setinggi-tinggi menjunjung kasih.

Dalam apa jua bidang yang kita lakukan keperluan tamadun bangsa dengan tenaga manusia yang berilmu dan prinsip-prinsip negara dengan konsep MIB perlu juga diamalkan justeru itu objektif kita untuk memperbaiki kualiti kehidupan rakyat dan penduduk negara ini

dengan keamanan, kesejahteraan insya-Allah akan sentiasa terpelihara.

Yang Dipertua Dewan, sekali lagi saya dengan sepenuhnya menyokong usul yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi. Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Dipertua Dewan: Yang lain-lain. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada Ahli-Ahli yang lain, Ahli yang ingin menentang usul itu sila angkat tangan, sekiranya tidak ada maka Usul itu diluluskan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib

Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera, Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya terlebih dahulu menyembahkan, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih atas peluang diberikan kepada saya untuk menggabungkan diri bersama-sama Ahli Yang Berhormat ke atas Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda ke Majlis Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara Pertama dari Permesyuaratan

Ketiga bagi tahun 2007 dan di atas kurnia titah baginda di Majlis Perasmian ini.

Yang Dipertua Dewan, kurnia titah perasmian baginda adalah sangat tinggi nilainya bukan saja untuk diamat-amati khususnya oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan ini malahan juga pihak-pihak yang berkenaan, terutama lapisan rakyat dan penduduk di negara ini dalam bersama-sama menandai dan mendokong seterusnya mengambil perhatian serta mengambil apa jua tindakan yang bersesuaian mengenainya.

Isi kandungan titah baginda itu mempunyai visi dan wawasan yang memandang jauh ke hadapan untuk menjadikan negara ini lebih berkembang maju, kompetitif serta berdaya tahan di samping tidak mengabaikan

pelaburan dari aspek sumber tenaga manusia yang berkualiti serta mempunyai kemahiran dan juga nilai-nilai yang luhur lagi murni yang beridentitikan kebruneian dengan berkonsepkan Negara Islam Melayu Beraja.

Sesungguhnya semua ini membuktikan keperhatian, pemeduliaan dan komitmen baginda yang sangat tinggi sebagai raja dan pemimpin negara yang sangat berwibawa penuh bijaksana dan bertanggungjawab dalam memantapkan negara ini ke mercu kecemerlangan dan kegemilangan di samping sentiasa mengambil perhatian berat tentang hal ehwal kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini.

Baginda juga telah bertitah tentang peruntukan yang dianggap sebagai nadi penggerak kemajuan dan untuk

kemakmuran negara bukan saja dikhususkan mempunyai nilai "value for money" tetapi untuk mencipta nama dan tamadun yang mendatangkan pelaburan secara langsung atau tidak.

Ini adalah dengan mengwujudkan penambahbaikan serta meningkatkan efisiensi perkhidmatan dan juga kemudahan-kemudahan yang disediakan di samping mengambil perhatian berat di aspek perlaburan-pelaburan yang beraneka jenis dalam ilmu pengetahuan dan juga pendidikan. Dari itu, ini yang bersangkutan paut dengan pendidikan dan ilmu ini ada kaitannya dengan sumber tenaga manusia yang mana seperti yang telah dapat kita sentiasa ikuti titah-titah baginda yang memusatkan kemantapan dan kualiti tenaga manusia yang

berkemahiran dan juga berkualiti di negara ini.

Adalah tidak dinafikan ianya memerlukan perancangan pemantauan serta komitmen bagi pelaksanaan penambahan perkhidmatan dan juga apa juga projek-projek yang akan dilaksanakan sudah setentunya ini adalah semata-mata untuk kesejahteraan kemanfaatan negara dan masyarakat di negara ini.

Apa yang penting bukan saja pihak Kerajaan malahan pihak swasta dan semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini turut bersama-sama bertanggungjawab dan berganding bahu untuk memberikan sokongan dan dokongan yang erat lagi padu serta bekerjasama dan juga bergiat aktif untuk bersama-sama menyumbang dan memajukan negara ini di samping bersama-

sama bertanggungjawab menjaga dan memelihara keselamatan, keharmonian, keamanan dan kesejahteraan negara ini yang telah sekian lama kita nikmati bersama.

Kita juga seharusnya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan berkat kewibawaan, kebijaksanaan, dan kepimpinan baginda serta Kerajaan baginda dengan perasaan tanggungjawab di kalangan sektor swasta, rakyat dan penduduk di negara ini, kita telah dapat menikmati kehidupan dengan penuh kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran serta dapat melaksanakan aktiviti dan program harian dengan penuh keselesaan tanpa sebarang gangguan dan kekacauan dibandingkan dengan negara-negara yang lain yang

menghadapi berbagai-bagai yang menggugat keselamatan, keamanan dan kesejahteraan dan penduduk di negara yang berkenaan, yang menghadapi peperangan misalnya konflik sesama sendiri, berbagai-mala petaka seperti Tsunami, gempa bumi, banjir besar, kejadian bangunan runtuh dan lain-lain.

Ini adalah juga dengan berkat kita mengamalkan ciri-ciri hidup yang sentiasa praktikkan ketaatan beragama, budaya, hormat menghormati, bergotong-royong bantu-membantu di samping patuh kepada undang-undang dan peraturan Kerajaan.

Akhirnya seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kita mempunyai tanggungjawab yang berat untuk

bersama-sama membincangkan demi untuk kemanfaatan dan faedah rakyat dan penduduk negeri ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman Bin Uking: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Dipertua Dewan, Saya mengambil kesempatan menjunjung kasih setinggi-tingginya dan menyokong usul yang dibawa oleh Menteri Pendidikan tadi dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atas keberangkatan baginda dan melafazkan titah di majlis ini pada pagi tadi. Saya merujuk kepada objektif yang dititahkan oleh baginda bahawa objektif utama peruntukan pada

tahun ini ialah supaya kebajikan rakyat sentiasa terpelihara.

Yang Dipertua Dewan. Kebajikan rakyat baginda di mana sahaja mereka berada sama ada rakyat baginda berada di bandar mahupun di pendalaman hendaklah diambil perhatian, sepenuhnya supaya rakyat sama-sama menikmati kemakmuran negara. Kebajikan yang dimaksudkan adalah merangkumi kehidupan rakyat seharian hendaklah sentiasa diambil perhatian oleh jabatan-jabatan yang berkenaan, terutama penduduk-penduduk pendalaman, dari golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap. Mereka-mereka ini adalah sangat-sangat memerlukan dari segi kewangan bagi keperluan harian mereka kerana kita tidak semua mempunyai nasib yang sama seperti kita yang berada di dewan ini.

Sebab itu, saya mengsyorkan supaya pihak-pihak yang berkenaan akan mengambil perhatian sepenuhnya kepada rakyat yang mempunyai pendapatan tidak tetap, kerana mereka ini menghadapi masalah dari masa ke semasa dengan kenaikannya harga barang-barang yang tidak menentu. Selain daripada itu, di bidang pelajaran hendaklah ditambah sekolah-sekolah yang berbentuk vokasional dan teknikal.

Bila kita menyebut tentang sekolah, mungkin tidak cukup atau pun belum memadai sekolah yang ada pada masa ini, di mana timbul pengangguran 6,300 orang seperti yang disebut tadi, jika sekiranya mereka ini atau sekolah ditambah dan rakyat baginda diberi pelajaran yang tinggi dan

mempunyai kemahiran mungkin di masa akan datang bila mereka mempunyai pelajaran dan kemahiran mereka akan senang mencari pekerjaan sendiri, atau pun berdikari dan mungkin mereka akan mengurangkan pengangguran, apabila mereka ini mempunyai kemahiran. Sekian Yang Dipertua Dewan.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada lagi Ahli-Ahli ingin membahaskan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos Bin Mohd Noh: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lainnya. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Dipertua Dewan

kerana telah memberikan kesempatan ini untuk saya berucap sedikit pada petang ini.

Yang Dipertua Dewan, saya dengan sepenuhnya menyokong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada pagi tadi 6 haribulan Mac 2007 sempena Pembukaan Resmi Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketiga Majlis Mesyuarat Negara. Di antara lain baginda bertitah bahawa rancangan-rancangan Kerajaan bukan hanya untuk kemajuan pembangunan yang berkesan tetapi juga untuk kecemerlangan nilai-nilai hidup dan kemajuan bangsa.

Dengan kesempatan ini saya ingin menyeru kepada semua yang

berkenaan akan dapat mengamati titah baginda ini terutama sekali apabila kita perhatikan bahawa budaya asing yang masuk ke Negara Brunei Darussalam pada ketika ini, terutama sekali telah mempengaruhi belia-belia kita. Di samping itu saya juga ingin menumpukan perhatian kita bersama bahawa belanjawan peruntukan yang telah disediakan objektif utamanya ialah supaya kebajikan rakyat sentiasa terpelihara.

Dengan itu saya ingin menyokong usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya majlis menghadapkan menjunjung kasih ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia di atas perkenan baginda merasmikan Permesyuaratan pada pagi ini dan seterusnya melafazkan titah. Terima kasih.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jika tidak ada lagi.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee Bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarkatuh. Yang Dipertua Dewan, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi sedikit peluang kepada saya untuk melafazkan, menyuarakan dengan hati yang tulus ikhlas menyokong di atas cadangan Pehin Menteri Pendidikan isu meluluskan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang baginda lafazkan pada pagi ini tadi. Saya dengan ini berikrar dan akan berusaha sedaya upaya dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada diri saya

demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam dengan tidak lari dari konsep Melayu Islam Beraja.

Saya berpendapat bahawa titah yang telah dilafazkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada pagi ini tadi telah mencerminkan ketulusan baginda terhadap dasar pemerintahan Kerajaan baginda dalam menjaga kesejahteraan rakyat dan negara. Sebagaimana titah baginda, objektif yang utama ialah supaya kebajikan rakyat sentiasa terpelihara dan dipelihara.

Saya berdoa ke hadrat Allah Subahana Wata'ala. semoga Kebawah Duli serta Kerabat Diraja kekal karar memerintah negara dalam keadaan aman, damai, adil

dan saksama dan berdoa semoga sentiasa dalam sihat walafiat.

Dan akhirnya saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Dipertua Dewan kerana memberi peluang untuk saya melafazkan sokongan di atas cadangan Yang Berhormat Pehin sebentar tadi. Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Dipertua Dewan, izikan saya bercakap dalam bahasa Inggeris. *I strongly support His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Negara Brunei Darussalam's titah. In upholding His Majesty's titah, I see the importance of all government agencies in budget allocation and*

control it with full accountability and use it according to plan. They have to think of the country's progress, plan it wisely and responsively and all systems of implementation, monitoring and evaluation should always be updated so that all related interests would enjoy efficient services. I believed that the titah is appropriately in time when the country is now facing with various challenges in the future.

In the aspect of investment, I like to pinpoint His Majesty's titah saying that all agencies should see that the investment is not only for the material side. His Majesty wants us to expand our focus to various aspects until the country reach an integrated level. His Majesty stressed on the concrete programmes in creating this investment integrated level in order to upgrade the country's revenue.

Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih tetapi ingin saya menerangkan sebagaimana yang dijelaskan tadi bahasa-bahasa asing itu tidak perlu kita gunakan pada masa akan datang kerana ada di antara Ahli-Ahli di sini ada yang kurang faham dalam bahasa Inggeris. Oleh itu untuk menyebarkan penguapan Ahli Yang Berhormat itu dalam Bahasa Melayu adalah lebih baik. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei Muara: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu-alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Dipertua Dewan, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih

kerana memberikan peluang kepada saya.

Saya dengan rasa hati yang tulus ikhlas amat menyokong penuh atas Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan, yang mana sangat-sangat bersetuju meluluskan Usul ini bagi menyembahkan sepenuh-penuh menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Áli Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien atas titah baginda yang telah dilafazkan pada pagi ini.

Saya amat-amat mengambil berat di atas isi-isi yang telah dititahkan oleh baginda yang mana antara

lain baginda dengan sepenuhnya melafazkan titah yang mana kebajikan rakyat sentiasa harapkan baginda dipelihara oleh pihak-pihak yang berkenaan dan juga kita yang ada di Dewan ini.

Baginda juga menekankan supaya sentiasa mengawal dengan sepenuh - sepenuhnya iaitu akauntabiliti yang telah disebutkan oleh baginda mengenai dengan pengurusan kewangan yang bijaksana. Saya amat tertarik maksud dan hasrat baginda yang mana berbelanja dengan cara berhemat memanglah amat disanjung tinggi dan diambil berat. Janganlah kita takut berbelanja pada tempat-tempat yang patut kita berbelanja, dan tidaklah patut kita berbelanja dengan perkara-perkara yang tidak patut kita berbelanja. Itulah harapan baginda agar pihak yang

berkenaan akan sepenuh hati berbelanja pada tempat-tempat yang bersesuaian.

Dan juga baginda tadi telahpun menaruh harapan agar semua rancangan-rancangan yang telah diungkayahkan oleh mana-mana pihak agar ianya akan sentiasa diteliti oleh pihak-pihak yang berkenaan. Oleh yang demikian itulah yang dapat saya luahkan di Majlis ini bagi menyokong cadangan Yang Berhormat tadi. Sekian. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya menyokong sepenuhnya Usul yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menjunjung sepenuh-penuhnya ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan dan titah baginda di Majlis ini.

Di dalam titah baginda itu saya ingin menarik perhatian di mana baginda ada menyentuh mengenai dengan Majlis Mesyuarat Negara:

1) Bahawa baginda gembira mendapati perkembangan yang baik sejak Majlis Mesyuarat Negara diwujudkan semula.

2) Baginda berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dapat menunaikan tanggungjawab masing-masing dengan bijaksana, dedikasi serta ikhlas.

3) Baginda berdoa semoga Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dapat berbincang dengan penuh hemah bagi memartabatkan Majlis Mesyuarat ini selaku sebuah institusi yang betul-betul dihormati. Jadikanlah ia forum atau wadah yang membina bagi kelangsungan konsep Melayu Islam Beraja yang luhur.

Yang Dipertua Dewan, dengan petikan-petikan titah baginda itu, sekali lagi saya menyokong sepenuhnya usul Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Orang Kaya
Jaya Putera Awang Haji Mohd
Taha bin Abd Rauf, Daerah
Tutong:** Assalamualaikum
Warahmatullahi Ta'ala
Wabarakatuh. Bismillahir
Rahmanir Rahim. Yang Dipertua
Dewan dan Ahli-Ahli Yang
Berhormat, saya mengabungkan
diri Usul daripada Yang Berhormat
Menteri Pendidikan, yang mana
Usul sedemikian sesungguhnya
cukup bernas dan baik sekali. Jadi
sekali lagi saya menyokong Usul
itu.

Mengenai dengan titah Kebawah
Duli, sesungguhnya isi pati titah
baginda cukup padat dan
mempunyai sasaran demi
kepentingan rakyat dan penduduk
di negara ini. Di samping itu
baginda juga bertitah peruntukan
yang ada bukan sahaja mampu
merancang tetapi berupaya

membawa negara ini kepada
perkembangan yang selayaknya.
Berdasarkan daripada titah ini
bahawa adalah diharapkan kepada
mereka yang bertanggungjawab
akan dapat melaksanakan dengan
sebaik-baiknya. Jadi setakat itu saja
yang dapat saya luahkan dalam
Majlis ini. Terima kasih Yang
Dipertua Dewan.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli
Yang Berhormat, tidak ada yang
ingin membahaskan maka sekiranya
tidak ada, usul oleh Yang Berhormat
tadi diluluskan. Ahli-Ahli Yang
Berhormat, bagi memastikan
kiranya ahli-ahli yang menyokong
dan menentang maka saya buka
usul ini diundi, maka demikian
dipersilakan Ahli-Ahli yang bersetuju
mengangkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada bantahan maka usul tersebut diluluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, rasanya para Ahli-Ahli Yang Berhormat cukup lama mendengarkan pidato-pidato dan bacaan-bacaan serta keterangan-keterangan bagaimana Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengurniakan titah begitu besar dan agung kepada rakyat Brunei, jadi oleh kerana kitani menimbangkan orang-orang mendengar, maka meeting ini ditangguhkan kira-kira dalam 15 minit untuk memberi peluang Ahli-Ahli menikmati sedikit minuman.

**(Majlis Berihat Untuk Menikmati
Jamuan)**

(Majlis bersidang semula)

Jurutulis: Rang Undang Pertama akan dicadangkan oleh Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua): Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera, Yang Dipertua Dewan dengan penuh hormat saya memohon izin yang Dipertua Dewan untuk mengemukakan bagi pihak Menteri Kewangan mengenai satu Rang Undang-Undang yang bergelar Satu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang yang dari Jumlah Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan Tahun 2007/2008 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud tertentu untuk bacaan kali pertama.

Yang Dipertua Dewan: 2007/2008

dan untuk memperuntukan wang yang tersebut ini bagi maksud-maksud tertentu dibaca kali pertama.

Jurutulis: Suatu Rang Undang-Undang yang bergelar Satu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2007/2008 dan untuk memperuntukan wang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua): Yang Dipertua Dewan saya mohon izin Yang Dipertua Dewan untuk memaklumkan pada majlis ini bahawa saya akan

mengemukakan cadangan untuk bacaan kali kedua dan ketiga untuk Rang Undang yang bergelar sejumlah Wang Yang Disatukan tahun kewangan 2007/2008 dan untuk memperuntukan wang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu pada mesyuarat pada hari ini juga. Oleh kerana saya bercadang hendak membawa bacaan yang kedua dan ketiga akan rang yang tersebut ini pada hari ini jua, maka saya memohon kebenaran Yang Dipertua Dewan supaya digantungkan Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara supaya dibolehkan dibuat cadangan – cadangan sedemikian pada hari ini. Permohonan saya ini adalah semata-mata untuk membolehkan majlis ini memudahkan kerja-kerja dengan lebih licin lagi.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat selepas saya

mendengar keterangan dan sebab yang telah dikemukakan oleh Menteri Kewangan II saya izinkan supaya Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara supaya digantung oleh Rang Undang-Undang yang bergelar Rang Undang-Undang yang bergelar Satu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulan yang Disatukan bagi Perkhidmatan Kewangan 2007/2008 maksud tertentu dibaca kali kedua dan ketiga untuk memperuntukkan wang tertentu bagi maksud-maksud tertentu menurut syarat-syarat 48 (iii) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua): Saya ingin mengucapkan berbanyak terima

kasih pada Yang Dipertua Dewan di atas izin Yang Dipertua Dewan untuk saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang bergelar **“Suatu Akta untuk membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2007/2008 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu”**, dibaca bagi kali yang kedua. Dalam berbuat demikian, saya memohon izin Yang Dipertua Majlis untuk menghuraikan secara ringkas perkembangan ekonomi tahun 2006 dan seterusnya asas di dalam menyediakan cadangan bagi Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun Kewangan 2007/2008 ini.

Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil ‘Alameen,
Wassalaatu Wassalaamu’Ala
Asyrafil Mursaleen, Sayyidina

Muhammadin, Wa'alaah Aalihiee
Wasahbihee Ajma'een,
Waba'du.

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera

Yang Dipertua Dewan,

2. Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah **“Untuk membenarkan pengeluaran Empat Ribu Enam Ratus Tiga Puluh Satu Juta, Empat Belas Ribu, Enam Ratus Tujoh Puluh Tiga Ringgit Brunei (B\$4,631,014,673.00) Dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2007/2008 dan untuk memperuntukannya bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual”**.

Dalam berbuat demikian, saya memohon izin Yang Dipertua Majlis bagi menghuraikan secara

ringkas perkembangan ekonomi 2006 terutamanya dalam aspek-aspek fiskal, monetari dan *structural reform*, khususnya yang berkaitan dengan usaha-usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mempelbagaikan ekonomi dan menjadikan suasana ekonominya lebih kondusif, bagi menjana pertumbuhan yang lebih *sustainable* dan berdayasaing, di samping kesannya kepada aspek-aspek kehidupan dan sosio ekonomi di Negara Brunei Darussalam. Selepas itu, insya Allah, saya akan mengongsikan faktor-faktor utama yang diambil kira dalam merancang dan menimbangkan belanjawan negara dan seterusnya fokus belanjawan Tahun Kewangan 2007/2008.

PERKEMBANGAN TAHUN

KEWANGAN 2006/2007

Yang Dipertua Dewan,

3. Alhamdulillah, di sepanjang tahun 2006, dengan izin Allah Subhanahu Wataala dan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta dengan kerjasama padu daripada semua pihak, ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan pada kadar 3.8%. Pertumbuhan ini, ditambah dengan kadar inflasi yang agak rendah sebanyak 0.5% boleh disifatkan sebagai satu pertumbuhan yang agak menggalakkan. Namun demikian, oleh kerana ekonomi negara masih banyak bergantung kepada sektor minyak dan gas, peningkatan berkenaan masih banyak dipengaruhi oleh kenaikan harga minyak dan gas dalam pasaran dunia masa kini.

4. Seperti yang kita sedia maklum dalam tahun 2006, kita telah menyaksikan harga minyak dunia telah mencapai paras tertinggi pada kadar melebihi US\$78.00 setong pada bulan Julai 2006. Perkembangan ini berpunca sebahagian besarnya dari pergolakan politik dunia, serta kedudukan inventori minyak yang meningkat di negara pengguna terbesar dunia. Walau bagaimanapun, dalam tahun yang sama, iaitu kira-kira 2 bulan selepas mencapai paras tertinggi tersebut, kita juga telah menyaksikan harga minyak dunia ini telah jatuh secara mendadak, sehingga mencapai paras kira-kira US\$52.00 setong, iaitu harga terendah dalam tempoh 2 tahun. Kejatuhan harga minyak ini juga, telah diiringi oleh kejatuhan nilai matawang Amerika Syarikat, yang setentunya, akan lebih menjejaskan lagi pendapatan negara

dalam nilai matawang tempatan. Perubahan ini, yang berlaku dalam satu tempoh yang agak singkat, telah memperlihatkan mengenai *volatility* (turun naiknya) harga pasaran minyak dunia dan kesannya kepada pendapatan negara yang banyak bergantung kepada pendapatan dari sektor ini. Perkembangan ini, memberikan gambaran jelas, betapa usaha-usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi negara perlu diberi tumpuan utama; pengukuhan sektor swasta dipercepatkan, dan usaha-usaha untuk meluaskan asas ekonomi dan pendapatan negara perlu dipergiatkan lagi, dari sekarang.

5. Kita amat bersyukur, bahawa dalam tahun 2006, kita juga telah menyaksikan sektor bukan minyak dan gas telah mencatatkan pertumbuhan yang

agak menggalakkan yang dijangka mencapai 4.3%. Seperti yang dilaporkan oleh Asian Development Bank dalam Key Indicators bagi tahun 2006, pertumbuhan sektor bukan minyak dan gas pada tahun 2005 telah dipelopori oleh beberapa sektor utama seperti sektor Pertanian; sektor Kewangan dan Perbankan; Pengangkutan dan Perhubungan dan Perdagangan. Oleh itu, pertumbuhan bagi tahun 2006 juga dijangka akan terus diterajui oleh sektor-sektor berkenaan terutamanya dalam sektor pertanian dan perikanan, sektor pembinaan dan sektor perkhidmatan perdagangan (*business services*). Pencapaian keseluruhannya, walaupun agak sederhana, sedikit sebanyak menandakan, bahawa usaha negara dalam mempelbagaikan ekonomi, telah bergerak ke hala yang dihasratkan.

6. Dalam aspek fiskal pula, dengan harga minyak yang agak tinggi pada tahun 2006, alhamdulillah negara telah dapat meningkatkan simpanan dan pelaburannya. Dalam pada itu, Kerajaan dalam waktu yang sama amat peka terhadap kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini, terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Ke arah itulah, dengan limpah kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pegawai dan kakitangan Kerajaan telah menikmati kenaikan matagaji khas berkuatkuasa mulai 15 Julai 2006 sebagai menghargai sumbangan mereka, khususnya yang di peringkat rendah, dalam meningkatkan tahap perkhidmatan awam. Pengurniaan ini, yang melibatkan pertambahan

perbelanjaan Kerajaan sebanyak kira-kira \$160 juta setahun, tidaklah melibatkan gaji kakitangan yang baru bagi tidak menjejaskan pengambilan kakitangan di sektor swasta. Begitu juga pengurniaan kenaikan kadar-kadar pencen umur tua dan elaun-elaun yang dibayar di bawah Akta Pencen Tua dan Hilang Keupayaan (Penggaj 18), adalah semata-mata bagi meringankan lagi perbelanjaan saraan hidup mereka. Pada waktu yang sama pengurniaan tersebut juga setentunya akan dapat meningkatkan lagi permintaan domestik dan membantu merangsang aktiviti ekonomi negara, di samping akan dapat juga menambah *option* bagi orang ramai untuk meningkatkan simpanan melalui perancangan kewangan yang lebih berhemat, bagi kehidupan masa depan yang lebih berperancangan.

Yang Dipertua Dewan,

7. Di bidang monetari pula, penggabungan 2 buah bank Islam tempatan menjadi sebuah bank terbesar di negara ini merupakan satu *milestone* penting dalam sektor perbankan Islam di negara ini. Begitu juga bertambahnya syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah International Business Companies Order 2000 dan pemberian lesen-lesen bagi penasihat pelaburan kepada beberapa bank-bank terkemuka di rantau ini dan antarabangsa, di bawah Brunei International Financial Centre (BIFC); menunjukkan keyakinan institusi kewangan antarabangsa ke atas ekonomi Negara Brunei Darussalam dan bertindak sebagai pemangkin dalam usaha meningkatkan suasana kondusif untuk menarik lebih banyak

Pelaburan Asing Langsung ke negara ini. Dalam jangka pendek, pertumbuhan berkenaan dijangka akan dapat memudah cara pemindahan kemahiran dan teknologi (*skill and technology transfer*) serta membukakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dalam bidang Pengurusan Aset, manakala dalam jangka masa panjang pula ianya akan dapat menambah lagi pengeluaran produk-produk berlandaskan syari'ah dengan hasrat menjadikan Negara Brunei Darussalam ini sebagai Pusat Kewangan Dana Islam yang inovatif dan dinamik di pasaran antarabangsa, insya Allah.

8. Begitu juga inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerbitkan Sukuk Al-Ijarah Kerajaan pada bulan Mac 2006 yang mana dihasratkan sebagai usaha

awal untuk memajukan pasaran modal (*capital market*) dinegara ini. Alhamdulillah, setakat ini, penerbitan secara berperingkat-peringkat yang telah mencapai B\$660 juta, telah mendapat sambutan dan penerimaan yang amat menggalakkan daripada institusi kewangan dalam negara. Seperti yang diharapkan, beberapa syarikat utama di negara ini juga telah berjaya menerbitkan Sukuk Al-Ijarah mereka yang mana penerbitan ini telah dapat melibatkan penyertaan orang ramai. Perkembangan ini adalah satu pencapaian yang menggalakkan dalam menambah produk kewangan Islam yang dapat ditawarkan kepada institusi-institusi dan orang ramai dan dapat menggalakkan budaya menyimpan di kalangan masyarakat di negara ini.

9. Dalam aspek perubahan struktural (*structural reform*) pula, langkah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia memperbadankan Jabatan Telekom menjadi Telekom Brunei Berhad (Telbru) pada 1 April 2006, telah meningkatkan lagi tahap perkhidmatan dan Mengembang majukan sektor telekomunikasi di negara ini selaras dengan perkembangan sektor telekomunikasi antarabangsa. Begitu juga usaha-usaha Kerajaan dalam meningkatkan keupayaan sektor swasta khususnya bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) seperti antara lainnya dengan penubuhan Lembaga Pelancongan untuk memberi tumpuan kepada memajukan sektor pelancongan dan pengembaraan; mempromosikan Brunei Premium Halal Brand; mengadakan projek *incubation* bagi perusahaan-perusahaan baru bagi menggalakkan inovasi;

mempergiatkan pembangunan insan (*capacity building*) bagi meningkatkan produktiviti pekerja; memperbaiki proses bagi perniagaan dan perusahaan untuk bermula dan berkembang dengan tumpuan kepada dasar-dasar pro-business dan pro-investment; peningkatan promosi produk-produk Brunei di luar negeri, sedikit sebanyak telah dapat membantu untuk menggiatkan sektor bukan minyak dan gas untuk berkembang maju dan meningkatkan sumbangan kepada Keluaran Kasar Dalam Negeri (KDNK).

ASAS DAN UNJURAN PENDAPATAN

Yang Dipertua Majlis,

10. Berdasarkan unjuran yang dikeluarkan oleh Dana Kewangan

Antarabangsa (IMF) dalam World Economic Outlook keluaran bulan September 2006, ekonomi dunia bagi tahun 2006 dijangka berkembang pada kadar 5.1%. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2007, ekonomi global diramal hanya akan tumbuh pada kadar 4.9% sahaja. Unjuran ini dibuat berasaskan jangkaan bahawa ekonomi-ekonomi utama dunia secara purata hanya akan berkembang pada kadar 3.1% yang diterajui oleh pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat yang dijangka akan berkembang pada kadar 3.4%; Eurozone 2.4%; United Kingdom dan Jepun masing-masing berkembang pada kadar 2.7%. Manakala pertumbuhan ekonomi Republik Rakyat China dan India dijangka akan terus pesat hingga masing-masing mencapai di antara 8% ke 10%. Pertumbuhan bagi negara-negara ASEAN 5 (Indonesia,

Malaysia, Philippines, Thailand dan Vietnam) juga diunjurkan akan terus berkembang pada kadar 5.7%.

11. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, memandangkan pendapatan negara masih lagi banyak bergantung kepada hasil minyak dan gas; turun naiknya harga minyak yang berterusan yang turut diiringi oleh kejatuhan nilai matawang dolar Amerika Syarikat, Kerajaan perlulah masih meneruskan dasar *fiscal consolidation* (pengukuhan kewangan) bagi tujuan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan negara agar berdaya tahan dalam menghadapi keadaan dunia yang sentiasa berubah dan sukar diramal, dan dalam waktu yang sama, agar negara akan dapat menikmati pertumbuhan

yang seimbang dan berterusan pada jangka masa panjang. Langkah ini adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa Mesyuarat Pertama sidang Majlis ini tahun lalu, di mana Baginda telah menitahkan **“janganlah kemakmuran menjadikan kita bersikap leka dan membazir, tetapi sebaliknya perlu sentiasa waspada dan berjimat”**.

12. Dari itu, mengambil kira *volatility* (turun naiknya) harga minyak dan gas, dan nilai pertukaran matawang yang sentiasa berubah, Anggaran Pendapatan Negara pada tahun kewangan 2007/2008 ini, telah dibuat berasaskan unjuran purata harga minyak dalam jangka panjang, iaitu mengambil kira keadaan pasaran harga minyak dunia yang stabil, yang tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran yang memberi tekanan dari segi pembekalan atau

permintaan dunia; tahap kapasiti pengeluaran (*production*) minyak dan gas negara terutama kos eksplorasi mencari gali yang semakin meningkat; di samping pertukaran matawang Brunei/Amerika Syarikat pada kadar yang munasabah. Dengan mengambil kira asas dan senario yang telah saya bentangkan tadi, insya Allah pendapatan Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2007/2008 dianggarkan berjumlah sebanyak **Lima Ribu Tujuh Ratus Enam Puluh Enam Juta, Tiga Ratus Empat Puluh Ribu, Seratus Ringgit Brunei [B\$5,766,340,100.00]**, yang mana kira-kira \$5,167.00 juta (89.7%) adalah dari Sektor Minyak dan Gas, \$100 juta dari sektor bukan minyak dan selebihnya \$499.34 juta dari perkhidmatan Kerajaan.

Dalam usaha untuk memelihara pendapatan Kerajaan agar ianya mampu untuk membiayai pembangunan negara secara berterusan, agensi-agensi Kerajaan juga telah disarankan untuk menjimatkan perbelanjaan dengan mengelak daripada duplikasi dan pembaziran di dalam melaksanakan projek-projek atau pembelian mereka; dan pada masa yang sama untuk mengutip hasil Kerajaan dengan efisien, sistematik dan dalam tempoh yang ditetapkan (*timely*), dan mengurangkan tunggakan kepada Kerajaan yang melebihi ratusan juta. Dalam hal ini, kerjasama orang ramai dan pihak pengguna juga dipohonkan agar membuat pembayaran terhadap tuntutan-tuntutan bagi perkhidmatan Kerajaan dengan segera dan mengelak daripada ianya menjadi tunggakan yang membebbankan supaya akan membantu pihak

Kerajaan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan yang diberikan dengan hasil kutipan daripada perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

OBJEKTIF DAN STRATEGI

BELANJAWAN

Yang Dipertua Majlis,

13. Sebagaimana yang pernah saya tekankan dalam sesi Majlis ini di tahun yang lepas, instrumen belanjawan berserta langkah-langkah monetari, adalah salah satu elemen penting ke arah menjana pertumbuhan ekonomi yang *sustainable*, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi negara yang bersifat "*public sector driven*"; di mana sektor swastanya, yang kira-kira 90% terdiri daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana, masih belum begitu kukuh dan masih banyak bergantung kepada suntikan Kerajaan dalam menjana pendapatan dan

mengembangluaskan aktiviti-aktivitinya. Dalam pada itu, kita juga menyedari bahawa Negara Brunei Darussalam mempunyai kekuatan (*strength*) tersendiri yang boleh digunakan sebagai kelebihan (*advantage*) di dalam merangsang aktiviti ekonominya dan sekaligus menarik pelaburan langsung asing ke negara ini. *Comparative advantage* tersebut antara lainnya termasuk kestabilan politik dan kekukuhan kewangannya; negara yang aman dan selamat alhamdulillah, penduduk dan tenaga kerja yang berpendidikan, produktif dan *multi-lingual*; kemudahan-kemudahan asas seperti perumahan dan kesihatan yang tinggi; infrastruktur-infrastruktur yang berkualiti termasuk sistem jalan raya dan sistem komunikasi yang moden dan terkini; dan dasar Kerajaan yang mendokong aktiviti-aktiviti perekonomiannya (pro-business dan

pro-investment). Ke arah itulah, dalam belanjawan pada tahun ini, tumpuan kita bukan sahaja akan diuruskan pada memelihara keamanan, kesejahteraan dan taraf hidup rakyat; malahan usaha juga akan dipergiatkan untuk memanfaatkan (*capitalise*) kekuatan-kekuatan yang ada untuk merangsang lebih banyak kegiatan ekonomi terutamanya dalam usaha mengukuhkan sektor swasta supaya ianya akan berperanan selaku penggerak kepada ekonomi negara (*engine of growth*).

14. Usaha ini adalah selaras (*consistent*) dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang baginda titahkan bersempena dengan Awal Tahun Baru Masihi 2007 yang baru lalu,

yang antarlain baginda menitahkan agar “..... **pihak swasta supaya lebih merentas sempadan dan meneroka peluang-peluang pasaran yang lebih besar dan luas, yang bermakna, pihak swasta, perlu lebih berdaya-saing dan dinamik....**”. Baginda juga menitahkan supaya Perkhidmatan Awam “.....**berperanan bukan setakat menyediakan perkhidmatan, tetapi juga selaku pemudah-cara pembangunan negara dan supaya Perkhidmatan Awam akan sentiasa mesra pelanggan, terutama sekali untuk membolehkan pihak swasta memainkan peranan lebih aktif di dalam memajukan ekonomi negara**”.

15. Dalam usaha merealisasikan perkara ini, Kerajaan perlu melaksanakan perancangan yang teratur, agar di dalam membuat

setiap perbelanjaan, kita akan meneliti dan mengenalpasti isu-isu berkaitan serta mengukur kesan dan hasil daripada pelaksanaan sesuatu projek tersebut kepada *stakeholder* terutama orang ramai. Ini adalah bertujuan untuk memastikan agar setiap projek yang dirancang dan dilaksanakan adalah berdasarkan keutamaan dan keperluan; dan dapat mencapai objektif yang dihasratkan dengan berkesan bagi kesejahteraan rakyat dan juga pembangunan negara. Perkara ini adalah selaras jua dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa membuka rasmi Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun ini yang mana baginda “ .. **berharap semua agensi Kerajaan yang diamanahkan dengan peruntukan kewangan, akan dapat mengawalinya dengan**

penuh accountability serta menggunakannya menurut perancangan”. Kerana dengan adanya perancangan sebegini, ianya akan dapat membantu Kerajaan untuk berhemat dalam perbelanjaannya; dan dalam waktu yang sama dapat menumpukan usaha ke arah melaksanakan program/projek yang boleh meningkatkan sosio ekonomi rakyat dan penduduknya.

16. Peningkatan sosio-ekonomi ini adalah merupakan salah satu elemen penting dalam mengukur kejayaan perancangan belanjawan negara. Sehingga kini, belanjawan negara terus menyediakan pelbagai peruntukan yang bertujuan memberikan manfaat dan kemudahan kepada rakyat dan penduduk di negara ini di semua peringkat sama ada di bandar mahupun di kawasan pendalaman.

Di antaranya termasuklah kemudahan pendidikan sehingga melanjutkan pelajaran di peringkat tertinggi samada di dalam mahupun di luar negeri; perkhidmatan perubatan moden dan terkini; bayaran perkhidmatan asas yang rendah seperti elektrik dan air; skim perumahan dan perpindahan; harga petrol dan keperluan asasi yang dikawal dan berbagai lagi yang mana, semua kemudahan ini disediakan adalah untuk dinikmati dan dimanfaatkan oleh seluruh rakyat dan penduduk di negara ini tanpa mengira peringkat.

17. Kita bersyukur kerana dengan kadar pendapatan yang ada pada masa ini, Kerajaan masih terus mampu untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan tersebut. Walau bagaimanapun bagi membolehkan

kemudahan seperti ini dipelihara dan insya Allah akan berterusan dinikmati bukan sahaja oleh generasi masa kini, akan tetapi juga oleh generasi yang akan datang, kita perlulah mengelak daripada menggunakan kemudahan ini secara boros yang boleh menjurus kepada pembaziran, misalnya seperti penggunaan minyak kenderaan, tenaga elektrik dan bekalan air secara berlebihan. Sebagai contoh, bagi mengawal harga minyak kenderaan di stesen-stesen minyak tempatan, Kerajaan perlu menghulurkan subsidi sejumlah \$72.3 juta pada tahun kewangan 2004/2005; \$166.9 juta pada tahun kewangan 2005/2006; dan dianggarkan lebih daripada \$200 juta bagi tahun kewangan 2006/2007. Jika perbelanjaan-perbelanjaan seperti ini dapat diijimatkan, pendapatan tambahan ini setentunya boleh digunakan untuk dimanfaatkan bagi

membina lebih banyak projek-projek kesejahteraan rakyat dan meningkatkan lagi tahap perkhidmatan-perkhidmatan lain misalnya dalam bidang perkhidmatan pendidikan dan kesihatan yang boleh diuruskan bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah.

**ANGGARAN PERBELANJAAN
PERBEKALAN TAHUN
2007/2008**

Yang Dipertua Majlis,

18. Berasaskan faktor-faktor inilah, anggaran jumlah Perbelanjaan biasa bagi Tahun 2007/2008 termasuk bagi peruntukan Kumpulanwang Kemajuan dicadangkan sebanyak **Empat Ribu Enam Ratus Tiga Puloh Satu Juta, Empat Belas Ribu Enam Ratus Tujoh Puloh Tiga Ringgit Brunei**

(B\$4,631,014,673.00). Mengambil kira akan pentingnya perancangan belanjawan yang terarah menurut keutamaan dan keperluan, dengan berdasarkan kepada wawasan, objektif dan perancangan strategik yang dirancang oleh setiap kementerian-kementerian, fokus utama belanjawan tahun 2007/08 telah ditumpukan kepada beberapa sektor utama yang mana akan menjurus kepada perkara-perkara berikut:

- 18.1 Keselamatan dan keamanan negara;
- 18.2 Pengukuhan sektor swasta dan perkembangan ekonomi sektor bukan minyak;
- 18.3 Pembangunan Sumber Tenaga Manusia (Human Resource Development), Pembangunan Insan

(*Capacity Building*) dan
Perkembangan Belia;

18.4 Pembangunan Infrasktruktur
dan Kemudahan Awam; dan

18.5 Public Awareness
Program.

FOKUS UTAMA BELANJAWAN

Keselamatan dan Keamanan Negara

19. Keselamatan dan pertahanan negara adalah asas bagi negara memelihara keamanan, kestabilan dan kesejahteraan secara berterusan. Ianya adalah sebagai nadi penggerak yang membolehkan aktiviti-aktiviti seharian berjalan dengan lancar dan menjadi pra syarat (*pre-requisite*) dalam

memberikan keyakinan dan menarik pelaburan asing langsung (*Foreign Direct Investment*) ke negara ini.

Bagi Tahun Kewangan 2007/2008, sejumlah \$1,254 juta (23.67%) telah dicadangkan bagi kategori ini. Sebagai tambahan kepada peruntukan yang ditetapkan untuk agensi - agensi berkenaan, peruntukan tambahan khusus bagi sektor ini berjumlah \$15 juta, juga telah disediakan secara berasingan jika diperlukan. Peruntukkan bagi Sektor ini bukan sahaja terhad kepada keselamatan secara fizikal malahan meliputi usaha-usaha untuk menangani aktiviti-aktiviti anti sosial seperti penagihan dadah, perbuatan-perbuatan jenayah, merosak kemudahan-kemudahan awam dan lain-lain.

**Penguuhan Sektor Swasta dan
perkembangan ekonomi sektor
bukan minyak**

20. Seperti yang telah saya nyatakan tadi, ekonomi negara masih bersifat *public sector driven* yang masih memerlukan bantuan Kerajaan untuk perkembangan dan pengukuhanannya. Dengan sumber pendapatan yang terhad yang masih banyak berharap kepada sektor minyak dan gas, penggantungan kepada projek-projek Kerajaan sebagai penjana pertumbuhan ekonomi mungkin tidak dapat diteruskan sepenuhnya dalam jangkamasa panjang. Ke arah itulah, usaha bagi mengukuhkan sektor swasta ini perlu kita pergiatkan dan dipercepatkan bukan sahaja bagi meluaskan asas ekonomi malahan asas pendapatan negara kerana bantuan yang tidak berkesudahan

mungkin sukar untuk diteruskan dalam jangka masa panjang apabila simpanan dan pengeluaran minyak negara semakin lupus.

21. Ke arah itulah, sebagai usaha untuk meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam menggerakkan ekonomi Negara, beberapa peruntukan yang dicadangkan adalah bertujuan agar agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan akan dapat menggiatkan lagi program-program dan projek-projek bersesuaian yang menjurus kepada penguuhan sektor swasta, antara lainnya termasuklah untuk:

- i. Melaksanakan program-program, seperti mengadakan promosi-promosi yang berkesan ke atas perusahaan di negara ini yang dikenal pasti berpotensi untuk dimajukan dan

- diperkembangluaskan ke pasaran antarabangsa; mengadakan kajian ke atas peraturan-peraturan atau undang-undang mahupun proses yang berjalan pada masa ini yang dianggap sebagai *barrier* ataupun penghalang dan bagi meningkatkan *facilitation* (pemudahcara) kepada perusahaan dan pelaburan samada dari dalam negeri atau luar negeri;
- ii. Melaksanakan program-program keusahawanan (*entrepreneurship*), khususnya bagi Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS atau SME), agar perniagaan mereka akan dapat diperkembangkan dan berdaya maju khususnya dengan meningkatkan keupayaan dalam bidang
 - pengurusan perniagaan termasuk dari segi penyediaan *Business Plan* dan *financial planning*; *financing strategies*; *Incubation Program*; dan sebagainya;
 - iii. Membantu sektor swasta di dalam industri-industri tertentu seperti perusahaan, pertanian, perikanan, *food processing*, *distribution* dan logistik, perubatan dan kesihatan, *biotech*, pelancongan dan jua industri sokongan seperti *packaging*, *supplying* dan *marketing* dengan memberi penekanan kepada *quality product* bagi tujuan '*branding*' agar ianya menjuruskan syarikat-syarikat kepada lebih '*export oriented*';
 - iv. Merangka dan melaksanakan program promosi pelaburan bagi

menarik *Multinational Corporations (MNCs)* untuk melabur di negara ini melalui pelbagai insentif pelaburan yang kompetitif, bukan sahaja bertujuan untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) ke negara ini, tetapi juga agar kesan limpahan (*spin-off effect*) daripada aktiviti syarikat ini akan dapat menawarkan lebih banyak peluang perniagaan kepada PKS atau SME di negara ini untuk mendokong perniagaan mereka;

- v. Melaksanakan dan merealisasikan program Satu Mukim Satu Produk bagi menggalakkan kegiatan ekonomi di peringkat mukim yang mana difikirkan bukan sahaja boleh membawa kesepaduan di kalangan

penduduk-penduduk mukim malah juga dapat menangani masalah sosial di kalangan belia yang tidak bekerja;

Selain daripada itu, kementerian dan jabatan juga digalakkan untuk menambah peluang perniagaan kepada SME dengan mengenalpasti mana-mana aktiviti Jabatan yang dapat dilaksanakan melalui '*outsourcing*'. Cara ini, bukan sahaja akan dapat meningkatkan lagi kegiatan ekonomi negara secara menyeluruh serta membantu mengukuhkan sektor swasta di negara ini, tetapi juga akan dapat meningkatkan efisiensi jabatan dan membantu mengurangkan saiz perkhidmatan awam dalam jangka panjang.

22. Dalam pada itu, pelaksanaan projek-projek yang berbentuk *capital expenditure* juga dirancang dengan memberikan keutamaan kepada projek-projek yang menjurus kepada *pro-growth*, seperti menyediakan infrastruktur-infrastruktur penting bagi mendokong usaha Kerajaan dalam mempelbagaikan sumber ekonomi negara; meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat; dan peningkatan pembangunan tenaga manusia serta *capacity building*. Pihak Kerajaan juga melalui beberapa agensinya, sedang dan akan mengungkahkan beberapa projek untuk membantu membimbing usahawan dan belia-belia untuk lebih inovatif dan kreatif dalam menerokai peluang-peluang perniagaan bukan sahaja di negara ini malahan di luar negeri.

23. Mengambil kira akan faktor-faktor di atas, belanjawan tahun 2007/2008 akan memperuntukkan sejumlah \$138.4 juta bagi agensi-agensi yang berkait langsung dengan memajukan perusahaan di negara ini di bawah perbelanjaan tahunan dan \$67.6 juta di bawah Rancangan Kemajuan Negara. Antara peruntukan yang dicadangkan, termasuklah bagi aktiviti-aktiviti mempromosikan produk - produk tempatan; menyediakan peruntukan bagi perlantikan pakar-pakar bagi membantu beberapa sektor khusus seperti penternakan udang, Brunei Premium Halal Brand, serta sejumlah \$30 juta peruntukan bagi membiayai projek atau program yang berkaitan dengan pengukuhan sektor swasta. Dengan peruntukan ini, ianya insya Allah, akan menjadi pemangkin kepada meningkatkan ekonomi negara dan dalam waktu

yang sama diharap akan dapat meningkatkan keupayaan sektor swasta untuk bersaing dan berkembang.

24. Projek-projek yang dinyatakan ini adalah sebagai tambahan kepada pelbagai inisiatif yang telahpun dirancang dan dilaksanakan bagi membantu sektor ini, terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Berdasarkan catitan, berbagai skim telahpun diperkenalkan dan dilaksanakan dari masa ke semasa bagi membantu perkembangan sektor swasta. Walau bagaimanapun, rekod pencapaian bagi skim-skim bantuan kepada pengusaha-pengusaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan setakat ini, belumlah lagi mencapai tahap yang diharapkan, kerana hanya sebilangan kecil

pengusaha-pengusaha ini didapati berjaya manakala yang lainnya banyak yang menemui kegagalan. Daripada rekod-rekod tersebut, masalah kekurangan modal nampaknya bukanlah punca utama kegagalan di dalam bidang perniagaan, tetapi ianya lebih menjurus kepada kurangnya kemahiran pengurusan kewangan dan pengetahuan dari segi teknikal, pemasaran (*marketing*) dan pengurusan perniagaan yang bakal diceburi.

HRD, Capacity Building dan Perkembangan Belia

25. Menyedari perkara ini, Pembangunan Sumber Tenaga Manusia (HRD) dan Pembangunan Insan (*Capacity Building*) telah dijadikan salah satu fokus utama dalam belanjawan negara bagi Tahun Kewangan 2007/2008 di

mana dalam menggalakkan daya keusahawanan (*entrepreneurship*) khususnya di kalangan para belia, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan memberikan lebih tumpuan kepada meningkatkan pengetahuan, kemahiran, inovasi dan juga daya cipta (*invention*). Bagi tujuan ini, beberapa peruntukan khusus akan disediakan bagi tahun 2007/2008 antara lainnya bagi mempromosikan dan menggalakkan aktiviti *Research and Development* (R & D) di negara ini di mana \$10 juta telah diperuntukkan bagi tujuan ini bagi membolehkan negara turut bersaing di dalam bidang kreativiti dan berinovasi; memperbanyakkan penglibatan serta meningkatkan pencapaian murid-murid dalam matapelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris; dan meneliti program-program bagi

meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para belia bagi menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan.

26. Dalam pada itu, peruntukan bagi dana-dana untuk biasiswa dan keperluan-keperluan pembelajaran dan peningkatan kepakaran juga berterusan disediakan di bawah Rancangan Kemajuan Negara. Dalam sektor ini, peruntukan berjumlah \$986.7 juta telah dicadangkan khusus bagi Pendidikan, Perkembangan Sumber Tenaga Manusia (HRD) dan Capacity Building. Antara perbelanjaan utama yang dirancang di bawah kategori ini termasuklah pembinaan Sekolah Vokasional, Sekolah-sekolah menengah dan rendah, meningkatkan peralatan pembelajaran termasuklah projek-projek e-Pelajaran yang akan membawa pendidikan di negara ini

ke era digital, dan juga mengukuhkan pencapaian dalam matapelajaran-matapelajaran utama.

Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam

27. Seperti jua pada tahun-tahun yang sudah, Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2007/2008 turut memberikan tumpuan kepada pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam. Alhamdulillah, dengan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa prihatin dan mengutamakan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini, Kerajaan telah terus dapat meningkatkan taraf infrastruktur

nya dan kemudahan awamnya agar sebanding dengan negara-negara maju. Kemudahan-kemudahan jalan raya, bekalan air dan elektrik, telefon, tempat-tempat riadah dan bangunan awam seperti Pusat-pusat Kesihatan, bukan sahaja dinikmati oleh penduduk di kawasan bandar malahan jua turut dirasai oleh penduduk-penduduk di kawasan pendalaman. Mengikut statistik Jabatan Perkhidmatan Elektrik 99% dari penduduk negara ini menerima bekalan elektrik berterusan dan Jabatan Perkhidmatan Air juga mencatatkan pencapaian yang serupa bagi bekalan air bersih. *Land lines* dan telefon bimbit juga dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Namun demikian, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menambahbaik keperluan asas ini untuk faedah rakyat dan penduduk di negara ini.

28. Ke arah itu, dalam Belanjawan 2007/2008, sejumlah \$785.4 juta telah diperuntukkan bagi sektor binaan dan kemudahan awam. Di antara projek-projek yang sedang dilaksanakan ialah pembinaan sebuah Janakuasa Elektrik baru yang mampu menjana tenaga 114 Mega Watt yang mana projek berkenaan insya-Allah akan disiapkan pada tahun 2007 ini. Pembinaan Perumahan Awam diperuntukkan sejumlah \$106 juta dengan Harga Rancangan sebanyak \$473.5 juta bagi pembinaan perumahan di seluruh negara bagi menampung keperluan rakyat dan penduduk di negara ini, seperti Skim Perpindahan dan Perumahan di Kampong Rimba; Kampong Meragang; Kampong Bukit Beruang; Kampong Rataie; Sungai Liang/Lumut; Kampong Lorong

Tengah Seria dan lain-lain. Selain daripada itu, usaha-usaha pembaikan kepada kemudahan-kemudahan dan infrastruktur-infrastruktur yang sedia ada juga sedang dan akan dilaksanakan misalnya pembaikan Jalan Tutong - Seria; pembinaan Jalan Telisai - Lumut Peringkat III yang menelan belanja melebihi \$50 juta; mengganti paip utama di Bukit Udal, Mukim Labu dan Rangkaian Paip Pembahagian di Daerah Tutong dan Brunei Muara; projek-projek Pencegahan Banjir di Kampong Ban/Mulaut; Kampong Lamunin; dan Pekan Seria yang kesemuanya menelan belanja kira-kira lebih daripada \$25 juta; Projek-projek Sistem Pertahanan Banjir Temburong Fasa 1, Pembaikan Sistem Saliran di Pekan Tutong; dan Pembaikan Sungai Ukong dan Sungai Bakong di Kampong Lumut yang dianggarkan menelan belanja

lebih kurang \$23 juta dan berbagai lagi projek-projek yang sedang dan akan diungkayahkan oleh Kerajaan.

Public Awareness Program

29. Dalam memberikan kesedaran kepada orang ramai secara bersepadu dengan mengambil kira aspek-aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar seperti isu-isu kesihatan awam dengan tujuan untuk mencapai tahap kesihatan yang lebih baik, alam sekitar yang bersih lagi *sustainable*, usaha berjimat cermat dan mengubah cara pemikiran dari *consumer society* kepada *producer society*, peruntukan baru juga dicadangkan di bawah tajuk *Public Awareness Program*. Peruntukan ini adalah dihasratkan untuk dapat digunakan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang boleh

meningkatkan lagi kesedaran ataupun pembelajaran kepada orang ramai terhadap isu-isu di atas seperti pengurusan dan perancangan kewangan; pencegahan penyalahgunaan dadah dan tabiat merokok; cara hidup yang sihat; penggunaan air dan tenaga elektrik secara berhemat dan efisien; kitar semula (*recycle*) dan lain-lain. Usaha ini insya Allah, dalam jangka masa panjang akan dapat mengurangkan perbelanjaan Kerajaan dari segi kos sosial (seperti *financially dependent* kepada bantuan Kerajaan), penjimatan kos perkhidmatan perubatan; pembinaan dan pengurusan pusat pemuliharaan manakala dari segi penggunaan air dan elektrik yang efisien bukan saja akan dapat membantu menjimatkan perbelanjaan malah akan juga dapat membolehkan kedua-dua sumber berkenaan untuk dinikmati oleh generasi yang akan datang.

Mengambil kira kepada perkara-perkara di atas, peruntukan sejumlah \$5 juta adalah dicadangkan untuk disediakan sebagai tambahan kepada peruntukan yang telah disediakan kepada agensi-agensi yang berkenaan. Adalah juga diharapkan dengan adanya peruntukan ini, agensi-agensi dan kementerian/jabatan yang berlainan akan dapat melaksanakan sesuatu program secara teratur dan bersepadu.

RUMUSAN DAN UNJURAN PERTUMBUHAN 2007

Yang Dipertua Dewan,

30. Kita menyedari, dalam melaksanakan rancangan-rancangan yang telah diaturkan, perlulah jua kita berbelanja mengikut kemampuan dan

keupayaan pelaksanaan, di samping mengamalkan sikap berjimat-cermat dan mengelakkan sebarang pembaziran. Rancangan-rancangan secara ringkas yang telah disebutkan, sememangnya menghendaki peruntukan kewangan yang banyak walau bagaimanapun, melalui perancangan yang teratur dan pelaksanaan yang teliti ianya setentunya akan dapat memberikan lebih banyak manfaat kepada negara serta rakyat dan penduduk di negara ini, selaras jua dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang baginda titahkan Sempena Tahun Baru Masihi 2000 yang berbunyi "**Di alaf yang baru ini, kita inginkan Brunei Darussalam yang aman dan makmur, sentiasa mendapat perlindungan serta rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala**". Kita menjangkakan dengan perbelanjaan yang kita libatkan ini, negara dijangka akan

mencatatkan pertumbuhan antara 2.6% - 3%, insya Allah. Pertumbuhan ini, walaupun sederhana dan menurun dari tahun 2006 yang disebabkan oleh kesan daripada kejatuhan harga minyak dan nilai matawang dolar Amerika Syarikat, namun demikian kita juga menjangkakan bahawa pertumbuhan ekonomi negara ini akan terus diterajui oleh sektor bukan minyak seperti ditahun-tahun 2005 dan 2006. Oleh itu adalah penting supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan dihadapan kita ini disokong untuk dijadikan satu Undang - Undang Perbekalan Negara yang dikeluarkan daripada Peruntukan Kumpulanwang yang Disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu sepanjang Tahun 2007/2008. Maka saya memohon supaya undang-undang ini diluluskan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan: Yang Dipertua Dewan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyokong usul yang telahpun dikemukakan sahabat saya di sebelah sini baru-baru tadi.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membolehkan Ahli-Ahli Yang Berhormat meneliti cadangan keterangan-keterangan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua (II), saya tangguhkan majlis ini sehingga hari esok, jam 9.30 pagi. Sekian.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC)**Rabu, 17 Safar 1428 / 7 Mac 2007****YANG DIPERTUA DEWAN DAN
AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM****YANG HADIR:****YANG DIPERTUA DEWAN**

Yang Amat Mulia,
Pengiran Indera Mahkota Pengiran
Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni
Al-Marhum Pengiran Bendahara
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin,
PSLJ., SPMB., POAS., PHBS., PJK.,
PKL.,
Yang Dipertua Dewan,

AHLI RASMI KERANA JAWATAN:

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-
Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri
Pertahanan dan Menteri Kewangan,
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanul
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
DKMB., DPKT., King Abdul Aziz
Ribbon, First Class (Saudi Arabia),
Medal of Honour (Lao)., Order of
Lakandula with the Rank of Grand
Cross (Philippines)., PHBS.,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana
Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana
Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato
Seri Setia Haji Awang Abdul
Rahman bin Dato Setia Haji
Mohamed Taib, PSNB., SLJ.,
PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji
Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin,
DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PJK.,
PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji
Ahmad bin Haji Jumat,
PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-
Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato
Seri Setia Awang Haji Yahya bin
Begawan Mudim Dato Paduka Haji
Bakar, PSNB., SPMB., DSNB., PJK.,
PIKB., PKL.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy)
di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato
Seri Setia Haji Abdul Rahman bin
Haji Ibrahim,
PSNB., DPMB., PIKB., PKL.,
Menteri Kewangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa
Dato Seri Setia Awang Lim Jock
Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI YANG DILANTIK
(ORANG-ORANG BERGELAR):**

Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran
(Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran
Haji Abdul Rahim,
DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS.,
PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Amat Mulia,
Pengiran Dipa Negara Laila Diraja
Pengiran Haji Abdul Momin bin
Pengiran Haji Ismail, DK., DSNB.,
DPMB., POAS., PHBS., PBLI., PJK.,
PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B)
Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd.
Yasmin bin Haji Umar, SPMB.,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI DILANTIK (ORANG-ORANG
YANG TELAH MENCAPAI
KECEMERLANGAN) :**

Yang Berhormat,
Pengiran Dato Paduka Haji Damit
bin Pengiran Haji Sunggoh,
DPMB., PHBS., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato
Paduka Awang Goh King Chin,
DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji
Othman bin Uking,
SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Idris bin
Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,
PSB.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin
Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin,
DPMB., SLJ., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin
Mohd Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK DARI
DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat,
Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin
Awang Haji Ibrahim,
SMB., PJK., PKL.,
Pengkulu Mukim Kota Batu,
Negara Brunei Darussalam .

Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor,
PSB., PKL.,
Pengkulu Mukim Lumapas,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji
Muhammad Taha bin Abd. Rauf,
SMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Pengkulu Mukim Keriam,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd Shafie bin
Ahmad,
Ketua Kampong Lumut 1,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,
Ketua Kampong Belingos,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya
Dato Paduka Awang Haji Judin bin
Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS.,
PBLI., PJK.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

TURUT HADIR:

Dayang Rose Aminah binti Haji
Ismail,
Penolong Jurutulis,
Negara Brunei Darussalam.

Majlis mula bersidang jam 9.30

pagi

Jurutulis: Persidangan Mesyuarat
Pertama dari Musim
Permesyuaratan Ketiga Majlis
Mesyuarat Negara disambung
semula dengan mendahului bacaan
Doa Selamat.

**Yang Dimuliakan Pehin Khatib
Haji Mustapa bin Haji Murad,
Imam Masjid Jame' Asr Hassanil
Bolkiah, Bandar Seri Begawan:**
Bacaan Doa Selamat.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli
Yang Berhormat saya sambung
mesyuarat yang ditangguhkan pada
hari semalam. Ahli-Ahli Yang
Berhormat semalam Yang
Berhormat Menteri Kewangan II
(Kedua) telah menghadapkan satu
Rang Undang-Undang yang bergelar
Satu Akta untuk membekalkan
sejumlah Wang Dari Kumpulanwang
Yang Disatukan bagi Perkhidmatan
Tahun Kewangan 2007/ 2008 dan
untuk memperuntukkan wang yang
tersebut bagi maksud-maksud
tertentu supaya ia dibaca bagi kali
Kedua dan ada sokongan, saya
bukakan majlis ini untuk perbahasan
menurut Undang-Undang mengikut
Peraturan 28 (2). Persilakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Belait: Bismillahir Rahmanir Rahim, Asalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Majlis Yang Berhormat sekalian, terlebih dahulu izinkan saya menyuarakan beberapa pandangan dan pendapat di atas cadangan Rang Undang-Undang bagi 2007 Perbekalan 2007/2008 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) pada tengahari semalam. Setelah saya amat-amati dan semak semalaman saya mendapati bahawa cadangan peruntukan pada tahun ini keseluruhannya kalau tidak semua bertambah dari tahun lepas.

Yang Berhormat Pehin Menteri Kewangan II (Kedua) telah menerangkan dengan memfokuskan beberapa projek utama seperti keselamatan yang

semestinya tidak dapat kita kompromikan, pembangunan sektor swasta dan keusahaan, pembangunan tenaga manusia, kemudahan awam, kesedaran orang awam dan beberapa lagi projek yang tidak sempat dicatit. Dalam hubungan ini, Yang Dipertua Dewan, saya merasa optimistik bahawa dengan adanya peruntukan tersebut segala projek yang telah dirancangan oleh pihak yang berkenaan akan dapat dijalankan mengikut jadual yang ditentukan. Dalam pada itu saya ingin menyuarakan di Dewan ini, iaitu mana-mana peraturan, agensi-agensi Kerajaan yang kurang mesra, yang menyulitkan pembangunan dan perkembangan rakyat dan negara, seperti terlalu banyak rektif-rektif hendaklah dikaji semula, tanpa menjejaskan dasar-dasar utama Kerajaan, transparankan peraturan-peraturan tersebut pada umum dan

dibantu dengan memberi kefahaman yang betul mengikut garis pandu TPOR masing-masing.

Saya menyedari bahawa tidak mudah dilaksanakan sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan di Majlis Perasmian semalam, walau bagaimana jika kita masing-masing memainkan peranan yang lebih positif ke arah yang lebih positif saya percaya hasrat murni Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu untuk dalam memelihara kepentingan rakyat akan tercapai dan juga akan menepati sesaran dalam hubungan ini. Yang Dipertua Dewan, saya tidak ragu-ragu dan rasa senang hati amat menyokong akan cadangan usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) itu. Sekian terima kasih.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli lain

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji

Ismail: Pengiran Yang Dipertua Dewan, sebelumnya peramba menyokong usul yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), peramba ingin mengetahui bahawa peruntukan tahunan bagi setiap kementerian pada dasarnya diberikan setelah diperbincangkan dengan secara tepat, terperinci dan seterusnya dipersetujui oleh kedua-dua Kementerian yang berkenaan.

1. Berapa peratuskah kenaikan Peruntukan bagi setiap Kementerian pada setiap tahun?
2. Berapa peratus yang diperuntukkan untuk Gaji

Kakitangan dan untuk
Pembangunan?

Walau macamapun, apa saja
jawabnya peramba menyokong
peruntukan yang dibentangkan oleh
Yang berhormat Menteri Kewangan
II (Kedua), dipersetujui, terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka
Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:**

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, salam sejahtera,
Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang
Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang
Berhormat, saya amat tertarik
dengan penerangan yang telah
disampaikan oleh Yang Berhormat
Menteri Kewangan II (Kedua)
petang kelmarin, bahawa Kerajaan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
dengan tidak kendur-kendurnya
telah memberikan kemudahan-
kemudahan infrastruktur yang
bermutu tinggi dan dengan kadar

yang berpatutan kepada rakyat,
persoalan yang ingin saya tanyakan
adalah tunggakan bayaran, saya
telah difahami bahawa infrastruktur
yang dibekalkan seperti air, letrik,
telefon dan sebagainya dan
barangkali juga pembayaran
perumahan dan projek-projek
Kemajuan Perumahan dan cukai
tanah. Bayaran tunggakan masih
banyak belum dijelaskan oleh orang
ramai dan termasuk pihak Kerajaan
sendiri, apakah tindakan pihak
Kementerian Kewangan mengenai
perkara ini, dan untuk menangani
hal ini. Terima kasih Yang Dipertua
Dewan.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli
lain lagi, silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya
Maha Bijaya Awang Haji Othman
bin Uking:** Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang

Dipertua Dewan serta Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, saya tertarik dengan ucapan usul dari Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), mengenai mewujudkan satu produk satu mukim bererti setiap mukim itu akan ada produknya dengan kewangannya sekali, selaras dengan perkembangan pertanian yang dilaksanakan iaitu perkumpulan peladang ataupun Pertanian Luar Bandar yang telah diwujudkan sejak 1990 yang lalu. Petani-petani telah diberi tanah untuk dimajukan setiap seorang dua ekar, kalau saya tidak silap, Daerah Tutong saja pun barangkali ada 500 ekar, peladang-peladang ataupun petani-petani diberi untuk mengusahakan tanaman buah-buahan di seluruh Daerah Tutong dan hingga kini telahpun berjalan barangkali hampir 15 tahun ataupun lebih, dan dijalankan di seluruh

daerah ataupun seluruh negara, sekarang ada di antaranya pokok buah-buah itu telahpun berbuah misalnya macam cempedak, tarap dan pengelaban yang mana pada peringkat umurnya, pokok-pokok buah ini mengeluarkan hasil dalam peringkat 3 tahun, ke 5 tahun sudah mendatangkan hasil. Jadi dengan usaha-usaha yang gigih yang dibentangkan oleh Menteri kelmarin, maka dapatlah petani-petani itu menghantar ataupun menjual barang-barang mereka.

Kalau sekiranya ada usaha-usaha untuk memproses barang-barang ini dijadikan makanan ataupun dari barang mentah dijadikan satu produk, sebab apa yang terdapat pada masa ini apabila musim buah terutama kali cempedak dan tarap boleh dikatakan melambak tidak laku. Yang Dipertua Dewan, sepanjang pengalaman saya tiga

tahun yang lepas satu biji satu ringgit pun orang tidak mau beli sebabnya semua orang terdapat. Ke manakah petani-petani ini akan menjual barang-barang ini?.

Apakah dibiarkan begitu saja? Kalau dibiarkan begitu saja bererti Kerajaan sudah rugi, rakyat pun rugi. Jadi apa yang banggakan ialah bentangan semalam mensyorkan supaya setiap mukim satu produk, insya-Allah barangkali masa akan datang kalau dapat dilaksanakan dengan segera petani tidak akan sia-sia dan Kerajaan pun tidak sia-sia, sebab buah-buah ini sepanjang yang saya ketahui atau pengalaman saya, halwa dan sebagainya jika diproses secara tradisi barangkali orang tua-tua dulu pernah membuat perkara ini.

Halwa umpamanya dibuat seperti kupal ia tahan bertahun-tahun

disimpan oleh orang dulu kerana dulu tidak ada *freezer*, tidak ada *ice-box*, jadi saya harap rancangan ini akan berjalan dan akan memberi manfaat kepada Kerajaan dan kepada rakyat terutama sekali kepada pengusaha-pengusaha ladang Kumpulan Luar Bandar, sekian Yang Dipertua Dewan terima kasih.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim, Daerah Brunei dan Muara:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wata'ala Wabarakatuh, Yang Dipertua Dewan serta Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), iaitu Akta yang digelar sebagai Akta Perbekalan 2007/2008, saya tidak merasa ragu-ragu untuk

memberikan sokongan sepenuhnya terhadap usul itu.

Sebelum itu ingin saya memberikan sedikit pandangan lanjutan daripada ucapan Yang Berhormat sahabat saya di sebelah sini iaitu mengenai cadangan satu produk satu mukim.

Ini adalah satu cadangan dan langkah yang amat baik, jika sekiranya benar-benar kita laksanakan dengan penuh hati-hati. Maka saya penuh percaya, satu produk satu mukim ini akan dapat berkembang menghasilkan sebagai satu jaminan kepada penduduk-penduduk mukim dan kampung bahkan secara tidak langsung akan dapat diberikan kepada anak-anak khususnya belia-belia kampung dan mukim-mukim.

Apa yang menarik perhatian saya, dalam memperkatakan satu produk

satu mukim ini kita hendaknya bukan saja memberi cadangan atau usul tanpa membuat penyelidikan dan kajian-kajian tertentu setakat mana satu produk dan satu mukim itu dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Kita amat tertarik jika sekiranya pihak-pihak yang berkenaan akan dapat menyediakan satu tapak khusus dan kemudahan-kemudahan serta latihan-latihan khusus untuk menyediakan satu produk satu mukim ini, ia bukan merupakan satu bimbingan atau pusat khusus untuk mukim dan kampung, tetapi berperanan akan menghasilkan apa-apa jua yang berupa produk cenderamata ataupun makanan.

Pada lazim cenderamata jika sekiranya kita dapat mengeluarkan hasil daripada produk mukim dan kampung ini, ianya akan dapat kita

sumbangkan sebagai satu cenderamata kepada pelawat-pelawat khususnya pembesar-pembesar negara yang melawat Negara Brunei Darussalam sebagai kenang-kenangan hasil daripada satu produk yang dikeluarkan oleh mukim dan kampung.

Tetapi perlu diingat, apabila siap produk yang dihasilkan oleh mukim dan kampung itu jaminan pihak tertentu untuk pemasaran hasil-hasil ini hendaklah juga difikirkan, jika sekiranya di Daerah Brunei dan Muara sahaja kita ada mempunyai 17 buah mukim. Ini bermakna 17 buah produk telah dihasilkan, ini belum termasuk lagi di Daerah Tutong, Temburong, Daerah Belait dan sebagainya.

Jaminan untuk pemasaran produk-produk yang dikeluarkan oleh pihak mukim dan kampung ini patutlah

juga diambil perhatian, di samping saya penuh berharap jika sekiranya ada satu badan atau ada satu pihak yang mengambil inisiatif yang khusus terhadap kemajuan serta perkembangan produk dan apa produk kampung dan mukim ini.

Jadi setakat itu Yang Dipertua Dewan yang dapat disampaikan insya-Allah saya akan kembali lagi. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Yang Dipertua Dewan, Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya ada dua soalan:

- 1) Seperti yang kita semua ketahui harga minyak tidak menentu perkara ini telahpun diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri

Kewangan II (Kedua) kelmarin. Dari \$52 dollar Amerika sampai ke \$78 dollar Amerika.

Dalam mengira Anggaran Hasil Tahun Kewangan 2007/2008, berapakah harga minyak satu tong ataupun 1 barel?.

- 2) Satu daripada sebab-sebab faktor yang utama syarikat dari luar melabur mendirikan kilang seperti *Mentanol, Urea, Amonia* dan Aluminium yang dicadangkan. Oleh kerana harga ataupun kos tenaga iaitu power adalah rendah lebih murah. Oleh kerana harga gas akan menjana kuasa penghasilan elektrik lebih murah daripada harga pasaran mereka akan mendapat *special consequence*. Apa yang saya maksudkan ialah gas yang sepatutnya dijual di pasaran

disalurkan untuk perusahaan yang saya sebut baru-baru ini tadi. Soalnya sejauh manakah ini akan mengurangkan hasil negara?, walaupun kiranya kita akan mendapat faedah-faedah yang lain seperti pekerjaan dan hasil cukai daripada perusahaan ini. Sekian. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Yang Dipertua Dewan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, saya sangat-sangat menyokong penuh atas usul yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan II (Kedua) semalam yang mana telah menerangkan dengan panjang lebar. Di antara perkara-perkara yang ingin sentuh:

- 1) Mohon penjelasan pihak berkenaan pada ketika ini

diketahui dan dimaklum bahawasanya Kerajaan telahpun banyak menswastakan Jabatan-Jabatan yang berkenaan kepada pihak-pihak swasta dan juga kemungkinan akan menswastakan lagi dalam perkara-perkara yang lain.

Jadi mohon penjelasan apakah perkara-perkara sedemikian ini ianya akan menguntungkan kepada pihak Kerajaan ataupun sebaliknya kerana pihak Kerajaan memang memfokus demi mengambil keuntungan yang lebih kepada pihak Kerajaan.

- 2) Saya sekali ingin membangkitkan mengenai dengan berbelanja, pihak Kerajaan telahpun banyak mengeluarkan perbelanjaan-perbelanjaan sebagaimana

yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), sebetulnya perbelanjaan-perbelanjaan yang besar ini tidaklah menjadi satu halangan kepada pihak Kerajaan, walaupun ianya berbelanja dengan secara yang amat tinggi dan besar tetapi ianya difikirkan akan menguntungkan balik kepada pihak Kerajaan, ianya sesuai, dilakukan dan dibina pada masa ini.

Sebagai contoh saya telah mengusulkan pada tahun lepas supaya sebuah jambatan dari Berembang ke Pulau Si Bungur untuk menyeberang ke Pintu Malim, dimaklum rancangan sedemikian perbelanjaannya amat tinggi tetapi bagi pihak Kerajaan ianya akan menguntungkan balik kepada

Kerajaan dalam jangka masa yang panjang dan juga malah rancangan atau usul-usulnya tersebut ianya sesuai dibina zaman sekarang kerana ongkosnya pada masa ini tidaklah begitu tinggi dan jika dibuat atau dilakukan beberapa tahun yang akan datang memanglah perbelanjaannya amat tinggi. Jadi sekian Yang Dipertua Dewan Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah, ekonomi Negara Brunei Darussalam di sepanjang tahun 2006 mencatatkan pertumbuhan pada kadar 3.8 peratus yang mana adalah sangat mengembirakan

memandangkan Brunei masih banyak bergantung kepada sektor minyak dan gas. Dalam hubungan ini, ekonomi negara akan bertambah lagi kadar pendapatannya sekiranya perusahaan - perusahaan lain di negara ini seperti sektor swasta, sektor perusahaan pertanian dapat diungkayahkan ataupun dipertingkatkan. Selain daripada itu, pendapatan daripada cukai-cukai perniagaan akan dapat dipungut menurut keuntungan sesebuah perniagaan itu yang sebenarnya.

Ada kemungkinan *corporate account* bagi sesebuah syarikat yang besar disediakan dengan menunjukkan keuntungan yang kurang tepat, maka penyemakan *corporate account* ini haruslah diperketatkan penyemakannya supaya benar-benar mencerminkan kedudukan atau keuntungan yang sebenarnya.

Yang Dipertua Dewan, saya menyokong Usul yang dibawakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), yang disampaikan kelmarin dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya sangat-sangat tertarik di atas Usul yang dibawakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), lebih-lebih lagi mengenai dengan fokus yang diberikan oleh Yang Berhormat mengenai dengan pengukuhan sektor swasta dan perkembangan ekonomi sektor bukan minyak kerana difahami dengan sumber pendapatan yang terhad yang masih berharapkan

sektor minyak suatu masa akan berkurangan.

Jadi saya rasa itu adalah satu cadangan yang paling baik dan syukur alhamdulillah, kita mendapat perhatian yang baik dan syukur alhamdulillah juga mendapatkan satu peruntukan yang begitu baik dengan rancangan-rancangan yang terperinci. Salah satu rancangan-rancangan itu ialah seperti *entrepreneurship programme*, memasarkan produk-produk keluar negeri, antarabangsa, mempengerusikan pelaburan *Multi National Corporation (MNC)*, membantu sektor swasta dalam industri-industri tertentu. Juga tadi disebutkan satu mukim satu produk, juga mempunyai *Brunei premium halal brand* dan berbagai-bagai lagi program-program tertentu. Saya harap program-program ini akan dapat dijalankan dengan adanya

peruntukan yang diberikan pada tahun ini.

Kalau dilihat dari segi pencapaian untuk mencapai objektif dalam dasar dan strategik pelaksanaan, alhamdulillah kita telah mencapai dari segi memperbaiki kualiti kehidupan rakyat dan penduduk dan mempertahankan inflasi pada kadar yang rendah dan mengukuhkan alam sekitar yang bersih. Ini akan memberikan satu kebaikan kepada rakyat keseluruhannya. Tetapi yang masih belum tercapai barangkali adalah di bidang-bidang seperti memajukan perusahaan-perusahaan bukan minyak, memupuk masyarakat yang lebih berdisiplin, berdikari dan pemedulian. Mungkin juga ini melibatkan kepada satu faktor rakyat Melayu sebagai pemimpin dalam industri perniagaan dan industri, kerana konsep atau polisi untuk menjadikan rakyat

Melayu sebagai pemimpin dalam industri telahpun dicatat dalam RKN 7 dan RKN 8 yang lalu kerana sekarang kita akan memasuki RKN 9.

Saya rasa pencapaian ke arah itu masih lagi berkurangan. Insyallah dengan adanya fokus ke arah ini saya harap kita akan mencapai objektif-objektif tersebut. Dari itu saya dengan sepenuhnya menyokong Usul yang dibawakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) tadi. Terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin Abd Rauf, Daerah Tutong: Yang Dipertua Dewan, Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Ahli-Ahli yang Berhormat. Saya sesungguhnya menyokong penuh

kepada peruntukan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) semalam. Apa yang menarik perhatian saya bahawa ada beberapa institusi-institusi pendidikan akan dibina ini termasuk Sekolah Vokasional.

Sepanjang yang saya ketahui bahawa Sekolah Vokasional di Daerah Tutong telah dibina pada tahun 1968 dan sayangnya bangunan itu telah dipakai oleh Sekolah Menengah Muda Hashim yang ada sekarang. Adalah diharapkan bahawa pembinaan Sekolah Vokasional ini akan dapat dikekalkan di Daerah Tutong. Ini merupakan satu rangkaian daripada daerah-daerah lain, dan adalah diharapkan apa juga yang tersurat dan tersirat dalam belanjawan pada tahun ini akan dapat menepati

kepada sasaran. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah

Temburong: Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Anbia'e Wal Mursaleen, Wa'ala 'Aalihiie Wasahbihee Ajma'een. Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam menyokong Rang Undang-Undang yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), saya mengambil perhatian antara lain yang disampaikan oleh Yang Berhormat mengenai dengan penubuhan Lembaga Pelancongan dan Pengembaraan untuk memberi tumpuan kepada memajukan sektor pelancongan. Di Daerah Temburong adalah satu destinasi pelancongan yang unik di negara ini yang penuh

dengan flora dan faunanya, lebih-lebih lagi pelancong-pelancong yang datangnya daripada luar negara yang ingin melihat keindahan-keindahan tersebut.

Yang Dipertua Dewan, apa yang dapat saya hadapkan dan cadangkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Daerah Temburong tidak kendur-kendurnya dalam meng*highlight* kan untuk meninggikan lagi imej Negara Brunei Darussalam di mata dunia. Pertama-tama pernah yang telah dibuat seperti mengadakan cabaran Bukit Patoi, Budaya Etnik Seborneo, dalam apa yang masalah yang telah dihadapi yang dihadapi ialah mengenai dengan geran atau bantuan kewangan yang belum dapat diberi melalui dengan perbelanjaan sepertimana yang telah dihadapi yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri

Kewangan II (Kedua). Iaitu supaya akan dapat diberi kepada daerah-daerah bukan hanya Daerah Temburong iaitu menyeluruh daerah-daerah Negara Brunei Darussalam. kerana dengan adanya bantuan kewangan ini akan dapatlah lagi daerah-daerah tersebut untuk membuat apa jua perancangan mengenai dengan pelancongan, sekian terima kasih.

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Dipertua Dewan: Sekiranya tidak ada lagi Ahli-Ahli yang ingin membahaskan, Ahli di sebelah kiri tidak lagi mahu bercakap saya beri peluang pihak sebelah kanan untuk memberikan keraguan kepada Ahli-Ahli tadi dalam menimbangkan Kewangan 2007/ 2008. Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji

Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan:

Yang Dipertua Dewan, saya ingin mencadangkan supaya apa jua jawapan-jawapan yang akan diberikan, penerangan-penerangan yang akan diberikan, oleh pihak di sebelah sini sesudah majlis ini nanti bersidang dalam jawatankuasa, apabila kita meneliti Rang Undang-Undang ini satu persatunya menurut tajuk yang ditentukan, kita pada waktu ini nampaknya menumpukan perhatian mengenai dengan asas-asas sama ada undang-undang ini boleh diluluskan atau sebaliknya.

Jadi, dengan sebab itu saya ingin mencadangkan supaya Undang-Undang ini diluluskan bagi bacaan kali kedua dan seterusnya kita jalankan proses sebagaimana yang lazimnya.

Yang Dipertua Dewan: Sekarang saya meminta keseluruhan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menentang mengangkat tangan.

(Tidak ada Ahli yang mengangkat tangan)

Yang Dipertua Dewan: Bersetuju mengangkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Yang Dipertua Dewan: Terima kasih, nampaknya kesemua Ahli-Ahli telah memperkenankan Usul Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa kesemuanya untuk menimbangkan Rang Undang-Undang tersebut.

(Majlis Bersidang selaku Jawatankuasa)

Pengerusi: Bab Dua dari Rang Undang-Undang mengeluarkan

sejumlah wang yang tidak melebihi empat ribu empat ratus tiga puluh satu juta, empat belas ribu enam ratus tujuh puluh tiga ringgit dari kumpulan yang disatukan bagi Perkhidmatan Kewangan Tahun 2007/2008 adalah dengan ini dibenarkan. Yang bersetuju angkat tangan? yang tidak bersetuju? Tidak ada.

Jurutulis: Bab dua dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang, Jadual SA01A, Jabatan Perdana Menteri.

Pengerusi: Tajuk 1 gelaran 2 jumlah yang diperuntukkan, Ahli-Ahli Yang Berhormat telahpun menerima kertas-kertas yang menunjukkan peruntukan masing-masing seperti Jabatan Perdana Menteri \$57,941,793.00, ertinya berikutnya, jadi saya memohon Ahli-Ahli Yang Berhormat meneliti satu

persatu dan mengemukakan sekiranya ada keraguan daripada Ahli-Ahli di dalam Jawatankuasa ini, silakan satu persatu.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah

Belait: Saya ingin saja mengetahui akan penjelasan sedikit kalau dibandingkan pada tahun lepas Peruntukan Jabatan Perdana Menteri ialah \$45 juta kalau betul. Kemudian pada tahun ini \$57,941,793.00 Saya melihat graf yang saya ada, ada peningkatan perbelanjaan. Diminta penerangan sahaja apa sebabnya-sebabnya?.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia

Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II

(Kedua): Terima kasih Pengerusi Majlis. Memang benar terdapat kenaikan dalam Anggaran

Perbelanjaan bagi Jabatan Perdana kepada \$57 Juta. Ini disebabkan oleh beberapa perkara:-

1. Kenaikan Matagaji EB khas yang telah diperkenankan pada bulan Julai tahun 2006 yang lalu.
2. Disebabkan oleh beberapa pertambahan kakitangan yang mana kebanyakan tambahan tersebut ialah di Jabatan Polis dan jua beberapa projek-projek dalam *special expenditure* dan jua dalam projek-projek berulang-ulang seperti *maintenance* dan sebagainya.
Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli bersetuju sekarang mengenai dengan Jabatan Perdana Menteri. Yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, jadi Jabatan Perdana Menteri diluluskan.

Jurutulis: SA01A Jabatan Perdana Menteri dijadikan sebagai daripada Jadual. SA02A Jabatan Adat Istiadat Negara.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada keraguan atau ingin menambahkan sesuatu ataupun memikirkan yang boleh dibetulkan, maka saya akan mengundi peruntukan Jabatan Adat Istiadat untuk diundi. Yang Bersetuju angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak Ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, jadi Jabatan Adat Istiadat Negara diluluskan.

Jurutulis: SA02 Jabatan Adat Istiadat Negara dijadikan sebahagian Jadual. SA03A Jabatan Audit.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya ada pandangan-pandangan mengenai dengan Jabatan Audit, sila kemukakan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak ada yang ingin membahaskan Jabatan Audit, yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, jadi Jabatan Audit diluluskan.

Jurtutulis: SA03A Jabatan Audit dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA04A Biro Kawalan Narkotik.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya ada keraguan sila kemukakan. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara:

Bismillahir Rahmanir Rahim, mengenai dengan Biro Kawalan Narkotik, saya ingin menimbulkan satu perkara iaitu ketika ini negara kita memang diakui banyak bekas penagih dadah di negara ini, ianya memang meragukan kita di negara ini walaupun bilangannya difikirkan, dibandingkan keramaian rakyat di negara kita ini ianya memang dikatakan sudah serius kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain sebagaimana yang telah

didengar dalam Warta Berita atau media-media yang telah kitani dengar.

Di Negara Brunei Darussalam, saya ingin mengusulkan yang mana penagih-penagih yang ketika ini telahpun menjalani pembaikan ataupun rawatan di Rumah Al-Islah mengikut kelamaan kesalahan masing-masing yang mana dalam rawatan di Rumah Al-Islah penagih-penagih ini diberikan beberapa kursus-kursus, bimbingan-bimbingan bagi memandu penagih-penagih ini supaya apabila ia keluar daripada pemulihan nanti ia akan menjadi manusia yang biasa.

Jadi dipohonkan pihak yang berkenaan, bekas penagih-penagih dadah ini kebanyakannya apabila ia keluar daripada pemulihan beberapa tahun akan datang ia akan semula menjadi penagih, disebabkan di

antaranya mereka ini tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Oleh yang sedemikian, dipohonkan agar bekas-bekas penagih dadah ini diberikan keutamaan untuk ia bekerja menyambung dan meneruskan sara hidupnya bagi menanggung anak isteri supaya ianya tidak akan terjebak semula sebagai salah seorang penagih dadah. Sekian terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya mohonkan Ahli-Ahli di sebelah kanan kiranya dapat memberi penjelasan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Pengerusi, untuk merespons tentang keraguan

yang telah ditimbulkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi, bahawa memanglah tatacara pemulihan yang telah dijalankan di Rumah Al-Islah bukan saja untuk memulihkan akhlak pesalah-pesalah ataupun penghuni - penghuni di Rumah Al-Islah yang mana di antara program-program yang telah disusun oleh Rumah Al-Islah bukan sahaja dari aspek kerohanian malahan di aspek fardu ain. Inilah masalah yang timbul yang telah dikenalpasti sehingga ada yang tidak pandai sembahyang, mengambil wudhu pun tidak pandai. Inilah salah satu daripada punca-punca mereka yang terlibat dalam penggunaan dadah ialah kekurangan ataupun mereka ini tidak ada pengetahuan agama yang mendalam, yang tidak mengetahui buruk baiknya, haram dan halalnya sehingga mereka ini sebilangannya

tidak mengetahui cara berwudhu, cara sembahyang.

Tetapi alhamdulillah, telah dikenalpasti di antara punca-punca tersebut telahpun ditekankan dari aspek kerohanian di mana lebih menumpukan dari aspek keagamaan sehinggalah program - program tersebut berjalan dengan baik dan sempurna dengan kerjasama daripada pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menempatkan beberapa orang guru-guru ugama dan pegawai-pegawai ugama dan juga telah menyelenggarakan beberapa program - program sehingga mengajar mengaji dan juga ada sebilangan mereka telahpun mengkhatam Al-Quran dan juga ditekankan pada tiap-tiap malam Jumaat diadakan sembahyang Qiamulail, sembahyang Tahajjud dan juga kuliah subuh. Segala pelajaran-pelajaran keagamaan

telahpun ditekankan di sana kerana kita mengetahui kalau sekiranya mereka itu masih lagi tidak mengetahui akan masalah-masalah buruk dan baiknya mungkin mereka ini akan berbalik semula.

Alhamdulillah program-program tersebut telah berjalan baik dengan sempurna malahan juga dalam program-program tersebut dalam satu-satu majlis keluarga mereka pun telah dipanggil semula bersama-sama dengan pegawai-pegawai Rumah Al-Islah supaya mereka juga mempunyai kesedaran.

Bukan sahaja ditumpukan kepada pihak Kerajaan tetapi yang mustahak ialah keluarga-keluarga penagih Rumah Al-Islah juga bersama-sama untuk mengembalikan mereka semua ini kepada akhlak yang mulia dan juga menjadi warganegara Brunei yang

berguna. Inilah kerjasama di antara tiga pihak, pihak Kerajaan, pihak keluarga dan juga penagih-penagih Al-Islah itu sendiri yang mestilah mereka mempunyai kesedaran untuk memulihkan akhlak mereka kepada akhlak yang mulia. Ini dari segi akhlak.

Di samping itu juga program-program telahpun dikenalpasti bagi membolehkan mereka ini kemungkinan untuk mendapat pekerjaan misalnya program-program kerja kayu pada masa ini dan program-program jahit menjahit dan juga ukiran-ukiran, juga ada dalam rancangan pada masa ini ialah program-program untuk bekerjasama dengan pihak swasta untuk memberikan pekerjaan kalau mereka ini nanti akan keluar dari Rumah Al-Islah. Di samping itu juga program masak-memasak juga telahpun diungkayahkan bagi

mbolehkan mereka ini, insya-Allah ada yang sudah berjaya setelah bebas dari Rumah Al-Islah, mereka bekerja sendiri dengan membuka gerai-gerai mereka. Sepertimana ada sebilangan mereka telah menjalankan perniagaan di gerai malam di kawasan Pasar Gadong.

Di samping itu juga tenunan-tenunan dan songket-menyongket telahpun diajarkan. Dalam program juga telah diajarkan cara-cara menggunting rambut. Inilah juga jenis kemahiran yang telah dilaksanakan di Rumah Al-Islah bagi memastikan mereka ini ada mempunyai peluang-peluang pekerjaan dan berdikari untuk mereka itu sendiri.

Dan dalam waktu yang sama juga seperti yang kita sedia maklum bahawa jumlah-jumlah orang yang

dimasukkan di rumah Al-Islah pada masa ini, alhamdulillah semakin menurun dari setahun ke setahun dibandingkan pada tahun 2004 sejumlah 85 dan meningkat lagi pada tahun 2005 seramai 103, pada tahun 2006 menurun kepada 86 orang.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, syukur alhamdulillah, memadailah itu cukup jelas, terang dan cukup memuaskan dan membanggakan.

Ahli-Ahli Yang terhormat, Biro Kawalan Narkotik nampaknya, ada perkara lagi di Biro Kawalan Narkotik.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Dipertua Dewan, izinkan balik ke tajuk SA01A, iaitu pasal saya gaji yang diterima menteri, itu tidak sesuai.

Perdana Menteri gajinya Cuma setahun \$540 ribu, Menteri Kanan \$480 ribu, Menteri biasa \$480 ribu. Saya ingat ini gaji tidak sesuai untuk Perdana Menteri. Macam di Singapore kalau Perdana Menteri gajinya 1 juta lebih, bolehkah gaji Perdana Menteri dan Menteri Kanan ditelitikan lagi sekali.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelah kanan sila beri penerangan.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Tidak kena ia punya gaji itu macam itu Menteri Kanan gajinya \$480 ribu setahun, Menteri biasa pun gajinya \$480 ribu setahun itu tidak sesuai, Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin menjelaskan

kita sekarang berkisar mengadakan perbincangan mengenai dengan Biro Kawalan Narkotik jadi, Menteri, Menteri Kanan belum lagi sampai ke tahap sana, kerana itu masalah itu tinggal di sana, apabila timbul di sana barulah nanti kita bincangkan .

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan: Pengiran Pengerusi tajuk yang disebut itu telahpun sudah diluluskan dan dijadikan sebahagian undang-undang.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Minta ampun saya pun silap bah, pasal anda pakai gelas mata silap tah ku. Ia tah pasal gaji Menteri ini mesti mau besar

pasalnya tanggungjawabnya penting menjadi *Defence Ministry* jua, menjadi *Prime Minister* jua semua ada hal negeri Kebawah Duli jua macam kontrol semua, gajinya nda sesuai, terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sebelah kanan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah Temburong: Pengiran Pengerusi, seperti yang kita maklum Daerah Temburong ada laluan dari negara jiran dan sangat terdedah kepada kegiatan penyeludupan dadah yang merbahaya, sebelum daerah ini dijadikan pusat pengedaran dadah, mudah-mudahan ia tidak ada. Bagi mengelakkan perkara ini adalah dipohonkan tambahan pegawai dan kakitangan bagi Biro Kawalan Narkotik bagi Daerah Temburong, pegawai dan kakitangan Biro

Kawalan Narkotik yang menyamar atau pegawai *under cover* operasi yang lebih kerap mungkin akan dapat melemahkan kegiatan penyeludupan atau sekurang-kurangnya mereka sedar bahawa kegiatan mereka sentiasa di pantau atau disiasat oleh pihak Kerajaan. Sekian Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Belait: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menambah sedikit dan sebelum itu saya memberi sokongan di atas penjelasan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mempunyai program yang padat. Saya pernah menjadi sebagai seorang Ahli Pelawat dan mengetahui. Cuma apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor

tadi ialah apabila mereka ini keluar dari pusat Al-Islah, kerana saya berpengalaman selama ini didatangi oleh bekas-bekas penagih ini bahawa mereka ini mempunyai masalah untuk mendapat pekerjaan.

Lain halnya dengan untuk mengusahakan perusahaan sendiri kalau mereka mempunyai modal. Ini masalahnya ialah untuk mendapat pekerjaan terutama di agensi-agensi Kerajaan kerana penapisan penyelidikan itu terlampau ketat, maka mereka tidak mempunyai peluang langsung untuk menjawat jawatan.

Dalam hubungan ini saya rasa Pengiran Pengerusi kita harus proaktif, terbuka, kita terima mereka ini kepada masyarakat, bukan pada masyarakat sahaja bahkan agensi-agensi Kerajaan sekalipun memberi

peluang pada mereka untuk mengubah nasib mereka, kerana mereka manusia. Sekian terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat telah dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang memikirkan kiranya peniaga-peniaga swasta-swasta akan dapat memberi kerja kepada orang-orang habis bekerja. Sudah dijelaskan tadi.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Tuan Pengerusi, terima kasih telah memberi peluang kepada saya. Saya menyokong penuh cadangan ataupun penerangan-penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Kerana pengalaman saya sendiri, salah seorang daripada penduduk di tempat saya telah memohon kerja sebagai Bilal tetapi

ia telah diberi kursus terutama sekali dalam bidang pembacaan Al-Quran dan ugama. Dan beliau telah mengikuti syarat-syarat untuk menjadi Bilal, kemudian lulus, Kemudian bila beliau memohon telah ditolak, apabila ditolak kemudian dirunding-rundingkan ditolak juga. Kemudian beliau telah menulis surat kepada saya dan saya telah menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama terus, kerana memikirkan nasibnya mempunyai lima orang anak beranak. Jadi bila barangkali tiga bulan kemudian alhamdulillah terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama kerana telah memberi pekerjaan kepada beliau alhamdulillah setakat ini kerana beliau mempunyai pengalaman dalam pembacaan Al-Quran dari segi ugama beliau sudah berkhidmat

dua tahun di tempatkan kampung saya.

Dan selepas itu dalam tahun lepas beliau telah dipilih oleh Kerajaan dihantar ke Kuala Lumpur untuk menghadiri bekas-bekas penagih dadah. Dan pengalaman beliau dicurahkan kepada penagih-penagih yang yang lain, barangkali selama sebulan. Jadi saya harap usaha-usaha seperti ini akan diteruskan dan di mana pandangan-pandangan tadi supaya mereka ini dilayan sama seperti orang biasa. Terima kasih

Pengerusi: Tidak ada Lagi.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim, Daerah Brunei dan Muara: Tuan Pengerusi, Pengiran Pengerusi, menyentuh mengenai peruntukan SA04A Biro Kawalan Narkotik, peramba ingin

memberikan sedikit pandangan walaupun dadah memang tidak asing lagi, ini merupakan masalah global saya fahir bukan saja masalah ini di Brunei sahaja. Walau bagaimanapun dengan keadaan penduduk kitani ia adalah satu perkara yang amat membimbangkan.

Daripada segi hukuman barangkali tidak ada lagi hukuman yang paling berat selain daripada hukuman mati yang sudah ada tapi manusia yang jahil ini saya anggap jahil, minta maaf, masih lagi terpicik kerana dadah ini setiap ada permintaan ia ada bekalan, setiap ada bekalan ada permintaan. Jadi kalau kita dapat memikirkan mengapa ada permintaan dan dari mana datangnya bekalan itu, kalau ini fokus utama yang dapat saya tumpukan insya-Allah sedikit sebanyak akan dapat membantu

pengawalan Narkotik atau dadah di Negara Brunei Darussalam ini dan secara tidak langsung akan dapat menjimatkan perbelanjaan tahunan kitani.

1. Saya tertarik jua apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri satu skim telah disediakan khusus untuk penagih-penagih yang tegar ataupun berulang, ada satu skim dan ada satu *syllabus* atau sukatan-sukatan pelajaran yang tertentu yang telah diajarkan terutama sekali di Al-Islah misalan. Tapi saya mencadangkan di sini supaya skim ataupun *syllabus* ini akan dapat dikaji dari setahun ke setahun untuk mencari penyesuaiannya dan mencari formula macamana cara meningkatkan keberkesanan bagi mengelakkan ahli-ahli yang

peminat dadah yang tegar dan berulang ani.

2. Barangkali saya tertarik dengan negara jiran yang pembasmian ataupun mengelakkan daripada amalan-amalan rakyat di negara itu bukan sahaja tanggungjawab Kerajaan tapi satu badan daripada pertubuhan awam umpamanya "Pengasih" misalnya jadi dengan diberi bantuan oleh pihak-pihak Kerajaan untuk menjalankan program yang tertentu, itu satu daripadanya dan kebanyakannya ahli-ahli jawatankusa ini di negara jiran yang kita tahu adalah terdiri daripada bekas-bekas penagih. Jadi bekas-bekas penagih ini akan dapat mengongsikan pengalaman mereka semasa menagih dahulu untuk dibawa kepada kursus-kursus yang dikendalikan oleh

pihak mereka dengan syarat akan dimata-matai oleh pihak kitani sendiri dan diberi sedikit sebanyak bantuan. Sekian Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Terima Kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin Abd Rauf, Daerah Tutong: Yang Mulai Pengerusi, Ahli-Ahli Berhormat, saya fokuskan kepada Muka Surat 3, Bilangan B03 – 105 Yuran Perkhidmatan dan Lain-Lain Bayaran. Tahun 2006 – 2007, \$80,000.00 dan Tahun 2007 – 2008 \$150,000.00, minta penjelasan perkara ini, kenapa ia naik macam itu mendadak.

Pengerusi: Di mana tu?, muka surat berapa tu?

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin Abd Rauf, Daerah Tutong: Muka Surat 3, Bilangan B03 – 105 Yuran Perkhidmatan dan Lain-Lain Bayaran daripada \$80,000.00 tahun 2007 dan \$150,000.00 tahun 2008, akan dapat penjelasan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua): Pengiran Pengerusi terima kasih di atas cadangan pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat di sebelah sana. Kalau kita lihat kenapa ia naik, ada dua perkara di sana iaitu sewa *lease line* dan sewa alat perhubungan yang mana pada tahun 2006 – 2007 tidak ada. Jadi pada anggaran tahun 2007 – 2008 sewa alat perhubungan itu diadakan di sana, sebab itulah ia naik kepada

\$150,000.00 daripada \$80,000.00, Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana waktu hampir kepada pukul 11.00 pagi, maka Ahli Jawatankuasa ini diberhentikan sementara balik kepada Persidangan Majlis untuk menangguhkan Persidangan selama 15 minit.

(Majlis bersidang semula)

Yang Dipertua Dewan: Mesyuarat ditangguhkan selama 15 minit. Bagi memberikan peluang Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat menikmati jamuan ringan.

(Majlis ditangguhkan selama 15 minit)

Yang Dipertua Dewan: Majlis bersidang semula, kerana

memikirkan waktunya sudah menunjukkan jam 11.00 pagi dan jika diadakan Jawatankuasa tidak banyak yang dapat diperbincangkan, maka bagi kesempatan itu majlis ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Majlis ditangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**Majlis bersidang disambung pada
jam 2.30 petang**

Yang Dipertua Dewan: Sekarang bersidang semula, oleh kerana apabila kita duduk sama-sama dalam Jawatankuasa, jadi sekarang Majlis ditangguhkan untuk balik kepada Jawatankuasa dan membincangkan kerana menyambung beberapa Anggaran Belanjawan yang belum lagi diselesaikan, dengan demikian saya tangguhkan Majlis.

**(Majlis bersidang selaku
Jawatankuasa)**

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi kita masih lagi Tajuk SAO4A, Biro Kawalan Nakotik, sekiranya tidak ada Ahli-Ahli untuk membahaskan ataupun Ahli-Ahli sebelah kanan untuk dijelaskan.

**Yang Berhormat Pehin Orang
Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B)
Dato Seri Pahlawan Awang Haji
Mohammad bin Haji Daud, Menteri
Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Pengiran Pengerusi saya memohon untuk memberikan sedikit penerangan mengenai dengan soalan yang telahpun yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat di sana terutama sekali kepada orang-orang yang baru keluar daripada Rumah Al-Islah yang mana, yang telah kita dengar pagi tadi salah seorang daripada Ahli Yang berhormat telahpun menyarankan supaya pihak-pihak yang berkenaan akan memberikan bantuan yang lebih lagi kepada orang-orang yang telahpun dikeluarkan daripada Rumah Al-Islah ini terutama sekali dalam mencari pekerjaan.

Sukacita saya menerangkan bahawa Kementerian saya ada sedikit sebanyak terbabit dalam memberikan pertolongan ini di mana melalui '*Outward Bound Brunei Darussalam*', Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telahpun sejak tahun 2005 mengadakan program yang dinamakan Program Jati Diri, khusus bagi orang-orang yang telahpun keluar daripada Rumah Al-Islah ini.

Selama ini kita telahpun mengadakan sebanyak lapan kali program, ini yang melatih di antara empat belas hingga lapan belas orang, orang-orang yang di bawah perhatian dan alhamdulillah setelah kita mengadakan kursus selama dua minggu di mana pelatih-pelatih dapat menyelami kepercayaan ataupun dapat mengukur kepercayaan diri mereka sendiri untuk balik dalam masyarakat sebagai seorang rakyat

biasa dan nampaknya program ini mendapat sambutan yang baik.

Jadi Kementerian saya telahpun memasukkan pada setiap tahun di dalam peruntukan ini wang sebanyak \$184,000.00 (seratus lapan puluh empat ribu ringgit) bagi kegunaan program jati diri khas bagi orang-orang yang di bawah perhatian ini.

Walau macamanapun pihak Kementerian saya ada juga memberikan bantuan bagi orang-orang yang di bawah perhatian ini untuk mereka berusaha sendiri untuk mencari penghidupan baru. Walau macamanapun tidak semuanya yang berjaya, ada juga yang berbalik kepada perangai mereka menghisap dadah itu, dan sukacita saya menerangkan bahawa pihak Kerajaan yang bertanggungjawab tidak dapat mematai perkara ini

sepanjang masa selama dua puluh empat jam sehari dan ini memerlukan kerjasama daripada masyarakat, terutama sekali keluarga-keluarga yang terlibat.

Saya kira hanya dengan bimbingan dan sokongan daripada keluarga-keluarga yang terdekat ini hanyalah kita akan dapat membimbing mereka ini balik ke jalan yang betul. Jadi dengan singkatnya perkara ini telahpun ditangani oleh beberapa pihak daripada Kerajaan seperti yang boleh saya simpulkan dalam pantun ini:

“Rasa tinggi gunung ledang,
tinggi lagi asapnya api,
berapa tinggi mata memandang,
tinggi lagi harapan hati,”

Sekian Wabillhit Taufik Wal Hidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang penjelasan-penjelasan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah

Temburong: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera, Tuan Pengerusi, menyentuh dengan Biro Kawalan Narkotik ini, saya akan menghadapkan mengenai masalah bagi-bagi mereka yang terlibat dalam dadah yang masih bekerja dalam jabatan-jabatan, sama ada dalam jabatan Kerajaan ataupun swasta.

Apabila seseorang itu didapati positif air kencing mereka, maka mereka ada yang tidak diberikan peluang, terus diberhentikan kerja ataupun digantung bekerja, apakah mereka ini dapat diberi peluang kedua

kecuali barangkali kalau pasukan yang beruniform dikecualikan, yang saya maksudkan ialah bagi jabatan-jabatan Kerajaan ataupun pihak swasta, diberi peluang kedua kepada mereka itu untuk mereka dapat menginsafi diri mereka sama ada mereka ini diberi kaunseling untuk mereka dapat memperbaiki diri mereka ini, kerana ada di antara mereka ini berkeluarga, mempunyai anak-pinak dan hutang piutang sama ada kewangan, meminjam duit di bank atau kereta.

Maka apabila mereka ini digantung bekerja, diberhentikan bekerja, maka mereka ini sudah tidak tentu pencarian mereka, maka mereka akan melibatkan yang lebih teruk lagi apa yang mereka hadapi dan untuk mereka menyara hidup anak mereka, mereka akan lebih lagi mengerjakan suatu perkara yang kurang baik. Sekian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sebelah kanan dapat menjelaskan keraguan yang baru ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.

Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, berhubung dengan persoalan yang ditimbulkan oleh salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat ini, ada berapa kategori di Rumah Al-Islah yang ditahan itu ada di bawah perintah mahkamah dan ada di bawah perintah Menteri, di mana walaupun mereka ini bekerja kadangkala ada lagi diberi peluang kalau sekiranya mereka itu

menyerahkan diri ke Rumah Al-Islah dan juga atas perintah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Mereka ini buat sementara digantung bekerja, kalau sekiranya mereka menyerahkan diri untuk pemulihan Rumah Al-Islah dan kalau mereka ini didapati sudah pulih mereka ini akan dibalikkan semula bekerja kalau sekiranya mereka ini belum lagi menyerahkan diri untuk pemulihan jadi mereka-mereka ini diberikan peluang. Ada kes-kes yang telah berlaku di mana mereka ini pegawai Kerajaan telah menyerahkan diri untuk pemulihan, supaya mereka ini tidak lagi dimasukkan dalam Rumah Al-Islah.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat cukup sudah jelas penerangan itu cukup, sebagaimana yang diragukan tadi sudah cukup jelas.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Dan satu lagi barangkali ada ditimbulkan salah seorang Ahli tadi berkenaan dengan *me-review* program-program yang sebenar memang ada satu Jawatankuasa Penasihat dinamakan Jawatankuasa Penasihat Rumah Al-Islah yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan keahliannya wakil-wakil dari Kementerian Kesihatan, wakil daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan agensi-agensi berkenaan di samping wakil daripada Persatuan BASMIDA.

Jawatankuasa ini sentiasa bersidang untuk meneliti program-program

samada program-program tersebut yang ada pada masa kini belum ada keberkesanannya dan dalam waktu yang sama juga mereka ini akan meneliti, akan meneliti sama ada mereka ini mengikut had-had tertentu boleh dibebaskan dengan ada tahap-tahapnya mereka ini sudah pulih dari segi akhlak mereka, program pemulihan dan seumpamanya dan kalau sekiranya mereka ini telah meningkat ataupun memuaskan hati jawatankuasa mereka ini akan disokong untuk dibebaskan. Jadinya jawatankuasa ini memanglah dari semasa ke semasa sentiasa *me-review* program-program bagi memastikan keberkesanan Pusat Pemulihan itu mengadakan program-program tertentu. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat

sudah dua kali pasal tajuk ani, tadi pun sudah cakap, sila-sila.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah Temburong: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, salam sejahtera, terima kasih Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli yang Berhormat yang lain, tadi kitani sudah mendengar mengenai dengan jayanya persatuan-persatuan seperti PAMADAM, PENGASIH yang diungkayahkan di negara jiran kitani.

Barangkali di sini saya ingin mencadangkan kalau boleh kitani di Brunei mengadakan usaha yang sama dan saya difahami bahawa macam persatuan-persatuan ani, ia walaupun persatuan-persatuan orang ramai tetapi ia, kejayaannya itu jua adalah disebabkan bantuan dari pihak Kerajaan jadinya kalau

boleh kitani mengenalpasti persatuan-persatuan yang ada di Brunei yang boleh menangani masalah ini dan kalau boleh mendapat bantuan daripada pihak Kerajaan. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk ini kita banyak membincangkan jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Biro Kawalan Narkotik, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju. **(Tidak ada)**
Nampaknya semua Ahli bersetuju, Biro Kawalan Narkotik telah lulus.

Jurutulis: SAO4A Biro Kawalan Narkotik dijadikan sebahagian daripada Jadual. SAO5A Biro Mencegah Rasuah.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak ada seorang Ahli yang ingin membahaskan di tajuk ini. Kalau tidak saya undi. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju. **(Tidak ada)**
Nampaknya kebanyakan Ahli bersetuju, maka Biro Mencegah Rasuah diluluskan.

Jurutulis: SAO5A Biro Mencegah Rasuah dijadikan sebahagian daripada Jadual. SAO6A Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada pembahasan, maka saya memohon Ahli-Ahli yang bersetuju, sila mengangkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju. (**Tidak ada**)

Nampaknya semua bersetuju, maka dengan demikian tajuk Jabatan Keselamatan Dalam Negeri diluluskan.

Jurutulis: SAO6A Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual. SAO7A Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada ingin membahaskan. Sekarang saya bukakan untuk diundi. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju. (**Tidak ada**)

Nampaknya Semua Ahli bersetuju.

Jurutulis: SAO7A Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara dijadikan

sebahagian daripada Jadual. SAO8A Radio Televisyen Brunei .

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah Temburong: Bismillahir Rahmanir Rahim, Pengiran Pengerusi, perkara yang saya akan hadapkan di Dewan yang mulia ini, adalah mengenai dengan masih lagi ada penduduk-penduduk di Daerah Temburong yang tidak dapat menerima gambar yang baik, pancaran Televisyen Brunei bagi kawasan-kawasan kampung pendalaman, bagi Mukim Bokok Temburong meskipun dengan menggunakan antenna yang mahal harganya.

Adalah tidak dapat dinafikan usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak Jabatan Radio Televisyen Brunei, dalam mengatasi akan masalah tersebut. Apa yang diharapkan penduduk Mukim Bokok

mengharapkan supaya perkara ini akan dapat ditangani, misalnya untuk menambah satelit di kawasan-kawasan yang berkenaan ianya juga akan dapat dikongsi sama bagi-bagi mukim yang berkenaan yang tidak dapat menerima pancaran televisyen gambar yang baik. Sekian Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak ada lagi.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Belait: Terima kasih Pengiran Pengerusi, saya cuma ingin bertanya, di Daerah Belait Alhamdulillah sebuah bangunan baru RTB akan tidak lama lagi siap, cuma saya ingin bertanya barangkali penambahan kakitangan Jabatan tersebut, kerana apa yang saya maklum, fahami kakitangan di

Jabatan tersebut kekurangan, makanya liputan-liputan kadang-kadang tidak dapat memenuhi kehendak semasa di daerah tersebut. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin Abd Rauf, Daerah Tutong: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, di Daerah Tutong, apa yang saya difahamkan bahawa ada satu bangunan untuk RTB tetapi sejauh mana yang sudah perkembangannya kerana pada masa ini di Daerah Tutong boleh dikatakan jauh berbeza dengan Daerah Temburong dan Daerah Belait apa lagi dengan Daerah Brunei, bilakah ia berfungsi, terima kasih.

Pengerusi: Tidak ada perbincangan daripada Ahli-Ahli sebelah kiri.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit mengenai rancangan-rancangan yang terdapat di Radio Televisyen Brunei, Negara Brunei Darussalam adalah sebuah Negara yang mengamalkan Melayu Islam Beraja, tetapi nampaknya rancangan-rancangan yang disiarkan di Radio Televisyen Brunei, terutama sekali rancangan tempatan masih kelihatan rancangan-rancangan tersebut, terikut-ikut dengan negara-negara luar terutama sekali pakaian-pakaian yang tidak sesuai dipakai oleh orang-orang Melayu di Negara Brunei Darussalam.

Jadi saya berharap rancangan-rancangan apapun yang memaparkan pakaian-pakaian yang ditunjukkan di rancangan-rancangan

harus dikaji semula dan disesuaikan dengan keadaan negara kita Negara Brunei, Melayu Islam Beraja. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sebelah kanan ada yang ingin memberi penjelasan silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri: Pengiran Pengerusi kalau dapat secara menyeluruh pada beberapa teguran dan pandangan itu diambil maklum mengenai dengan beberapa keperluan-keperluan, terutama dengan keperluan tenaga dan bangunan baru di Daerah Belait dan di Daerah Temburong itu, itu akan, tidak dapat dijanjikan tapi akan dilihatlah dalam peruntukan-

peruntukan tahunan yang akan datang.

Di Tutong itu barangkali keperluannya tidaklah seperti keperluan di Temburong ataupun Kuala Belait, di Tutong boleh juga di cover daripada bandar, tetapi ada perancangan untuk mengadakan satu bangunan, satu studio di sana. Mengenai dengan kesesuaian program-program yang tidak sesuai, itu akan diambil perhatian dan kalau sekiranya, diambil kiralah nanti apabila merangka rancangan-rancangan program RTB di masa-masa akan datang, terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada lagi pembahasan, maka saya memohon Ahli-Ahli yang bersetuju, sila mengangkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju. **(Tidak ada)**

Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka dengan demikian tajuk Radio Televisyen Brunei diluluskan.

Jututulis: SA08A Radio Televisyen Brunei dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA09A Jabatan Penerangan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sila.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei Muara: Yang Amat Mulia Pengerusi, saya sedikit menyentuh mengenai dengan Jabatan Penerangan, jelas rakyat di negara ini seringkali tertanya-tanya mengenai dengan rancangan-rancangan kemajuan negara dalam jangka yang panjang, mahupun

kemajuan-kemajuan yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan.

Jadinya saya ingin mengusulkan supaya penerangan-penerangan yang khusus kepada rakyat di negara ini harus dimaklumkan dan dikeluarkan supaya rakyat di negara ini tidak akan tertanya-tanya dan sebaliknya rakyat tidak akan memohon sesuatu perkara yang mana perkara-perkara sedemikian sudah diketahui dan dimaklumi oleh mereka. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Tenaga di Jabatan

Perdana Menteri: Pengiran Pengerusi, sekali lagi menjunjung untuk menerangkan ataupun berucap, jadi dalam perkara ini terima kasih teguran daripada Yang Berhormat mengenai dengan perlunya diambil lebih untuk memaklumkan kegiatan-kegiatan Kerajaan tentang kemajuan-kemajuan dan projek-projek Kerajaan, ini sedang diusahakan dan insya-Allah akan dilaksanakan dan apa yang disebut itu memang betul, memang kitani lebih proaktif untuk memaklumkan kepada rakyat mengenai dengan kegiatan-kegiatan dan kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Pengerusi: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin Abd Rauf, Daerah Tutong: Pengiran Pengerusi, saya sesungguhnya tertarik mengenai dengan hal penerangan umpama di Daerah Tutong boleh dikatakan terutama sekali peralatannya agak berkurangan, jadi kalau boleh bahawa perkara ini dibaharui terutama sekali:

- 1) Peralatan-peralatan pilihan.
- 2) Pegawai-pegawai dan kakitangannya pun tidak mencukupi, yang saya lihat pada masa itu kalau ada satu-satu temasya pun hanya tiga orang sahaja, jadi kalau boleh perkara ini akan dapat ditambah dan diselidiki, apakah kepentingan-kepentingan yang wajib diadakan di Daerah Tutong, terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada lagi perbincangan mengenai dengan tajuk ini. Ahli-Ahli yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)
Yang tidak bersetuju. **(Tidak ada)**

Nampaknya semua Ahli bersetuju. Tajuk Jabatan Penerangan diluluskan.

Jurutulis: SA09A – Jabatan Penerangan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA10A Jabatan Perkhidmatan Awam.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya tidak ada.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebahagian Jabatan

Perkhidmatan Awam, ini saya ingin menimbulkan mengenai dengan kelambatan untuk menimbang permohonan-permohonan untuk mendapatkan pekerjaan yang telah diiklankan melalui Pelita Brunei dan surat-surat khabar masih lagi terdapat yang saya dimaklumkan sama ada jawatan itu dikeluarkan oleh jabatan-jabatan dari kementerian-kementerian, yang saya tahu iklan itu telah dikeluarkan dalam lebih kurang 6 bulan yang lalu dan ada dijawab, dan hingga masa ini belum ada jawapan, sama ada untuk ditemuduga dan sebagainya dan belum ada jawapan sama ada sesuatu permohonan itu ditolak ataupun akan dipanggil temuduga.

Sepatutnya paling lama jawatan-jawatan kosong itu seharusnya mengambil masa sebegitu lama dan memandangkan pada masa ini

sebagaimana kita faham senarai pengangguran bagi anak-anak muda yang ingin bekerja lebih kurang 6,000 orang seharusnya jika mengeluarkan iklan-iklan itu dipercepatkan temuduga dan diberitahu keputusannya sama ada sesuatu permohonan itu berjaya atau sebaliknya. Sekian, terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sila.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Pengiran Pengerusi, saya ingin mengajukan satu pertanyaan khusus Jabatan Perkhidmatan Awam ini. Sekarang saya ada menerima beberapa maklumat pertama sekali sebagai contoh iaitu daripada pengetua-pengetua sekolah-sekolah mahupun sekolah-sekolah menengah ada

terdapat sekarang pengetua-pengetua hanya sebagai pemangku jawatannya malah pengetua-pengetua tersebut sudah 2 tahun ia bertugas sebagai Pengetua malah diketahui mereka ini ada yang sudah mencukupi syarat bagi membolehkan pemangku-pemangku pengetua ini sudah ditetapkan sebagai seorang Pengetua. Jadi mohonlah perkara sedemikian ini dijelaskan dan mengapa dan apa sebab-sebab pemangku begitu lama, maka ianya ditetapkan sebagai seorang Pengetua. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan: Pengiran Pengerusi, saya hanya akan dapat menjawab soalan yang telah dikemukakan mengenai dengan

pengetua-pengetua yang telah lama memangku ani tadi. Soalan yang pertama barangkali di luar daripada pengetahuan saya sendiri. Mengenai dengan pengetua-pengetua yang lama memangku ani memang tindakan-tindakan telahpun diambil untuk menentukan bisidia ini ditetapkan dalam jawatan mereka masing-masing.

Tapi walau macamapun harus diingat bahawa dalam Kerajaan seseorang pegawai itu perlu menjalani beberapa proses sebagaimana yang ditentukan oleh peraturan-peraturan Kerajaan bagi seorang itu mendapat kenaikan pangkat, jadi setentulah perkara itu akan diusahakan dalam teratur dan sempurna tetapi kita berhadapan dengan peraturan-peraturan yang memerlukan kita mengikut peraturan itu supaya dilaksanakan, supaya tidak menjejaskan

kepentingan-kepentingan Kerajaan yang lain.

Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada lagi perbahasan Tajuk Jabatan Perkhidmatan Awam. Ahli-Ahli yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju. **(Tidak ada)**
Nampaknya semua Ahli bersetuju. Tajuk Jabatan Perkhidmatan Awam diluluskan.

Jurutulis: SA10A Jabatan Perkhidmatan Awam dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA11A Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada perbahasan maka Jabatan Perkhidmatan Pengurusan

diluluskan setelah diundi. Ahli-Ahli yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju. **(Tidak ada)**

Nampaknya semua bersetuju. Tajuk Jabatan Perkhidmatan Pengurusan diluluskan.

Jurutulis: SA11A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA12A Polis Diraja Brunei.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:
Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Terima kasih. Barangkali apa yang saya pohonkan ini telah diterangkan awal-awal tadi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) mengenai dengan tambahan peruntukan pada tahun ini juga ditujukan kepada

peruntukan untuk polis sebagaimana yang dikatakan tadi.

Walau bagaimanapun saya ingin berkongsi dengan akan pandangan ini secara *general*, Pasukan Polis Diraja Brunei telah memberikan khidmat yang begitu baik dalam menjaga keamanan, keselamatan Negara. Baru-baru ini statistik *crime* yang dinyatakan *crime rate* dalam masa 10 tahun yang lalu sudah menurun setahun demi setahun.

Polis Diraja Brunei patut diberikan tahniah dan kepujian di atas khidmat mereka ini, hanya kes pecah rumah saja banyak meningkat. Dari itu saya rasa *crime prevention* patutlah dikuatkan sebagaimana langkah-langkah awal yang patut dibuat yang begitu berkesan jika dapat diadakan untuk mencegah kejadian-kejadian yang tidak diingini termasuk penyeludupan sebagainya.

Saya difahamkan keanggotaan polis di dalam *crime prevention* ini masih lagi berkurang ianya tidak lebih dari 10 peratus daripada keseluruhan keanggotaan polis. Jadinya soalan saya adakah peruntukan tambahan tadi Yang Berhormat Menteri, boleh menampung keanggotaan di bahagian ini yang mana ekstra-ekstra aktiviti supaya akan dapat diadakan, juga dari segi kelengkapan yang perlu seperti kapal-kapal ronda untuk mengawal sempadan dan kenderaan darat adalah *equipment* yang canggih bagi mencegah penjahat-penjahat yang juga kini sekarang sudah banyak mempunyai peralatan-peralatan moden yang sofistikated, jadi rasa kata orang "*prevention is better than cure*" jadi ada baiknya kalau dapat melabur di bahagian ini, sebagaimana juga titah Kebawah Duli, pelaburan ke atas *prevention* ini adalah begitu baik, walaupun

memerlukan kewangan yang lebih tapi jangan ditunggu hingga kejadian-kejadian yang berlaku lebih merugikan. Sekian terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih. Ahli sebelah kanan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli sebelah kanan ingin menjelaskan. Tidak ada. Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah

Belait: Terima kasih Pengiran Pengerusi, saya akan menyentuh mengutarakan dua soalan:

- 1) Alhamdulillah di Daerah Belait, Mukim Liang sebuah Balai Polis baru akan siap, namun apa yang saya ketahui dan fahami bahawa Angkatan Polis Diraja Brunei di Mukim tersebut anggotanya agak kurang kerana apabila dipohon bantuan

terutama dalam mengawal lalulintas di simpang-simpang sekolah, kadang-kadang ada, kadang tidak ada. Saya difahami bahawa mereka kekurangan anggota, tambahan lagi Mukim Liang seperti yang kita ketahui sedang berkembang dengan adanya nanti angkatan perpindahan tentera Batalion Ketiga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan perumahan Mukim Liang. Keadaan di sana akan bertambah rumit lagi sekiranya anggota polis tidak cukup untuk mengawal keadaan. Sekian, terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri: Pengiran

Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, jadi bagi kedua-dua perkara itu dalam anggaran tahun ini, peningkatan anggota Polis Diraja Brunei dalam 372 orang daripada tahun lepas. Insya-Allah mudah-mudahan dengan peningkatan itu akan dapat membantu kekurangan-kekurangan di Mukim Liang dan juga di bahagian *prevention*.

Tetapi dalam jangka setahun ini untuk mengisi 372 orang itu mungkin payah, tetapi sudah diperuntukan untuk semua peringkat kakitangan polis itu. Mudah-mudahan dengan adanya peruntukan tersebut, insya-Allah akan dapat mengurangkan keperluan - keperluan Yang Berhormat sebutkan tadi itu.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada lagi pembahasan, maka saya memohon

Ahli-Ahli yang bersetuju sila mengangkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka dengan demikian tajuk Polis Diraja Brunei diluluskan.

Jurutulis: SA12A – Polis Diraja Brunei dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA14A – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Yang Berhormat Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah Temburong:

Terima kasih Pengiran Pengerusi. Perkara yang akan peramba hadapkan adalah diharapkan supaya sebarang jawatan yang dipohonkan oleh penduduk Daerah Temburong yang dipanggil untuk ujian bertulis ke Bandar Seri Begawan bagi mengisi jawatan-jawatan kosong

dalam perkhidmatan awam supaya akan dapat dipertimbangkan diadakan di Daerah Temburong.

Ini adalah memandangkan tambang untuk ke Bandar Seri Begawan menggunakan kewangan sendiri dan kenderaan dari tambing Bandar Seri Begawan ke tempat ujian tidak ada, maka mereka yang berkenaan akan terpaksa lagi menggunakan tambang teksi. Masalah yang dihadapi oleh pemohon, ada yang sampai 80 kali berulang alik ke Bandar Seri Begawan untuk ujian bertulis, tetapi permohonan yang dibuat tidak ada yang lulus.

Pengiran Pengerusi, sebagaimana maklum bahawa Jabatan Daerah Temburong telah mengenal pasti tempat-tempat yang sesuai bagi mengadakan ujian bertulis ini iaitu di Sekolah Menengah Sultan Hassan dan di Sekolah Rendah Sultan

Hassan, Pekan Bangar, Temburong. Sekian peramba hadapkan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada lagi pembahasan, maka saya memohon Ahli-Ahli yang bersetuju sila mengangkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua bersetuju, maka dengan demikian tajuk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam diluluskan.

Jurutulis: SA14A – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA15A – Unit Petroleum.

Yang Berhormat Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah Temburong:

Terima kasih Pengiran Pengerusi. Mengenai dengan Unit Petroleum ini

alhamdulillah, dengan sedikit masa saja lagi insya-Allah satu stesyen minyak yang dibuat di Kampong Negalang, Jalan Labu, Mukim Batu Apoi, Temburong akan dapat beroperasi dan menjadikannya dua stesyen minyak yang akan wujud di Daerah Temburong.

Apa yang menjadi persoalan orang ramai mengenai dengan minyak petrol adalah subsidi Kerajaan kepada rakyat dan penduduk di negara ini. Adalah tidak dapat dielakkan Daerah Temburong adalah laluan kenderaan - kenderaan daripada negara jiran sama ada kenderaan ringan atau berat. Seperti yang telah maklum selama ini mereka akan singgah dan kerap kali untuk membeli minyak petrol atau minyak diesel seperti yang dikehendaki mereka. Saya ingin tahu apakah sukat-sukat kepada kenderaan-kenderaan

berkenaan berapa liter sepatutnya yang mereka berhak untuk membelinya. Sekian, terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri: Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, mengenai dengan subsidi dan penggunaan kenderaan-kenderaan luar yang menggunakan kawasan-kawasan yang berdekatan dengan sempadan. Pada masa ini kegiatan-kegiatan ini dipantau dan memang ada berlaku penyalahgunaan kemudahan-kemudahan untuk membawa minyak subsidi daripada negara kitani keluar. Jadi masa ini dipantau dan akan dihadapkan satu tambahan peraturan lagi mengenai dengan

kenderaan-kenderaan yang menggunakan pendaftaran luar negeri memang sedang dalam penelitian Petroleum Unit.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada lagi pembahasan, maka saya memohon Ahli-Ahli yang bersetuju Unit Petroleum sila mengangkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka dengan demikian tajuk Unit Petroleum diluluskan.

Jurutulis: SA15A Unit Petroleum dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA16A Jabatan Mufti Kerajaan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada

pembahasan, maka saya memohon Ahli-Ahli yang bersetuju sila mengangkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka dengan demikian tajuk Jabatan Mufti Kerajaan diluluskan.

Jurutulis: SA16A Jabatan Mufti Kerajaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA17A Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada pembahasan, maka saya memohon Ahli-Ahli yang bersetuju sila mengangkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju?

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka dengan demikian tajuk Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi diluluskan.

Jurutulis: SA17A Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA18A Bahagian Undang-Undang.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Pengiran Pengerusi Walaupun ada pertanyaan bagi bahagian ini, Menteri manakah yang akan menjawabnya? Dan jika tidak ada, walaupun ada soalan yang tidak dijawab, macam mana akan diundi? Siapa yang mengundi? Yang bersetuju belum ada jawapan sudah diundi, kalau jawapan sudah diperbuat, kalau tidak ada orang

menjawab. Mestilah ditentukan barangkali macam JPKE itu tadi.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dalam peraturan 7 (6) sebarang Ahli-Ahli di sebelah kanan boleh tidak menjawab, di sini ada dalam Peraturan Mesyuarat.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Pengiran Pengerusi, pertanyaan peramba Menteri mana akan menjawab ke atas soalan sesuatu perkara yang ditanya kalau tidak ada Menterinya untuk menjawab.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat perkara yang sebegitu yang agak ragu-ragu tidak payah dipersoalkan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia

**Awang Haji Yahya bin Begawan
Mudim Dato Paduka Haji Bakar,
Menteri Tenaga di Jabatan
Perdana Menteri:** Pengiran
Pengerusi mengenai dengan
pertanyaan Yang Berhormat
mengenai dengan Bahagian
Undang-Undang ataupun jabatan-
jabatan yang berhubung dengan
Undang-Undang ini, masa ani
di bawah Jabatan Perdana Menteri.
Jadi apa-apa jua soalan mengenai
dengannya bolehlah dihadapkan ke
Majlis ini dan seboleh-bolehnya akan
dijawab oleh Jabatan Perdana
Menteri sendiri, terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang
Berhormat sekiranya tidak ada
pembahasan, maka saya memohon
Ahli-Ahli yang bersetuju sila
mengangkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju,
maka dengan demikian tajuk
Bahagian Undang-Undang
diluluskan.

Jurutulis: SA18A Bahagian
Undang-Undang dijadikan
sebahagian daripada Jadual. SA20A
Pencetak Kerajaan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang
Berhormat sekiranya tidak ada
pembahasan, maka saya memohon
Ahli-Ahli yang bersetuju sila
mengangkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju,
maka dengan demikian tajuk
Percetakan Kerajaan diluluskan.

Jurutulis: SA20A Pencetak
Kerajaan dijadikan sebahagian

daripada Jadual. SA21A Peguam Negara.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada pembahasan, maka saya memohon Ahli-Ahli yang bersetuju sila mengangkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju. **(Tidak ada)**

Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka dengan demikian tajuk Peguam Negara diluluskan.

Jurutulis: SA21A Peguam Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA22A Jabatan Kehakiman Negara.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada pembahasan, maka saya memohon Ahli-Ahli yang bersetuju sila mengangkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka dengan demikian tajuk Jabatan Kehakiman Negara diluluskan.

Jurutulis: SA22A Jabatan Kehakiman Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual. SK05A Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah

Temburong: Terima Kasih Pengerusi, peramba yang akan menghadapkan mengenai dengan Janakuasa Elektrik Kampung Belingus, Temburong pada masa ini masih lagi ada gangguan-gangguan terpadamnya api elektrik bagi Janakuasa Elektrik Kampong Belingus Temburong. Sejak

pertengahan bulan Mac 2006 hingga awal bulan Mac tahun 2007 sudah 15 kali terjadinya terputus bekalan api elektrik.

Dan pagi awal tadi peramba telah menerima telefon bahawa gangguan terpadamnya api elektrik bagi kawasan Kampong Belais, Mukim Bokok bermula pada 8 pagi dan hanya dapat dibaik-pulih pada jam 12.00 malam dan di kawasan-kawasan lain bagi kampung-kampung berkenaan gangguan terpadamnya api elektrik bermula jam 11.00 pagi hingga 8.00 malam.

Apapun saya mengucapkan berbanyak-banyak ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri. Yang Berhormat Pehin yang telah turun padang untuk melawat ke tempat berkenaan melihat masalah tersebut di mana juga

peramba hadir. Seperti yang diharapkan adalah perlu barang-barang alat-alat ganti yang telah dan sudah dipohonkan supaya dapat disegerakan, supaya kalau ada kajian-kajian kerosakan dalam permasalahan injin ianya akan dapat diatasi dengan segera. Dan salah satu engine No.8 Janakuasa Elektrik berkenaan akan di '*general overhaul*', kerosakan-kerosakan yang pernah peramba lihat dalam penerangan yang telah diberikan iaitu kerosakan mengenai dengan *fuel injector, fuel pump, cumbsurb* dalam laporan daripada Pembantu Teknik Awang Chambai Anak Sedau yang bertugas di janakuasa elektrik tersebut.

Mengenai perkara kedua, minyak diesel yang sudah terpakai pada masa ini sudah ada 80 drum minyak diesel di luar kawasan Bangunan Janakuasa Elektrik Kampong

Belingus, adalah jua diharapkan supaya akan dapat dipindahkan ke tempat pembuangan yang sesuai atau dapat digunakan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan misalnya untuk membuat tar jalan.

Dan perkara terakhir yang peramba hadapkan adalah mengenai dengan permohonan, kerana sejauh ini belum ada terdapat seorang buruh yang benar-benar diperlukan bagi pemeliharaan bangunan dan pembersihan kawasan Bangunan Janakuasa Elektrik, Kampong Belingus, Sekian Pengiran Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Belait:

Terima kasih Pengiran Pengerusi ceritanya sama macam di Temburong Cuma saya ingin menambah dan mengucapkan terima kasih kepada Yang

Berhormat Pehin Menteri Tenaga, kerana hamba dibawa melawat tidak lama dahulu di mana ada tanda-tanda perubahan, kalau lampu jalan daripada simpang Jalan Rasau ke Kampong Mumong telahpun dipasang cuma saya ingin mengetahui dan saya difahamkan bahawa ada perancangan untuk memasang lampu lagi daripada Seria *by-pass* hingga ke Lumut *by-pass*, demikian juga dari Jambatan Rasau hingga ke Kampong Sungai Teraban. Cuma saya ingin ketahui rancangan ada tetapi bila ianya akan dilaksanakan?

Kedua, pada tahun lepas saya utarakan soalan yang sama tetapi bukan di Daerah Belait, lampu jalan daripada Jambatan Tutong terus ke Kampong Telisai kerana kita ketahui bahawa lampu jalan tidak ada pada masa ini. Jadi saya dengar-dengar ada perancangan

dan bertanya bila akan dilaksanakan? Sekian terima kasih

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei

dan Muara: Terima kasih Pengiran Pengerusi saya ingin menyentuh satu perkara mengenai Jabatan Pehidmatan Elektrik di Brunei dan Muara, bukannya tidak ada tetapi elektrik sering tertutup terutama sekali di Kampung-kampung atau di mukim-mukim jadi rasanya pegawai yang selalu datang untuk membaik-pulih bahagian lampu-lampu elektrik jalan raya di kawasan-kawasan tersebut, sekarang ini menjadi kawan saya. Kerana mereka ini sering datang jika sekiranya elektrik sering tertutup di kampung-kampung.

Alhamdulillah barangkali pihak pegawai yang bertugas menerangkan ada tindakan-tindakan

yang telah dibuat oleh pihak Jabatan Elektrik untuk mengatasi masalah elektrik yang selalu padam di kampung-kampung, alhamdulillah.

Kedua dari segi pemasangan tiang letrik yang baru terutama sekali di jalan-jalan raya yang baru dibina, jadi saya berharap agar pemasangan tiang-tiang letrik yang baru ini supaya pemasangannya jangan terlalu dekat dengan longkang di tepi jalan raya, kerana apabila pembesaran jalan mahupun meninggikan taraf jalan-jalan tersebut, ianya menjadi kesukaran kerana tiang letrik tersebut terlalu dekat dengan longkang di tepi jalan raya tersebut.

Jadi oleh yang demikian, saya bercadang masa akan datang, jika pemasangan tiang letrik di jalan raya supaya ianya jauh daripada longkang jalan raya supaya

kemudian hari nanti tidak terdapat perkara-perkara dan kesulitan-kesulitan yang sedemikian. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin menyampaikan mengenai dengan *street lighting* yang terdapat di beberapa batang jalan di Daerah Brunei dan Muara yang mana saya sendiri menyaksikan bahawa *street lighting* tersebut tidak pernah ditutup, ertinya menyala pada siang dan juga malam, dan akhir-akhir ini saya nampak beberapa *street lighting* tersebut sama sekali tidak menyala, kerana mungkin kepanasan dan sebagainya.

Jadi saya berharap bahagian pengawasan *street lighting* ini akan

dapat menyiasat dan sekiranya penyalaan ini tidak dikawal ianya akan membazir tenaga elektrik. Jadi itulah saja Pengiran Pengerusi yang dapat saya maklumkan kepada pihak yang berkenaan. Terima kasih

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, Daerah Tutong: Terima kasih Pengiran Pengerusi, dahulu saya ada menimbulkan mengenai bayaran memakai anggaran, jadi sejauh manakah yang dapat kita mengatasinya? Diharap memakai anggaran ini akan dapat dikaji balik, mengikut apa yang saya ketahui bahawa kononnya di Jabatan Elektrik Daerah Tutong mempunyai kakitangan yang tidak mencukupi sebab itulah mereka membuat anggaran, jadi adalah diharapkan perkara seperti ini akan dapat diatasi, kalau tidak cukup tambah

lagi pegawainya sepertimana yang lepas-lepas. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Abas: Terima kasih Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya rasa Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk keselesaan kepada rakyat keseluruhannya dengan memberikan khidmat elektrik, hanya satu sahaja barangkali banyak masalah-masalah tunggakan mengenai bayaran-bayaran elektrik yang belum dijelaskan.

Jadi di sini negara kita ini ada mempunyai satu *sustainability* untuk masa hadapan juga menjadi satu pendapatan negara barangkali perkara ini harus juga dilihat dengan serius kerana pada masa ini banyak sistem-sistem ataupun cara-cara untuk mengatasi perkara tersebut

melalui sistem iaitu *ICT* misalnya melalui *e-payment* dan sebagainya. Mungkin perkara yang lepas sudah begitu lepas tetapi sekurang-kurangnya apa yang ada pada masa ini untuk masa hadapan usaha untuk menyelaraskan perkara itu mestilah dapat dilihat dengan *serious*. Sekian terima kasih

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah kanan kiranya akan memberikan penjelasan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Pengiran Pengerusi,

1) Mengenai dengan Daerah Temburong memang diakui kerap berlaku gangguan di

Daerah Temburong ini, tetapi alhamdulillah berkurangan dalam setahun dua ini. Sebab-sebab bekalan ini terganggu ialah di Temburong ini menggunakan mesin *turbine diesel*, jadi *diesel* ini banyak menggunakan bahagian-bahagian yang bergerak, jadi itulah sebabnya kadang-kadang menggunakan jana kuasa banyak kerosakan dan mengganti alat-alat diesel ini memerlukan masa untuk mendatangkan alat ganti melalui Singapura, jadi itulah yang mengambil masa untuk mendatangkan alat-alat ganti tetapi alhamdulillah masa ini ada jua cara untuk mengatasi membaiki bekalan ini, alhamdulillah mereka bekerja cepat jua. cuma untuk mengadakan gantian adalah mengambil lebih masa sedikit.

- 2) Mengenai dengan *public lighting* ini, pada tahun ini telah ada peruntukan dalam \$800,000.00 untuk *public lighting* sahaja termasuklah barangkali mana-mana *public lighting* di *public areas* yang belum ada *public lighting* mungkin akan dbekalkan *public lighting* tertakluk kepada sukat-sukat Jabatan untuk meletakkan *public lighting*.
- 3) Mengenai dengan lampu yang sentiasa menyala walaupun waktu siang, ini memang diakui berlaku disebabkan oleh ia punya *sensor* kadang-kadang tidak berapa betul *timer*-nya, kadang-kadang tidak dibetulkan selepas bekalan elektrik itu putus jadi timer itu tersasar daripada waktu awal. Kedua kadang-kadang ia punya *auto sensor* tetapi berhabuk sebab itulah, walaupun keadaan siang

tetapi oleh sebab terkena habuk menyebabkan ia berkeadaan gelap, *senso* secara automatiklah akan membekalkan cahaya lampu itu.

- 4) Mengenai dengan Pembaca Meter yang menggunakan anggaran ini disebabkan kekurangan kakitangan Pembaca Meter jadi sebab itu diadakan bacaan secara anggaran tetapi *since* secara anggaran ini, walaupun ia diadakan ada jua dalam setahun diadakan bacaan betul jadi pembetulan akan dilakukan apabila bacaan betul itu dilakukan, jadi kalau lebih ataupun kurang akan di *adjust* waktu pembacaan secara betul. Walaupun satu bulan itu tinggi tetapi setelah dibuat pembacaan betul ia akan disesuaikan, jadi dalam mengadakan kakitangan

kalau sekiranya ada alhamdulillah akan ditambahkan barangkali pembaca-pembaca meter ini jika ada peruntukan tertakluk kepada apa yang diluluskan.

- 5) Mengenai dengan tunggakan memang diakui tunggakan ini meningkat pada tarikh-tarikh yang dikenalpasti A, B dan D. Kerajaan, pihak perindustrian dan pihak persendirian, jadi ada beberapa cara, pada masa ini telah diteliti oleh Jabatan untuk mengurangkan tunggakan ini, jadi masa ini sedang diteliti untuk menghadapi masalah tunggakan ini. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat penjelasan telahpun diberikan, maka sekarang saya meminta Ahli-Ahli yang bersetuju

pada tajuk Jabatan Perkhidmatan Elektrik sila angkat tangan?

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka dengan demikian tajuk Jabatan Perkhidmatan Elektrik diluluskan.

Jurutulis: SK 05A Jabatan Perkhidmatan Elektrik dijadikan sebahagian daripada Jadual. SB Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Timbalan Menteri Pertahanan: Tuan Yang Dipertua, izinkan saya bagi pihak Kementerian Pertahanan untuk memberikan penerangan singkat ke atas usul peruntukan pertahanan bagi tahun ini.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memberikan kepentingan yang besar kepada keamanan dan kemakmuran. Ini lebih-lebih ketara lagi jika dilihat kepada Peruntukan yang telah diusulkan bagi kegunaan Pertahanan pada tahun ini dan yang telah disediakan pada tahun-tahun sebelumnya. Tahun ini telah melihat sedikit pertumbuhan kepada Peruntukan Pertahanan yang mana merupakan satu peluang pelaburan yang akan membolehkan Kementerian Pertahanan untuk meneruskan pelaksanaan rancangan-rancangan perubahan. Rancangan-rancangan ini adalah seperti yang telah diaturkan di dalam Kertas Putih Pertahanan Tahun 2004, Pelan Strategik Pertahanan 2004 dan *Defence White Paper Update 2007* iaitu

pengemaskinian kertas putih Kementerian Pertahanan Tahun 2007.

Penilaian-penilaian kemungkinan masa hadapan juga telah menunjukkan bahawa selain dari ancaman penganasan yang masih wujud, kita juga melihat berlakunya kejadian-kejadian bencana alam yang memerlukan tindakan kemanusiaan yang segera. Oleh yang demikian, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, sebagai sebuah organisasi pertahanan, perlu bersedia dan dilengkapi untuk menghadapi ancaman-ancaman keselamatan dan kejadian-kejadian tersebut. Hasil daripada pengalaman sebelum ini, Pertahanan telah memainkan peranan yang penting dalam pencapaian hasrat dan aspirasi negara.

Untuk tahun 2007, Kementerian Pertahanan telah menghadapi permohonan peruntukan sejumlah B\$519,951,764 (Lima Ratus Sembilan Belas Juta, Sembilan Ratus Lima Puluh Satu Ribu, Tujuh Ratus Enam Puluh Empat Ringgit). Jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya, ini adalah merupakan satu pertumbuhan peruntukan di bawah satu peratus (0.99%). Akan tetapi jika diambil kira kenaikan kadar gaji yang telah diumumkan pada tahun lepas, jumlah yang dipohonkan itu adakah lebih rendah. Dalam erti kata yang lain, Kementerian Pertahanan berhasrat untuk melaksanakan keutamaan - keutamaannya seberapa banyak yang boleh dengan hanya menggunakan peruntukan yang berpatutan.

Peningkatan Peruntukan yang tidak melebihi satu peratus (0.99%) ini

telah dapat dicapai melalui penyusunan semula keutamaan-keutamaan Kementerian Pertahanan. Di dalam penyusunan semula ini, permohonan peruntukan hanya dibuat bagi program dan inisiatif yang benar-benar menyumbang kepada matlamat dan strategi pertahanan.

Di samping itu, Kementerian Pertahanan juga sedang giat meneroka kaedah-kaedah baru melalui usaha-usaha sama dan penggalakan rakan kongsi, khususnya dalam aktiviti-aktiviti yang bukan teras kepada Kementerian Pertahanan seperti penyediaan pemakanan, perumahan, pemeliharaan, kelengkapan dan sebagainya.

Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja membolehkan Kementerian Pertahanan memberikan tumpuan

kepada tugas-tugas utama, iaitu kesiap-siagaan dan transformasi pertahanan demi mencapai sasaran yang dimaksudkan tadi, malah ia juga menyediakan peluang pekerjaan, mempromosikan pertumbuhan industri pertahanan, membuat pelaburan dalam ilmu pendidikan dan membantu menjana perkembangan ekonomi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan panduan melalui titah Baginda sempena Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Majlis Mesyuarat Negara bahawa; *"...sasaran utama kita tidak lain ialah untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang benar-benar berdaulat aman makmur lagi selamat..."*

Peruntukan yang diusulkan ini akan membolehkan Kementerian Pertahanan untuk membentuk struktur pertahanan sesuai dengan keperluan-keperluan yang timbul dari suasana keselamatan semasa. Terima Kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat setelah Timbalan Menteri Kementerian Pertahanan menjelaskan panjang lebar mengenai dengan Rang Undang-Undang Kementerian Pertahanan, maka sekarang saya meminta yang bersetuju mengenai dengan Kementerian Pertahanan angkat tangan.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Pengiran Pengerusi, dengan penuh hormat peramba mencadangkan supaya peruntukan

Kementerian Pertahanan yang sensitif sepatutnya kita di sini pun mempertahankan *sensitivity* nya tanpa menghebah-hebahkan cara mana kita akan mempertahankan dengan memberikan butir-butir pada orang ramai apa yang kita beli? apa yang kita akan beli? berapa orang kita mempunyai askar, sepatutnya tidaklah perlu seperti tahun lepas perkara ini tidak dibincangkan, kerana kita juga sudah sama-sama mendengar akan penerangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat di sebelah sana. Terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya memohon Ahli-Ahli yang bersetuju sila mengangkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Ahli-Ahli Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka dengan demikian tajuk Kementerian Pertahanan diluluskan.

Jurutulis: SB Kementerian Pertahanan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SC Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:

Pengiran Pengerusi Terima kasih, Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin memberikan tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, yang mana telah berjaya menubuhkan beberapa agensi ataupun *Ambassy High Commission* dan *Consul General*, Konsul Agung di negara-negara luar pada masa ini, kerana dengan ada tertubuhnya perkara tersebut iaitu opis-opis di luar negeri sangat-sangatlah memberikan satu

hubungan diplomatik dan kerjasama yang erat, juga dari segi *networking* dan sebagainya. Jadinya yang saya ingin timbulkan di sini adakah kerjasama di bidang ekonomi dan *trades* akan dapat diusahakan oleh opis-opis tersebut? untuk memberikan peluang kepada peluang-peluang bisnes ataupun perniagaan bagi peniaga-peniaga dari negara ini untuk berhubung dengan negara luar tersebut.

Seperti juga opis-opis *Ambassy* ataupun *High Commissioner* dari luar negeri yang berada di sini mereka mempunyai *trades commissioner* untuk tujuan tersebut. Satu lagi yang saya ingin tanyakan di sini sebagaimana juga satu langkah bagi mempromosikan perkhidmatan - perkhidmatan profesional anak-anak tempatan seperti di bidang konsultan jurutera, arkitek dan sebagainya. Adakah

peluang untuk melaksanakan projek-projek di luar negeri akan dapat diberikan kepada *konsultan-konsultan* tersebut, kerana ia memberikan satu pendedahan kepada mereka untuk memberikan khidmat di luar negeri. Saya harap Kementerian berkenaan akan dapat memberikan *consideration* terhadap perkara ini. Sekian terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua): Pengerusi, ingin peramba mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi sedikit pandangan dengan berkenaan dengan bajet Kementerian Hal Ehwal Luar

Negeri dan Perdagangan dan juga memberi beberapa soalan dan pandangan berkenaan dengan Kementerian ini. Yang sebenarnya Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ada 31 Kedutaan Besar dan Suruhanjaya Tinggi dan 3 Kedutaan yang di mana tarafnya adalah seorang pegawai sahaja, seperti Morocco, Bahrain, di mana perwakilan hanya ditumpukan kepada seorang sahaja untuk menjimatkan perbelanjaan.

Selain dari itu ada 4 *counsulate* iaitu di Sabah, Sarawak, Taipei dan Hongkong, Hongkong baru ditubuhkan pada tahun ini dan tujuan-tujuan *counsulate* ini memanglah selain daripada menjaga kepentingan orang-orang Brunei yang ada di sana jika mereka terdapat kemuskilan dan lain-lain adalah untuk semata-

semata untuk *encourage*-lah berkenan dengan *promotion of trades* dan macam mana untuk melicinkan *bilateral trade* di antara satu dengan lain.

Cadangan dari Ahli Berhormat tadi adalah satu cadangan macam mana ada orang-orang tempatan dapat diambil berkerja barangkali di *mission-mission* luar negeri, ini ada dipraktikkan seperti di New York, di London kita pada masa ini telah menawarkan jawatan-jawatan untuk mengambil orang-orang Brunei yang berkemahiran untuk bekerja sebagai *local language staff*. Ini juga satu usaha untuk mengambil anak-anak tempatan di sini bekerja di *mission-mission* Brunei. Itu saja barangkali untuk penerangan Ahli Yang Berhormat.

Pengerusi: Terima kasih, atas penjelasan itu, Ahli-Ahli Yang

Berhormat sekarang saya minta Ahli-Ahli yang bersetuju pada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka dengan demikian tajuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan diluluskan.

Jurutulis: SC Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang sudah sampai jam 4 petang. Saya berfikir kebanyakan Ahli-Ahli Yang Berhormat sudah letih, maka saya minta kita akan balik semula

ke Majlis Mesyuarat Negara.
Dengan demikian sekarang Majlis
Mesyuarat Negara disambung
semula.

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli
Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat
Negara kita tangguhkan hari ini
kepada esok pagi jam 9.30 pagi.
Majlis ditangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC)**Khamis, 18 Safar 1428 / 8 Mac 2007****YANG DIPERTUA DEWAN DAN
AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM****YANG HADIR:****YANG DIPERTUA DEWAN**

Yang Amat Mulia,
Pengiran Indera Mahkota Pengiran
Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni
Al-Marhum Pengiran Bendahara
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin,
PSLJ., SPMB., POAS., PHBS., PJK.,
PKL.,
Yang Dipertua Dewan,

AHLI RASMI KERANA JAWATAN:

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam, Perdana Menteri,
Menteri Pertahanan dan Menteri
Kewangan,
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee
Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah, DKMB., DPKT., King
Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi
Arabia), Medal of Honour (Lao)., Order
of Lakandula with the Rank of Grand
Cross (Philippines)., PHBS.,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana
Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran
Muda Mohamed Bolkiah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri
Setia Haji Awang Abdul Rahman bin
Dato Setia Haji Mohamed Taib,
PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji
Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin,
DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PJK.,
PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji
Ahmad bin Haji Jumat,
PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-
Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato
Seri Setia Awang Haji Yahya bin
Begawan Mudim Dato Paduka Haji
Bakar, PSNB., SPMB., DSNB., PJK.,
PIKB., PKL.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy)
di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato
Seri Setia Haji Abdul Rahman bin
Haji Ibrahim,
PSNB., DPMB., PIKB., PKL.,
Menteri Kewangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa
Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng,
PSNB., SPMB., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI YANG DILANTIK
(ORANG-ORANG BERGELAR):**

Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.)
Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji
Abdul Rahim,
DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS.,
PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Amat Mulia,
Pengiran Dipa Negara Laila Diraja
Pengiran Haji Abdul Momin bin
Pengiran Haji Ismail, DK., DSNB.,
DPMB., POAS., PHBS., PBLI., PJK.,
PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato
Seri Paduka Awang Haji Mohd.
Yasmin bin Haji Umar, SPMB.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI DILANTIK (ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN) :

Yang Berhormat,
Pengiran Dato Paduka Haji Damit
bin Pengiran Haji Sunggoh,
DPMB., PHBS., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato
Paduka Awang Goh King Chin,
DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji
Othman bin Uking,
SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Idris bin
Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,
PSB.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin
Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin,
DPMB., SLJ., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin
Mohd Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK DARI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat,
Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin
Awang Haji Ibrahim,
SMB., PJK., PKL.,
Penghulu Mukim Kota Batu,
Negara Brunei Darussalam .

Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor,
PSB., PKL.,
Penghulu Mukim Lumapas,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji
Muhammad Taha bin Abd. Rauf,
SMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Penghulu Mukim Keriam,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad,
Ketua Kampong Lumut 1,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,
Ketua Kampong Belingos,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya
Dato Paduka Awang Haji Judin bin
Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS.,
PBLI., PJK.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

TURUT HADIR:

Yang Mulia,
Dayang Rose Aminah binti Haji
Ismail,
Penolong Jurutulis,
Negara Brunei Darussalam.

**Majlis mula bersidang jam 9.30
pagi**

Yang Dipertua Dewan: Majlis
disambung semula.

Jurutulis: Majlis Mesyuarat Pertama
dari Musim Permesyuaratan Ketiga

bagi Majlis Mesyuarat Negara
disambung semula dengan
mendahului Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

**Yang Dimuliakan Pehin Khatib
Awang Haji Metassan bin Haji Tahir,
Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin:**
Membaca doa selamat.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang
Berhormat kita akan menyambung
semula mesyuarat ini, supaya
ditangguhkan menjadi Jawatankuasa.

**(Majlis bersidang selaku
Jawatankuasa)**

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat
semalam yang dibawa oleh Yang
Berhormat Menteri Kewangan II
(Kedua) telah mengadakan satu Rang
Undang- Undang yang bergelar Satu
Rang Undang-Undang membekalkan

sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2007/2008 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu supaya dibaca bagi kali kedua dan ada sokongan.

Menerusi Jawatankuasa, maka sekarang Persidangan Jawatan kuasa bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat sehingga kelmarin kita telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala supaya menyempurnakan 33 Tajuk Kewangan. Sekarang kita beredarkan kepada Kementerian Kewangan.

Jurutulis: Kementerian Kewangan: SDO1A – Jabatan Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah

Temburong: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya ada satu cadangan mengenai dengan cara kita meneliti peruntukan tiap-tiap kementerian. Sebelum kita meneliti atau menyoal atau memberikan komen, ada baiknya jika boleh Yang Berhormat Menteri berkenaan akan dapat memberikan penerangan atau memberikan *briefing* dengan secara ringkas.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat kelmarin Menteri Kewangan telah menjelaskan begitu panjang lebar hampir masa lebih kurang 2 jam.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah Temburong: Cuma dengan ringkas seperti yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan kelmarin.

Pengerusi: Yang sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan tidak ada penerangan yang awal sepertimana yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), apabila kita sampai kepada perbincangan peruntukan itu barulah Timbalan Menteri Pertahanan menerangkan, tapi mengenai dengan Kementerian Kewangan sebelum kita berbincang sebagai Jawatankuasa kita telah diterangkan begitu panjang lebar dan inilah di antaranya diterangkan, digariskan satu persatu menunjukkan jumlah kementerian dan pejabat masing-masing ada di hujungnya.

Sudah itu draf ada dalam kertas yang disediakan, apa yang patut diragukan sekiranya di dalam

peruntukan ini ada terdiri, tersagir atau macamana yang telah membawa keraguan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat bolehlah dikemukakan apa cadangan baru.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Bismillahir Rahmanir Rahim, Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya hormati, di sini saya ingin menimbulkan usul ataupun suara-suara yang perlu disampaikan di Dewan ini iaitu khusus daripada kaum wanita ataupun perempuan.

1. Khusus bagi balu, janda atau ibu tunggal mereka ini memohonkan kepada pihak yang berkenaan agar pencen bulanan bekas suaminya yang telah meninggal

dunia dicadangkan supaya jangan dipotong pencen bulanan mereka ini setelah mereka berkahwin baru, kerana apa sebab-sebab perkara ini ditimbulkan, ada di antaranya suami-suami baru bagi balu-balu atau ibu tunggal di antaranya tidak begitu menjamin hidup malah akan mendatangkan lebih buruk atau lebih parah kepada janda, balu atau ibu tunggal sedemikian, dan juga maklum janda atau ibu tunggal yang menerima pencen bulanan bekas suaminya ini ada yang masih berumur muda, masih sihat dan bergaya sudah setentunya kumbang-kumbang memang akan memetik dan juga apabila sudah antara keduanya ini mengambil keputusan untuk

bernikah dan berkahwin, inilah satu perkara yang akan timbul sama ada balu ini akan meneruskan pernikahan atau sebaliknya, kerana kalau bernikah sebagaimana yang disebutkan tadi akan menerima akibat yang lebih buruk, jika tidak bernikah atau sebaliknya inilah yang akan menimbulkan satu fitnah atau satu perkara yang akan menyalahi dalam akidah ugama malah ada di antaranya yang masih kata orang berkawan ibarat bersahabat dan bersaudara hingga berbulan-bulan, inda jua nikah inda jua inda bernikah, jadi inilah sebabnya dipohonkan kepada pihak yang berkenaan akan memikirkan semula mereka ini.

2. Kaum perempuan khususnya di Negara Brunei Darussalam ini memohon kepada pihak yang berkenaan supaya akan memikirkan semula dan mereka ini memohonkan agar kaum perempuan seperti pegawai-pegawai Kerajaan yang lain apabila ia bersara, mereka ini memohon supaya mereka ini berpencen sebagaimana yang telah diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan lelaki kerana mereka ini menganggap tanggungjawab pekerjaan mereka ini sama juga dengan pekerjaan-pekerjaan kaum lelaki. Walaupun mereka ini dianggap sebagai golongan yang lemah tetapi tidak mustahil mereka ini akan menggoncang dunia sebagaimana yang telah

kitani ketahui kaum wanita juga ada memegang jawatan-jawatan yang tertinggi, dan

3. Juga khusus bagi kaum wanita dan juga kepada mereka-mereka yang berpendapatan rendah, dipohonkan kepada Majlis agar menimbangkan semula tambang yang akan menunaikan Tambang Haji yang sekarang ini mengikut kadar tambang syarikat-syarikat tidaklah sama dengan kadar tambang yang lama.

Sedangkan tambang yang lama kalau tidak silap berjumlah \$3,500 sedangkan sekarang ini tambang-tambang bagi syarikat-syarikat adalah berlipat-ganda. Jadi dipohonkan tambang

\$3,500 ini akan dinaikkan berpatutan dengan tambang yang ada sekarang ini dan yang berikut mengenai dengan pembayaran bonus.

Pembayaran bonus dipohonkan supaya setiap tahun pembayaran bonus ini akan dibayar setiap hujung bulan Disember. Kerana apa, bulan Disember adalah sebagai persediaan bagi orang ramai untuk mempersiapkan peralatan-peralatan sekolah anak-anak mereka. Jadi itulah yang dapat saya pohonkan kerana apa cadangan saya yang awal tadi iaitu kaum wanita berhasrat supaya perkara sedemikian akan dapat disampaikan bukan untuk mencadang sahaja malah

untuk membela nasib kaum wanita di negara ini, sekian terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat mengenai perkara elaun untuk kaum wanita adalah sebab-sebabnya daripada suaminya. Jadi menimbangkan keadaan kesusahannya sewaktu tidak bersuami, tetapi apabila suami meninggal maka kelazimannya bukan sahaja di sana, sendirinya perempuan itu akan ditimbangkan oleh Kerajaan, oleh kerana sedikit sebanyak elaun itu sahaja belum diketahui tetapi bagaimanapun apabila berkahwin dengan orang lain perkara itu akan dimansuhkan.

Itu dibuat daripada awal sampai sekarang belum ada pertukaran

undang-undang yang dibuat macam itu sepengetahuan saya. Kalau lebih terang diminta Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) menerangkan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II

(Kedua): Terima kasih Pengiran Pengerusi, Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih juga di atas saranan-saranan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Ada beberapa perkara yang dibangkitkan di sana:

1) Mengenai dengan ibu tunggal, memang sebagaimana disabdakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi memang betul, akta yang ada pada waktu ini mana-mana ibu tunggal, terutama kematian suami maka pencen turunan akan diberikan kepada ibu-ibu tunggal tersebut sehingga kalau ia berkahwin semula maka pencen turunan itu tidak lagi diberi kepada ibu tunggal tersebut.

Tapi yang selebihnya itu, diberikan kepada anak-anaknya yang berhak. Itu peraturan yang ada pada waktu ini. Jadi terdapat barangkali beberapa *venue* untuk menghadapi masalah-masalah seperti ini:

a) Jika perlu, mungkin ibu tunggal berkenaan boleh memohon bantuan kewangan pada agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan bukan Kerajaan untuk dinilai keperluannya dari segi

sara hidup dan diberi bantuan kewangan yang berpatutan.

- b) Kalau kita meneliti perkara yang ada pada waktu ini bagi setiap ibu tunggal yang mencapai umur enam puluh tahun sudah ada Pencen Tua \$250.00 ia berhak, dan

- c) Barangkali satu *evenue* juga ialah dari segi sokongan dari ahli keluarga. Itu satu perkara juga di Brunei ini. Alhamdulillah, nampak-nampaknya sokongan keluarga ini masih lagi kukuh bukan macam di tempat-tempat lain. Jadi itulah yang barangkali yang dapat saya terangkan mengenai degan ibu tunggal ini. Mengenai dengan pencen pegawai-pegawai wanita, apa

yang barangkali yang dibentangkan oleh Yang Berhormat tadi ialah dari segi orang '*month to month*' tu. Sebab wanita-wanita yang dilantik dalam Jawatan Tetap memang ada berpencen, kalau ianya dilantik perkhidmatannya sebelum TAP.

Tapi sekarang ani nampak-nampaknya semua yang di dalam Skim TAP. Semua orang terpaksa mencarum. Jadi jawatan-jawatan tetap memang ada berpencen tu wanita-wanita dalam keadaan tertentu misalnya pada waktu ani *evenue* wanita-wanita yang berijazah dan sebagainya itu ada memang ia dilantik Jawatan Tetap memang ia berpencen.

Barangkali perkara ini ada lagi banyak timbul masalah sebab sekarang ini TAP itu semua meyeluruh bukan sahaja kepada wanita - wanita malahan orang-orang yang berkerja di *private sector* pun terpaksa mencarum sama-sama mencarum, terpaksa mencarum.

- 2) Mengenai dengan Tambang Haji ini, barangkali ini pulang tahu, bukan bidang tugas Kementerian Kewangan, kebanyakannya Tambang Haji ini bidang tugas Kementerian Hal Ehwal Ugama, tetapi terima kasih jua di atas cadangan dari Ahli Yang Berhormat tadi.
- 3) Mengenai dengan pembayaran bonus bagi bulan Disember ini

memang sebenarnya bonus ini dikaitkan dengan *performance appraisal* dalam setahun itu. Jadi ertinya *performance appraisal* bagi tahun itu, kalau daripada Januari memanglah kepada bulan Disember. Sebab itulah sebabnya mengapa bonus itu masih dikekalkan pada bulan Januari itu. Insya-Allah perkara ini akan dapat diteliti dan diambil maklum. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama:
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Pengiran Pengerusi mengenai dengan perkara Tambang Haji yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat

tadi, skim yang ada ialah kurnia Tambang Haji, Tambang Haji in da sampai \$3,000.00 yang kurnia atu \$3,500.00 barangkali yang timbulkan maksud oleh Yang Berhormat tadi ialah perbelanjaan naik haji termasuklah tambang, tempat tinggal, *transport* dan lain-lain.

Kitani mestilah ingat bahawasanya Allah Ta'ala, Islam in da memberatkan orang, kalau in da cukup usin in da dipaksa naik haji, cukup usin untuk naik haji, naik tah haji, skim Kerajaan memberi tambang, hanya tambang in da sampai \$3,000.00. Sekian, terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat lain.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim, Daerah Brunei dan Muara: Terima kasih Pengiran Pengerusi Ahli-Ahli Yang Berhormat, apa yang ingin peramba sampaikan khusus mengenai permasalahan yang dihadapi khusus kepada pemegang-pemegang kad kredit. Kad kredit ini sebenarnya telah membebankan kepada pemegang-pemegang khusus kepada rakyat, kerana pihak yang berkenaan yang mengeluarkan kad kredit ini telah mengeluarkan kadar faedah yang teramat tinggi iaitu lebih kurang 2% sebulan yang bererti 24% kalau kitani kira setahun.

Banyak individu yang terperangkap dan menanggung hutang yang banyak, kerana syarat-syarat pembayaran yang mesti tepat

dilaksanakan dan sekiranya lambat satu pembayaran akan dikenakan iaitu *late of charge payment*, tambahan terpaksa dibayar oleh pemiliknya, denda dibayar \$20.00 akan dikenakan.

Disebabkan oleh kerana kurang pengetahuan di samping syarat pinjaman loan yang ketat menyebabkan individu tertarik untuk memiliki kad kredit ini. Maka dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan dan menyarankan agar pihak yang berkenaan untuk mengambil tindakan disiplin, jika sekiranya boleh dilaksanakan, saya merasa bangga. Kepada pihak bank bagi mengurangkan *'late of charge payment'* ini dan juga mengurangkan kadar faedah yang dikenakan seperti yang telah ditetapkan.

Selain daripada itu saya juga ingin mencadangkan agar pihak Kerajaan memperkenalkan skim *debt relief fund*, yang mana merupakan satu pinjaman tanpa apa-apa jua kadar faedah kepada rakyat, khusus untuk menyelesaikan hutang - piutang mereka dalam masa tertentu agar mengurangkan beban yang mereka tanggung. Ani jika sekiranya dapat cuma memohon pandangan daripada Yang Berhormat Pehin Menteri Kewangan II (Kedua). Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua): Pengiran Pengerusi, terima kasih di atas pandangan dan saranan oleh Yang Berhormat tadi.

Kementerian Kewangan memang menyedari mengenai dengan perkara ini, terutamanya mengenai dengan *Personal Loan* dan jua Kad Kredit ani. Sebab itulah pada 16 Mei 2005, satu *directive* telah dikeluarkan kepada semua bank termasuk jua TAIB di negara ini. Yang mana *directive* tersebut antara lainnya memberikan peraturan-peraturan berhubung dengan pinjaman peribadi dan kredit kad.

Mengapa Kementerian Kewangan mengawal pinjaman peribadi dan kad kredit ini antara lainnya, pertama ialah untuk menyemai sikap berjimat-cermat dan memupuk budaya untuk menyimpan ataupun menabung di kalangan orang ramai di samping untuk mengelakkan orang ramai dari

terjabak di dalam hutang yang membebankan secara berterusan yang mana kita jua melihat banyak kes nya, kali lubang tutup lubang.

Jadi di samping itu juga *directive* ini juga diperkenalkan untuk membuka luas peluang perbankan dan perniagaan agar tidak tertumpu kepada deposit banking dan meminjami sahaja. Misalnya kalau sebagai perbandingan di Negara Brunei Darussalam ini, sebelum *directive* itu dikeluarkan, *Personal Loan* ini dalam 61%. Kalau kitani *compare* dengan Singapura misalnya hanya 15% dan di Malaysia 4% sahaja. Ertinya *society* kitani ani banyak yang berhutang dan banyak usul-usulnya berbelanja lebih dari kemampuan.

Macamana kita mengawal pembayaran perbelanjaan ini, ialah *directive* itu menyatakan secara spesifik supaya pinjaman peribadi ini akan dikurangkan daripada 60% kepada 30% dalam waktu 5 tahun. Jadi kelayakan daripada pembiayaan itu dihadkan jua, kalau dulunya bank meminjami 33 ke-55 kali gaji bersih tetapi kita sekarang menghadkan kepada 12 kali saja kepada pendapatan kasar bulanan.

Kalau di negara-negara lain 2 kali ganya tu, 2 kali gaji tetapi kitani 12 kali. Atupun nampak-nampaknya masih tinggi dan peratus bayaran balik *services band ratio* ini kalau dulu-dulu, Bank kadang-kadang mengambil balik dari hutang-hutang itu, kalau gaji \$1,000.00 sampai 70%. Tapi sekarang ini dengan

adanya *directives* ini dihadkan ganya kepada 22%. Ertinya \$220 dan sekurang-kurangnya \$780 dapatlah orang itu menyimpan lagi, melaburkah ia dengan produk-produk yang ada pada waktu ini.

Mengenai dengan kredit kad, kredit kad ini pun dilimit sebenarnya sudah. Misalnya pendapatan gaji bersih sebulan \$500.00, had kad kredit yang dibenarkan hanyalah 2 kali saja daripada pendapatan gaji bersih sebulan tersebut. Jadi 2 kali kalau \$500.00, \$1,000.00 ganya dapat sepatutnya. Bagi pendapatan gaji bersih sebulan \$2,500.00 had kad kredit ialah sebanyak 5 kali gaji bersih sebulan, dan bagi pendapatan gaji bersih sebulan \$4,000.00 ke atas 8 kali itu dihadkan.

Jadi apapun yang pentingnya terpulanglah kepada individu itu. Sebenarnya perkara-perkara macam ani walaupun kerajaan memberi *directive* tetapi sepatutnya individu itu sendiri yang perlu melimit diorang punya had-had untuk meminjam. Kalau sekiranya gaji \$1,000.00 atau \$2,000.00, perbelanjaan perlulah sekurang-kurangnya rendah daripada itu.

Jangan sampai kitani menggunakan kemudahan-kemudahan itu secara berlebihan-lebihan, walaupun kitani kena beri kemudahan sepatutnyalah kitani memikirkan sendiri. Jadi soalnya orang-orang ramai itu perlu jua menyambut dan di samping itu jua, insya-Allah Kerajaan sentiasa memata-matai perkara ini dan insya-Allah akan cuba sedaya upaya untuk

memantau perkembangan-perkembangannya, terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin

Abd Rauf, Daerah Tutong: Terima kasih Pengerusi, Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mengutarakan bahawa dalam majlis Dewan yang mulia ini ialah mengenai Elaun Sara hidup. Menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang telah mengurniakan Elaun Sara hidup mulai 1 Julai 1998 mengikut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri 12/1998 bertarikh 23 Julai 1998.

Sepertimana yang kita maklum bahawa Elaun Sara hidup ini bagi menampung gaji pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan yang bersara dan berpencen bulan.

Yang Amat Mulia Pengerusi, apa yang saya timbulkan di sini bahawa bagi mereka yang bersara dan tidak menerima pencen bulanan, maka mereka tidak dapat menerima elaun tersebut sepertimana mereka yang masih berkhidmat mengikut kategori masing-masing, seperti berikut:-

Bahagian I	- \$80.00
sebulan,	
Bahagian II	- \$100.00
sebulan,	

Bahagian III - \$120.00 sebulan,
bahagian IV dan ke bawah -
\$140.00 sebulan.

Berdasarkan perkara di atas bahawa apakah jua kiranya mereka ini dikekalkan menerima elaun tersebut walaupun mereka bersara, terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Tuan Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba ingin meminta penerangan daripada Kementerian Kewangan mengenai dengan *interest* yang dikenakan oleh bank-bank masa ini bagi orang ramai yang menyimpan duitnya *saving account*, *interest* nya adalah sangat rendah tidak lebih 3%, tetapi orang

ramai yang ingin meminjam atau loan daripada bank untuk keperluan mereka masing-masing *interestnya* yang dikenakan sampai kepada 10% daripada 8% hingga 10%. Jarak beza *interest* yang dikenakan oleh bank ini adalah sangat jauh.

Bolehkah pihak yang berkenaan mengontrol atau mengurangkan *interest* yang dikenakan oleh bank ini kepada orang ramai yang ingin meminjam wang kerana kebanyakan orang-orang akan meminjam wang ini adalah terdiri dari peniaga-peniaga pengusaha-pengusaha bahkan dari golongan *SME*. Jika kita ingin mengalakkan peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha ini untuk memperkembangkan perniagaan, maka ini adalah satu intensif supaya

interest itu dikurangkan, terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Pengiran Pengerusi, saya hanya menyampaikan hasrat dari orang ramai. Pertama sekali mengenai penyimpan-penyimpan wang dari golongan biasalah tu. Apabila penyimpan-penyimpan ini tidak aktif dalam beberapa masa, wang yang mereka simpan itu akan dipotong \$2.00 sebulan, yang terdapat pada masa ini terutama sekali bagi bank-bank yang akan ditubuhkan di Brunei.

Bagi bank tempatan tidak berlaku perkara ini. Ada salah seorang kawan saya menyimpan banknya

setelah ia lepas bekerja dengan BSP, beberapa tahun ia mengharapkan wang itu untuk waktu ia meninggal, bila ia meninggal diaga habis, abis duit ini dipotong oleh bank.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sekarang kita duduk dalam Jawatankuasa dan mempertimbangkan kertas kerja di dalam Jabatan Kementerian Kewangan ada menunjukkan \$427,928,407.00 di dalam peruntukan ini, ada disenaraikan perbelanjaan-perbelanjaan yang akan dibelanjakan pada tahun 2007/ 2008.

Jadi perkara ini perlu diteliti dengan baik. Hal-hal kesulitan-kesulitan yang berhutang itu boleh dipertimbangkan lepas disuarakan

sudah. Tapi yang kebanyakan sudah disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dijelaskan oleh Menteri Kewangan II (Kedua).

Jadi perkara-perkara yang baik kiranya ada dan kesulitan yang disebutkan itu patutlah dicakapkan. Kemudian selepas kita merumuskan kewangan yang *didetailkan* di dalam Anggaran Belanjawan Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Kuala Belait: Terima kasih Pengiran Pengerusi, memandangkan kepada Perbelanjaan Kementerian Kewangan pada tahun ini menurun. Kalau saya tengok jumlah *figure*, pada pendapat saya tidak semestinya yang turun positif dan

kalau ada sebab-sebab negatif atau jua, maka peruntukan itu turun jadi kalau anda keberatan kaola, Pengiran Pengerusi meminta penjelasan mengapa hal sedemikian berlaku.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Amat Pengiran Pengerusi. Benar, memang dalam bajet Kementerian Kewangan menurun. Sebenarnya penurunan itu bukannya semestinya yang perbelanjaan keseluruhannya menurun. Yang menurun itu diagih-agihkan kepada kementerian-kementerian lain. Kalau biskita melihat Kementerian-Kementerian lain atau banyak yang meningkat.

Jadi di samping itu juga, ada sebahagian projek-projek yang dikendalikan Kementerian Kewangan sudah selesai. Jadi sebab itu lah ia anda lagi diperlukan. Projek-projek tersebut untuk dimasukkan di dalam Kementerian Kewangan. Tapi kalau dilihat memang Kementerian-Kementerian lain semua naik tu, ada yang 8%, 10% dan ada yang 5%, tapi Kementerian Kewangan memang menurun 16%, tapi diagih-agihkan kepada kementerian-kementerian lain. Terima kasih.

Mengenai dengan perkara itu, baik jua saya mengambil kesempatan ini, menjawab mengenai dengan saranan kadar faedah bank. Sebenarnya kadar faedah ini termasuk jua dalam *directive* 16 Mei

2005 yang mana bank pada waktu yang dulu-dulunya *interest rate* ini ditetapkan oleh *Association of Bank Brunei*. Tapi sesudah *directive* ini, kadar-kadar faedah ini inda lagi ditetapkan oleh Persatuan Bank-Bank Brunei. Ianya digunakan mengikut maksima pengiraan yang diberikan oleh bahagian institusi-institusi kewangan iaitu berasaskan pada kos pada bank masing-masing.

Jadi ini bermakna sebarang kadar faedah, kadar yang dikenakan seharusnya menggambarkan kos perbelanjaan setiap bank itu. Jadi Bank inda laginya seperti dulu-dulu, menetapkan secara *collective interest rate* ini tetapi setiap bank itu sendiri, kalau ia akan memberikan *interest rate* yang rendah dari satu bank itu dibolehkan sekarang ini,

dan perkara ini jua telah dibentangkan di dalam Akta Bank yang baru yang telah diluluskan pada 4 Mac 2006 di mana Kementerian Kewangan berhak menetapkan sebarang kadar.

Walau bagaimanapun terpulanglah kepada orang ramai untuk memilih mana-mana bank yang akan diaganya, yang mana rendah patut diaga. Sekurang-kurangnya ini adalah sebagai persaingan yang sihat di kalangan bank-bank di negara ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka
Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:**
Assalamualaikum Warahmatulahi
Wabarakatuh, salam sejahtera.
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli

Yang Berhormat yang lainnya. Peramba ingin menyentuh mengenai dengan sistem pembayaran, alhamdulillah, dengan adanya sistem Taxis yang telah diungkayahkan oleh Kementerian Kewangan banyak di antara pembayaran - pembayaran dapat dilaksanakan dengan cepat.

Tetapi, masih juga lagi ada pembayaran-pembayaran kepada kontraktor - kontraktor, konsultan-konsultan dan pembekal- pembekal yang lambat pembayarannya, ada kalanya pembayaran lebih dari setahun pun ada. Sedangkan kitani ketika ini cuba menggalakkan pertumbuhan *SME*, tetapi dengan ada kelambatan pembayaran ini ia akan menjejaskan pertumbuhan *SME*.

Adalah jua disedari bahawa pembayaran bukannya bulat-bulat kesalahan dalam Kementerian Kewangan sendiri, tetapi mungkin juga dari kementerian-kementerian lain. Walau bagaimanapun pokok pangkalnya pembayaran lambat di bayar. Terima kasih, Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Ada lagi yang lain.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan: Terima kasih, izinkan peramba menjawab Pengiran. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, ada jua benarnya jadi apa yang abis peramba berusaha ialah

meneliti mana-mana bayaran ini dan seboleh-bolehnya mana yang dapat dicepatkan, dicepatkan. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk ini kita banyak membincangkan jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Kementerian Kewangan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Kementerian Kewangan diluluskan.

Jurutulis: SD01A Jabatan Kementerian Kewangan dijadikan

sebahagian daripada Jadual. SDO2A Agensi Pelaburan Brunei dan SDO3A Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd.

Yusof bin Pengiran Haji Abdul

Rahim: Yang Dipertua Dewan, sebelum kita menuju kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei, SDO2A Agensi Pelaburan Brunei, nampaknya kosong di mana mereka membayar? kalau nampak di sini dibayar oleh mereka sendiri daripada wang siapa? wang Kerajaan juga barangkali bagaimana untuk mengetahui berapa banyak dibelanjai, kalau tidak catatan di sini.

Ini lepas saja, di sini kalau ia membayar sahaja sendiri bukan

wang Kerajaan tersentuh tidak peduli berapa banyak pun kalau macam taukey, berapa banyakkah gaji pegawainya itu dia sendiri, tetapi di sini kosong tetapi saya percayalah Wallahuaklam, barangkali tentulah usin Kerajaan jua mengkali pasal apa banyak stafnya 225 orang, tidak sedikit wang yang akan terbabit di sana wang Kerajaan, mengapa kita tidak dapat mengetahui apa yang belanjakannya.

Memohon ampun, selain daripada itu barangkali akan datang pun ada satu yang tidak ada Tabung Amanah Pekerja pun juga kosong. Jadi minta maaf saya barangkali saya ingin mahu tahu juga supaya diketahui, mengapa tidak dimasukkan di sini adakah itu terpulang kepada rahim kasihan kedia memberi, saya, tapi

sekurang-kurangnya tahu berapa banyak wang Kerajaan yang digunakan. Jadi minta maaf kepada orang-orang yang berkenaan. Saya harap akan dapat penjelasan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II

(Kedua): Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, memberinya kosong itu mungkin ampun disebabkan oleh Agensi Pelaburan Brunei dan TAP adalah *statutory body*. Jadi perbelanjaannya itu *self-financing*. Ianya dibiayai sendiri oleh organisasi-organisasi tersebut dan bukannya daripada bajet Kerajaan lagi untuk membiayai pengambilan kakitangan dan

perbelanjaan-perbelanjaan yang berkaitan dengannya. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Jadi ertinya wang Kerajaan satu sen pun tidak terbabit diambil oleh BIA. Dari mana ianya mendapat wang itu, adakah pendapatan BIA sendiri atau bagaimana? Audit akan mengetahui berapa banyak yang dibelanjakan oleh BIA kalau tidak ada di sini.

Kalau BIA sendiri barangkali investmentnya banyak di luar negeri dari segi pendapatan sewa-sewa hotel atau tanahkah, dia membayar sendiri dan tidak membabitkan wang Kerajaan.

Saya tidak ada apa-apa halangan tetapi kalau terbabit walau satu sen pun wang Kerajaan saya rasa eloklah sebagaimana pejabat-pejabat yang lain diketahui oleh orang ramai. Kalau tidak, itu tidak apa. Jadi kita faham sekarang kalau BIA itu berbelanja sendiri-sendiri. Jadi maaf itu saja yang saya ingin nak tahu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua): Memang macam itu yang ianya dibiayai sendiri oleh BIA. Mengenai dengan Audit itu, ia sendiri ada auditnya dan juga diaudit oleh Juruaudit Agung. Jadi dari segi *corporate government* nya memang sudah ada dan kawalan-kawalan

tertentu memang sudah kukuh.
Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada yang mahu membincangkan dalam tajuk Agensi Pelaburan Brunei. Kalau tidak ada lagi perbahasan dalam Agensi Pelaburan Brunei, siapa yang bersetuju sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju. Agensi Pelaburan Brunei dijadikan Undang-Undang.

Jurutulis: SDO2A – Agensi Pelaburan Brunei sebenarnya tidak lagi dimasukkan dalam Jadual. Sebagaimana yang diketahui BIA ialah satu badan yang berkanun yang mempunyai undang-undangnya sendiri dan ia diaudit sendiri dan bajetnya tidak termasuk dalam Anggaran Perbelanjaan ini,

ianya tidak termasuk dalam Jadual, walaupun namanya ada di sini tetapi tahun hadapan tidak akan diadakan.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Kalau dia tidak termasuk, tidak payah diundi biarkan dia sendiri saja tidak payah dimasukkan dalam Jadual ini. Tetapi ia dimasukkan di sini, ertinya kita mesti tahu.

Pengerusi: Pengiran Ahli Yang Berhormat, tadi penjelasan sudah dibuat walaupun peramba akan mengumumkan ianya akan dimasukkan dalam Jadual tetapi mengikut kaedah-kaedah yang telah dimaklumkan oleh Jurutulis perkara ini tidak akan diadakan lagi dalam

bajet ini kerana mereka akan membentuk bajetnya sendiri.

Jadi ianya tidak dibincangkan dan akan dipindah mungkin *printing* tersilap walaupun mereka mengetahui dalam hal ini, maka sekarang saya berpindah kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei.

Ada Ahli-Ahli yang ingin membahaskan? Sekiranya tidak ada yang ingin membahaskan, diminta Ahli-Ahli mengangkat tangan. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei, dijadikan Undang-Undang.

Jurutulis: SDO3A – Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei dijadikan sebahagian daripada Jadual. SDO5A – Jabatan Perbendaharaan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah

Temburong: Bismillahir Rahmanir Rahim. Peramba menjunjung kasih Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Mengenai dengan Perbendaharaan Daerah Temburong, baucer-baucer tuntutan bayaran yang dihadapkan

di Daerah Temburong sama ada dari jabatan atau perseorangan ianya lambat dibayar, ini kerana ada kesalahan-kesalahan yang hanya dapat dikesan di Jabatan Perbendaharaan di Bandar Seri Begawan dan akan dikembalikan balik ke Daerah Temburong untuk diperbetulkan. Masa yang diambil mungkin satu ke dua minggu.

Perkara ini menyulitkan jika berlaku kepada baucer bagi pekerja yang bergaji hari. Kalau kesalahan dan kesilapan dua kali berlaku bilakah pekerja bergaji hari ini akan mendapat gaji mereka. Masalah ini mungkin dapat diatasi jika cawangan Perbendaharaan di Daerah Temburong diperbesarkan maksud peramba dilengkapi dan dikemaskinikan.

Dengan adanya Pegawai Kewangan yang dapat menyemak dan diberi kuasa untuk menandatangani baucer-baucer penting, maka kesulitan dan kelambatan ini tidak timbul. Maka pembayar boleh menghantar wang bayaran mereka ke Jabatan Perbendaharaan dengan tidak banyak terbuang masa begitu sahaja.

Pengiran Pengerusi, sama juga halnya dengan bayaran-bayaran lain seperti bayaran bil elektrik, bil air, wang kutipan daripada pejabat-pejabat seperti Jabatan Pejabat Daerah, Jabatan Telekom, Jabatan Imigresen, Jabatan Buruh dan lain-lain hanya dihantar sehingga sebelum bank ditutup, terutama pada hari Sabtu masa pembayaran adalah sangat pendek sehingga jam

10.30 pagi sahaja. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua): Pengiran Pengerusi, terima kasih, di atas saranan Yang Berhormat tadi, insya-Allah perkara ini akan diteliti dan pihak-pihak berkenaan akan diminta maklumat-maklumat terperinci nanti. Terima kasih.

Pengerusi: Ahlli-Ahli yang lain ada ingin membahaskan Jabatan Perbendaharaan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Terima kasih Pengiran Pengerusi.

Peramba ingin bertanya dengan C4, C5, C6, C7, C8, yang ada peruntukannya pada tahun 2007 nampaknya bagi tahun 2008 ditiadakan. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih jua di atas *high light* daripada Yang Berhormat tadi sebenarnya perkara ini, sebagai *re-organisation*. Jadi orang-orangnya tu dipindah-pindah kepada tempat-tempat lain, bukannya tidak ada sebenarnya itulah sebab di *consolidate* sekarang ani Di Jabatan Perbendaharaan

sendiri telah membuat *restructuring* di dalam jabatan-jabatan itu.

Kalau dilihat di sana banyak tu, jawatan dipindah ke Bahagian Kewangan misalnya, satu jawatan dipindah ke Unit Ledger, 7 jawatan dipindah ke unit lain. Ada di sana tu penerangan-penerangannya *this is part of our restructuring* supaya ianya lebih berkesan dan lebih mempercepatkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan itu. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk ini tidak ada yang mahu membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Perbendaharaan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Perbendaharaan diluluskan.

Jurutulis: SD05A Jabatan Perbendaharaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SD05A Perkhidmatan Rampaian.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Pengiran Pengerusi, ini bertanya sedikit kenapa catitan SD05A Jabatan Perbendaharaan dan Perkhidmatan Rampaian juga 05A dan 04A ditiadakan, adakah sebab-sebab tertentu?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia

Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua): Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, SDO4A atu dulu-dulunya Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi yang mana sudah dipindah kepada Jabatan Perdana Menteri sebab atu tah in da ada 04 atu dan SD05A Perbendaharaan dan SD05A Perkhidmatan Rampaian atu *some how* sebenarnya sama sebab pegawai yang mengawal bajet-bajet atu ialah Jurukira Agung.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk ini tidak ada yang mahu membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Perkhidmatan Rampaian, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Perkhidmatan Rampaian diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SD05A Perkhidmatan Rampaian dijadikan sebagai sebahagian daripada Jadual. Tajuk SD06A Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada perbahasan dalam tajuk ini saya meminta pada Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju pada Jabatan Teknologi dan Stor Negara sila angkat tangan, yang tidak bersetuju, nampaknya Jabatan

Teknologi Maklumat Dan Stor Negara diluluskan untuk menjadi Undang-Undang.

Jurutulis: Tajuk SD06A Jabatan Teknologi Maklumat Dan Stor Negara dijadikan sebagai sebahagian daripada Jadual. Tajuk SD07A Tabung Amanah Pekerja.

Pengerusi: Jadi di dalam tajuk Tabung Amanah Pekerja perbelanjaan tidak nampak, tidaklah perlu dibahaskan sekarang kita berpindah kepada Perkhidmatan Rampaian HMSF.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua): Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi, macam tadi saya terangkan mengenai Tabung Amanah Pekerja itu ia jua dalam *self financing*. Jadi tidaklah dimasukkan ke dalam perbelanjaan ini, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sebagai Pengerusi Tabung Amanah Pekerja mungkin Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin mengetahui latar belakang mengapa tajuk ini masuk dalam anggaran perbelanjaan ini pada tahun-tahun lepas.

Pada mula Tabung ini ditubuhkan pegawai - pegawai yang menganggotai Tabung Amanah Pekerja ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang dipinjamkan jadi bajet yang digunakan adalah bajet daripada Kerajaan tetapi mulai daripada tahun depan pegawai-pegawai Kerajaan yang dipinjamkan akan balik kepada perkhidmatan Kerajaan.

Mereka yang memilih terus berkhidmat terus Tabung Amanah Pekerja akan diambil bertugas secara skim Tabung Amanah Pekerja dan semua peruntukan akan dibayar dari Tabung Kewangan Tabung Amanah Pekerja ini apa jua perbelanjaan telahpun dibelanjakan akan dibayar balik ke Tabung Amanah Pekerja barangkali pada

tahun hadapan tidak akan nampak lagi ke dalam bajet ini. Sekian, terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Yang Dipertua Dewan nampaknya Tabung Amanah Pekerja ini tidak termasuk pada bajet ini. Satu soalan pekerja-pekerja ini adakah sama dengan skim Kerajaan dengan Kerajaan kalau dia diberi berpencen adakah diberi pencen tapi adakah skim ini memberi peluang dia diberi bonus atau sebagainya wallahhuaklam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, pekerja-pekerja dalam Tabung Amanah Pekerja ini adalah orang-orang yang kalau mereka orang-orang Kerajaan mereka ini yang menerima pencen ini akan balik kepada perkhidmatan Kerajaan. Kalau mereka ini tidak mahu menahan sama jua kaedah ini apabila Jabatan Telekom diswastakan dulu.

Orang-orang yang mahu menyambung perkhidmatan dengan Telbru yang baru akan membayar kepada Tabung Amanah Pekerja sebagai wang simpanan apabila mereka berhenti ataupun pencen atau tamat perkhidmatan sehingga mencapai 55 tahun. Dari sebab itulah pegawai-pegawai Kerajaan

yang dipinjamkan diberi pilihan samada mereka masih lagi mahu berpencen, mereka akan balik kepada perkhidmatan Kerajaan. Kalau mereka profit pencen mereka itu, mereka akan mengikut Skim Tabung Amanah Perkerja ini. Jadi apa jua pencen *benefit* yang sebanding dengannya mereka akan mencarum TAP ini.

Pengerusi: Ahli-Ahli yang Berhormat.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Mengenai dengan Tabung Amanah Perkerja ini nampaknya hanya setakat pembayaran gaji pegawai-pegawai dan kakitangan sahaja?. Peramba ini ingin

mengetahui pegawai-pegawai dan kakitangan yang mengikuti skim Tabung Amanah Pekerja membayar *contribution* sebanyak 5% daripada gaji bulanan mereka dan pihak Kerajaan sebanyak 5% yang sama. Jika dibandingkan dengan pegawai-pegawai dan kakitangan yang menerima *non-contributed* pencen dengan mendapat *gratuity* dan pencen bulanan yang lebih banyak.

Pengiran Pengeusi, peramba ingin bertanya dan mengetahui adakah pihak-pihak yang berkenaan sama ada dari pekerja-pekerja mahupun Kerajaan dan swasta yang terlibat menurut undang-undang sanggup menaikkan *percentage* 5% masa ini *percentage* yang lebih tinggi untuk menambah faedah yang sewajarnya,

bila mereka tamat berkhidmat. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi Tabung Amanah Perkerja pada masa ini sedang berusaha untuk membuat beberapa kajian untuk memastikan yang skim TAP akan dapat memberikan faedah yang sebenarnya kepada pekerja-pekerja apabila mereka tidak lagi bekerja. Insya-Allah satu cadangan akan dibuat kepada pihak tertentu untuk mengubah pada masa akan datang.

Pada masa ini beberapa agensi yang terbabit misalnya pihak Universiti Brunei Darussalam telah membuat satu kajian mengenai dengan perkara ini, beberapa orang pegawai-pegawai Kerajaan juga telah membuat kajian mengenai skim ini dan TAP sendiri telahpun komisen sebuah konsultan untuk melihat perkara ini dan insya-Allah apabila tiba masanya nanti satu cadangan akan dibuat untuk mengkaji dan mengemaskinikan TAP ini. Sekian terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kiranya tidak ada perbincangan mengenai dengan TAP ini kita akan meminta Ahli-Ahli yang bersetuju mengenai dengan TAP ini akan meminta Ahli-Ahli yang

bersetuju dijadikan Undang-Undang, sila angkat tangan.

Jurutulis: SD07A Tabung Amanah Pekerja dijadikan sebagai Jadual. SD08A Perkhidmatan Rampaian HMSF.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk Perkhidmatan Rampaian HMSF, tidak ada yang mahu membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Perkhidmatan Rampaian HMSF, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Perkhidmatan Rampaian HMSF diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SD05A Perkhidmatan Rampaian dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SE01A Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah

Temburong: Terima kasih Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, apa yang saya telah difahamkan bahawa Jabatan Imigresen yang beroperasi di Pos Labu Temburong akan dibekalkan alat X-Ray bagi pemeriksaan kenderaan-kenderaan yang datang dari Limbang, jikalau alat ini benar-benar ada ia adalah

disambut dengan baik dan diharapkan supaya ianya dapat disegerakan.

1) Untuk makluman Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat baru-baru ini seorang penduduk tempatan telah memaklumkan kepada peramba, saya bahawa dalam bulan Januari 2007 pada tahun ini sewaktu beliau ke Bandar Seri Begawai melalui Limbang dan beliau telah melihat sendiri 5 orang lelaki telah diturunkan dari sebuah kenderaan berat yang bertutup datangnya dari Pos Kawalan Labu.

Pada pandangan peramba saya, sudah sepatutnyalah penyeludupan barang berkenaan *illegal* kerana mereka lepas begitu sahaja

daripada kawalan masuk di Pos Kawalan Labu tanpa ada dokumen-dokumen yang sah. Adalah tidak mustahil barangkali selama ini apakah perkara-perkara lain yang mereka seludupi.

2) Pengiran Pengerusi bagi Daerah Temburong isi muka surat pasport pada masa ini mudah habis lembarannya, kerana kalau kita pergi dan balik menggunakan kenderaan sendiri melalui Limbang sudah setentunya mengecop pasport itu dilakukan sebanyak 8 kali. Maka dicadangkan supaya lembarannya akan ditambah lagi muka surat. Sekian Pengiran Pengerusi. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang
Kaya Johan Pahlawan Dato Seri**

**Setia Haji Awang Adanan bin
Begawan Pehin Siraja Khatib Dato
Seri Setia Awang Haji Mohd.
Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri:** Terima Kasih Pengiran Pengerusi dan semua pada Ahli-Ahli yang Berhormat, berhubung dengan perkara yang ditimbulkan tadi memang perkara untuk mencegah penyeludupan dan perkara-perkara yang tidak diingini memanglah diambil perhatian oleh pihak Kerajaan dan pada masa ini bukan sahaja pihak Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan sahaja yang meneliti dan juga mencegah perkara-perkara yang tidak diingini dan malahan seperti yang kitani maklum banyak juga *Road Block-Road Block* telah diadakan, bukan sahaja dari pihak Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

malahan juga daripada pihak-pihak Pasukan Polis Diraja Brunei, Kastam Diraja Brunei dan agensi-agensi berkenaan yang sentiasa memantau dari masa ke semasa perkara-perkara yang boleh melanggar undang-undang dan peraturan negara.

Jadinya berhubung dengan kemungkinan untuk menyimpan *scan X-ray* di Labu, Temburong adalah sedang dalam penelitian pihak Kerajaan, ianya seperti kita maklum menelan belanja lebih berjuta-juta ringgit jadinya perkara ini sedang dalam penelitian dan pada masa ini yang terdapat *Machine Scanning Vehicle* ialah yang terdapat di Kuala Lurah pada masa ini.

Perkara ini sedang dalam penelitian oleh pihak Kerajaan sama ada sesuai atau tidak untuk mendapatkan di Labu dan juga pos-pos kawalan lain yang terdapat di negara ini. Dan memanglah diakui di Pos Kawalan tersebut banyak tempat-tempat yang dilalui tetapi perkara ini, seperti yang saya terangkan tadi memang diambil perhatian dan berhubung dengan mengecap pasport yang telah ditimbul tadi, perkara ini saya masih ingat lagi telah ditimbulkan pada tahun lepas di Dewan yang sama, perkara seperti ini juga memang diambil perhatian dan sedang dalam penelitian seperti yang kitani maklum baru-baru ini. Iaitu yang kitani panggil *frequency Stabil Card* ertinya mereka-mereka yang sentiasa berulang-alik di antara pos-pos

kawalan berkenaan. Pada masa ini di Sungai Tujuh telahpun diperkenalkan FTC iaitu persetujuan daripada pihak Kerajaan Malaysia dan Negara Brunei Darussalam bagi memudahkan mereka-mereka yang sentiasa berulang-alik ke tempat-tempat tersebut dan insya-Allah perundingan selanjutnya akan diadakan ini tertaklukkan pada persetujuan di antara kedua-dua buah negara untuk melaratkan ke tempat-tempat lain dan ini memerlukan penelitian bukan sahaja dari aspek kemudahan, tetapi juga diambil perhatian dengan spesifik yang masih lagi belum dapat diselesaikan sehingga pada hari ini kerana apa, di Malaysia menggunakan *My Card* dan kitani menggunakan *smart card*.

Comfirmality dari aspek komputer ataupun mesin-mesin yang membaca kad-kad tersebut masih lagi belum diselaraskan dan haruslah diteliti untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berkenaan.

Dalam waktu yang sama juga pihak Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan sedang juga meneliti cara-cara untuk memudahkan warga Negara Brunei Darussalam sama ada perlu lagi menggunakan cap imigresen atau tidak bagi mereka yang keluar masuk ke negara ini. Sedang dalam penelitian dan insya-Allah dengan adanya penelitian dan juga perkara yang khusus akan kesan-kesannya dan akibat-akibat dari hasil penelitian itu akan dapat dikaji semula sama ada bersesuaian atau tidak bagi keperluan untuk

mengecap bagi warga Brunei keluar masuk ke negara ini. Sekian, terima Kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, saya ada satu masalah mengenai balai raya di kampung-kampung pada masa ini kebanyakan balai-balai raya yang terdapat di kampung-kampung tidak lagi sesuai dengan keperluan semasa kerana sebilangan besar bangunan tersebut telah dibina pada pertengahan tahun 60an. Iaitu kira-kira 40 tahun yang telah lalu. Jadi kebanyakan dibina dari kayu, jadi di antaranya telah mengalami

kerusakan dan kurang penyeliaan, penyeliaan yang kurang sempurna.

Oleh kerana itu keadaan begitu cepat berubah, baik dari pembangunan masyarakat, keperluan belia-beliawanis pada masa ini mahupun kehendak teknologi terkini di mana keperluan pendidikan dan pembelajaran adalah sangat penting demi masa belia-beliawanis adalah diharapkan kepada mereka ini akan menjadi penyambung dan penerus pemimpin yang ada pada sekarang.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat kita sekarang membincangkan Rang Undang-Undang kewangan di tajuk Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri jadi.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Balai raya itu di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pengerusi: Balai raya itu tidak ada dalam tajuk ini dan tidak ada terbentang dalam Anggaran Belanjawan walaupun *didetailkan*. Jadi kalau kita dengar cerita begitu jadi susah kita menyempurnakan anggaran sebegitu besar untuk diluluskan, tiada ada kena mengena. Sekarang Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai dengan Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak ada lagi yang mahu dibahaskan?

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:

Terima kasih Tuan Pengerusi, pada tahun lepas peramba ada menimbulkan mengenai dengan *overlapping* bidang tugas di antara kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan mengenai dengan pemprosesan Lesen Rampaian yang peramba ingin tahu pada pagi ini mengenai kemajuannya? kalau sekiranya ada, apa tindakan yang telah dibuat. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Tuan Pengerusi, yang sebenarnya Akta Lesen Rampaian memang sudah

ada Jadual-Jadual dan ada pihak-pihak tertentu yang dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan Lesen Rampaian. Misalnya Pengerusi Lembaga Bandaran di kawasan-kawasan Bandaran dan juga di luar kawasan Bandaran bukan sahaja pegawai-pegawai daerah malahan agensi-agensi berkenaan.

Saya tidak ternampak ada duplikasi tentang autoriti untuk mengeluarkan lesen, memang spesifik mengikut Akta Lesen Rampaian dan juga ada juga bilangan daripada jenis perniagaan dan perusahaan bukan termasuk dalam Lesen Rampaian termasuk dalam *municipal by look*. Terima kasih, Tuan pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Belait: Terima kasih Tuan Pengerusi, meneliti bajet peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri khususnya dalam program bantuan. Alhamdulillah, nampaknya bertambah daripada tahun lepas di mana 100 ribu dan 25 ribu, cuma apa yang saya ingin pohonkan ialah proses mendapatkan program bantuan ini, kalau boleh dicepatkan kerana pengalaman ianya memakan masa.

Jadi saya harap Yang Berhormat Pehin dapat mana-mana permohonan bantuan program tersebut dapat diexpertise, dilakaskan. Terima kasih, Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk ini tidak ada yang mahu membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SE01A Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SE02A Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:

Ahli - Ahli Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi tahniah di atas kejayaan Jabatan Bandaran dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di dalam Sambutan Perayaan Menyambut Memperingati 100 tahun Perpindahan Bandar ke Darat.

Dalam masa 100 tahun perkembangan bandar memanglah pesat, ke arah itu juga mengikut perancangan seterusnya Jabatan Bandaran akan memperluaskan lagi kawasan bandar. Jadi soalan saya adakah peruntukan bagi kakitangan atau pun pegawai-pegawai yang diperlukan untuk keperluan ini

mencukupi untuk memantau perancangan-perancangan ke arah ini. Selain daripada mengendalikan tugas-tugas lainnya yang telah sedia ada. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Peramba ingin menyampaikan apa yang dihasratkan oleh penyewa-penyewa Kedai Bumiputera mengenai dengan kerosakan alat hawa dingin yang mana kerosakan ini sudah berlaku beberapa bulan yang lalu sehingga masa ini. Kerosakan alat-alat hawa dingin di bangunan ini sebelumnya pun mengalami kerosakan.

Dengan ada kerosakan-kerosakan ini ianya tidak memberikan

keselesaian kepada penyewa-penyewa Kedai Bumiputera dan juga kepada pelanggan-pelanggan mereka. Jadi penyewa-penyewa ini meminta saya supaya dapat disuarakan dalam mesyuarat ini. Sebenarnya penyewa-penyewa ini telah beberapa kali berjumpa dengan kakitangan Jabatan Bandaran yang berkenaan dan oleh kerana alat hawa dingin *central aircond* maka diberitahu ada sebahagian *aircond* ini belum sampai.

Jadi mereka orang-orang penyewa ini memohon supaya alat hawa dingin ini dibaik pulih segera dan semasa ketiadaan *aircond* ini, mereka memohon supaya sewa yang mereka bayar itu akan dapat dikurangkan menurut pertimbangan

Jabatan yang berkenaan.
Sekianlah, Tuan Pengerusi.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Bismillahir Rahmanir Rahim, Pengiran Pengerusi, di sini saya ingin menyampaikan beberapa usul atau cadangan.

1) Dipohonkan kawasan letak yang teratur selesa dan selamat khusus di Kampong Ayer. Kerana pada masa ini kebanyakan mereka meletakkan kereta-kereta mereka di tepi-tepi jalan sepanjang Sungai Lampai menuju ke Subok yang mempunyai risiko bahaya yang tinggi kerana tempat parking ini ialah di kawasan tebing Sungai Brunei

dan nampak di sana kawasan-kawasan tersebut tidak teratur dan tidak tersusun. Jadi diharapkan supaya perkara yang disebutkan supaya akan dapat diambil tindakan oleh pihak yang berkenaan.

2) Sekarang timbul pertanyaan bilakah Pasar Ikan kawasan Bandar Seri Begawan akan dibina, akan dibuat dan di mana tempatnya? Jadi orang ramai khususnya penduduk-penduduk di Kampong Ayer juga mencadangkan supaya Pasar Ikan di kawasan Bandar seri Begawan dipohonkan dibuat di kawasan Kampong Ujong Tanjong berdekatan bekas kampong tempat Kampong Sultan Lama.

3) Kawasan Tamu di Sungai Kianggeh yang sekarang ini sudah

selesa dan cantik tetapi sayangnya orang ramai masih rasa kecewa yang mana penjualan di Kawasan Tamu Kianggeh ini hanya dibuka pada hari Jumaat dan Minggu.

Jadi orang ramai memohonkan supaya penjualan tamu ini dibukakan sepanjang masa dan ada setengahnya orang ramai mengadakan pentadbiran khusus bagi Jabatan Bandaran iaitu Pengawas bagi penjual-penjual, nampaknya melakukan tatacara yang kurang manis, menghalau penjual-penjual yang menjual di kawasan tamu itu, yang dianggap masa dan tempat itu tidak bersesuaian tetapi biasalah kitani mengikut peraturan dan tatacara kitani orang Melayu supaya ia

jangan melakukan kasar dan sebaliknya.

Dan berikut kawasan parking kereta di bahagian Yayasan iaitu Metro Parking, di hari-hari kebesaran biasanya di kawasan ini masih dipakai dan dikenakan bayaran terutama sekali di hari-hari kebesaran Islam seperti Maulud Nabi dan Awal Tahun Hijrah.

Jadi dipohonkan di hari-hari Kebesaran ini supaya kawasan parking ini jangan dikenakan bayaran, dan yang penghabisan tangga tempat turun naik di kawasan tebing Sungai Brunei yang berdekatan dengan Pusat Kesenian hingga ke Gerai Malam, nampaknya tangga-tangga tempat turun-naik di sana sudah usang dan

sudah lama, jadi dipohonkan supaya tangga-tangga yang tersebut diubahsuai dan diperbaiki begitu juga tempat turun-naik bot tambang Brunei – Temburong dan Brunei – Limbang tidak ada tempat mereka berteduh untuk berlindung jadi dipohonkan supaya tempat tersebut dibuatkan tempat perhentian.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, semua pandangan-pandangan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah perkara pentadbiran sekiranya perkara-perkara ini yang diusulkan itu dikemukakan kepada pegawai-pegawai berkenaan dan di dalam bajet ini kita akan merundingkan satu persatu Belanjawan Bagi Tahun 2007 / 2008, walau bagaimanapun, penjelasan-penjelasan itu patut diambil maklum

dan diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Munkan Ampun, Pengiran Pengerusi apa yang telah saya sarankan itu adalah termasuk dalam pentadbiran Jabatan Bandaran.

Pengerusi: Tapi bukan detail perbelanjaan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju untuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.

Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima Kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, ingin saya menyentuh beberapa perkara daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menimbulkan. Pertamanya yang berhubungkait dengan program untuk memperluaskan kawasan Bandar Seri Begawan memang perkara ini diambil perhatian oleh Jabatan.

Kalau ada keperluannya untuk menambah pegawai-pegawai dan kakitangannya terutama sekali pegawai-pegawai yang profesional dan teknikal yang boleh membantu rancangan untuk memperluaskan kawasan Bandar Seri Begawan.

Berhubung dengan penyewaan Kedai Bumiputera yang tadi

ditimbulkan mengenai kerosakan aircond perkara ini akan disiasat, baru saya mengetahui pada pagi ini dan akan diambil tindakan yang bersesuaian apakah sebabnya punca kelambatan untuk mengambil tindakan, dan insya-Allah perkara ini akan saya sampaikan ke pengetahuan Jabatan Bandaran untuk mengambil tindakan dan langkah-langkah sewajarnya.

Kawasan-kawasan letak kereta di sepanjang Jalan Residency, di sana memanglah ada rancangan pihak Kerajaan untuk mengenalpasti tempat-tempat yang bersesuaian bagi membolehkan mereka ini meletakkan kereta di tempat-tempat tertentu dan berhubung dengan Pasar Ikan, yang sebenarnya Pasar Ikan sementara di Dermaga Bandar

Seri Begawan telahpun dipindahkan ke kawasan Gadong.

Pada masa ini semua mereka ini dipindahkan kerana tempat-tempat ruang mereka telahpun di tempatkan sementara di sana dan masalah untuk menempatkan pasar di kawasan pusat Bandar Seri Begawan ini, perkara yang diambil penelitian kerana adakah tempat itu bersesuaian dan tempat-tempat strategik, adakah sesuai atau tidak sesuai untuk diadakan pasar-pasar basah.

Kita mengetahui pada masa ini tren-tren orang yang membeli ikan-ikan terutama sekali golongan-golongan muda bukan lagi membeli di pasar tetapi di tempat-tempat supermarket dan seumpamanya, perkara ini akan

diambil perhatian supaya jangan ada pembaziran. Semua projek-projek mestilah digunakan sepenuhnya dan menghendaki penelitian sepenuhnya sama ada bersesuaian atau tidak untuk menempatkan lagi sebuah pasar di kawasan Bandar Seri Begawan.

Dan berhubung dengan Tamu yang ditimbulkan, pada masa ini memang benar ada pada hari Jumaat dan hari Minggu dikhususkan bagi membolehkan kepada orang-orang dari luar bandar, tetapi dalam waktu yang sama setiap hari memang ada dibenarkan orang menjual di Tamu itu, terutama sekali yang menjual makanan, sayur dan seumpamanya dan berjual runcit memang ada yang berjual setiap hari. Tetapi untuk hari Jumaat dan Minggu adalah diberikan

peluang kepada seluruh rakyat di Negara ini terutama sekali di kawasan Daerah Brunei dan Muara untuk bertamu secara langsung di tempat itu dan dikenakan bayaran-bayaran minima.

Walau macamanapun, jika ada keperluan-keperluannya akan diambil perhatian tentang saranan daripada Ahli Yang Berhormat tadi dan perkara yang kurang manis yang diberikan layanan kepada pihak-pihak yang bertamu di sana, perkara ini akan saya siasat dan juga untuk diperbaiki kalau sekiranya benar-benar kekasaran yang mana perkara ini adalah tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi memastikan semua pegawai-pegawai memberikan perkhidmatan yang disenangi dan

mesra pelanggan, itulah saja yang saya dapat jelaskan.

Berhubung dengan tangga turunkan di kawasan-kawasan yang rosak itu memanglah telah diambil perhatian dan juga telah dipohonkan peruntukan-peruntukan pada tahun ini untuk memperbaiki tempat turunkan yang lebih selesa dan sempurna di masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin Abd Rauf, Daerah Tutong : Terima kasih Pengiran Pengerusi, saya sungguh tertarik dengan Lembaga Bandaran Tutong, jadi timbul

beberapa soalan. Pembinaan dan perkembangan di bangunan Daerah Tutong, boleh dikatakan cukup memuaskan.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, nampaknya kita belum membincangkan mengenai Tutong. Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk ini tidak ada yang mahu membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SE02A Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dijadikan sebagai Jadual. Tajuk SEO3A Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Belait:

Terima kasih Pengiran Pengerusi. Pada tahun lepas saya masih ingat, saya menyuarakan bahawa pembangunan di Pekan Belait adalah lembap, alhamdulillah pada akhir-akhir ini kelihatan pembangunan mula bergerak umpamanya pasar baru Pekan Belait sedang dalam pembinaan dan banyak-banyak lagi tempat yang saya nampak sedang dalam pembangunan pada masa ini.

Soalan saya khususnya kepada Pasar Baru apabila siap apakah perancangan Lembaga Bandaran terhadap pasar yang lama, sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk ini tidak ada yang mahu membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Lembaga Bandaran, Kuala Belait dan Seria, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria telah diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SEO3A Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SEO4A Lembaga Bandaran Tutong.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin Abd Rauf, Daerah Tutong: Terima kasih Pengerusi sepertimana yang saya nyatakan tadi bahawa perkembangan dan pembinaan di kawasan Bandar Tutong boleh dikatakan cukup memberangsangkan.

1) Apa yang saya timbulkan di sini ialah bahawa pasar dan tamu yang telah dibina nampaknya sudah siap, jadi bilakah masanya untuk digunakan?

2) Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada melawat Bangunan Gerai Makan dan Minum, pada masa ini agak lembap pembinaannya dan begitu juga keadaan pekerja-pekerja di sana kadang-kadang ada kadang-kadang tidak, jadi apakah satu-satu cara supaya perkara ini dapat dipercepatkan, terima kasih .

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, berhubung dengan dua perkara yang ditimbulkan oleh salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat itu,

pertamanya tentang Kompleks Baru bagi pasar dan tamu di Serambangun, masa ini telah menerima permohonan-permohonan dan sedang dalam proses pemilihan pada masa ini, insya-Allah sedikit masa lagi kalau sudah selesai tarikh tutup dan pemilihan-pemilihan mereka yang berkeelayakan akan dapat digunakan sedikit masa lagi.

Berhubung dengan gerai yang telah dalam pembinaan pada masa ini, ia memang ada kontrak, jadinya kalau sekiranya mereka ini tidak dapat menyiapkan dalam tempoh yang tertentu sepatutnyalah tindakan-tindakan akan diambil, barangkali mungkin periodnya masih lagi ada masa untuk disiapkan, walau macamanapun perkara ini diambil perhatian bagi memastikan ianya

akan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditentukan dalam proses, terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk tidak ada yang mahu membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Lembaga Bandaran Tutong, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Lembaga Bandaran Tutong diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SEO4A Lembaga Bandaran Tutong dijadikan sebagai

sebahagian Jadual. SEO5A Jabatan Buruh.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya

Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga ada diminta untuk meminta pandangan daripada pihak yang berkenaan mengenai dengan ketetapan gaji bagi pekerja-pekerja Filipina yang mana sudahpun ditetapkan tidak kurang daripada \$600.00 gaji mereka sebulan, saya tidak akan mengulas panjang tapi saya minta pandangan sama ada pihak Kerajaan iaitu mungkin Buruh mengetahui mengenai ketetapan ini, sekian.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri

Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih kepada salah seorang Ahli Yang Berhormat yang menimbulkan yang sebenarnya perkara ini, ketetapan ini yang diberikan oleh pihak Kerajaan Filipina tetapi pada masa ini di negara kita belum lagi mengimpost bayaran \$600.00, ini adalah cadangan daripada pihak Kerajaan Filipina dan pada masa ini belum lagi dikuatkuasakan. Pada masa ini masih lagi *depend* pada persetujuan di antara majikan dan pekerja. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk

tidak ada yang mahu membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Buroh, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Buroh diluluskan.

Jurutulis: SEO5A Jabatan Buruh dijadikan daripada sebahagian Jadual. SEO6A Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk tidak ada yang mahu membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini

iaitu Pejabat Daerah Brunei dan Muara, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Pejabat Daerah Brunei dan Muara diluluskan.

Jurutulis: SEO6A, Pejabat Daerah Brunei dan Muara dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita minta sekiranya ada perbincangan dalam Pejabat Daerah Belait.

Jurutulis: SEO7A Pejabat Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah

Belait: Terima kasih Tuan Pengerusi, melihat angka peruntukan Jabatan Daerah Belait pada masa ini meningkat sebanyak \$600,000.00 (Enam Ratus Ribu Ringgit) kalau tidak silap, ini barangkali tidak termasuk kepada peruntukan pemeliharaan di bawah kawalan Jabatan Daerah, jalan-jalan di pendalaman, sekiranya tidak ada pada tahun ini, saya ingin mencadangkan supaya diambil kira peruntukan untuk membaik-pulih, membuat baru dan membaik-pulih jalan-jalan yang di bawah kawalan Jabatan Daerah kerana sepertimana yang saya maklum setengah-tengah jalan keadaannya amat teruk pada ketika ini, dan terutama kalau masa musim hujan, jalan akan putus

dan tidak dapat dilalui. Jadi saya berharap pihak Jabatan Daerah Belait dapat menambah bajet untuk pemeliharaan jalan-jalan di bawah kawalan Jabatan Daerah. Sekian, terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi berhubung dengan pemeliharaan jalan-jalan kecil memang sudah ada Peruntutannya setiap tahun malahan kalau pembinaan jalan-jalan kecil yang baru ada juga peruntutannya dalam di bawah Peruntukan Perbelanjaan Khas,

jalan-jalan baru yang telahpun dirancangan telahpun diberikan peruntukan yang khusus bagi pembinaan jalan-jalan baru. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk ini tidak ada yang mahu membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Pejabat Daerah Belait, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Pejabat Daerah Belait diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SEO7A Pejabat Daerah Belait dijadikan sebahagian

daripada Jadual. SEO8A Pejabat Daerah Tutong.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk ini tidak ada yang mahu membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Pejabat Daerah Tutong, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Pejabat Daerah Tutong diluluskan.

Jurutulis: SEO8A Pejabat Daerah Tutong dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, apabila saya perhatikan masing-masing Ahli Yang Berhormat sedikit lesu, lama duduk, maka dengan demikian kita akan balik bersidang Majlis Mesyuarat Negara untuk tujuan menangguhkan meeting ini sehingga tengahari nanti.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah banyak membincangkan masalah-masalah di dalam Jawatankuasa tadi, maka sekarang waktu sudah menempuhi waktu rehat dan minum, maka saya memberitahu Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa majlis ini ditangguhkan hingga pukul 2.30 nanti. Demikian ditangguhkan.

(Mesyuarat ditangguhkan)

**Majlis bersidang disambung pada
jam 2.30 petang**

Yang Dipertua Dewan:
Sebagaimana dimaklumi kita telahpun berbincang dalam Majlis Jawatankuasa untuk menyambung hal-hal yang kita belum selesaikan tadi, maka majlis sekarang ditangguhkan untuk bersidang dalam Jawatankuasa.

**(Majlis bersidang selaku
Jawatankuasa)**

Pengerusi: Tadi kita telah dapat menyelesaikan tajuk Pejabat Daerah Tutong, maka sekarang kita akan membincangkan Pejabat Daerah Temburong.

Jurutulis: SEO9A – Pejabat Daerah Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah Temburong: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera, peramba menjunjung kasih Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala setelah menyemak dengan sebaik-baiknya Anggaran Perbelanjaan 2007 / 2008 yang diperuntukkan bagi Pejabat Daerah Temburong berjumlah \$5,580,968.00. Peramba tidak mengulas seperti yang dinyatakan dalam buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Tahun Kewangan 2007 / 2008 bagi Pejabat Daerah Temburong.

Apa yang peramba / saya harapkan mudah-mudahan akan pengeluaran dan peruntukan diberikan ini akan dapat dimanfaatkan dan dikawal

dengan sebaik-baiknya oleh Jabatan Daerah Temburong. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk ini tidak ada yang mahu membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Pejabat Daerah Temburong, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Pejabat Daerah Temburong diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SE09A Pejabat Daerah Temburong dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim, Daerah Brunei dan Muara: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba ingin mengajukan satu pertanyaan khusus kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran mengenai mutu kertas atau plastik yang digunakan untuk membuat Kad Pengenalan, sebahagian daripadanya mudah rosak, patah serta gambar yang kurang jelas dan terang. Mungkin perkara ini telahpun disedari oleh pihak berkenaan dan peramba kurang pasti sama ada satu kecuaiian kepada pemiliknya.

Walau macamapun seseorang pemegang Kad Pengenalan itu perlu menyimpan dan membawanya setiap hari selama 10 tahun. Dalam keadaan ini, peramba ingin bertanya adakah langkah-langkah atau

tindakan bagi meninggikan taraf atau mutu plastik atau kad pengenalan telahpun difikirkan oleh pihak yang berkenaan, sekian menjunjung kasih.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi memang ada jenis-jenis Kad Pengenalan, mungkin kecuaiian ataupun masalah-masalah yang tertentu, walau bagaimanapun pada permulaannya Kad

Pengenalan *Smart Card* itu iaitu Kad Pintar.

Pada awalnya semasa ianya dikeluarkan ialah jenis '*pad*' pada tahun 2001, kalau saya tidak silap. Apabila ia dilancarkan iaitu dengan menggunakan *printer datacard* tanpa *laminating* dan jenis '*pad*' ini telahpun dikenalpasti dan oleh sebab ada masalah tertentu, ada yang mengkomplin keadaan-keadaan tersebut dan bentuknya pun rosak dan seumpamanya dan telah dibandingkan dengan negara-negara yang lain seperti di Jerman, diorang menggunakan jenis '*pad*' ini, sudah dikenalpasti dan dibuat penyelidikan terutama sekali oleh pihak pengedar ataupun *supplier*.

Memang jenis '*pad*' ini tidak sesuai dengan keadaan cuaca di Negara Brunei Darussalam dan dari itulah jenis tersebut telah ditukar dengan

PVC sejak tahun 2005 dengan menggunakan printer jenis Fakna dan dulunya tidak ada *laminating*, sekarang ini ada *laminating* di sana itu, sudahpun kad itu ada *laminating*.

Alhamdulillah sejak-sejak ditukar daripada tahun 2005, masalah itu tidaklah berbangkit ertinya jenis *PVC* itu adalah sesuai dengan keadaan cuaca di Negara Brunei Darussalam. Jadi masalah tersebut tidak lagi berbangkit, walau macamapun, jika pun ada kerosakan-kerosakan dalam tempoh tertentu pihak-pihak tersebut, pihak-pihak yang berkenaan bolehlah membelikan jenis pad tersebut dulu digantikan kepada jenis *PVC* tanpa ada sebarang pembayaran kalau ia masih lagi *valid* dalam tempoh 10 tahun, terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei

dan Muara: Bismillahir Rahmanir Rahim, Pengiran Pengerusi, saya ingin memohon penjelasan sebagaimana yang telah dimaklumi oleh rakyat di negara ini bahawasanya ketika bangunan Imigresen negara jiran kitani Sarawak, Malaysia sekarang dibina di Kuala Lurah, jadi ingin tau bilakah negara kita akan membuat satu Imigresen yang baru atau berapakah jumlah peruntukan yang akan kitani sediakan adakah ia termasuk dalam belanjawan yang disediakan untuk makluman bersama, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan

kepada Ahli Yang Berhormat sekalian, perkara ini memang sudah kita sentuh dalam mesyuarat tahun lepas. Walau macamapun, salah satu masalah barangkali mungkin biskita maklumi ialah masalah untuk menentukan sempadan dengan negara jiran walau macamapun perkara itu tidaklah menghalang kitani untuk merancangkan satu pos kawalan yang pada masa ini memang digelar Pos Kawalan Sementara Kuala Lurah. Memang ada peruntukan yang telahpun diperuntukkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 dan pada masa ini memang sudah ada dalam reka bentuk *design* dan kedudukan pada masa ini ialah untuk toko-toko dan *scale testing* dan adalah dianggarkan peruntutannya dalam

jumlah \$3 juta ringgit, tidaklah mencukupi dengan keadaan di Kuala Lurah pada masa ini. Adalah yang paling banyak orang keluar masuk hingga yang paling banyak melebihi sekarang ini jumlahnya lebih dua juta orang yang keluar masuk melalui pos kawalan ini.

Pos kawalan yang tersibuk sekali di Negara Brunei Darussalam dibandingkan dengan di Sungai Tujuh ataupun di Lapangan Terbang Antarabangsa ia melibatkan lebih dua juta orang yang keluar masuk melalui Pos Kawalan. Perkara ini memanglah diambil perhatian oleh pihak Kerajaan dan juga memang orang-orang keluar masuk semakin bertambah dari masa ke semasa, apatah lagi orang yang hendak ke Kota Kinabalu pada masa ini. Perkara ini memang diambil perhatian dan memang dalam

rancangan dan pada masa ini *still investigation*. Terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Pengiran Pengerusi, terima kasih Pengiran Pengerusi, peramba ingin menimbulkan dua masalah yang sentiasa dihadapi oleh orang ramai terutama sekali semasa percutian sekolah. Tidak dapat disangkal bahawa semasa percutian sekolah banyak keluarga-keluarga di Brunei melancong ke Sabah yang menyebabkan kesesakan di Pos-Pos Imigresen, tapi yang peramba ingin timbulkan ialah kesesakan Pos Imigresen Kampong Puni.

Di Pos Imigresen, Kampong Puni ini tidak disediakan tempat *queue* walaupun apabila *peak hours*

banyak orang-orang ini membuat *queue* mereka sendiri sehingga ke jalan raya di atas tangga untuk mencap pasport masing-masing. Jadi peramba memohon supaya pihak yang berkenaan akan dapat memperbaiki lagi keadaan tempat mencop pasport di Imigresen Kampong Puni ini.

Yang kedua, kalau kita melawat ke negeri Sabah tidak dapat dielakkan kita terpaksa mencap pasport ulang balik sebanyak 14 kali, kalau dalam setahun kitani ke Sabah ulang balik dengan menggunakan kenderaan tidak lama pasport yang ada pada masa ini akan penuh dan tidak ada tempat mencap lagi. Saya berharap pihak yang berkenaan kalau dapat memikirkan supaya mencap pasport ini akan dapat dikurangkan dengan mengadakan perundingan-perundingan dengan pihak negeri-negeri jiran yang

berkenaan. Sekian, terima kasih Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, berhubung dengan Pos Kawalan Puni, memang disedari perkara ini walau macamanapun Kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak empat juta ringgit untuk membina Pos Kawalan Puni yang baru dan pada masa ini sedang dalam kerja-kerja memajukan tanah, meratakan tanah. Insya-Allah, setelah sahaja kerja-kerja meratakan tanah siap, maka projek itu akan dapat dilaksanakan secepat mungkin. Dengan adanya nanti pos kawalan baru di Puni masalah-masalah

tersebut insya-Allah akan dapat diatasi.

Berhubung dengan masalah mencop kalau biskita ingat, Ahli-Ahli Yang Berhormat ingat, telahpun dijelaskan pagi tadi, sama masalah-masalah yang telah ditimbulkan oleh salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat, tidaklah perlu saya menjelaskan sekali lagi perkara itu, telah diterangkan pagi tadi. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Pengiran Pengerusi peramba hanyalah ingin bertanya sedikit berkenaan dengan perbezaan kita pergi ke sana menggunakan kad pengenalan pintar mereka masuk

ke mari diposnya masing-masing menggunakan *smart* kad, *multi smart card* seperti Yang Berhormat terangkan pada pagi ini, itu harus juga ada dapat menyegerakan soalan peramba Pengiran. Adakah kita di Brunei akan mengubah corak Kad Pengenalan kita seperti Malaysia iaitu menggunakan *smart card multipurpose*, bila orangkan minta *driving licence* tunjukkannya, bila orang minta banknya apapun semacam saja sekarang ini banyak, macam-macam dalam poketnya. Demikian sahaja.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih sekali lagi Yang Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

yang sebenarnya kalau kitani melihat kad pengenalan pada masa ini dipanggil *smart card* dan di Malaysia *they called My Card*. Memang sudah ada sudah terdapat *multipurpose card* ini, ada cip di sana, kalau saya tidak silap ia mengandungi 32 kilobyte. Pada masa ini *smart card* kitani yang digunakan oleh TAP, dan yang sebenarnya *smart card* tersebut berbentuk *multipurpose* tetapi belum lagi dikongsikan bersama oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain. Memang ada disediakan kemudahan-kemudahan untuk diguna pakai oleh agensi-agensi yang lain untuk mengongsikan *smart card* tersebut.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk ini tidak ada yang mahu membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk

ini iaitu Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan diluluskan.

Jurutulis: SA10A Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dijadikan sebahagian Jadual. SA11A Jabatan Penjara.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk ini tidak ada yang mahu membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Penjara, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Penjara diluluskan.

Jurutulis: SE11A Jabatan Penjara dijadikan sebahagian daripada Jadual. SE12A Jabatan Bomba dan Penyelamat .

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk ini tidak ada yang mahu membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Bomba dan Penyelamat diluluskan.

Jurutulis: SE12A – Jabatan Bomba dan Penyelamat dijadikan sebahagian daripada Jadual. SF Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, ilmu pengetahuan adalah satu aset yang paling berguna dan berharga. Meningkatkan peluang dan memperbaiki kualiti sistem pelajaran adalah mustahak dilakukan ke atas setiap peringkat. Inilah satu pelaburan yang mempunyai pulangan yang *intangible* iaitu penghasilan rakyat yang berilmu pengetahuan sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia di hari Pembukaan Permesyuaratan kita pada tahun ini.

Jadinya adakah peruntukan yang telah diperuntukkan dalam Usul ini mencukupi untuk melaksanakan program-program yang telah diaturkan, lebih-lebih lagi melengkapkan sekolah-sekolah kita dengan alat-alat teknologi yang canggih dan terkini ataupun e-Education ataupun menubuhkan sekolah-sekolah yang dikenali sebagai *Smart School* dan sebagainya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Jawapannya ya, peruntukan yang diberikan mencukupi setakat ini. Jika pun peruntukan ditambah begitu banyak, kemungkinannya Kementerian Pendidikan tidak akan dapat membelanjakannya.

Barangkali untuk menimbulkan sekolah smart sebagaimana yang dibayangkan oleh Yang Berhormat tadi dengan sekelip mata barangkali agak mustahil bagi kitani untuk mengadakannya.

Jadi tentulah perkara ini akan memakan masa dan kita akan melaksanakannya secara berperingkat-peringkat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin mengajukan dua pertanyaan.

1) Syukur alhamdulillah di Negara Brunei Darussalam ini kita setiap tahun menyambut dan mengadakan atau membesarkan Guru Berjasa dan Guru Cemerlang tetapi nampaknya banyak sudah guru-guru yang berjasa dan guru-guru yang

cemerlang, sambutan hanya berkisar dalam lingkungan dua bulan sahaja ianya disebut-sebut selepas itu tidak berapa kedengaran lagi.

Jadi dicadangkan supaya di antara guru-guru berjasa dan guru-guru cemerlang ini akan dapat meneruskan jasa baik mereka yang bersesuaian, di antaranya ada yang mencadangkan supaya guru-guru berjasa dan cemerlang ini diberikan peluang baginya untuk menyampaikan ceramah-ceramah atau motivasi kepada guru-guru dan juga penuntut-penuntut, sesuai dengan kesihatan bagi batang tubuh guru-guru berjasa dan cemerlang ini.

2) Apa yang diketahui penuntut-penuntut dari Pusat Pembangunan Belia memang sewajarnya ketika ini telahpun rancak dan mendapat

sambutan daripada rakyat di negara ini. Tetapi sayangnya apabila penuntut-penuntut ini keluar daripada tempat ia berkursus, ia ditempatkan berkursus di syarikat-syarikat swasta dan pejabat-pejabat. Apabila habis berkursus kebanyakan mereka ini tidak terus bekerja, jadi dipohonkan supaya mereka yang mempunyai pengetahuan di bidang masing-masing supaya diteruskan mereka diambil bekerja. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan: Cadangan yang pertama memang baik dan tertakluk kepada keupayaan serta tenaga yang berkenaan itu maka ia boleh dilaksanakan, tetapi walau bagaimanapun sebahagian daripada yang berkenaan ini

barangkali agak uzur untuk melaksanakan sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat. Tetapi walau bagaimanapun mulai daripada tahun lepas kita telahpun cuba untuk menimbulkan guru-guru cemerlang, guru-guru yang boleh dikatakan sebagai contoh kepada guru-guru yang lain, yang telah menimbulkan keputusan-keputusan peperiksaan yang baik.

Golongan inilah yang akan diperluaskan supaya ia akan menjadikan satu dorongan atau galakan kepada guru-guru untuk mencontohi mereka-mereka yang berkenaan ini dan peluang-peluang untuk meluaskan ilmu pengetahuan akan sentiasa dibukakan. Mengenai dengan cadangan yang kedua, pekerjaan bagi lepasan-lepasan yang berkenaan ini adalah sebenarnya bergantung kepada

demand ataupun kemahuan syarikat-syarikat yang berkenaan dan tidaklah dapat Kementerian Pendidikan untuk menuntut kepada pihak-pihak yang berkenaan itu supaya mengambil lepasan-lepasan itu secara automatik.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin Abd Rauf, Daerah Tutong: Terima kasih Pengiran Pengerusi. Saya sesungguhnya tertarik mengenai dengan Jabatan di Kementerian Pendidikan. Kalau kita melihat bahawa pada masa ini di Daerah Tutong, Pejabat Kementerian Pendidikan hanya menumpang di Jabatan Daerah dan satu bangunan yang lain. Adakah daripada pihak Kementerian Pendidikan untuk membina khusus bangunan Kementerian Pendidikan di Daerah Tutong?, lebih-lebih lagi kalau kita melihat rancangan

bahagian Pendidikan ini, cabaran abad ke-21.

Yang keduanya Kementerian Pendidikan adalah sebagai tenaga penggerak ataupun sebagai kilang memproses kepada kanak-kanak dan akan dieksport kepada jabatan-jabatan lain, jadi adalah diharapkan kalau ditinjau kepada abad Ke-21 ini kiranya dapat diceritakan sedikit dalam majlis ini, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sebenarnya Jabatan Sekolah-Sekolah di bawah Kementerian Pendidikan pada tahun ini mula untuk melaksanakan *re-organization* nya yang melibatkan jabatan-jabatan ataupun unit-unit yang

berkenaan di seluruh daerah dan seluruh negara ini. Sekiranya terdapat keperluan maka bangunan yang bersesuaian tentunya akan diperlukan. Tapi sebagaimana yang diketahui oleh Ahli Yang Berhormat bahawa penekanan Kementerian Pendidikan setakat ini ialah untuk melihat lebih banyak lagi sekolah-sekolah dibangunkan disebabkan Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa *battle ground* ataupun arena perjuangan Kementerian Pendidikan sebenarnya adalah dibangku sekolah, jadi bagaimanapun barangkali eloknya pejabat-pejabat yang akan dibangunkan, sekiranya sekolah-sekolah kita pincang maka pincanglah usaha Kementerian Pendidikan.

Mengenai dengan Sistem Pendidikan Abad Ke-21, sebagaimana yang ditimbulkan memang pada ketika ini perkara itu

sebenarnya sedang direka dan dirundingkan dalam Kementerian Pendidikan dan insya-Allah akan dibawa ke khalayak ramai untuk dirundingkan bersama disebabkan pendidikan sesuatu perkara yang diminati oleh semua pihak dan ada hubungannya dengan setiap keluarga. Setentunya apabila ia sudah siap ianya akan *socialize* dengan pihak-pihak yang berminat, tapi sejauh ini apa yang cuba ditimbulkan oleh Kementerian Pendidikan ialah satu sistem di mana kita akan berharap untuk meninggikan kualiti pendidikan kita dengan dalam erti kata setiap penuntut akan dapat berupaya mendapat pendidikan sebaik-baiknya dan ia akan dapat menimbulkan sebaik-baik potensi daripada *individual* yang berkenaan itu.

Jadi dalam ertikata yang lain pula bahawa kita akan cuba untuk menimbulkan murid-murid yang pintar akan menjadi lebih pintar dan yang kurang pintar akan menjadi pintar. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah

Belait: Terima kasih Pengiran Pengerusi, setelah mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Pehin Menteri Pendidikan sebentar tadi saya sebenarnya mempunyai persoalan yang sama, jadi saya harap Yang Berhormat Pehin apabila membuat pengkajian *re-organization*, jangan lupa Daerah Belait jua tentang sebuah pejabat seperti jua Daerah Tutong di mana kakitangan jabatan tersebut berpindah-randah dari semasa ke semasa itu soalan saya yang pertama.

Soalan kedua dalam Peruntukan pada tahun ini, adakah pihak Kementerian Pendidikan membuat satu kajian di mana saya fokuskan sebuah sekolah iaitu di Mukim Labi iaitu Sekolah Rampayoh yang penuntutnya hanya 20 orang dan gurunya pun hampirkan sama barangkali, mempunyai perancangan oleh Kementerian Pendidikan mungkin dapat disatukan dengan Sekolah Rampayoh ataupun sebaliknya.

Dan soalan yang ketiga dari saya ialah tentang elaun pelajaran bulanan yang diberi oleh pihak Kerajaan sebanyak \$120.00 yang tidak melebihi 4 orang anak. Mohon barangkali dipertimbangkan dinaikkan yang sepatutnya mengikut keadaan semasa pada masa ini. Saya rasa itu saja daripada saya Pengiran Pengerusi, Terima Kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, soalan pertama barangkali anda payah peramba jawab lagi. Soalan yang kedua, dalam lawatan peramba ke sekolah-sekolah terutamanya sekolah-sekolah rendah, peramba mendapati bahawa ada beberapa sekolah sebenarnya termasuk sekolah-sekolah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu di Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong, yang mana sekolah-sekolah itu terlalu kecil untuk berdiri sendiri. Jadi ada keadaannya di mana dalam satu kelas seorang guru berhadapan dengan dua orang murid. Jadi setentunya dari segi ini, barangkali dari segi ini saja agak kurang memberikan motivasi bagi

bukan saja murid tetapi guru untuk mengajar dalam kelas-kelas yang berkenaan.

Jadi dari aspek yang lain tentulah kurang *economical* bagi kita untuk melaksanakan sekolah-sekolah seperti ini berterusan. Oleh sebab itu, kita perlu untuk mengadakan bukan saja sekolah-sekolah yang lengkap seperti sekolah-sekolah lain, sebab kita percaya bahawa tidak ada sekolah di negara ini yang harus diketepikan daripada kemajuan pendidikan. Hasrat kita ialah supaya setiap sekolah sama ada di bandar ataupun di luar bandar akan mendapat kemudahan yang serupa.

Jadi dengan hasrat yang sedemikian itu tentulah barangkali kurang bermanfaat bagi kita untuk meneruskan keadaan sekolah-sekolah yang berkenaan itu. Jadi

pemikiran sekarang dibuat dan insya-Allah akan dirundingkan dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat, akan dirundingkan dengan Ketua-Ketua Kampong dan juga penduduk-penduduk yang berkenaan, supaya semua pihak akan bulat bermesyuarat dan kita akan memusatkan sekolah-sekolah yang kecil-kecil itu menjadi satu sekolah yang lebih *liable*. Mengenai dengan elaun pelajar perkara ini setakat ini belum ada dalam pemikiran kita.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk ini tidak ada yang mahu membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Kementerian Pendidikan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Kementerian Pendidikan diluluskan.

Jurutulis: SF Kementerian Pendidikan dijadikan sebagai sebahagian daripada Jadual SH01A Jabatan Kementerian Perindustrian Dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei

dan Muara: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di Negara Brunei Darussalam khususnya, di mukim-mukim dan kampong-kampong terdapat perusahaan-perusahaan dan juga syarikat-syarikat yang telah diusahakan oleh anak-anak tempatan yang mana yang dimaksudkan dengan syarikat ini ada terdapat di mukim-mukim dan di kampong-kampong.

Syarikat-syarikat ini tidak menjaga kebersihan kawasan syarikat masing-masing, dan ini akan mendatangkan masalah kepada orang ramai yang mana akan memburukkan lagi alam sekitar terutama sekali bekas-bekas alat perkakas besi buruk, kereta-kereta buruk dan sebagainya. Diharap kepada yang berkenaan supaya akan dapat memantau dan menasihatkan kepada perusahaan-perusahaan dan syarikat-syarikat tersebut kerana kebersihan di negara ini amat diutamakan. Sekian Terima kasih.

**Yang Berhormat Dato Paduka
Awang Haji Idris bin Haji Abas:**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peruntukan bagi pengukuhan sektor swasta dan sektor bukan minyak telah diberikan

salah satu fokus utama dalam belanjawan ini saya percaya kementerian berkenaan telah berusaha dengan gigih untuk memenuhi sasarannya.

- 1) Setakat ini apakah sukat-sukat pencapaian dalam melaksanakan satu program – program keusahawanan ataupun *entrepreneurship* khususnya bagi peniaga-peniaga kecil dan sederhana PKS ataupun SME.
- 2) Pembentukan industri - industri, perusahaan, pertanian perikanan dan sebagainya secara *general*.
- 3) Membuat pemasaran antara bangsa.
- 4) Meningkatkan penglibatan peniaga-peniaga Melayu

sepertimana yang dihasratkan. Adakah Peruntukan ini boleh mencapai matlamatnya dalam perancangan jangka pendek atau jangka panjang. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama: Bismillahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, mula-mula mengenai dengan kebersihan nampaknya sama ada yang disebutkan itu dalam termasuk bidang Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Barangkali apa yang disebutkan itu termasuk dalam kawasan daerah

yang dimaksudkan, yang diusahakan seperti *workshop*.

Peramba dan Ahli-Ahli Yang Berhormat kurang pasti sama ada soalan atau masalah yang disebutkan itu di bawah tanggungjawab Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Walau bagaimanapun, saya sudah mendengar perkara ini Ahli-Ahli Yang Berhormat bolehlah dijemput ke Kementerian dan berunding dan bolehlah ditujukan di mana perkara itu di *specific*, supaya masalah itu tidak akan ditimbulkan. Insya-Allah kalau kita sama-sama hidup lagi pada tahun hadapan. Terima kasih.

Mengenai dengan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat sukatsukats ini soalan itu terlampau baik, tetapi menyeluruh. Tapi susah bagi saya, pada masa ini secara detail

menjawab tetapi cukuplah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telahpun membukukan sukat-sukat bagi pencapaian Kementerian ini sendiri yang bernama **“Pencapaian dan Prospek Ke arah Mempelbagaikan Hasrat Ekonomi Yang Mampan”** sudah di *publish* perkara ini dan soalan-soalan yang ditimbulkan itu ada di sini. Bolehlah pada masa ini saya sendiri menyatakan ada lapan faktor di mana kita melihat pencapaian ekonomi yang mampan.

Human Resources yang inti yang telah dititahkan di Majlis ini sendiri bahawa kemajuan negara apapun akan ditujunya dari mana? di mana? akan ke mana? kepada manusia, rakyat itu sendiri yang kapasiti kemampuan rakyat itu sendiri. Bayangkanlah sekiranya semua 383 ribu manusia di negara ini sama dengan orang yang sifat

kelakuannya, keberaniannya, *entrepreneurship*nya, kebolehannya semuanya sama dengan Ahli Yang Berhormat tadi, barangkali negara ini akan menjadi nombor satu di dunia.

Bayangkanlah itu lelaki tetapi sekiranya wanita misalnya, bayangkanlah isteri Yang Berhormat itu sendiri begitu semua separuh daripada 383 ribu orang, begitu sifatnya keberaniannya, komitmennya, *entrepreneurship*nya, apapun alangkah baiknya Negara Brunei Darussalam jadinya **“the people makes the negeri baik, maju ke hadapan”** itulah agenda *vision* sebenarnya dalam *future of Brunei* insya-Allah perkara ini Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telahpun ditubuhkan 1989 umurnya 16 tahun, 15 tahun lebih sudah dalam buku ini dengan stasisitk, *dengan vision* nya dengan cara untuk menuju

melaksanakan kehadiran sehingga 2023, ada dinyatakan di sini. Susah dinyatakan satu persatu di sini. Junjung kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk ini tidak ada yang mahu membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SH01A Jabatan Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dijadikan sebahagian

daripada Jadual. Tajuk SH02A Jabatan Perhutanan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah

Temburong: Terima kasih Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, kilang papan Kampong Nagalang, Jalan Labu di Daerah Temburong yang ada pada masa ini tidak dijual kepada orang ramai malahan dihantar ke Bandar Seri Begawan, jadi ingin tahu apa sebabnya berlaku sedemikian. Sekian Pengiran Pengerusi, Terima Kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:

Jawabnya soalnya tepat Yang Berhormat, terima kasih kalau papan yang sebenarnya dasar seberapa

boleh papan itu kitani inda menjualkan keluar negeri. Papan-papan yang untuk kehendak negara kebanyakannya di *import* dan sampai papan-papan yang kitani keluarkan di sini maksudnya bahawa kita eksport *only finished product* bukan papan yang dieksport, tapi *furniture down stream* daripada papan itu dieksport.

Papan mentah-mentah, kitani yang sebenarnya ada *administrative procedure* bahawa tidak *encourage* papan mentah-mentah tu, kalau *furniture down stream* kerusi atu, laju Kementerian Perindustrian untuk menolong *private sector* untuk *value added* daripada papan itu.

Inilah barangkali kitani, kepandaian orang lain, kepandaian orang-orang lain dibelinya *raw material finished product* dan ia akan untung daripada orang tengah lebih untung daripada

orang mengail. Jadi konsep ini betul, senang cakap tapi kita mesti mula. Kita mula dan berperangai dan berpendapat bahawa kita boleh buat itulah sebabnya barangkali papan Temburong tidak dijual di Temburong tapi dijual di bandar. Itu bagus dari Temburong ke bandar tapi dasar sebenar-benarnya mengurangkan menjual papan *raw* papan, tapi *finished product*. *Made from* papan daripada papan, minta maaf barangkali inda boleh bercakap bahasa Inggeris. *Value added* apa tu, pelbagaian *down stream of* papan. Macam atulah, terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk ini tidak ada yang mahu membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Perhutanan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Perhutanan diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SH02A Jabatan Perhutanan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SH03A Jabatan Perikanan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad Daerah

Temburong: Terima kasih Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, salah satu hasil-mahsul yang terdapat di negara kita ini ialah spesis iaitu Lukan Apong dan Lukan Bakau yang terdapat di kawasan-kawasan Sungai Temburong dan Labu yang berair masin malah sampai ke Laut Buau. Apa yang telah dapat jelas dilihat dan ketara ianya telah diambil oleh penceroboh-penceroboh nelayan

yang dapat dikenal pasti yang datangnya daripada Limbang, Malaysia.

Dan nelayan-nelayan atau pencuri lukan-lukan ini telah beberapa kali didapati oleh pencari ikan tempatan kitani, kerap kali mereka mendapati mereka (penceroboh asing) ini membawa lukan dengan sarat-sarat perahu dibawa pulang dari tempat-tempat dinyatakan dan kemudian dijual balik kepada rakyat kitani.

Setahu saya sejauh ini belum ada didengar penceroboh-penceroboh berkenaan pernah ditangkap atau diambil tindakan dalam perkara ini. Apakah benar-benar, barangkali telah didapati oleh pihak Jabatan Perikanan dan apakah tindakan-tindakan yang diambil kepada mereka. Pengiran Pengerusi, jika hasil-mahsul negara kita diambil sewenang-wenangnya ianya sudah

tentu merugikan negara, sekian terima kasih, Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei Muara: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, saya ingin menyampaikan keluhan daripada penduduk yang berkenaan.

1) Tempat menaikkan bot-bot nelayan di kawasan Serasa, Muara supaya akan dapat dibuat dengan lebih besar, selesa dan selamat. Ini datangnya daripada nelayan-nelayan yang menggunakan tempat tersebut.

2) Tempat penurunan perahu nelayan di Pantai Jerudong, pada masa ini dikatakan ianya kalau waktu malam gelap, jadi dipohonkan tempat dan kawasan penurunan perahu tersebut supaya akan dipasang lampu untuk menerangi

apabila digunakan waktu malam, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama: Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, barangkali peramba ucapkan terima kasih kerana sebabnya soalan ini *very specific* saya sendiri kurang mengetahui tidak ada berlampu dan petang tempat itu, jadi kan diakui dan dijawab barangkali takut berkelakar dan terima kasih akan disiasat perkara-perkara seperti ini jadi walaupun teguran, peramba ucapkan terima kasih dan akan diteliti dan berkaitan dengan Temburong yang orang ditangkap perkara-perkara ini memanglah apa yang dibuat tahun lepas selepas

memikirkan bahawa ada dua kajian yang dibuat oleh Jabatan Perikanan.

1) Yang satu dibuat oleh kajian UBD menolong mengkaji bahawa zone 1, sebabnya Jabatan Perikanan membuat *area* untuk menangkap ikan ini mengikut zone, sampai zone 1 dan sampai zone 4, digelarnya daripada daratan zone 1 = 3km, zone 2 = 3 sampai 10Km, 10 sampai 25, 25 sampai EEZ zone kitani. Jadi zon 4. Jadi yang dikaji ini zone 2, satu Jabatan Perikanan dan 1 oleh UBD dikaji bahawa hingga masa ini hasil perikanan. Perikanan ini yang natural ini, yang *natures* ini di zone 1 akan pupus penghasilannya, yang natural ini akan pupus. Tapi itu Allah Ta'ala ganya tahu bila ia akan pupus, tapi mengikut durang hasilnya kedua-dua kajian ini menyatakan bahawa hasil perikanan apa jenis ikan pun yang dalam zon 3km ini, akan pupus

inda tahu bila ia akan pupus. Itulah mengangkat satu darjah bahawa kitani menambah penghasilan *Aquaculture*.

Jadi yang *Aquaculture* Perikanan, *Aquaculture* maksudnya kitani kalau pertanian, berkebun perikanan, ini pengusaha perikanan itu untuk mengimbangi penghasilan kehendak negara itu jenis-jenis ikan ini daripada zon 1, iaitu ditambah supaya inda pupus di antara *nature* keluaran perikanan dan di kebun itu seimbang. Itu satu dasar yang telahpun di buat.

2) *Administratively* ada titah perkenan bahawa disebarkan setelah asal bekas kajian itu diperkenankan bahawa orang luar bukan rakyat Brunei tidak disuruh, untuk selalulah orang kitani tentulah kala-kala di *employ* nya bah, ia punya lesen orang luar

mengemployee. Dilarang, tapi ani secara timbang terima supaya jangan sampai karang perkara ini akan menyusahkan orang tempatan *involve* tapi ani ada *administrative* budi bicara Pegawai Perikanan dengan orang-orang yang telahpun dilesen atu. *Road show* untuk memberikan penerangan supaya orang luar rakyat luar tidak boleh mengambil hasil daripada ini.

Jadi negeri bukan negeri kitani saja ni, yang *practice* masa ani, negeri yang *advance* seperti negeri Jepun, Korea inda ia membenarkan tu orang luar, jadi kitani pun *administratively* secara budi bicara mengikut kitani. Dalam zon 1 rakyat, bukan rakyat Brunei tidak dibenarkan, sudah mulai 1hb Januari 2006.

Macam ani lah, jadi perkara tangkap menangkap ani yang sebenarnya

Jabatan Perikanan tidak berupaya, tidak ada satu undang-undang untuk menangkap sesiapa dan ani kalau ia eksport dan import barangkali bahagian-bahagian lain perkara itu akan kitani budi bicarakan untuk melaksanakan perkara seperti ini. Terima kasih.

Pengerusi: Terima Kasih.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim, Daerah Brunei dan Muara: Yang Amat Mulia Pengerusi, Terima kasih di atas penerangan daripada Kementerian berkenan khusus mengenai pembahagian zon, zon penangkapan ikan. Sama ada zon 1, 2, 3 dan 4. Pembahagian zon-zon penangkapan ikan ini, sepanjang pengetahuan peramba, mohon dibetulkan juga jika salah. Adalah berdasarkan kepada saiz-saiz kapal yang dimiliki oleh

pengusaha-pengusaha atau pemilik-pemilik kapal berkenaan. Walau apapun zonnya sama ada 1, 2, 3 dan 4 ani penangkap ikan tidak dapat dilaksanakan apabila musim-musim tertentu khasnya musim tengkujuh dan ada ketikanya pihak penangkap-penangkap ikan ani tidak pergi menangkap ikan selama berbulan-bulan mengikut keadaan cuaca.

Sehubungan dengan ini peramba ingin menghadapkan satu pertanyaan, adakah pertimbangan dapat diberikan oleh pihak Jabatan Perikanan dalam usaha membantu ketandusan, pendapatan yang sudah tentu dialami bukan saja menjejaskan pembayaran gaji bahkan melibatkan hutang-piutang termasuk pinjaman kapal dan sebagainya telah dapat diusahakan dan diberi perhatian oleh pihak

Jabatan Perikanan. Sekian menjunjung kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada lagi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan:

Mohonkan diampun, soalan macam pembayaran gaji perkara-perkara tersebut oleh kerana penangkap-penangkap ikan yang berlesen ini adalah di *register* sebagai lesen ia menangkap mengikut *boat-boat* tertentu. Itu tugas sebagai *business identity* tidak ada kesanggupan Kerajaan walaupun perusahaannya itu sendirinya, tidak dapat bayar gaji, keuntungan, kerugian ganya kalau Kerajaan dapat membuka hanya adalah untuk ada dua skim untuk *to start the business* itu. Macam membeli kapal, ada macam

kewangan untuk dipohonkan daripada pemohon-pemohon tertentu.

Ada dua skim. Satu *micro kredit*, satu perusahaan apa saja, jenis perusahaan-perusahaan pertanian, perusahaan *under SME* atau perusahaan perikanan. Tapi kalau sudah sebagai di *register* dan bisnesnya itu tidak menguntungkan dan menjamin membayar gaji itu. Tidak ada barangkali mohonkan di ampun Kerajaan membuat demikian. Terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli yang Berhormat lain.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Pengiran pengerusi, berkenaan dengan Jabatan Perikanan ini, patut juga kita

berikan tahniah, kerana berjaya, penghasilan sebanyak 10%, jika peramba tak silap. Tetapi peramba juga ingin bertanya daripada ini nampaknya banyak pertukaran ini terlampau payah juga kerana pertukaran ke sana dan kemari apakah sebabnya, itu saja terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dapat menerangkan dari tajuk mana? subjek mana Perikanan? supaya Ahli sebelah kanan dapat diberitahu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua): Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, kalau dapat peramba menerangkan yang dimaksudkan barangkali pertukaran-pertukaran dari segi perjawatan ini, sebenarnya

kalau kita lihat daripada tahun lepas kebanyakannya di belakang perjawatan-perjawatan, tapi oleh kerana Jabatan Perikanan waktu ini mencuba mengemaskinikan *section-section*nya, sebab itulah kalau dilihat dari muka surat pertama sampai ke muka surat ke 4 – ke 5 ada namanya dipindah-pindahkan orang-orang itu mengikut *section-section*, atau *division-division* yang telah dikemaskinikan, terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk ini, tidak ada yang mahu membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Perikanan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Perikanan diluluskan.

Jurutulis: SH03A Jabatan Perikanan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SH04A Jabatan Pertanian.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, semasa bukan sahaja Brunei heboh-heboh selepas burung peramba percaya Jabatan Pertanian mempunyai pakar-pakar untuk membuat penyelidikan dan sebagainya yang boleh memberikan bukan sahaja untuk Brunei malahan peramba percaya mereka-mereka ini dihantar keluar negeri.

Alhamdulillah, selepas burung pun tidak ada, peramba ingin mendapat tahu adakah pakar-pakar

yang mengeluarkan keputusan penyelidikan mereka ini diakui, istimewa yang berkenaan dengan kita ini, sebab ada cerita-cerita bahawa yang kitani belum mencukupi pakar untuk membuat *detail*, adakah benar atau tidak ini. Khasnya belum lama ada lagi pakar-pakar yang macam Hospital di Bandar Seri Begawan, banyak penyakit ani, Jabatan Pertanian adakah sudah mencukupi pakar-pakar yang dikehendaki untuk diterima, diakui oleh negeri lain.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:
Pengiran Pengerusi, peramba ingin dahulu membayangkan bahawa Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, kalau dilihat daripada jumlah total Kementerian

6 pejabat, semua kan dikira total 71, *seventy one million thirty nine million*, Jabatan Pertanian dilihat di sana bahawa boleh dikatakan 50% daripada 39 (*thirty nine*) itu adalah Jabatan Pertanian.

Dari segi peruntukan ia boleh dikatakan bahawa peruntukan yang diberikan kepada kepada Kementerian, Jabatan Pertanian. Peruntukan itu lebih daripada 50%, dari segi kakitangan dalam 1,200 kakitangan daripada peramba sendiri, saya sendiri sampai ke peon. 1,200 lebih, 600 adalah semuanya daripada kebanyakannya daripada Jabatan Pertanian, apa sebab, sebabnya kalau dilihat peruntukan kakitangan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama lebih 50% daripada peruntukan kakitangan itu adalah dari jabatan itu sendiri.

Melalui Pertanian kitani boleh melihat di sana untuk menjangka hasrat kitani *diversification of economy* Negara Brunei Darussalam supaya tidak 77 tahun, sudah sejak 1929 negara ini daripada *revenue* kalau tiap-tiap \$10.00, \$1.00 saja bukan *all the gas*, \$9.00 adalah pendapatan *revenue* itu datangnya daripada minyak dan gas.

Bayangkanlah kalau tidak ada minyak dan gas di mana mencari \$9.00 itu adalah dari segi diukur daripada buku ini dari salah satu 8 faktor besar di mana hasrat Kementerian Kerajaan Kebawah Duli untuk mencapainya adalah untuk meninggikan *revenue*, satu bagi yang mustahak adalah dalam *diversification* itu untuk meninggikan *GDP revenue*.

Ada surat keliling daripada Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi (JPKE) bahawa *diversification of economy* bila dilihat daripada GDP atau KDNK Keluaran Dalam Negeri Kasar kajian bahawa tahun 1991, bila dilihat daripada GDP, *contribution non oil* adalah 37.7%, jadinya untuk mencapai 100%, 63% persen adalah *contributed to GDP*, KDNK 63.3%, tahun lepas, 14 Ogos 2006 JPKE ada mengeluarkan surat keliling, di mana *diversification of economy* kitani dari segi GDP *oil and non oil* ada dinyatakan di sini surat keliling bahawa *non oil sector contributed to 43%*, jadinya *oil sector 57%* daripada 43% itu 15% adalah *accounted government sector* dan 28% adalah *private sector*.

Jadi ada peningkatan *diversification of economy* itu daripada 1991 hingga 2006, 14 Ogos 2006, jadi ini akan menerangkan bahawa tadi

soalan tertentu bahawa kepakaran, memanglah kepakaran tertentu sudah tapi pakarnya itu belum dimarketkan, kepakaran kalau tidak dipakai dan dimarketkan, kalau dijual papan saja tidak berjual *furniture*, bayangkanlah keuntungan berjual *furniture* daripada berjual papan mentah-mentah, itulah saya akan membayangkan bahawa kitani kepakaran itu masih lagi belum dimarketkan, ia seumpamanya pegawai Kerajaan maksudnya di sini adalah *diversify* kompetitif tapi tahan *sustainable*.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, jawapan dari Ahli Yang Berhormat memadai.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Perindustrian

dan Sumber-Sumber Utama:
Mungkin ampun.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Pengiran Pengerusi, saya ingin bertanya pada masa yang lalu bantuan baja kepada petani-petani berjalan dari semasa ke semasa tetapi akhir-akhir ini bila kita pergi ke Jabatan Pertanian untuk mendapatkannya mereka mengatakannya sudah tiada, jadi bila ditanya bila ada? Belum tahu, jadi apakah bantuan tersebut masih dijalankan?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama: Yang

Amat Mulia atu diakui tu benar, tongkat ani barangkali kitani berjalan betongkat saja diakui tu dikurangkan. Munkan ampun.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah

Temburong: Terima kasih Pengiran Pengerusi, Ahli Yang Berhormat Daerah Temburong juga adalah salah satu daerah yang dapat mengeluarkan hasil padi yang dapat dibanggakan di negara ini, mengenai dengan petani-petani penduduk Daerah Temburong yang menjual hasil padi mereka melalui Jabatan Pertanian Daerah Temburong pembayarannya adalah lambat. Ada hasil padi mereka yang dijual pada tahun 2005 hingga ke tahun 2006, bayaran hanya baru diterima pada bulan Februari 2007.

Jikalau perkara ini berterusan berlaku sudah setentunya akan

menjejaskan perbelanjaan pencarian hidup harian mereka. Adalah amat diharapkan pihak-pihak jabatan, kementerian yang berkenaan akan dapat menangani masalah yang dihadapi sebab-sebab kelambatan pembayaran tersebut.

Yang kedua, sungutan-sungutan yang sering didengar daripada petani adalah pembakaran baja padi dan termasuk juga racun yang tidak mencukupi daripada Jabatan Pertanian, maka mereka terpaksa membeli daripada Limbang ataupun Lawas. Sekian Pengiran Pengerusi, terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:

Munkan ampun, Ahli-Ahli Yang Berhormat terima kasih teguran itu memang perkara ini saya sendiri, peramba sendiri barangkali teguran itu yang lambat itu tahun 2006 memang diakui, disebabkan bahawa peruntukan itu diberi dalam RKN 5 juta, skim 5 juta untuk membeli padi \$1.60 sen segantang, memang diakui, di peruntukan tahun 2006 sejuta, tetapi *claim* daripada semua untuk berjual padi kepada Kerajaan ini adalah 1.3 million, tidak cukup jadi ada kelambatan, mengikut di sini ada karang 2 juta tahun 2007/2008 dua juta daripada skim itu, ada kebenarannya lambat itu barangkali akan ditekankan, diusahakan lagi supaya kelambatan itu sekurang - kurangnya dikurangkan.

Mengenai yang kedua jawapan sudah tadi bantuan tongkat-tongkat ini ada benar dikurangkan, itu difikirkan oleh kementerian

dan jabatan-jabatan selepas bermesyuarat bahawa pertanian ini lama sudah berumur sudah Jabatan Pertanian sampai padinya pun dibeli, dan barangkali kewangan yang sama akan diusahakan untuk membantu Jabatan Perikanan. Macamatu munkan ampun

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya

Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat peramba ingin menimbulkan mengenai dengan penanaman padi ini juga, tetapi apa yang peramba ingin timbulkan ialah nampaknya *trend* ataupun semangat untuk penanaman padi semenjak permesyuaratan yang lalu nampaknya ada tanda-tanda pertambahan atau kegiatan-kegiatan yang telah dilakukan oleh orang ramai di negara ini.

Baru-baru ini peramba telah mengambil tahu bahawa bekas-bekas parajurit yang telah bersara telah mengusahakan penanaman padi di Kampong Wasan iaitu seramai 170 orang dan disertai sama oleh seramai 70 orang awam telah mengusahakan penanaman padi ini yang kedua tahun pada tahun ini dan saya percaya Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ada sama-sama menuai padi yang telah ditanam oleh bekas-bekas parajurit ini.

Apa yang peramba ingin harapkan di sini ialah kalau mereka-mereka bekas parajurit ini dapat bersatu mengusahakan satu ladang yang cukup luas, maka peramba berharap kumpulan-kumpulan lain seperti badan-badan koperasi, Ahli-Ahli Majlis Perundingan Kampong dan

badan-badan perusahaan yang lain di negara ini yang berminat untuk bertanam padi haruslah diberi segala galakan. Kemudahan dan urusan-urusan dipercepatkan oleh jabatan yang berkenaan. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:

Terima kasih, yang sebenarnya kemampuan Negara Brunei Darussalam untuk *local production* ini hanya 2.74% jadi 97.3% adalah kitani berpadi di Thailand dan mungkin masa ini dua negeri berpadi di Kambodia dan di Vietnam. Jadinya memanglah hasrat Kementerian daripada kehendak negaralah misalnyalah sahaja mengenai dengan beras ini pada tahun 2005, 33,075 metrik tan

dikehendaki oleh negara memang diketahui satu-satu.

Jadi yang boleh *diproduce* oleh negara adalah 851.3 metrik tan, jadi dalam jangkauan 2.74% sahaja memang hasrat Kementerian sudah dinyatakan di sini bahawa sekurang-kurangnya dalam 5 tahun 10 ke 15%, ditingkatkan 5 kali, 3 kali, 4 kali macam itu kehendak. Jadi bukan ertinya untuk membanyakkan petani-petani, tetapi dibesarkan hasil pertanian daripada koperasi dan dikorporat. Jadi maksimum ia punya *production* pengertiannya itu, tapi mesti jua majlis ini menyokong bahawa kalau cepat orang bertani ini ditambah *nine plan*, untuk membeli hasil daripada padi dan beras diaorang itu. Jadi macam itulah kesimpulannya. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah

Belait: Terima kasih, Pengiran Pengerusi, saya ingin mengutarakan satu soalan sahaja, iaitu tidak lama dahulu kalau saya tidak silap dan difahamkan bahawa satu kajian mengenai dengan kesesuaian tanah untuk projek dan saya difahamkan bahawa ianya dikendalikan oleh konsultan. Ingin mengetahui adakah pengkajian tanah tersebut khusus untuk projek-projek tertentu dan di manakah tempat-tempat kajian tersebut telah dijalankan?. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama: Mohonkan ampun, Pengiran Pengerusi, memanglah sebabnya Pertanian, Perhutanan, Perikanan

nampaknya kitani mesti dahulu berlandaskan penentuan, dengan pengkajian dahulu, diketahui dahulu, mesti mengetahui di mana kitani masa ini, terutama sekali dengan kajian-kajian tertentu memang dikaji dahulu, baru tentu, jangan perkara apa yang kitani buat tidak berlandaskan hasil kajian dan *technically improve base* atulah Negara Brunei Darussalam barangkali kalau dilihat daripada peruntukan *research and technology* masih rendah *take to GDP*, itu mesti kitani memikirkan, ini tadi kurang pasti akan menjawab hasil kajian tersebut jadi dijemputlah Yang Berhormat untuk meneliti bersama nanti hasil kajian tersebut. Terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak ada membahaskan, maka saya memohonkan Ahli-Ahli Yang

Berhormat yang bersetuju angkat tangan.

Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran

Haji Sunggoh: Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, syukur alhamdulillah, dapatlah saya rasanya untuk membawa sedikit pandangan dalam hal pertanian, sebagaimana yang telah saya dengar tadi, ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, usaha-usaha pertanian telah dijalankan dengan segiat-giatnya dengan peruntukan, saya rasa peruntukan yang sebegitu besar \$30 juta saya berharap peruntukan ini akan dapat benar-benar sedikit mengembangkan pertanian di Brunei kerana setakat ini, saya rasa rakyat belum dapat melihat apakah perkembangan pertanian yang dapat kita lihat, yang dapat kita rasa.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, Menteri Perindustrian telah mengemukakan satu rancangan dalam buku yang baru dibuat.

Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Haji Sunggoh: Ani belum habis lagi yang sebenarnya peramba akan bertanya kepada Yang Berhormat, setakat manakah sudah yang dapat kita capai kemajuan pertanian terutama sekali dalam penanaman dan perkembangan?

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi sudah dijelaskan, akan rancangan, akan dibuat kajian macam-macam sudah, jadi kalau balik-balik, banyak masa terbuang, kalau ada pertanyaan lain dibenarkan dan silakan, nampaknya dalam tajuk ini, tidak ada yang mahu membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk

ini iaitu Jabatan Pertanian, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Pertanian diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SH04A Jabatan Pertanian dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SHO5A Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA).

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya dalam tajuk ini, tidak ada yang mahu membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SH05A Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) dijadi sebahagian daripada Jadual. Tajuk SH06A Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai dengan pencapaian industri pelancongan saya kira memang ada dalam buku yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat Menteri itu, nantilah kalau ada peluang membaca nanti akan mengenal lebih lanjut.

Bagaimanapun untuk makluman umum ingin jua saya mengajukan satu soalan. Industri pelancongan

boleh juga meng*contribute* keperatus kepada GDP yang tinggi kepada ekonomi sebuah negara sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat itu tadi. Buat masa ini terlalu hanya kecil bagi negara kitani, sebagai objektif negara untuk mempelbagaikan ekonomi selain daripada minyak dan gas apakah visi dan potensi industri pelancongan yang dikira-kira akan dapat dicapai, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama: Pengiran Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat, terima kasih membangkitkan mengenai dengan peruntukan Jabatan Perkembangan Pelancongan. Yang sebenarnya Negara Brunei Darussalam

memikirkan bahawa Jabatan Pelancongan, hasil daripada pelancongan ini perkara baru, baru di *establish* ke satu jabatan, dulu dikenali Unit. Jabatan Perkembangan Pelancongan, baru di *establish Tourism Board* tahun lepas. Jadi masa ini meneliti di mana kitani mengenai dengan perkembangan penghasilan pelancongan ini kepada negara ini sendiri, sebabnya barangkali Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini mengakui bahawa negara-negara lain, bahawa hasil dari pelancongan ini *very significant* jadi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, oleh kerana peruntukan dibenarkan oleh Kementerian Kewangan supaya membuat kajian, dibenarkan \$258,000.00 untuk satu konsultan meneliti selama 9 bulan, hasil kesan pelancongan di Negara Brunei Darussalam.

Jadinya bukunya ada di sini Brunei Darussalam *The Impact of Travel Tourism on Job and Economic* sudah menghasilkan WTTC, *World Travel Trade Council* dari UK mengkaji selama 9 bulan mengenai dengan *impact of tourism* di Negara Brunei Darussalam.

Adalah betul bahawa setelah melihat kajian ini ia boleh membawa dua saja, *total gross* Negara Brunei Darussalam mengikut Surat Keliling JPKE 2006, 15.8 billion negara ini tahun 2006, 15.8 billion kalau dilihat berapa per kapita *income* dibagi dengan 383,000. 42 *million, eight hundred per kapita income Brunei Dollars* 2006 ada surat keliling JPKE mengatakan barangkali bukannya menyatakan, US\$26 ribu *dollars*, barangkali *among the ASEAN we are the highest*.

So di mana *tourism* dalam 15.8 *billion* itu atau 42,800 per capital *income*, DDP ia membawa 1.9 *million out of 15.8 billion*, jadinya *gross domestic product* 11% to DDP to *tourism* ada menyatakan di sini dan di mana ia membawa pekerjaan sebabnya kalau *tourism* industri ini ada, servis industri ini ia membawa *employment*, ia 21,904 orang boleh membawa pekerjaan *which take to 13% of* jumlah total pekerjaan, ini saja arah *general* jadi peramba di sini ada memberi sudah hasil kajian ini kepada kawan-kawan sebelah sini.

Jadi kawan-kawan akan berkawan atau lawan sebelah sana nanti akan diberikan, jadi macam itu jadi memanglah Negara Brunei *group percentage of tourism*, perkembangan *tourism*.

Di sini di Brunei, 4.6 ada menyatakan di sini *every year 4.6 economic group* mengikut Yang Berhormat Menteri Pehin di sana tadi di antara 3% iaitu 8% jadi *tourism* boleh membawa apa *benchmark economic group* mengenai Brunei Darussalam itu, tetapi kalau *dicompare* dengan ASEAN semua 10 negeri ASEAN, 8% jadi kitani di bawah, jadi kitani boleh memberi *impact* lagi 4.6 kepada 8% kalau kitani mecontoh lagi kepada negara Kambojia, *double digit 16%* jadi kitani masih lagi rendah jadi memang banyak peluang-peluang tertentu untuk memperkesankan *diversification of economic*, mempelbagaikan *economic tourism* ini dan *tourism* ini berdaya tahan bukan macam minyak *at last is not refreshable*, jadi ini akan diberikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, macam itulah mungkin ampun.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menyampaikan satu cadangan khusus dari penduduk-penduduk dari Kampong Ayer apa yang telah kitani maklum pelancong-pelancong dari luar negeri ia tidak ketinggalan kalau datang ke Brunei pelancong-pelancong memang ia melawat ke kawasan Kampong Ayer, tetapi di Kampong Ayer yang dilawatnya biasanya ke rumah-rumah biasa dan tempat-tempat yang khas, jadi di sini dicadangkan supaya di kawasan Kampong Ayer ini dibuat satu bangunan pusat pelancongan yang mana dalam bangunan tersebut akan diisikan kesenian-kesenian kebudayaan-kebudayaan atau hasil-hasil daripada Kampong Ayer dan juga menunjukkan sejarah-sejarah di Kampong Ayer.

Jadi apabila pelancong itu datang ke Brunei jadi khusus dibawa ia melawat Kampong Ayer di bangunan yang telah dicadangkan tersebut. Demikianlah yang dapat saya sampaikan di Dewan ini.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama: Anilah kami menang di sebelah sini yang sebenarnya mungkin ampun pusat itu akan dibuat dalam rancangan ke 8, \$3.5 juta masa ini telahpun *on the drawing* tempatnya di mana untuk dibuatkan. Kecepatan pihak Kementerian Pembangunan untuk melaksanakannya jadi ada sudah bajetnya, sudah ada *on the drawing* sudah ada dibincangkan

sudah ada, dan bila arkitek pun sudah di *appointed* meneliti bangunan ini. Jadi insya-Allah barangkali dalam penghujung tahun ini atau mula tahun depan ia akan mula dibuat.

Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Belait: Pengiran Pengerusi terima kasih dalam memberi sedikit peluang dan masa, sepertimana yang kita ketahui ialah Tahun Melawat Brunei, saya maklum bahawa Jabatan Pelancongan adalah Jabatan baru difahami cuma barangkali apa perancangan, persediaan, penyelarasan dalam menghadapi Tahun Melawat Brunei supaya kalau dapat dikongsikan kepada daerah-daerah di mana mungkin barangkali ada sumbangan

yang kepada pelancongan Negara Brunei Darussalam. Sekian itu saja Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:

Mengenai dengan Tahun Melawat Brunei ini barangkali, kita membaca *dinewspaper* kali ah, bukan surat keliling dari Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, diambil maklum saja tu.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya setelah kita berbincang dengan panjang lebar dalam tajuk ini, sekarang tidak ada yang mahu membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Kemajuan Pelancongan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Kemajuan Pelancongan diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SH06A Jabatan Kemajuan Pelancongan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini sudah agak lama dan saya sendiri ingin memberikan tahniah kepada semua Ahli-Ahli yang bercakap boleh membawa persidangan ini agak lama sampai hampir 4.30 petang, maka untuk mengambilkan perasaan sedikit lega saya akan berbalik semula kepada Persidangan Majlis Mesyuarat tidak lagi, ditangguhkan untuk sementara ini.

(Majlis bersidang semula)

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang saya jelaskan tadi bagaimana keikhlasan Ahli-Ahli Yang Berhormat membincangkan berbagai-bagai perkara, maka jam sudah sekarang hampir 4.30 petang. Saya rasa berpatutan saya memberi Ahli-Ahli menangguhkan mesyuarat hari ini hingga hari Sabtu jam 9.30 pagi.

(Mesyuarat ditangguhkan)

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC)**Khamis, 18 Safar 1428 / 8 Mac 2007****YANG DIPERTUA DEWAN DAN
AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM****YANG HADIR:****YANG DIPERTUA DEWAN**

Yang Amat Mulia,
Pengiran Indera Mahkota Pengiran
Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni
Al-Marhum Pengiran Bendahara
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin,
PSLJ., SPMB., POAS., PHBS., PJK.,
PKL.,

AHLI RASMI KERANA JAWATAN:

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-
Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri
Pertahanan dan Menteri Kewangan,
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
DKMB., DPKT., King Abdul Aziz
Ribbon, First Class (Saudi Arabia),
Medal of Honour (Lao), Order of
Lakandula with the Rank of Grand
Cross (Philippines), PHBS.,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana
Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana
Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato
Seri Setia Haji Awang Abdul
Rahman bin Dato Setia Haji
Mohamed Taib, PSNB., SLJ.,
PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji
Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin,
DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PJK.,
PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji
Ahmad bin Haji Jumat,
PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-
Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato
Seri Setia Awang Haji Yahya bin
Begawan Mudim Dato Paduka Haji
Bakar, PSNB., SPMB., DSNB., PJK.,
PIKB., PKL.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy)
di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato
Seri Setia Haji Abdul Rahman bin
Haji Ibrahim,
PSNB., DPMB., PIKB., PKL.,
Menteri Kewangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa
Dato Seri Setia Awang Lim Jock
Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI YANG DILANTIK
(ORANG-ORANG BERGELAR):**

Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran
(Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran
Haji Abdul Rahim,
DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS.,
PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Amat Mulia,
Pengiran Dipa Negara Laila Diraja
Pengiran Haji Abdul Momin bin
Pengiran Haji Ismail, DK., DSNB.,
DPMB., POAS., PHBS., PBLI., PJK.,
PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B)
Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd.
Yasmin bin Haji Umar, SPMB.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI DILANTIK (ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN) :

Yang Berhormat,
Pengiran Dato Paduka Haji Damit
bin Pengiran Haji Sunggoh,
DPMB., PHBS., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato
Paduka Awang Goh King Chin,
DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji
Othman bin Uking,
SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Idris bin
Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,
PSB.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin
Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin,
DPMB., SLJ., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin
Mohd Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK DARI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat,
Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin
Awang Haji Ibrahim,
SMB., PJK., PKL.,
Pengkulu Mukim Kota Batu,
Negara Brunei Darussalam .

Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor,
PSB., PKL.,
Pengkulu Mukim Lumapas,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji
Muhammad Taha bin Abd. Rauf,
SMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Pengkulu Mukim Keriam,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd Shafiee bin
Ahmad,
Ketua Kampong Lumut 1,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,

Ketua Kampong Belingos,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya
Dato Paduka Awang Haji Judin bin
Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS.,
PBLI., PJK.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

TURUT HADIR:

Yang Mulia,
Dayang Rose Aminah binti Haji
Ismail,
Penolong Jurutulis,
Negara Brunei Darussalam.

**Majlis mula bersidang jam 9.30
pagi**

Yang Dipertua Dewan: Majlis
disambung semula.

Jurutulis: Majlis Mesyuarat Pertama
dari Musim Permesyuaratan Ketiga
bagi Majlis Mesyuarat Negara
disambung semula dengan
mendahului Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

**Yang Dimuliakan Pehin Khatib
Haji Suhaili bin Haji Metali Al-
Hafiz, Imam Masjid Jame' Asr
Hassanil Bolkiah, Bandar Seri
Begawan:** Membaca doa -selamat.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli
Yang Berhormat, pada hari Khamis
yang lalu apabila mesyuarat
ditangguhkan, kita masih lagi
bersidang dalam Jawatankuasa bagi
menimbangkan Tajuk-Tajuk dalam
Rang Undang-Undang Perbekalan
Tahun 2007/2008.

Sekarang Majlis ini menjadikan
dirinya Jawatankuasa keseluruhan
nya untuk menimbangkan
sebahagian Tajuk-Tajuk dalam Rang
Undang-Undang yang belum
diselesaikan pada hari tersebut.
Maka dengan demikian kita akan
bermesyuarat selaku Jawatankuasa.

Jurutulis: Majlis bersidangan sebagai Jawatankuasa.

**(Majlis bersidang selaku
Jawatankuasa)**

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, syukur alhamdulillah, Khamis lalu kita telah menyelesaikan sampai kepada Jabatan Kemajuan dan Pelancongan, maka pagi ini kita akan memulakan perbincangan yang belum selesai ialah Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Jurutulis: Tajuk SJO1A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah Temburong: Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil Álameen Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen Sayyidina Muhammadin Waálaa 'Aalihiee

Wasahbihee Ajma'een. Assalamualaikum Warahmatullahi Taála Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peramba akan menghadapi dua perkara.

1. Alhamdulillah Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan tidak kendur-kendurnya bagi Kementerian berkenaan dalam memberikan keprihatinan kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dan tidak terkecuali bagi penduduk-penduduk Daerah Temburong yang benar-benar layak dan berhak untuk memohon bantuan seperti Skim Bantuan Perumahan, Bantuan Membaiki Rumah yang sudah usang, Bantuan Sara Hidup dan lain-lain melalui Majlis Ugama Islam,

yakni Bahagian Unit Kutipan dan Agihan Zakat.

Yang Dipertua, cuma apa yang peramba hadapkan dan maklumkan mengenai dengan suatu permohonan yang mereka pohon dengan jawapan yang mereka terima, permohonan adalah layak dan berjaya dan disenaraikan sebagai menunggu. Mengenai dengan perkara ini masalah yang dihadapi oleh pemohon-pemohon adalah jawapan untuk pelaksanaan adalah terlalu lama, ada yang menunggu satu tahun, malah sampai empat ke lima tahun untuk pemohon menunggu, bila permohonan mereka akan dilaksanakan? Maaf, peramba mengambil contoh. Salah seorang pemohon adalah seorang balu pada masa ini tinggal bersama

abangnya di Mukim Labu, Temburong di mana beliau telah memohon Skim Bantuan Perumahan melalui Majlis Ugama Islam yakni Baitulmal dan jawapan kepadanya berjaya, surat jawapan tahun 2003, sehingga hari ini balu berkenaan masih lagi menunggu.

2. Yang Dipertua, mengenai dengan Sekolah Persediaan Arab Temburong, Sekolah Persediaan Arab mula ditubuhkan pada 3 Januari 1997 di Pekan Bangar, Temburong, ianya adalah merupakan salah sebuah cawangan satu Sekolah Arab di negara ini. Sejak sekolah aliran Arab ini ditubuhkan ia mampu menghasilkan ramai penuntut-penuntut yang cemerlang. Apa yang peramba hadapkan sejak sekolah aliran

Arab ini ditubuhkan sehingga kini sekolah tersebut menumpang sementara di bangunan Sekolah Ugama Mohamad Bolkiah, Pekan Bangar, Daerah Temburong. Tiada bangunan kekal sejak 10 tahun lalu, bangunan dan papan tanda Sekolah Arab yang ada sekarang, tidak pernah dirasmikan. Bangunan yang ada sekarang hanya dirasmikan atas nama Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamad Bolkiah tempat sekolah ini menumpang sementara. Peramba diberi pandangan untuk dapat dihadapkan menukar secara rasmi nama Sekolah Persediaan Arab Temburong kepada Sekolah Arab Temburong atau yang bersesuaian memandangkan sekolah ini tidak hanya mengadakan sekolah di peringkat persediaan

saja malah sehingga tingkatan 3 hingga tahun 2007. Ingin minta pandangan Yang Berhormat Pehin Menteri Hal Ehwal Ugama dalam perkara ini, sekian terima kasih. Asalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Pengerusi: Terima Kasih, Ahli-Ahli lain silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengajukan ada beberapa perkara yang akan ingin ditimbulkan di Dewan ini.

1. Supaya dipohonkan pembinaan semula bangunan sekolah-sekolah ugama yang bersifat sementara sebagaimana yang telah dipohonkan pada tahun

yang lalu. Bangunan-bangunan tersebut melihat dari segi keadaan dan keselamatannya buat pada masa ini amat meragukan. Jadi dipohonkan atas ihsan dan budi baik pihak-pihak yang berkenaan agar bangunan tersebut diganti dengan bangunan yang kekal supaya kemajuan dan perlaksanaan sebuah sekolah itu akan lebih cemerlang. Sehubungan dengan itu juga supaya bangunan-bangunan yang lain termasuklah juga bangunan-bangunan masjid-masih ada bangunan-bangunan yang memerlukan pembaikan dalam kerosakan-kerosakan yang dialami dalam sesebuah masjid juga dipohonkan agar ianya dapat diperbaiki semula.

2. Saya telah dihubungi oleh beberapa orang hamba Allah

iaitu Pemangku-Pemangku Pengetua di Maktab-Maktab termasuk juga Sekolah-Sekolah yang mana ketika ini mereka menyatakan jawatan mereka sebagai Pemangku sudah berjalan ada di antaranya memakan masa 2 tahun. Mengikut apa yang telah dikatakan mereka sudah menjalani beberapa ujian dan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu dipohonkan supaya Pemangku-Pemangku Pengetua tersebut akan dapat ditetapkan jawatannya sebagai seorang Pengetua.

3. Dan yang berikut dipohonkan juga pada pihak yang berkenaan supaya pembersihan tanah-tanah perkuburan yang terdapat di kampung-kampung di Daerah

Brunei dan Muara ini nampaknya tidak ada pekerja-pekerja pembersih yang tetap. Jadi dipohonkan agar diberikan pembersih yang tetap sama ada ianya dikongsikan dengan beberapa buah kampung supaya pembersihan kubur-kubur tersebut akan dapat dijaga pada setiap masa sambil dibantu oleh penduduk-penduduk kampung yang berkenaan. Sekian dipohonkan. Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Pengerusi: Terima Kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Belait: Bismillahir Rahmanir Rahim, Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Saya ada tiga perkara untuk disuarakan.

1. lalah tentang pengajian bahasa Arab di sekolah agama penuh. Pada masa ini di sekolah agama penuh masa tidak ada mengajar mata pelajaran bahasa Arab. Kalau dulunya sewaktu sistem sekolah bersepadu mata pelajaran bahasa Arab diajar dari darjah satu hingga ke darjah tiga. Bagi pendapat saya salah satu cara atau langkah untuk mendidik mengasuh anak bangsa supaya fasih berbahasa Arab dan dengan hasrat untuk memartabatkan Melayu Islam Beraja, konsep Melayu Islam Beraja sepertimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli. Saya berfikir adalah elok dan sesuai bagi kitani melatkan pembelajaran Bahasa Arab itu di sekolah agama penuh dari darjah satu hingga darjah enam. Saya berpendapat bahawa umur kanak-kanak yang rendah ini

lekas menangkap bahasa. Ia sebagai satu asas ke arah menguasai bahasa Arab. Itu perkara yang pertama.

2. Tenaga pengajar Al-Quran khusus Daerah Belait. Daerah Belait mempunyai qari dan qariah yang berpotensi untuk dimajukan dalam bidang pembacaan kitab suci Al-Quran tapi sayangnya daerah tersebut tidak ada mempunyai tenaga pengajar yang menyerlah untuk membantu para qari dan qariah. Jadi memandangkan bajet peruntukan pada tahun ini terutama Kementerian Hal Ehwal Ugama yang saya tidak silap meningkat kepada \$40 juta berkemungkinan dipohonkan pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dapat dengan jasa baik Yang Berhormat Pehin akan dapat menimbangkan untuk

melaratkan Majlis Qura ke Daerah Belait.

3. Yang saya akan sentuh ialah tentang pegawai-pegawai masjid nampaknya alhamdulillah saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama telahpun mengambil langkah-langkah yang wajar dalam menangani kekurangan kakitangan di masjid-masjid dengan menambah bilangan pegawai-pegawai masjid di seluruh negara. Apa yang ingin saya suarakan ialah tentang penempatan pegawai-pegawai tersebut, kalau boleh biarlah bersesuaian memandang

kan keadaan risiko yang dihadapi oleh pegawai-pegawai masjid, umpamanya jika seseorang itu tinggal di Daerah Belait kalau boleh jangan ditugaskan di Daerah Tutong, kerana risikonya tinggi kerana pegawai tersebut sentiasa berulang-alik terutama di waktu Subuh dan di waktu tengah malam lewat selepas solat Isyak, saya rasa itu saja Pengiran Pengerusi dan terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin Abd Rauf, Daerah Tutong:
Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi serta Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama yang mana pernah

saya timbulkan mengenai dengan bangunan masjid.

- 1) Alhamdulillah nampaknya tambahan bangunan Masjid Kampong Keriam telahpun ada diiklankan, yang penutupnya 20hb. Februari 2007, jadi dalam hubungan ini diucapkan terima kasih. Apa pula halnya bangunan Masjid Kampong Sengkarai dan bangunan Masjid Kampong Kiudang,
- 2) Melahirkan guru Al-Quran ataupun pakar di Negara Brunei Darussalam, sepertimana sama-sama kitani ketahui, bahawa pembelajaran dan pelajaran agama Islam di Negara Brunei Darussalam tidaklah dapat dipisahkan dari sejarahnya, kemasukan agama Islam ke negara ini yang mana dengan sendirinya mempelajari

agama Islam khususnya membaca Al-Quran. Sesungguhnya mempelajari membaca Al-Quran sejak beberapa tahun kebelakangan ini begitu menggalakkan sama ada di peringkat rendah, menengah belia dan dewasa. Dengan menghasilkan beberapa orang qari dan qariah yang menyertai pertandingan membaca Al-Quran di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa, dalam hubungan ini saya sesungguhnya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Dipertua Dewan, sebagai lanjutan bahawa qari-qari dan qariah-qariah yang berjaya dalam pertandingan membaca Al-Quran di peringkat kebangsaan atau antarabangsa,

maka adalah disarankan bahawa mereka ini supaya diberi peluang kepada mempertingkatkan ilmu Al-Quran, dengan menghantar di mana negara-negara yang bersesuaian. Sungguhpun pepatah Melayu mengatakan "melentur buluh daripada rebung", namun demikian dengan adanya kemajuan sains dan teknologi masa kini, buluh yang keras dapat dilenturkan, apa lagi mereka ini mempunyai asas yang telah sedia ada.

Yang Dipertua Dewan dengan adanya peningkatan demikian adalah satu-satu cara mengekalkan kita bergantung tenaga luar, dan setentunya kemenangan peserta Negara Brunei dilahirkan oleh anak-anak Brunei sendiri, di samping itu bahawa mereka ini juga boleh

menampung dan mengganti tenaga luar yang sedang berkhidmat di negara ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan menjunjung tinggi atas usaha pihak dakwah kerana kejayaan dan usaha-usaha mereka telah berjaya selama ini. Boleh dikatakan setiap hari ada sahaja yang masuk Islam dan Pusat Dakwah Islamiah melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama telah berjaya mendidik saudara-saudara baru untuk belajar ibadat dan lain-lain. Kelmarin ada sahaja yang masuk Islam telah berjaya mendidik saudara islam tidak tahu memahami cara mengambil wudhu dan sayang sekali Yang Dipertua Dewan. Pada hari ini melalui majlis ini pihak

Kementerian Hal Ehwal Ugama akan bertindak selanjutnya untuk bukan sahaja saudara-saudara baru dan kepada saudara yang kurang memahami dalam soal ibadat dan adalah menjadi harapan kita semua orang Islam itu betul-betul Islam dan mengamal ajaran-ajaran islam. Sekian Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmannir Rahim. Salam sejahtera Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain, saya inigin menimbulkan mengenai hal tanah Baitulmal. Kita maklum, bahawa hal tanah Baitulmal banyak yang terdapat di Negara Brunei Darussalam dan ada yang besar

dan ada yang kecil, ada yang sudah dimajukan dan belum dimajukan dan apa yang menjadi persoalan saya ini. Bolehkah waris-waris tanah-tanah tersebut membeli tanah Baitulmal berkenaan?. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama:
Bismillahir Rahmannir Rahim.
Pengiran Pengerusi
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih di atas pertanyaan dan permohonan penjelasan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan terima kasih di atas pertanyaan-pertanyaan dan juga permohonan-permohonan

Yang Berhormat kerana ini adalah akan mendatangkan kebaikan bersama. Berhubung dengan permohonan-permohonan untuk bantuan perumahan ini memang banyak dihadapi oleh bahagian Majlis Ugama Islam, permohonan itu diproses dan di antara masalah yang dihadapi ialah masalah tanah. Walau bagaimanapun perkara ini diambil perhatian oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama supaya dapat diselesaikan dan disegerakan. Terima kasih.

Mengenai dengan Sekolah Persediaan Arab di Daerah Temburong memang pada mulanya menumpang, tetapi pada masa ini bangunan yang ada digunakan sepenuhnya oleh Sekolah Arab. Masalah yang dihadapi oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama ialah masalah ratio penuntut, keramaian penuntut dengan guru. Asal

permohonan persediaan sekolah Menengah Arab dari Daerah Temburong adalah sebagai persediaan sahaja atas alasan kanak-kanak itu indung-indungan, janganlah dia dihantar ke Bandar Seri Begawan. Maka diadakan persediaan, sesudah dua tahun permohonan diterima supaya diadakan Tingkatan 1, 2 dan seterusnya timbulah masalah ratio di antara bilangan guru dengan murid. Jadi perkara ini sedang dipertimbangkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama. Adakah kanak-kanak itu akan diteruskan di Temburong ataupun dihantar ke Bandar Seri Begawan ataupun ke Mahad Tutong?.

Mengenai dengan pembinaan semula sekolah ugama sementara memang Kementerian Hal Ehwal Ugama menyedari akan adanya bangunan-bangunan sementara,

dalam pada itu projek-projek bagi membina sekolah di tempat-tempat lain, ada tempat-tempat sekolah kekal dan ada tempat-tempat sekolah sementara, ada tempat yang belum ada sekolah. Beberapa buah sekolah dalam rancangan ini masih di dalam proses untuk membina inilah yang didahulukan.

Selesaikan dahulu projek-projek yang telah ditentukan itulah prioriti, manakala perkara yang ditimbulkan adalah diambil perhatian. Tentang keselamatan sekolah-sekolah sementara adalah diambil perhatian. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat mengenai sekolah sementara mungkin maksudnya ini Sekolah Sementara Kasat, tolong kami, di samping kami ada menghantar pegawai-pegawai melihat-lihat dan memeriksa sekolah itu dari segi keselamatan jika ada sekiranya

masalah lain, silalah hubungi kepada kami untuk menjaga keselamatan kanak-kanak. Insya-Allah masalah ini adalah diambil perhatian seberat-beratnya.

Mengenai dengan memerlukan pembaikan masjid memang dipantau semua masjid-masjid. Masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat ada seratus lebih, jadi pembaikannya pun memang diambil perhatian, dalam pada itu bukan kitani inda tau, dari segi tenaga, kami tidak membiarkan masjid-masjid tidak diperbaiki dan tidak diusai, bahkan pemeliharaan berjalan terus, insya-Allah.

Mengenai dengan memangku Pengetua, ani kami tidak banyak jawatan pengetua-pengetua ani. Memang ani ada satu sekolah, yang jawatan Pengetuanya dipangku bagi menetapkan jawatannya.

Memangku adalah dilihat keupayaannya dan dinilai, terserahlah pada penilaian-penilaian itu, sama ada seorang itu ditetapkan atau ia diganti dengan orang lain kerana ia terletak pada kriteria-kriteria yang tertentu semasa ia menjalankan kerja-kerja itu.

Mengenai dengan pembersihan perkuburan memanglah Kementerian Hal Ehwal Ugama tidak sanggup untuk membersihkan dengan pegawai-pegawai tetap di semua perkuburan di Negeri Brunei ini. Dan saya berbesar hati ada usaha dari penduduk-penduduk kampong yang membantu Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam membersihkan. Ada diatitkan beberapa tempat umpamanya buruh bergerak, sekian hari di sini, sekian harinya yang lain di tempat lain, tapi memang saya mengakui semuanya tidak dapat dirapusi. Saya

mengucapkan terima kasih kepada orang-orang kampung memberikan bantuan, saya harapkan kepada jawatan-jawatankuasa takmir masjid di samping mereka membantu memakmurkan masjid tolonglah sama-sama sekali bersama-sama dengan Majlis Perundingan Kampong, Majlis Perundingan Mukim, melihat-melihat dan membersihkan perkuburannya. Yang berkubur itu ialah sanak saudara kitani, besar pahalanya selajur bacakan tahlil dan lain-lain lagi.

Mengenai dengan pengajian bahasa Arab di sekolah agama, setahu saya Kementerian Pendidikan ada menawarkan pelajaran bahasa Arab ini, mengenai dengan sekolah agama, memang kami memikirkan perkara ini ada keperluannya. Tetapi kitani mesti ingat satu perkara, matlamat yang paling utama sekolah agama ialah menyelesaikan

fardu ain penuntut-penuntut itu, dalam erti kata fardu ain ini yang paling utama sekali ialah bacaan Al-Qurannya, kerana ia kena mengena dengan bacaan-bacaan semasa sembahyang. Ini mau dibetulkan, betul-betul pembacaan Al-Qurannya, daripada Alif, Ba, Ta sampailah pada Al-Quran.

Yang Keduanya ialah sembahyangnya, sembahyang itu bukan setakat sembahyang tunduk layah, tetapi ia adalah dari Taharahnya, bagaimana ia beristinja, bagaimana ia mengangkat hadas besar, kalau tidak ada air ia belajar bertayamum, kemudian pergi kepada sembahyang daripada berdiri betul, mengangkat takbir, dan bacaan-bacaan serta perbuatan-perbuatan dalam sembahyang yang dimulai dari takbir berakhir kepada salam. Dan yang penting, yang perlu diperhatikan ialah masalah-masalah

seperti tumakninah kanak-kanak itu, kerana itu di sekolah-sekolah agama kanak-kanak itu yang belajar awal sebelah petang sempat bersembahyang Zuhur berjemaah di sekolah dan yang balik akhir bersembahyang Asar disekolah.

Semasa berwudhu kanak-kanak itu, dan semasa bersembahyang kanak-kanak itu adalah diperhatikan oleh guru-guru agama. Dua perkara ini adalah yang paling utama mau diselesaikan. Yang tidak kurang pentingnya dua perkara lagi, ialah Iman Tauhidnya, rukun iman yang enam supaya jangan mereka dipengaruhi oleh ajaran-ajaran sesat, bukankah yang kita mendapati sekarang ini begitu hebat ajaran-ajaran sesat berkembang di sekitar di rantau kitani sekarang. Dan yang kedua, ialah akhlak, akhlak kanak-kanak itu, kitani pun mendengar apakah terjadi dengan

kurangnya akhlak, selalu kitani mendengar kajian-kajian, gejala-gejala sosial yang berlaku di antaranya ialah kurangnya pendidikan agama, Jadi keempat-empat perkara ini menjadi perkara yang paling utama di sekolah-sekolah agama. Memang ada pemikiran-pemikiran untuk memasukkan bahasa Arab. Saya sendiri menyoal mana satukah period yang akan dikorbankan untuk bahasa Arab ini, Adakah period Quran, adakah period tauhid, adakah period Al-Shalah, adakah period akhlak, masa belajar di sekolah agama singkat. Itulah kedudukannya, bukan kami tidak melihat kebaikannya, ada kebaikannya, tetapi perkara fardhu ini perlu diutamakan.

Pengerusi: Pada yang dituntut oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih, mengenai dengan tenaga pengajar Al-Quran di Daerah Belait, sebenarnya ada pengajar-pengajar itu dan insya-Allah oleh kerana perkara ini ditimbulkan dengan menyebut majlis Qura, kita boleh runding perkara ini, insya-Allah untuk kita mencari jalan supaya perkara tersebut, kita rundingkan.

Mengenai dengan penempatan pegawai-pegawai masjid umpamanya tinggal di Tutong, bertugas di Belait, ini memang ada berlaku. Ini ialah kami sekarang ini ada 30 orang lebih graduan yang berkhidmat di masjid atas nama Pegawai Hal Ehwal Masjid, kalau orang itu tinggal di Belait, ada di Belait, insya-Allah, kami akan

menempatkannya di Belait. Tetapi oleh kerana ketiadaan yang paling dekat ialah dari Tutong, Orang dari Tutong berkhidmat di Belait bukannya dari Bandar Seri Begawan. Kerana orang-orang ini yang mengawas masjid-masjid kerana sistem Jabatan masjid dibahagikannya kepada daerah-daerah, kepada zone, dari zone kepada kawasan. Pegawai Hal Ehwal Masjid ini, ada yang mengawasi tiga masjid, ada yang mengawasi empat masjid menurut keadaan-keadaannya. Merekalah yang membimbing imam-imam di masjid-masjid dalam kawasannya.

Mengenai dengan Masjid Sengkarai, ada dua skop pekerjaan yang dihadapi mengenai dengan rancangan masjid Sengkarai. Pertama skop menimbuk tanah, sekarang ini usaha-usaha untuk membuat tender sedang dijalankan.

Mengenai skop bangunannya sedang proses reka bentuk. Mengenai dengan Kiudang tawaran telah ditutup bulan November 2006, tawaran-tawaran sedang diteliti oleh Jabatan Kerja Raya untuk membuat perakuan-perakuan mengenainya. Mengenai dengan cadangan untuk memberi peluang kepada belia-belia yang berpotensi khasnya yang berjaya dalam pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa untuk mempertingkatkan lagi bacaan-bacaan mereka di tempat-tempat yang bersesuaian dan perkara ini insya-Allah ia akan diambil perhatian dan kitani mestilah ingat juga, bahawa sebahagian mereka ini adalah orang-orang yang bekerja, perkara ini patut diambil kira. Walau bagaimanapun kami akan mengusahakan, memikirkan perkara ini terima kasih atas cadangan yang sedemikian.

Mengenai dengan bimbingan kepada orang Islam baik yang saudara baru atau bukan saudara baru saya mengucapkan terima kasih, perkara ini adalah lebih banyak terletak kepada kemahuan dan inisiatif masing-masing pintu masjid terbuka. Masjid adalah gudang ilmu, rundinglah imam-imam masjid kalau imam masjid menolak, repot kepada saya. Mengenai dengan masalah tanah memang ada ahli waris mahu membeli tanah Baitulmal, kerana sebahagian tanah itu diwarisi dan sebahagiannya dimiliki oleh baitulmal, memang ada permohonan-permohonan ahli waris mahu membeli tanah itu pernah dibenarkan. Ada juga tidak dibenarkan kerana alasan-alasan tertentu. Tetapi setakat ini banyak yang dibenarkan. Tetapi ada juga yang tidak dibenarkan. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Pengiran Pengerusi. Peramba ingin bertanya sedikit sahaja iaitu mengenai dengan pungutan zakat fitrah yang dibayar oleh umat islam di negara ini pada setiap tahun menjelang hari raya. Peramba ingin tahu berapakah jumlah zakat fitrah yang telah dibayar pada setiap tahun dan dari jumlah ini berapa banyakkah yang telah disampai kepada orang-orang yang berhak menerimanya pada tahun tersebut dan bakinya itu di manakah bakinya itu disimpan? Adakah ianya diinvest, bagaimana? Kerana keterangan ini banyak saya terima, ditanyakan oleh orang-orang yang berkenaan. Sekian.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang

Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama: Tuan Pengiran pengerusi, Mengenai dengan zakat fitrah. Zakat fitrah yang dipungut pada setiap tahun memang habis dibahagi-bahagikan bahkan tidak cukup, maka bagi menampung diambil daripada kumpulan wang zakat. Tapi jangan lupa bahawa zakat itu ada dua. Satu zakat fitrah yang ditanyakan ini ialah zakat fitrah. Jawapannya habis dibahagi-bahagikan kepada fakir miskin dan muafak yang berhak. Bahkan tidak cukup diambil dari simpanan kumpulan wang zakat. Yang berlebih ialah wang zakat harta. Di Brunei asnaf yang menerima itu adalah 6. Untuk fakir dan miskin bahagian, fakir dan miskin memang tidak cukup.

Mengenai jumlah zakat, saya minta maaf kerana tidak membawa *figurenya* di sini. Katalah

kumpulannya zakat harta itu Enam ribu ringgit, seribu untuk fakir, seribu untuk miskin, seribu untuk mualaf, seribu untuk garimin, seribu untuk Amil, seribu untuk Ibnu Sabil, ada enam kategori. Yang fakir miskin dua itu memang tidak cukup fakir dan miskin dua ribu itu memang tidak cukup. Tapi dibolehkan diambil daripada yang lain. Daftar-daftar fakir miskin memang ada daftarnya, siapa fakir miskin itu, Jadi kalaulah sekiranya ada terdapat di kampung-kampung atau dalam kawasan Yang Berhormat, orang-orang yang fakir miskin yang ketinggalan namanya, saya minta tolong sampaikan nama itu kepada Amil ataupun kepada Majlis Ugama Islam supaya mereka itu disiasat dan mendapat haknya.

Mengenai bahagian yang berlebihan ialah garimin orang berhutang. Ibnu Sabil dan Amil ialah orang yang

sekiranya belayar niat baik misalnya dari Australia ia ke India, sampai di Brunei usinnya kena curi. Ia mau belayar pulang tiketnya pun hilang. Itu kita belikan tiket dan perbelanjaannya bahagian ini banyak lebih. Usin ani disimpan, wang ini disimpan di tempat yang selamat. Tempat selamat ialah Taib dan bank Islam. Demikianlah saya fikir penerangan ringkas mengenainya.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim, Daerah Brunei dan Muara: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran pengerusi, Ahli-Ahli Berhormat, yang peramba, kaola, saya hormati sekalian. Lanjutan daripada pertanyaan yang dikemukakan oleh sahabat peramba di sebelah sini, ingin sedikit menambah barangkali ada keraguan, mengenai kedudukan

fakir asnaf, fakir miskin ini tadi peramba amat tertarik wang ini apabila dibahagi-bahagikan kepada fakir dan miskin ani tadi nda cukup bahkan bilangannya dari setahun ke setahun makin meningkat. Mengapa perkara ani terjadi adakah makin banyak bertambahnya rakyat makin banyak orang miskin, muflis dan sebagainya. Atu mungkin satu daripadanya. Lagi saya apa yang ingin menarik perhatian peramba, kalaulah sekiranya mengikut pepatah cina, kalau seseorang itu meminta ikan, ia inda akan memberi ikan, diberinya jala, diberi pancing, diberinya perahu. Diasuhnya seorang ani dididik. Ditunjukkan di mana tempat-tempat, di mana tempat-tempat boleh mendapatkan hasil dengan perkakas-perkakas atau bekalan-bekalan yang telah disediakan ani tadi. Ini satu gambaran bahawa peramba ingin bertanyalah sedikit

kalau inda ada mendatangkan kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah rancangan untuk mendidik fakir-fakir miskin ani. Jadi yang diberi wang atu sewenag-wenangnya. Jadi ada satu sekurang-kurang satu kursus bina diri misalan ada satu kem. Ada satu usaha untuk menghidupkan dengan diberi modal diberi sokongan, diberi tunjuk ajar kepada mereka ani, jadi ani peramba rasa salah satu daripada cadangan untuk mengurangkan dan memberikan kesedaran kepada fakir-fakir miskin ini tadi, sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih Usul dan penjelasan Ahli Yang Berhormat. Saya tiada

halangan dengan falsafah cina, orang minta ikan jangan diberi ikan, mula-mula bolehlah diberi ikan lepas itu diberi kail, kalau diberi kail selajur, karang apakan dimakannya, ini sudah dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sebahagiannya sudah berjaya dan sebahagiannya cukup malang. Ia minta kerana hendak menambang perahu tambang ia mahu ke laut menangkap ikan, minta *outboat*, maka dibantu dengan *outboat*, *outboat* itu dijual, ini terjadi ada cerita lain. Kami suruh baik tah kita menjahit, jam-jam ani orang menjahit kadang-kadang kalau hari raya ditolak kedai India tu kami bantu mesin jahit, mesin jahit itu dijual. Tapi ada satu keluarga di Daerah Tutong ia inda minta banyak, ia minta baja, minta alhamdulillah berhasil. Inilah yang bagus, masalahnya ialah *mentality*.

Mengenai dengan mendidik, kami tidak mendirikan tempat-tempat latihan Kementerian, Belia ada dengan latihannya, sekolah ada dengan latihannya, anak-anak fakir miskin yang berhak ada kami bantu, minta maaf statistik saya tidak bawa tetapi ada yang kami bantu, sehingga ke Universiti baik di sekolah rendah, baik di sekolah menengah, baik di sekolah vokasional. Mendirikan sekolah belum kami rancang kerana kemudahan-kemudahan itu ada disediakan oleh Kerajaan oleh kementerian-kementerian lain, kami hanya membantu dengan wang untuknya belajar mengambil ilmu, jika kami juga mengadakan sekolah-sekolah itu sudah menjadi bertindih-tindih.

Mengenai dengan istilah tidak cukup, perkataan tidak cukup ini satu perkara umum. Saya memberi tahu,

dahulu pembahagian untuk di hari raya wang zakat harta. Katalah sebagai misal satu keluarga lima orang sebagai misal sajalah ia berhak sampai \$2,000 kami lumpuk \$2,000 katalah dalam bulan November, salah seorang penghulu, sekarang memberitahu saya, saya masih ingat masa Perayaan Hari Keputeraan di Pular Ulak. Bagus abis Pehin membantu orang miskin. Abis Pehin memberi tapi habis usin lain. Sudah bulan Januari datang mengaga kaolanya, kan membelikan anaknya baju, buku, kerana inda beusin, usin zakat dahulu digunakan lain, inda memikirkan baju anaknya. Buku anaknya lain pulang dibelikkannya. Jadi masalah tidak cukup ini adalah satu masalah umum. Apa itu cukup, padahal kalaulah berapa saja harga uniform, berapa saja buku, memang wang zakat itu cukup.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat penjelasan sudah cukup jangan terlalu panjang.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih sekarang ini terpaksa kami berikan wang itu jadi bulanan, tidak lagi dilumpuk sekali, tetapi bulan-bulan ada jua kan dijawab dan dibelanjakannya. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menambah satu lagi perkara.

1. Mengenai dengan pemberian hak kepada fakir miskin ini. Ketika ini kedengaran percakapan daripada orang ramai mahupun yang telah diberikan dan diluluskan. Ia sebagai pemberian hak fakir miskin dan ada di antaranya bercakap, saya memohon fakir miskin ini melalui tuan-tuan imam dan ditandatangani oleh seorang Penghulu atau Ketua Kampong, saya inda dapat kenapa Penghulu, Ketua Kampong tidak menyokong, sipulan bin sipulan atu katanya ia dapat, sedang kalau saya melihat anaknya ada kereta dua, tiga buah, saya inda dapat. Jadi yang saya maksudkan supaya garis pandu kepada pemohon-pemohon ini supaya ia benar-benar berhak menerima hak fakir miskin dan jua seorang yang tidak dibenarkan atau seorang yang tidak diluluskan sebagai seorang fakir miskin.
2. Berhubungkait dengan perkara itu apabila penyampaian kepada fakir miskin pada tiap-tiap tahun, Penghulu dan Ketua Kampong di Daerah Brunei dan Muara, apabila akan penyampaian sedikit masa, barulah Penghulu dan Ketua Kampong itu mengetahui berapa oang yang akan disampaikan kepada penduduknya sedangkan sebelum itu Penghulu dan Ketua Kampong tidak ada penetapan berapa orang yang berhak di Mukim dan Kampong tersebut. Terima kasih.
Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pehin Jawatan
Luar Pekerma Raja Dato Seri
Utama Dr. Ustaz Haji Awang**

Mohd. Zain bin Haji Serudin,
Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih, mengenai dengan setiap permohonan adalah diteliti oleh sebuah Jawatankuasa Khas, Amil juga dilagau, Ketua Kampong yang berkenaan pun dilagau juga sama-sama bagi menimbangkan permohonan itu. Jadi Imam dan Ketua Kampong tidak ditinggalkan dalam perkara ani. Tentang orang komplek, setiap komplek, ditimbang tidak dibiarkan. Insya-Allah kalau kiranya ada orang merasa tidak berpuas hati, ia boleh merayu semula, rayuan akan ditimbang. Siapa jua tahu dalam masa menimbang itu ada kesilapan, kalau terjadi dalam perkara ini, jangan malu-malu untuk merayu kerana boleh jadi berlaku kesilapan.

Mengenai penyampaian, institusi Penghulu, institusi Ketua Kampong dan institusi Imam adalah ketiga-tiga

institusi yang mempunyai tanggungjawab dalam mukimnya, dalam kampungnya, bekerjasama tah biskita benar-benar, tolong siapa miskin, siapa fakir selalu tah berunding supaya senang bekerja, bekerja pun senang, jangan Imam ke sana, Penghulu ke sana, Ketua Kampong ke situ. Saya harap ketiga-tiga ani berunding bisai-bisai, selesaikan masalah kampung insya-Allah pihak kami mengalu-alukan, terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada lagi pertanyaan dalam tajuk ini dan tidak ada yang mahu membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama diluluskan.

Jurutulis: SJO1A Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama dijadikan sebahagian daripada Jadual. SKO1A Jabatan Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin menimbulkan ada empat perkara khusus dalam Kementerian ini.

1. Mengenai dengan kebersihan sampah di merata-rata dan di daerah ini dipersoalkan. Jadi saya berpendapat dan menerima apa-apa jua masalah daripada orang ramai yang

mengatakan, ketika ini tempat-tempat membuang sampah yang bersistem yang ada sekarang ini supaya ianya dapat ditambahkan atau diperbanyakkan, kerana memandangkan keadaan kepesatan penduduk pada masa ini, kadangkala ada tempat-tempat pembuangan sampah ini melimpah-limpah hingga tidak mampu pihak syarikat itu mengangkat sampah tersebut dan juga berhubungkait dengan perkara sedemikian, tempat-tempat pembuangan sampah tersebut kalau dulunya banyak berdekatan dan sekarang ini nampaknya sudah begitu berkurangan dan apabila orang ramai akan membuang sampah-sampah tersebut ianya agak jauh daripada tempat tinggal mereka masing-masing. Untuk berlanggan kepada syarikat-

syarikat pembuangan sampah, ada juga yang menerima beberapa masalah. Ada yang mengatakan bayarannya terlalu mahal, ini mungkin tidak patut dan ada yang mengatakan tempat pembuangan ini, dia orang yang membuang ini tidak juga mengangkat sehingga dua hari, tiga hari ini dia juga mengangkat. Ini adalah suatu perkara yang biasa yang dihadapi oleh orang ramai. Tetapi walau bagaimanapun saya mencadangkan supaya tempat-tempat pembuangan sampah tersebut akan ditambah lebih banyak daripada yang ada sekarang.

2. Satu perkara yang serius sekarang yang dihadapi oleh penduduk dan orang ramai iaitu mengenai dengan masalah banjir. Masalah keadaan banjir

dimukim – mukim dan di kampung - kampung sekarang memang sering dialami terutama sekali keadaan banjir yang berlaku pada sedikit masa yang lalu. Jadi diharapkan kepada pihak yang berkenaan supaya akan membuat penelitian semula pada tempat-tempat yang selalu dilanda banjir yang teruk supaya membuat, membesarkan dan mendalamkan parit-parit yang terdapat di kawasan mukim dan kampung-kampung yang dimaksudkan dan jika perlu untuk pembuatan dan pembesaran parit-parit tersebut pihak orang ramai memohonkan supaya tanah-tanah yang terlibat dalam pembinaan parit tersebut supaya ianya akan diberikan gantirugi atau diberikan ganti tanah untuk hak mereka. Kerana apa, pengalaman yang

lalu rancangan-rancangan Kerajaan yang hendak membesarkan parit dan tali air ini terganggu disebabkan oleh sebahagian daripada orang ramai ada yang tidak membenarkan di kawasan tanahnya untuk dipakai sebagai pembesaran parit dan longkang kerana ada sebahagian tanah-tanah mereka itu jika digunakan tanah mereka ini inda dapat dimajukan kerana sudah kecil.

3. Jika saya tersilap tolong dibetulkan, keadaan Skim Plot X atau tersebut iaitu pemakaian atau penggunaan tanah-tanah persendirian untuk memajukan dan membesarkan jalan raya di daerah ini. Soalan saya, adakah tanah-tanah yang terlibat untuk pembesaran, peninggian tarafan jalan-jalan tersebut, ianya ada peruntukan untuk

diganti rugi kepada pemilik-pemilik atau sebaliknya? jadi jika perkara ini dapat diterangkan, maka orang ramai tidak akan tertanya-tanya mengenai dengan perkara tersebut.

4. Yang berikut apa yang kita lihat sekarang, banyak terdapat rumah-rumah Kerajaan yang kosong di daerah Brunei dan Muara. Khususnya. Sebagai contoh saya terlihat di kawasan Lapangan Terbang Lama Berakas, ada terdapat bangunan-bangunan Kerajaan yang kosong dan tidak dipelihara, saya harapkan dan saya cadangkan supaya rumah-rumah tersebut akan dapat dipelihara semula, dan apabila rumah-rumah tersebut sesuai disewakan kepada orang-orang perseorangan dan pihak-pihak swasta, ini akan menguntungkan

balik kepada pihak Kerajaan dan supaya tempat-tempat tersebut akan terpelihara. Jadi barangkali secara ringkas itulah yang dapat saya timbulkan di Majlis ini, sekian terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih, yang lain?

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengerusi, peramba ada dua perkara yang ingin peramba suarakan.

Pertama: Pada tahun lepas dua perkara telah ditimbulkan dan ingin mengetahui akan kemajuannya pada masa ini, yang pertama iaitu mengenai dengan ubahsuai tanah atau *re-scheming* dan mengenai dengan penyambungan kelamaan tanah pajakan, atau *lease*

title. Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil mengenainya pada masa ini?

Kedua: Dan yang akhir sekali, kawalan dan pemantauan praktis agen-agen harta tanah dan penaksir tanah, pada ketika ini terdapat lebih kurang 25 syarikat yang *practicing* sebagai ejen hartanah iaitu *estate* agen dan 5 syarikat *practicing* sebagai penaksir tanah, *land valuation*. Daripada angka-angka ini kita boleh mengambil iktibar bahawa *profession* agen hartanah itu *viable* dan manakala *profession* taksir tanah agak lembap dan merosot. Walau bagaimanapun untuk menjamin agar hak milik tanah orang-orang kitani Brunei sentiasa terpelihara dan untuk menjaga peluang kerja anak-anak tempatan kitani yang berkecimpung di dalam *profession* ini mempunyai masa hadapan yang cerah.

Untuk ini saya ingin mencadangkan kita mestilah mengadakan undang-undang dan peraturan untuk pemilihan, pendaftaran dan jika perlu dikeluarkan lesen tahunan demi untuk memantau etika dan tatacara kerja ejen-ejen hartanah dan penaksir tanah, serupa dengan profesion seperti doktor, *lawyer*, arkitek, jurutera dan Juruukur. Dari segi penaksir tanah banyak diterima sungutan-sungutan daripada anak-anak tempatan yang berkelulusan mengatakan bahawa tiada sebarang kawalan bagi mereka yang praktis dalam taksiran tanah di Brunei Darussalam. Adakala didapati bahawa penaksir tanah dari luar negeri datang sebulan sekali untuk kerja-kerja yang tertentu dan mereka akan balik apabila selesai. Jadinya kalau boleh perkara-perkara macam ini akan dapat dipantau. Pengiran Pengerusi terima kasih.

Pengerusi: Ada lagi.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya

Seri Pahlawan Tudin: Terima Kasih Pengiran Pengerusi, nampaknya alhamdulillah masalah-masalah dan perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli sebelah sini, pada mesyuarat tahun lepas, telah sebahagian-bahagiannya telah diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan di atas dan perhatian dan tindakan-tindakan yang telah dijalankan itu diucapkan terima kasih. Walau bagaimanapun masih ada perkara-perkara yang belum dipertimbangkan, iaitu perkara-perkara yang masih ditunggu-tunggu oleh orang ramai, yang terlibat.

1. Telahpun ditimbulkan oleh sahabat saya di sebelah sini iaitu mengenai dengan geran

tanah yang tempoh kelamaannya 50 tahun, supaya akan dapat dibaharui keseluruhannya dengan tidak dikenakan *premium*.

2. Mengenai dengan cadangan untuk mengawal pemaju-pemaju perumahan atau *developer* dengan mendaftarkan pemaju-pemaju itu dengan dikenakan syarat-syarat yang ditentukan oleh pendaftar bagi menjaga kepentingan orang ramai dan menjaga kepentingan pemaju-pemaju itu sendiri.

Dalam hubungan ini saya ingin tahu, adakah perkara-perkara yang saya timbulkan ini sudah dipertimbangkan oleh Kerajaan dan apakah ditetapkan Kerajaan mengenainya?. Jika belum dipertimbangkan, bilakah

ianya akan dipertimbangkan. Sekian Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya memohon kebenaran sekejap keluar untuk ke bilik rehat sekejap sahaja.

(Pengerusi keluar sekejap)

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya memohon maaf, sekarang diminta Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang ingin bercakap.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan: Terima kasih, Yang Dipertua Majlis, Asalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Pengiran Pengerusi, sebenarnya peramba memohon kalau dapat kerana isu-isu

Kementerian Pembangunan ini nampaknya banyak, kalau dapat peramba menjawab tiap-tiap satu soalan Yang Berhormat itu, supaya jangan satu jawapan yang panjang. Jadi mula-mula sekali mengenai dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, mengenai dengan pasal sampah, adalah menjadi satu dasar kalau dapat kitani jangantah mengadakan pembuangan sampah di tiap-tiap mukim, kerana kalau di tiap-tiap mukim, atau sampah itu dibesarkan, bilang orang inda mahu di mukim-mukim yang sama itu, bilang orang mahu kalau boleh ke arah lain tia.

Jadi melalui abis kitalah Yang Berhormat, Yang Berhormat yang mewakili daerah-daerah, saya minta abis kita *socialise* tia isu ani kepada abis kita bahawa cara kitani mengadakan membuang sampah

secara orang-ramai membuang sampah atau bukanlah satu cara *sustainable*, apa yang lebih *sustainable*, ialah kalau mereka mengambil perkhidmatan pembuangan sampah itu sendiri.

Kerana kita lihat di negara-negara yang maju, anilah tamadun (kitani becakap pasal tamadun), anilah tamadun mereka hidup ertinya sampah-sampah yang mereka itu, mereka buang sendiri dan mengambil perkhidmatan itu. Mengenai dengan mahal itu saya rasa sampah yang paling mahal ialah \$12, \$25 ringgit, walhal orang yang bilang orang yang terdapat mobile anipun \$45. Jadi saya memohon kerjasama abis kita. beritahu tia *conscience* abis kita itu, *socialise*, tolong kami dan tolonglah mereka, baiktah mengambil perkhidmatan itu, daripada sampah-sampah itu dibuang di tempat-

tempat bakuyuk, bahapa dan kalau kitani lihat harga membuang sampah di sana adalah lebih mahal daripada harga mengambil perkhidmatan itu. Mengenai dua hari itu, di mana-manapun kalau kitani lihat di Australia, di England, di mana pembuangan sampah ini hanya dilakukan dalam tiga kali seminggu sahaja.

Jadi ertinya sementara itu buanglah sampah itu mengikut yang sepatutnya. Jadi saya memohonlah kepada abis kita terutama sekali wakil-wakil, orang ramai yang bejumpa abis kita itu, *socialise* tial isu sama diorang bahawa Kerajaan seboleh-bolehnya tidak akan mengadakan satu pembuangan sampah di satu mukim itu lagi, kerana perkara macam itu adalah tidak begitu *sustainable*.

Kemudian mengenai dengan banjir yang dialami sedikit masa lalu, apa yang berlaku pada bulan Disember, ialah satu kejadian hujan lebat yang begitu lebat. Jadi pada masa ini Kementerian Pembangunan telahpun mengadakan satu kaji selidik untuk mengadakan satu plan induk untuk penyaliran supaya mengelakkan banjir yang begitu berlaku. Apa yang didapati dalam banjir ini ialah beberapa kawasan-kawasan yang selalunya yang sudah kitani jadikan untuk menadah air untuk menakong air itu sudah menjadi *urbanization* tempat orang tinggal, dan air itu tidak lagi menadah di sana malahan sia-sia ke hilir. Anilah yang terjadi di dalam negara kitani jiran kitani yang kita lihat ni, tempat-tempat yang sepatutnya menadah air itu sudah menjadi *urbanization* dan *urbanization* itu sudah menjadikan banjir itu mengalir ke kawasan-

kawasan yang lain. Walau bagaimanapun beberapa hasil daripada pengkajian itu, mengenai pembesaran longkang dan sebagainya seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat itu akan dipertimbangkan akan diselidiki.

Mengenai perkara plot x yang dibangkitkan tadi, iaitu adakah plot x ani penggantian. Memanglah plot x ani ditimbang selaras dengan apa yang dibangkitkan oleh salah seorang Yang Berhormat tadi itu iaitu ubah suai tanah dan *scheming* perkara ini sedang dalam perbincangan dan satu kawasan yang saya tidak dapat sebutkan di sini, sedang dipertimbangkan untuk dijalankan oleh *scheming* ini.

Scheming dan ubah suai tanah ini dan apa yang usulnya menjadi satu isu ialah mengumpulkan beberapa puluh orang pemilik-pemilik tanah

untuk mempersetujui satu *scheming*, skim ani tah, yang paling rumit ni, jadi insya-Allah, satu usaha itu akan dibuat dalam satu kawasan yang kecil dahulu jika ini berjaya ianya akan dilarat-laratkan ke kawasan-kawasan yang lain.

Mengenai terdapat rumah Kerajaan yang kosong memang disedari bahawa beberapa rumah Kerajaan kosong dan saranan Yang Berhormat mengenai untuk dipelihara dan disewakan itu akan dapat dipertimbangkan.

Mengenai dua perkara yang dibangkitkan ialah pendaftaran bagi syarikat ejen, *estate* ejen dan *valuation* perkara ini sedang dalam pertimbangan Kementerian dan dasar dan perundangannya pun dalam *stage-stage* yang terakhir.

Mengenai pajakan tanah ada satu saranan supaya pajakan itu diberikan dengan tidak ada bayaran, saya pun memohon kepada pihak yang mengusulkan ini dan abis kita semua supaya sama-sama kita menyedari bahawa harta yang paling berharga bagi Kerajaan ialah tanah, bukan Kerajaan, harta yang berharga bagi negara kitani ani ialah tanah dalam mana-mana lainpun tanah ani jika diberikan ia diberikan dengan satu *premium*. Adalah tidak *sustainable* bagi kitani memberikan menyambung *premium* itu dengan cara yang tidak ada kali-kali itu. Dan apabila saya teliti perkara-perkara yang dibangkitkan itu, apa yang difikirkan ialah satu kaedah atau satu cara baru bagi penafsiran itu supaya ia tidak juga merugikan bagi pihak Kerajaan dan tidak membebankan bagi orang-ramai. Tetapi terus terang saya katakan di sini bahawa penyambungan

premium secara *free* itu adalah tidak timbul dalam negara-negara besar sekalipun apalah dalam negara kitani yang luasnya 5,000 *square* kilometer ini. Tapi walau bagaimanapun satu penafsiran dan cara memberikan *premium* sedang dalam kajian, dan insya-Allah akan sentiasa dikaji dari masa ke semasa, terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Belait: Terima kasih Pengeran Pengerusi, peramba ada 4 perkara untuk dikongsikan.

1. Daerah Belait tidak terlepas dari mengalami banjir baru-baru ini. Walau bagaimanapun saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang

telah melawat tempat yang terjejas setelah banjir berlaku. Saya difahamkan bahawa seterusnya di Daerah Belait, di Pekan Seria ada projek yang besar, insya-Allah barangkali dalam 18 bulan projek tersebut akan siap dan diharap masalah banjir akan berkurangan, walaupun tidak dapat dihapuskan sama sekali. Cuma apa yang ingin saya suarakan ialah sewaktu saya dalam rombongan dengan pegawai-pegawai Pejabat Daerah telah mengenalpasti dalam mengatasi masalah jangka pendek sebelum projek besar itu siap mungkin barangkali kerana kebersihan parit-parit kecil yang ada sekarang ini, menyebabkan banjirnya berlaku. Jadi sekiranya kalau pembersihan dibuat secara rutin, insya-Allah

barangkali banjir tidak akan berlaku.

2. lalah kita sama-sama mendengar pada hari kedua, waktu Yang Berhormat Menteri Kewangan telah meristakan tentang peruntukan membuat jalan Lebuhraya Tutong Telisai.

Pengerusi: Yang Berhormat peruntukan yang sudah lepas janganlah dicakapkan lagi, sudah diterangkan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Belait: Saya akan ulangi tentang pembentukan lebuh raya, kalau dapat biarlah ianya lengkap dengan lampu sekali tidak seperti Lebuhraya Tutong Telesai.

3. Skim pembuangan najis di Kampong Lumut, yang mana pada ketika ini sedang dalam peringkat penyudahannya, saya mohon kalau dapat dilartkan jua skim itu ke kampung-kampung di Mukim Liang yang berdekatan.
4. Sepertimana bukan saja di Daerah Belait bahkan di Daerah-Daerah Temburong dan Tutong bahawa permohonan Tanah TOL baru dan jua pembaharuan Lesen Tanah TOL semuanya diproses di Pusat di Bandar Seri Begawan, ini rasanya orang kampung, orang-orang di daerah-daerah merasa kesulitan ingin mengetahui.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, mengenai dengan perkara ini tidak

ada kena mengena dengan Jabatan Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah

Belait: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya simpan sementara dan yang kelima sama jua barangkali dengan tanah, saya rasa atu saja Tuan Pengerusi, saya akan bercakap tentang tanah di waktu yang sesuai nanti, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan:

Terima kasih Pengiran Pengerusi, mengenai banjir di Belait dan di Seria, mula-mula sekali banjir di Belait dulu, banjir di Belait seperti yang kitani ketahui pada bulan 12 yang lepas, pada bulan Disember yang lepas, adalah satu keadaan

basah yang begitu abnormal atau luar daripada biasa, apa yang berlaku ialah di Kuala Belait mempunyai 3 pam untuk mengepam air itu keluar, tetapi sebelum air itu masuk ke pam ada satu tapisan untuk melindungi pam itu, Apa yang terjadi ialah air-air yang menakong dipam itu adalah mempunyai benda-benda yang besar, jadi penapis itu tidak dapat berfungsi kerana sampah-sampah yang besar ini, setengah daripada sampah-sampah ini ialah sampah sebenarnya ialah batang-batangan dan sebagainya dan terdapat jua sampah-sampah yang bukan sampah sebenarnya seperti tyre kereta yang seharusnya tidak masuk dalam longkang itu. Jadi apa yang menjadi isu di sana ialah bukan saja nampaknya longkang-longkang harus dibersihkan selalu, tetapi kitani pun daripada Kerajaan dan daripada orang ramai mestilah sama-sama kitani menentukan

bahawa longkang-longkang itu dalam keadaan yang bersih. Apa yang terjadi dapat dilihat kitani banyak plastik-plastik itu berisi segala barang-barang kotor dibuang ke longkang itu. Ertinya longkang itu berfungsi sebagai tempat pembuangan sampah tua. Bukan sebagai tempat pengaliran air. Jadi bukan salah orang ramai semata-mata jua, tetapi pada bulan 12 itu adalah satu keadaannya kitani luar daripada biasa di mana setengah-setengah sampah-sampah yang sepatutnya tidak masuk ke longkang itu, masuk oleh kerana keadaannya yang begitu abnormal itu.

Apa yang berlaku di Seria, Pekan Seria ialah satu projek besar sedang diusahakan untuk membuat apa yang seperti di Belait, ianya apabila siap nanti. Insya-Allah beberapa pam besar akan dapat menyiruk air-air daripada takongan air dan

membuangnya sama ada ke Sungai Bera atau ke laut, insya-Allah apabila projek ini selesai nanti, mudah-mudahan saja keadaan banjir itu tidak akan dapat teruk seperti yang teruk dalam bulan Disember lepas.

Mengenai peruntukan jalan ke Telisai, cadangan Yang Berhormat akan diteliti, insya-Allah, jadi begitu jua skim pembuangan najis, peramba akan memberi jawapan mengenai TOL apabila kitani sampai ke Jabatan Tanah, insya-Allah.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah Temburong: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba hanya mengemukakan dua perkara sebelumnya peramba tidaklah menafikan atas keprihatinan Kementerian Pembangunan dalam

menangani dalam apa jua perkembangan pembangunan di Daerah Temburong, terutamanya sekali dalam jalan raya, alhamdulillah perkara ini tidak banyaklah masalah-masalah yang dihadapi, cuma di sini peramba ingin bertanya, apakah tidak ada perancangan Kementerian berkenaan untuk dapat membesarkan jalan masuk daripada simpang masuk Imigresen Puni menuju ke Mukim Bokok, kerana jalan ini sudah lama wujud belum ada pengubahsuaian untuk dapat dinaikan tarafnya.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, perkara yang dibahaskan itu belum lagi sampai waktunya, nanti apa balik Jabatan Kerja Raya bolehlah dikemukakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah

Temburong: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, perkara kedua oleh sebab hasrat bagi penduduk Mukim Bokok supaya Jambatan Kayu yang ada yang peramba fikir dimaklum oleh Yang Berhormat Pehin Menteri, Jambatan Kayu yang dibuat oleh Pasukan Askar Gurkha yang sudah wujud 40 tahun yang lalu supaya dapat dinaikkan tarafnya untuk kemudahan kereta lalu tidak bertunggu-tunggu.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, ani pun hampir sama jua macam tadi jadi anda payah dipanjangkan tu.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah

Temburong: Terima kasih Pengiran Pengerusi, peramba memohon maaf dan terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman

bin Uking: Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya akan bercakap mengenai alam sekitar. Pada masa ini terdapat kawasan-kawasan ataupun tanah yang telah diruntuh atau diambil segala kemudian dipindah ke tempat lain, sebagai misal Telisai dan Bukit Udal, kalau kita lalu di Belait ada di sebelah, jadi nampaknya tanah itu terbiar anda ada penamat.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat mengenai dengan alam sekitar sudah kitani bincangkan hari itu.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman

bin Uking: Apa yang diharapkan di dalam majlis ini supaya parit yang

dibina itu akan diusahakan atau dibuat jadual setiap 2 atau 3 tahun dibersihkan. Jadi dengan cara ini barangkali mungkin tidak berlaku kebanjiran. Sekian Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan:

Terima kasih Pengiran Pengerusi, peramba merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat atas cadangan dan perhatian itu.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada lagi pertanyaan dalam tajuk ini dan tidak ada yang mahu membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini

iaitu Jabatan Kementerian Pembangunan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Kementerian Pembangunan diluluskan.

Jurutulis: SKO1A Jabatan Kementerian Pembangunan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SKO2A Jabatan Kemajuan Perumahan.

Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran

Haji Sunggoh: Bismillahir Rahmanir Rahim, Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba ingin bertanya satu perkara iaitu berhubung dengan Perpindahan Negara yang mana baru-baru ini peramba didatangi oleh beberapa

orang untuk bertanya kepada peramba, maka peramba sendiri pun tidak mengetahui perkara itu. Maka peramba hadapkan di dalam majlis ini peramba menghadapkannya iaitu berhubung dengan pemohon-pemohon Perumahan Negara yang bertanya hingga sekarang ini permohonan mereka belum dapat diterima, belum diproses oleh Kerajaan, dan disebabkan sangat lambat mereka menerima keputusannya, maka itu sebab peramba menghadapkan perkara ini. Mereka telah menunggu hingga 6, 7 tahun katanya, bahkan hingga sekarang mereka tertunggu-tunggu belum juga menerima jawapannya, katanya umur kami sehari ke sehari, dari sebulan ke sebulan dan membawa bertahun-tahun sampai sekarang belum menerima keputusannya diharap yang berkenaan dapat memproses dan mempertimbangkannya dengan

secepat-cepatnya untuk kami yang menghadapkan ini mendapat apa yang telah dipohonkan mendapat hikmah. Seperkara lagi pembahagian tanah bagi tapak perumahan yang dipohonkan.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, perkara itu terlalu laju.

Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran

Haji Sunggoh: Tapak tanah, tapak tanah perumahan yang dipohonkan, mohonkan ampun, Perumahan tapak tanah yang dipohonkan bagi tapak perumahan tadi, tapak perumahan makin sehari makin kecil katanya, yang dulu kalau perumahan yang pernah sudah dibahagi-bahagikan satu ekar tanah sehingga mendapat 4 buah dan sekarang sudah 6 buah. Jadi keselesaan untuk perumahan adalah sangat tipis dinikmati. Dari itu diharap pihak yang berkenaan akan

dapat proses terutama kelambatan membahagikan dan memberikan keputusan mendapat tanah tersebut. Terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih. Lain-lain Yang Berhomat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Dalam tajuk Jabatan Kemajuan Perumahan ani khususnya dalam Kementerian Pembangunan, saya percaya dan bagi pihak Kementerian Pembangunan memang tidak kendur-kendurnya memberikan keselesaan kepada rakyat dan penduduk di negara ini. Walau bagaimanapun, ini adalah suara rakyat yang perlu disampaikan di Dewan ini bukan pulang menyusahkan kepada Yang Berhormat Pehin Menteri. Yang

Berhormat Pehin Menteri memang menaruh harapan kata orang berapa tinggi Gunung Ledang, tinggi lagi harapan Yang Berhormat Pehin Menteri, kalau boleh Pehin indakan sedikit pun akan memberikan keselesaan kepada rakyat di Negara ini. Maksud saya yang pertama yang akan disampaikan di Dewan ini ialah.

1. Mengenai peraturan dan syarat-syarat pemberian kepada pemohon-pemohon dalam Skim Perumahan ini supaya peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan bagi pemohon - pemohon yang menghendakkan perumahan tersebut ketika ini, supaya peraturan ini akan dikaji semula. Kerana apa banyak diketahui ketika ini rumah-rumah yang dipunyai oleh pemilik-pemilik ada yang tidak dibayar,

tertunggak dan sebahagiannya rumah-rumah tersebut ada yang dimiliki oleh si pemilik tetapi tidak ada orang yang tinggal di rumah tersebut. Jadi diharap peraturan dan syarat-syarat ini akan dapat dikuatkuasakan agar ianya tidak akan merugikan dan menjejaskan kepada pihak Kerajaan.

2. Dicadangkan supaya pada masa yang akan datang rancangan-rancangan perumahan ini ianya akan diadakan satu pemindahan yang bersesuaian di buat satu-satu mukim sekiranya keadaan tempat dalam mukim itu mengizinkan ianya dibuat satu pemindahan, gunanya supaya penduduk - penduduk di mukim-mukim yang berdekatan akan dapat dikumpulkan tinggal dalam satu-

satu tempat pemindahan tersebut.

3. Apa yang dilihat pada ketika ini, pemilik-pemilik Rumah Perpindahan menyatakan ada beberapa keraguan mengenai dengan keadaan plan rumah yang telah dibuat ketika ini.
 - a) Keluasan kamar mandinya tidak mencukupi, kalau boleh dibesarkan.
 - b) Tangga utama turun-naik rumah pemindahan tersebut keadaannya sempit dan berlipat ini akan menimbulkan kesulitan apabila keadaan musibah atau orang meninggal di dalam rumah tersebut, ianya akan mendatangkan kesulitan untuk melakukan pembersihan Jenazah. Dan yang kedua

apabila ia turun dari rumah tersebut juga akan menyulitkan.

Jadi apa kiranya plan rumah tersebut akan dikaji semula dan dibuat supaya ia lebih selesa dan bersesuaian dengan kitani di Negara Brunei selaku pemilik-pemilikinya Negara Melayu Islam Beraja. Sekian. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Belait: Terima kasih Pengiran Pengerusi. Saya cuma ada satu perkara untuk dibangkitkan iaitu Skim Perumahan di Liang, Lumut. Saya difahamkan bahawa sebahagian pembinaan rumah-rumah Skim Perumahan Liang, Lumut, telahpun siap pembinaannya pada tahun lepas, cuma sekarang belum lagi didiami oleh penerima-penerima skim tersebut. Saya ingin

mengetahui mengapakah penerima-penerima skim tersebut belum lagi berpindah ke tempat itu. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin Abd Rauf, Daerah Tutong: Terima kasih Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bercakap mengenai Jabatan Kemajuan Perumahan, peramba hanya satu saja. Bagi tujuan kecemasan dan keperluan mendadak dicadangkan supaya diadakan rumah pasang siap bagi mereka yang mendapat bencana ataupun kebakaran dan sebagainya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Syukur alhamdulillah, kita sebagai rakyat negara ini adalah

yang paling beruntung mendapatkan Skim Perumahan yang telah dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Rancangan Perumahan Negara adalah yang paling terbaik di rantau ini malah di dunia. Barangkali hanya disamakan dengan negara-negara Timur Tengah saja yang merupai sedikit.

Rancangan Perumahan Negara sebagaimana difahami diuruskan oleh Kementerian Pembangunan, yang mana tidak kendur-kendurnya membuat perkhidmatan yang begitu baik. Hanya yang dapat diperhatikan juga mengenai dengan kecepatan pemberian pada masa ini, *demand* ataupun kehendak melebihi daripada *supply* ataupun penyediaan. Jadi untuk mempercepatkan lagi pemberian perumahan kepada pemohon-pemohon yang berjaya, adakah Kementerian ini mempunyai

perancangan untuk mengadakan atau menggalakkan konsep 3P iaitu *public, private, partnership* iaitu melalui penswastan perkongsian Kerajaan dengan swasta sejajar dengan amalan yang terbaik di antarabangsa, *FDI* ataupun lain-lain lagi sumber pembiayaan. Diharap konsep ini akan dapat dipraktikkan. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah Temburong: Daerah Temburong: Terima kasih Pengiran Pengerusi. Adalah diharapkan supaya Rancangan Perumahan Negara tidak tertumpu saja di Kampong Rataie iaitu Mukim Bokok, ini adalah memandangkan majoriti penduduk Daerah Temburong. Apabila mukim-mukim yang berkenaan berpindah ke Perumahan Negara Kampong Rataie, maka mukim-mukim yang terlibat akan berkurangan. Adalah

dicadangkan supaya dapat dibuat Perumahan Negara yang baru di mukim-mukim Daerah Temburong bagi meyelaraskan supaya penduduk itu tidak berkumpul disatu tempat saja. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada lagi yang mahu bercakap.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Dalam Skim Perumahan ini rakyat merasa bersyukur kerana mereka yang tidak mempunyai rumah telahpun diberi rumah. Apa yang ingin saya sampaikan di sini saya cadangkan supaya skim ini akan dikaji semula sebabnya bila sesuatu keluarga itu mendapat rumah tidak ada tempatnya berkebun. Saya

cadangkan supaya tempat perumahan ini jangan dibuka dekat kawasan bandar tetapi dilaratkan ke kawasan yang berjauhan seperti di Ulu Tutong atau Ulu Belait. Jadi dengan skim ini akan kita kenalkan Skim Perumahan dan Pertanian kerana kebanyakan mereka yang sudah berpencen, tidak ada jalannya berusaha kalau di kawasan yang ada sekarang.

Kalau sekiranya ia mempunyai tanah yang diberikan oleh Kerajaan seluas lebih kurang 3 ekar jadi kalau ia berhutang kepada Kerajaan, tidak ada kerja, tidak ada pencennya, apa lagi pendapatannya sekarang. Barangkali mulai tahun 1993 tidak ada pencen. Jadi kalau mereka itu diberi pencen dan tidak ada pencen mungkin tidak dapat membayar apa yang ia berhutang kepada pihak Kerajaan. Jadi kalau diberi tanah ada tempatnya berusaha.

Barangkali Jabatan-Jabatan berkenaan seperti Jabatan Pertanian akan dapat memberi bantuan atau tunjuk ajar kepada pihak yang memohon perumahan tadi dan dari sana ia akan dapat membayar hutangnya yang masih belum dibayar. Sekian Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, tidak ada lagi yang mahu membahaskan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan: Peramba menjunjung kasih atas peluang untuk memberikan beberapa jawapan. Mula-mula sekali mengenai proses untuk mempercepatkan permohonan ini. Alhamdulillah, insya-Allah dari semasa ke semasa Jabatan

Kemajuan Perumahan dan Kementerian Pembangunan akan mengusahakan perkara ini.

Mengenai keluasan tanah kitani mestilah barangkali realistiklah mengenai keadaan negeri kitani kerana kalau perpindahan dulu empat ekar kemudian selepas itu setengah ekar dan kemudian satu ekar iaitu satu ekar dibahagi empat orang, sekarang satu ekar enam orang, malah perumahan yang baru, rumah teres hanya akan diberikan kerana perumahan kitani sudah mencecah tanah-tanah yang berharga, yang kalau dikira daripada segi *economic value* atau nilai ekonomi dapat diberikan kepada penggunaan yang lain. Jadi oleh kerana itu penggunaan perumahan itu terpaksa dihadkan supaya anda jua luan sempit, tetapi anda jua seluas-luas yang dapat diberikan, kerana keadaan tanah yang dapat

diberikan sudah terhad dari setahun ke setahun.

Mengenai dengan syarat dan pemberian tanah perumahan ini akan dikaji seperti yang diharapkan oleh Yang Berhormat tadi. Mengenai beberapa perkara ada yang tidak dibayar dan ada orang lain tinggal, dalam beribu-ribu orang yang mendapat perumahan itu memanglah ada bermacam ragam di sana, jadi perkara ini dari segi dasarnya akan dikaji jua. Dan memanglah terdapat ada orang lain tinggal, tetapi dua tiga perkara yang berlaku dalam orang lain tinggal itu, seperti yang diketahui bahawa orang itu misalnya dapat tanah atau perumahan di Daerah Brunei dan Muara tetapi bertugas di Daerah Belait jadi ia inda dapat tinggal di sana. Jadi perkara-perkara macam itu adalah berlaku tetapi akan dikaji.

Mengenai dengan pemindahan kepada satu mukim ke satu mukim. Perkara ini adalah yang paling *ideal* atau paling dikehendaki tetapi dalam beberapa perancangan seperti *intill scheme* perkara ini dibuat tetapi tidaklah dijanjikan bahawa satu mukim misalnya dari Tamoi ada perpindahan di Tamoi jua. Tidak dapat dijanjikan kerana keadaan-keadaan sekarang ani.

Kemudian mengenai dengan kamar mandi dan tangga dan pelannya itu memanglah akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut kesesuaiannya. Peramba mengambil kesempatan ini mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas cadangan yang biskita ajukan itu supaya ia akan dapat dijadikan *feedback* apabila pelan-pelan baru akan dibuat.

Mengenai dengan Perumahan Liang, Lumut, apa yang menyangkut

di sana ialah sistem pembentungannya iaitu proses najisnya. Peralatannya telah berubah dan sudah siap, insya-Allah akan diberikan pada *third quarter* tahun ini. Mengenai dengan kecemasan pasang siap itu akan dikaji. Terima kasih.

Mengenai dengan *private, public, partnership* akan ditinjau dari semasa ke semasa. Apa yang perlu kita sedari bahawa Jabatan Kemajuan Perumahan memberi perumahan kepada pihak-pihak yang berpendapatan kurang, kerana yang berpendapatan tinggi harusnya, mereka ini tidak ikut dalam perpindahan ini. Jadi dalam perkara *private, public, partnership* akan ditinjau mengenai kesesuaiannya.

Dari Temburong juga supaya tidak tertumpu kepada Bokok, ada beberapa *intill scheme* sudah

dibuatkan di Senukoh dan perkara ini akan ditinjau dari semasa ke semasa.

Mengenai dengan kawasan perumahan yang diberikan itu mestilah dengan pertanian. Perkara ini juga boleh dikaji semula kerana apabila kitani mengadakan Skim Perpindahan yang mula-mula dulu ia memanglah dengan pertanian, dengan getah dan sebagainya, perkara ini usulnya tidak *valuable* jadi dapat juga dikaji semula kalau ada keperluannya. Jadi mengambil kesempatan ini peramba mengucapkan penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana menimbulkan perkara-perkara yang dapat abis peramba jadikan input dalam menilai semula skim-skim perumahan ini. Peramba menjunjung kasih atas Tuan Peramba memberi peluang ini dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang

Berhormat kerana *input-input* yang telah diberikan. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada lagi pertanyaan dalam tajuk ini dan tidak ada yang mahu membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Kemajuan Perumahan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Kemajuan Perumahan diluluskan.

Jurutulis: SKO2A – Jabatan Kemajuan Perumahan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sudah berbincang

agak lama, jadi saya cadangkan Jawatankuasa ini bersidang kepada Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat memandangkan jam kita sekarang hampir 11.30 jadi saya rasa Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini. Terima kasih.

**Majlis bersidang disambung pada
jam 2.30 petang**

Yang Dipertua Dewan: Majlis mesyuarat bersidang semula, Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum kita bermesyuarat di dalam bidang jawatankuasa, saya ingin memaklumkan dan memohonkan kerjasama daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi pihak Kerajaan yang dimaklumi banyak akan keluar negeri pada hari Selasa iaitu 13 Mac 2007 atas urusan rasmi. Maka Majlis Mesyuarat ini seboleh-bolehnya akan diselesaikan pada hari Isnin, 12 Mac 2007. Dengan demikian adalah menjadi harapan saya supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dapat mengemukakan sebarang soalan pandangan dan jawapan dengan seberapa ringkas yang boleh. Kalau tidak kiranya mesyuarat ini dapat segera, ia akan berpanjangan dan

tidak dapat diselesaikan pada hari Isnin, maka mesyuarat itu mungkin kalau bersetuju bersama kita adakan pada hari Ahad. Ini adalah satu, ertinya yang pernah sekali kitani buat di dalam tahun ini. Sekali lagi saya memohonkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya akan dapat memberikan kerjasama dengan memberikan sama ada berpanjangan pertanyaan dan jawapan-jawapan dengan seberapa ringkas yang boleh. Sekarang Majlis Mesyuarat dijadikan dirinya sebagai Jawatankuasa.

**(Majlis bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Pengerusi: Sekarang kita semula bersama-sama dalam jawatankuasa untuk menimbangkan satu persatu. Sekarang ialah kita akan bicarakan Jabatan Kerja Raya.

Jurutulis: SKO3A Jabatan Kerja Raya.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:

Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Asalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Jabatan Kerja Raya adalah satu jabatan yang juga bidang tugasnya mengawasi projek-projek Kerajaan. Selain daripada *service* dibuat *in house* juga melalui perkhidmatan-perkhidmatan konsultan seperti arkitek, jurutera dan juruukur bahan. Pendaftaran perkhidmatan profesional, konsultan masa ini adalah di bawah jagaan *CPRU*. Untuk mengemaskinikan lagi peraturan-peraturan dan undang-undang perkhidmatan ini satu Badan Pendaftaran ataupun *Board of Registration* sedang dalam perlaksanaannya. Ini juga

memerlukan peraturan-peraturan, undang-undang seperti *enactment* ataupun *order* bagi penyelarasannya juga. Saya difahamkan proses penyediaan ini adalah dalam peringkat-peringkat terakhir. Soalan saya bilakah kira-kiranya akan dapat dikuatkuasakan? Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Pengiran Pengerusi. Insya-Allah enaknya pun sudah dalam peringkat terakhir apabila habis permesyuaratan. Insya-Allah pihak-pihak yang berkenaan akan dapat dibawa berunding bagi penguatkuasaannya dan cara-cara perlaksanaannya. Terima kasih.

**Yang Berhormat Mejar (B) Awang
Haji Abu Bakar bin Awang Haji
Ibrahim, Daerah Brunei dan**

Muara: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli yang terhormat, peramba akan cuba membuat seberapa ringkas yang boleh ingin berkongsi dalam mengajukan pertanyaan lebih-lebih lagi pertanyaan yang pernah peramba hadapkan pada mesyuarat yang lepas.

1. Jalan Residency, daripada Jalan Residency menuju ke Kampong Sungai Lampai telahpun diberi lampu hijau sebagai satu kelulusan untuk pembesarnya. Peramba ingin bertanya sejauh ini apakah perkembangan-perkembangan yang telahpun berlaku terhadap cadangan yang pertama ini.
2. Pembesaran dan penaikan taraf ke sepanjang Jalan Kota Batu menuju ke Kampong Mentiri.
3. Cadangan untuk mengadakan jalan pintas bagi mengurangkan kesesakan jalan raya lebih-lebih lagi sepanjang Jalan Kota Batu menuju ke pusat bandar seringkali terganggu disebabkan terutama sekali dalam apa-apa acara kebesaran. Jadi baru-baru ini juga telah terjejas disebabkan sebahagian daripada tanah runtuh. Jadi kita tidak dapat masuk ke kawasan bandar dan tidak dapat pula melalui jalan Kampong Subok dan Kampong Belimbing dan pengguna jalan raya ini terpaksa mengambil dan menggunakan jalan yang jauh iaitu melalui Jalan Mentiri. Cadangan jalan pintas ini juga telah dihadapkan dalam

mesyuarat yang lepas dan kita menyedari bahawa jalan pintas di sepanjang jalan Kota Batu menuju ke Kampong Subok dan Kampong Belimbing halangan ialah ada Ampangan Air Mengkabung, adakah rancangan - rancangan pihak yang berkenaan bagi mengatasi perkara ini. Sekian terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat lain.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah Temburong: Bismillahir Rahmanir Rahim, Pengiran Pengerusi, peramba mengemukakan balik apa yang telah peramba suarakan tadi iaitu menghadapkan mengenai jalan raya Kampong Belais yang bermula dari simpang masuk Kawalan Imigresen Puni menuju ke Kampong Bokok, Temburong yang sejauhnya

kira-kira 8 kilometer akan dapat dibesarkan ataupun dinaikkan tarafnya kerana jalan tersebut adalah laluan jalan utama pada masa ini, bagi mukim berkenaan.

Perkara yang kedua Pengiran Pengerusi, dicadangkan jambatan kayu yang dibuat oleh Pasukan Askar Gurkha yang sudah berumur lebih 40 tahun yang terdapat di Kampong Bokok akan dapat juga dinaikkan tarafnya kerana pada masa ini jalan tersebut hanya dapat dimasuki oleh sebuah kenderaan, dan pada masa yang sama kenderaan akan bertunggu-tunggu apabila memasuki jambatan tersebut, sekian Pengiran Pengerusi, terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat lain.

**Yang Berhormat Dato Paduka
Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:**

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba hanya satu isu saja iaitu mengenai dengan mega-mega projek yang diungkayahkan oleh Kerajaan. Peramba berpendapat kalau ada projek yang besar yang melibatkan impaknya kepada orang ramai isu-isu seperti alam sekitar, isu-isu kemasyarakatan, dibuatkan satu perbincangan dengan orang ramai dan *proses public opinion*, sebelum projek itu dilaksanakan. Sekian Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Bismillahir Rahmannir Rahim Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ada tiga usul yang saya bawa:-

1. Sebagaimana yang telah disebutkan pada mesyuarat tahun lalu iaitu mengenai dengan pembaikan semula jalan yang terputus yang ada sekarang iaitu Jalan Kecil Sungai Guntong, Kasat dan Jalan Kecil Sungai Limau, Kampong Lumapas 'B' sehingga sekarang ini belum ada pembaikan dan diharapkan perkara yang sedemikian agar dapat pihak yang berkenaan antara Kementerian Pembangunan khususnya dan Jabatan Kerja Raya dengan Jabatan Daerah membuat perundingan agar jalan tersebut akan dapat disambung semula.
2. Sebagaimana telah dimaklum kebanyakannya jalan-jalan kecil yang terdapat di kampung-kampung khususnya Daerah Brunei dan Muara yang sudah berusia 8 hingga 10 tahun

supaya dipohonkan yang mana jalan-jalan tersebut dinaikkan tarafnya mana-mana yang bersesuaian diturap dengan pit.

3. Sebagaimana yang telah dimaklum tanah-tanah yang susur yang berlaku di kawasan berhampiran Kampong Tanjong Bunut, Kilanas yang mana sekarang pembaikan tanah susur telah dibaik pulih. Tetapi masih lagi kelihatan jalan tersebut masih ditutup separuh atau sebahagiannya sahaja. Adakah kerja-kerja ini selesai atau masih lagi diperbaiki? Sekian dengan secara ringkas. Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi, Peramba ada satu soalan sahaja. Pada musim permesyuaratan yang lalu Peramba ada menimbulkan peri mustahaknya pemaju-pemaju perumahan seperti 'developer' dikawal oleh pihak Kerajaan dengan mengadakan peraturan-peraturan yang tertentu yang mengkhendaki mendaftar diri kepada agensi Kerajaan iaitu Jabatan Kerja Raya. Maksud kawalan ini diadakan adalah untuk menjaga kepentingan orang ramai, ianya juga menjaga kepentingan pemaju-pemaju itu sendiri. Saya ingin tahu sama ada pihak Kerajaan telah membuat pertimbangan dengan perkara ini atau jika belum bilakah ianya diambil tindakan?

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah

Belait: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi saya cuma ingin mengulangi perkara pada pagi tadi yang mana tidak bersesuaian dengan Jabatan, iaitu mengenai dengan Jalan di Mukim Labi, Jalan Luhur dan Bukit Puan diminta kepada pihak yang berkenaan akan dapat memperbaiki supaya pembersihan tidak akan berulang lagi.

Bekalan gas dari rumah ke rumah dari Pandan 1 hingga 8, *infrastrucure* sudah disediakan cuma penyambungannya lagi belum. Saya ingin memohon penjelasan daripada Kementerian berkenaan iaitu Jabatan Kerja Raya. Sekian Terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin Abd Rauf, Daerah Tutong: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Cuma satu saja, ingin saya suarakan. Menaik taraf dari jalan rumah persendirian yang ada sekurang-kurangnya lima buah. Pekara ini patut dikaji balik selaras dengan daerah-daerah yang lain kerana perkara ini masih terdapat di Daerah Tutong tidak mencukupi syarat-syarat yang sedemikian. Sekian Terima Kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelah kiri ada lagi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri

Pembangunan: Bismillahir Rahmannir Rahim Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai dengan Jalan Residency peruntukannya sudah ada cuma akan dikaji lagi sama ada

jalan tersebut akan ditambah lebar, oleh kerana jalan ini melalui sungai atau ditambah kemudian. Mengenai dengan pembesaran Jalan Kota Batu akan diteliti, Alhamdulillah.

Mengenai jalan pintas Jalan Kota Batu ke bandar perkara ini sulit sedikit kerana melalui Mangkabau dam akan diusahakan dan dikaji. Mengenai dengan menaikkan taraf jalan Kampong Belais dan Kampong Bokok apa yang didapati jalan itu susur, di Kampong Buda-Buda jalan itu akan dikaji dari masa ke semasa begitu juga jambatan kayu yang di Kampong Ujong Pendaruan.

Mengenai dengan projek besar yang ada impak dengan alam sekitar atau orang ramai Kementerian ini adalah mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat supaya akan diadakan *socialisation* atau *public opinion*. Ada satu projek Kerajaan di Jalan

Subok apabila kontraktor membawa orang ramai berbincang bahawa projek itu berjalan dengan lancar. Alhamdulillah cadangan yang baik.

Mengenai dengan pembaikan jalan-jalan kecil seperti yang dibangkitkan itu ada setengah jalan itu masih lagi kawalan Jabatan Daerah. Insya-Allah cadangan Yang Berhormat itu akan diteliti dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu di antara Jabatan Kerja Raya dengan Jabatan Daerah. Bagaimana kesesuaiannya untuk membaiki. Mengenai dengan tanah susur di Tanjong Bunut hanya ada satu *temporary mixture* sahaja. Satu usaha membaikinya berjumlah \$125 ribu akan dibuat supaya pada masa ini tanah itu belum *stable*. Cara itu membaikinya dengan menaruh *sheet pile* dan sudah ada ditenderkan. Mengenai dengan kawalan bagi pemaju-pemaju seperti yang peramba nyatakan tadi

perundangan itu sudah siap dan diteliti. Mengenai dengan jalan Mukim Labi untuk diperbaiki insya-Allah akan dibaiki dan dibincangkan dengan Jabatan Daerah.

Mengenai dengan *infrastructure* gas, rumah-rumah orang persendirian jarang atau lazimnya tidak dipasang dengan gas ini kecuali perumahan Shell sahaja, kerana beberapa-beberapa perkara mengenai banyak tunggakan-tunggakan. Tapi insya-Allah akan dirundingkan jua kemudian. Mengenai taraf rumah persendirian sekurang-kurangnya 5 buah ani mengikut keupayaan pada masa ani rumah-rumah yang lebih 20 buah pun masih menunggu, kerana usaha untuk membaiki ani bukannya dapat dijalankan sekaligus. Tapi ertinya mengikut keutamaannya. Kadang-kadang keperluan untuk mendapatkan jalan

bagi 5 buah rumah itu jua diikuti secara *rigid* kerana ia tergantung kepada keadaan jalan dan tempat berkenaan dan sebagainya. Jadi alhamdulillah perkara-perkara ini akan diambil perhatian. Sekian.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada lagi pertanyaan dalam tajuk ini dan tidak ada yang mahu membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Kerja Raya, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Kerja Raya diluluskan.

Jurutulis: SK03A Jabatan Kerja Raya dijadikan sebahagian daripada Jadual. Sk04A Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:

Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Jabatan Perancang Bandar dan Desa adalah berperanan untuk merancang Bandar dan Desa dan salah satu daripada tugasnya juga adalah memberikan nasihat bagi penyediaan-penyediaan tapak-tapak bangunan-bangunan Kerajaan, pengalaman di masa lepas ada yang kurang menyenangkan kerana penyediaan tapak yang diadakan mempunyai keadaan tanah ataupun *soil condition* yang kurang bersesuaian.

Yang ini memerlukan kewangan yang begitu banyak untuk menyediakan *infrastructure* ataupun melakukan pembinaan-pembinaan bagi penyeliaan untuk bangunan tersebut.

Dicadangkan supaya di dalam proses penyediaan pemilihan tapak di masa depan supaya ia akan dapat diadakan, mesti diadakan *preliminary study* mengenai dengan keadaan tanah dengan keperluan-keperluan *infrastructure* yang diperlukan. Kalaulah tanah itu tempatnya terlalu asing mungkin perancangan bagi menyediakan keperluan-keperluan *infrastructure* juga perlu diadakan dalam perancangan tersebut. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Belait: Pengiran Pengerusi, Terima

kasih saya hanya akan mengutarakan satu soalan, setengah tempat riadah di Daerah Belait yang di bawah jagaan Jabatan Alam Sekitar nampak terbiar seperti contoh pantai perkelahan Lumut yang pantainya kurang terjaga tidak seperti sebelumnya.

Dicadangkan dipohonkan supaya dapat difikirkan peruntukan bagi sepatutnya setiap tahun, bagi pemeliharaan dan menambah kemudahan-kemudahan yang lama dan rosak yang ada pada masa ini di tempat tersebut. Sekian Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada yang mahu membuat pertanyaan dan membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan

Perancang Bandar dan Desa, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Perancang Bandar dan Desa diluluskan.

Jurutulis: SK04A Jabatan Perancang Bandar dan Desa dijadikan sebahagian daripada Jadual. SK05A Jabatan Tanah.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Pengiran Pengerusi, peramba ingin menimbulkan di sini mengenai dengan rancangan Sengkurong *by pass*. Pada bulan Jun 1998, pihak Jabatan Tanah telah mengeluarkan makluman kepada semua tuan-tuan tanah yang terlibat dengan

Sengkurong *by pass*, saya petik di antara isi surat yang berkenaan, “pengambilan balik tanah bagi tanah-tanah persendirian adalah sedang dalam proses untuk dihadapkan ke Jabatan-Jabatan yang berkenaan untuk ulasan dan pandangan bagi persediaan awal untuk menyediakan Rang Kertas Majlis Menteri-Menteri Kabinet untuk dihadapkan kepada pihak yang berkenaan”.

Surat ini ditandatangani oleh Pesuruhjaya Tanah dari tarikh surat itu sehingga masa ini sudah memakan masa lebih daripada 8 tahun. Selama inilah juga hingga masa ini tuan-tuan tanah yang terlibat tidak dibenarkan untuk mengusahakan atau memajukan tanah mereka.

Tanah mereka ini terbiar begitu saja dengan tidak diambil balik oleh

Kerajaan, tidak diganti rugi, tidak ada jalan Sengkurong *by pass* dibina tapi masih dilarang untuk dimajukan atau diusahakan. Dalam hubungan ini saya ingin tahu dan tuan-tuan tanah yang terlibat ingin tahu, adakah rancangan Sengkurong *by pass* ini masih diteruskan oleh Kerajaan kerana dari tahun 1998 hingga masa ini tidak ada sebarang makluman dari pihak berkenaan mengenainya.

Sekiranya rancangan ini dibatalkan, maka tuan-tuan tanah yang berkenaan patutlah diberitahu supaya tanah-tanah mereka boleh dimajukan dan tidak terbiar begitu sahaja, tetapi sekiranya rancangan ini masih lagi diteruskan maka tuan-tuan tanah yang terlibat patutlah dibayar ganti rugi mulai dari tarikh larangan kepada tuan-tuan tanah untuk memajukan tanah-tanah mereka. Sekian Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang
Berhormat lain

**Yang Berhormat Pehin Kapitan
Lela Diraja Dato Paduka Awang
Goh King Chin:** Yang Dipertua
Dewan, Ahli-Ahli yang terhormat
saya ingin menimbulkan isu
hartanah dan bangunan. Masa ini
nilai harga tanah dan bangunan
menjunam seperti air turun dari
bukit. Misalannya 15 tahun lalu
sebuah kedai berharga \$1 juta,
rumah pangsa harganya \$250 ribu.
Sekarang nilainya hanyalah separuh
sahaja dalam keadaan ini apakah
langkah-langkah yang diambil oleh
Kerajaan, saya dengan rendah hati
ingin memberikan sedikit buah fikiran
seperti berikut:-

1. Membuat kawalan menurut
kesesuaian tempat.

2. Ada baiknya dilonggarkan
syarat-syarat jual dan beli.

3. Sebab banyak rumah yang
kosong eloklah dilonggarkan
polisi supaya penduduk tetap
atau orang-orang asing yang
mempunyai taraf penduduk
tetap dibenarkan membeli
sebuah rumah tempat tinggal
sahaja dan juga diberikan
kebenaran kepada orang-orang
asing yang mempunyai
penduduk tetap untuk membeli
bangunan komersial, untuk
menjalankan urusan perniagaan,
saya percaya jika perkara-
perkara tersebut diambil
perhatian ia sekurang-
kurangnya akan dapat mengusai
keadaan ini. Terima Kasih.

Pengerusi: Terima kasih, sebelum
saya meminta Ahli-Ahli Yang
Berhormat lain bercakap, saya ingin

menyampaikan tahniah kerana begitu bagus Ahli Yang Berhormat membahasakan Melayu, cukup terang dan rentang, saya percaya semua Ahli-Ahli Yang Berhormat akan faham.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin mengetahui ada dua perkara dan memohon penjelasan.

1) Mengenai pemilik-pemilik tanah TOL yang mana mereka ada menyuarakan sebagaimana yang telah diketahui perusahaan perusahaan pertanian, seperti ladang-ladang *terminal* dan sebagainya. Mereka ada diberi bantuan, tetapi pemilik-pemilik tanah TOL bahawa biasanya ini juga memohonkan bantuan yang bersesuaian. Kerana dalam

tanah TOL ini mereka juga boleh memajukan tanah mereka masing-masing.

2) Pemilik tanah TOL ini juga ada mencadangkan supaya pembayarannya atau untuk menyambung pada tahun-tahun yang berikutnya supaya diteruskan sahaja selagi tanah tersebut dapat dimajukan dengan tidak payah pemilik tersebut memohon setiap tahun. dan,

3) Menyokong apa yang disarankan pagi tadi mengenai dengan pemilik tanah *lease* yang 50 tahun yang mana pemilik-pemilik tanah tersebut telahpun berkeberatan untuk menyambung tanah tersebut dengan bayaran yang begitu mahal. Ini mudah-mudahan perkara sedemikian akan dapat

difikirkan semula oleh pihak yang berkenaan. Sekian terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat disebelah kiri.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah

Temburong: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Pengiran Pengerusi. Saya hanya menyampaikan rasa kekecewaan seramai 50 orang penduduk Kampong Sungai Teraban di mana pada mulanya mereka telah dibenarkan untuk mengusahakan tanah TOL dan kemudian kebenaran tersebut ditarik balik atas sebab-sebab tanah tersebut di bawah pajakan pihak BSP. Di sini saya ingin menyampaikan khususnya memohon pertimbangan supaya mereka ini diberi pertimbangan, diberi tempat baru dan mana-mana

penduduk yang telahpun mendirikan rumah kalau tidak silap saya seramai 5 orang difikirkan untuk diganti rugi diberi pampasankah, walaupun pada mulanya mereka ini diberi kebenaran tetapi ditarik balik itu yang pertama.

2. Saya ingin tahu rasional di sebaliknya mengapa proses permohonan baru tanah TOL dan membaharui lesen TOL itu dipusatkan ke Bandar Seri Begawan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin

Abd Rauf, Daerah Tutong: Ahli Yang Berhormat masih lagi ada rungutan dari orang ramai mengenai pemohon-pemohon yang memohon tanah TOL sama ada

untuk pertanian ataupun penternakan, mereka lambat menerima jawapan-jawapan memakan masa yang lama adakah perkara ini akan dapat diatasi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi serta Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebentar tadi kita ada mendengar daripada ahli di sini bahawa ada di antara tuan tanah apabila menyambung pajakan tanah menghadapi kesulitan untuk membayar. Apa yang peramba ingin timbulkan di sini adalah mengenai dengan kiraan *premium* tanah. Apabila seorang tuan tanah memilik tanah jenis pajakan say 50 tahun untuk menyambung tempoh pajakan tanahnya di antara lain pemilik tanah berkenaan mestilah terlebih dahulu membayar *premium* tanah.

Jika tanah itu kosong tiada sebarang kemajuan di atasnya, harga *premium* akan dikira dikhaskan pada nilai tanah itu sahaja. Tetapi jika terdapat kemajuan ke atas tanah berkenaan seperti rumah, kiraan *premium* akan mengambil kira bukan sahaja harga nilai tanah, tetapi juga dicampur dengan harga rumah. Yang menjadi tanda tanya di sini kenapakah harga rumah dimasukkan ke dalam kiraan *premium*? Sedangkan permohonan yang dihadapkan ialah menyambung kelamaan tanah, tanah milik Kerajaan, rumah adalah milik tuan tanah. Kadang-kadang harga rumah jauh melebihi harga tanah.

Jika harga rumah dimasukkan dalam kiraan *premium*, maka harga *premium* yang perlu dijelaskan oleh pemilik tuan tanah akan jauh tinggi meningkat, jika dibandingkan

dengan *premium* tanah yang kosong. Sedangkan untuk menjelaskan *premium* tanah yang kosong pun kebanyakan tuan-tuan tanah menghadapi masalah. Pengiran Pengerusi, di sini Peramba ingin mencadangkan supaya harga rumah janganlah dimasukkan di dalam kiraan *premium*. Harga *premium* tanah yang kosong akan dapat diturunkan lagi supaya rakyat Negara Brunei Darussalam yang terlibat akan sama-sama dapat menikmati kemudahan ini. Terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan:
Yang Berhormat Pengiran Pengerusi, biarlah peramba menjawab tanah pasal pengiraan

premium ani dulu, kerana Yang Berhormat yang baru mengajukan tadi adalah bekas Pesuruhjaya Tanah. Peramba difahamkan bahawa dalam pengiraan *premium* harga tanah tidak masuk dalam *premium*, hanya *row* tanah itu sahaja. Innda masuk rumah.

Tetapi kalau sekiranya tanah itu meningkat *valuenya* meningkat nilainya kerana beberapa kemajuan persekitaran itu dikiralah, tapi harga bangunan yang ada dalam tanah itu tidak dikira harga tanah sahaja. Tapi harga tanah itu boleh meningkat kerana kedudukan tanah iatu sudah berubah tu, kalau dulu di tengah-tengah hutan dan sekarang sudah menjadi bandar itu berubah tapi rumahnya innda pernah dihitungkan, innda pernah dikira.

Yang kedua, mengenai Sengkurong *By Pass* peramba akan menyemak

semula perkara ini terutama sekali pemohon-pemohon yang sudah diberitahu tanah-tanah mereka akan diambil, kerana keperluan Sengkurang *By Pass* ini akan peramba akan mencheck balik ke pejabat.

Mengenai cadangan Yang Berhormat mengenai ada 4 cadangan untuk menjana semula *real estate* di Brunei Darussalam ini, inysha-Allah akan dikaji.

Mengenai dengan TOL yang dibangkitkan tadi sebenarnya TOL ini daripada segi perundangannya T itu ialah '*Temporary*', O '*Occupation*', L '*Licence*'. Dan daripada pandangan perundangannya apabila Kerajaan berhajat untuk mengambil semula tanah itu TOL itu, tidak ada pampasan diberi, tetapi Kerajaan dengan ihsannya apabila mengambil ada jua pernah

memberi, tetapi kalau dikira dari segi perundangan tanah ini ialah *temporary*, insha payah dibayar dan kegunaannya pun kegunaan bagi pertanian yang kurang daripada setahun, sebab atutah *Temporary Ownership* tiap-tiap tahun terpaksa dibaharui. Ertinya kegunaannya bagi crop yang kurang daripada setahun padi, terong dan sebagainya. Bukan yang lebih daripada setahun kerana yang lebih daripada setahun dipohonkan untuk mengambil lease yang lebih panjang, *Temporary* ini bukanlah untuk *lease* yang panjang.

Jadi sebab itu ia terpaksa dipohonkan tiap-tiap tahun tu kalau yang insha payah dipohonkan tiap-tiap tahun ada kaedah-kaedah lain, tanah yang kekal, tanah yang lease tanah yang lain dan sebagainya. Jadi mengenai dengan pembayaran *lease* yang 50 tahun ini, sudah

dibangkitkan tadi apabila diperiksa bahawa tanah itu akan dinilai dan premium yang dicadangkan ialah premium yang difikirkan rendah sudah, bagi pertanian 10%, bagi perumahan 20%, kerana perumahan itu selalunya orang yang berupaya.

Jadi kalau peramba sendiri melihat beberapa nilai tanah ini kadang-kadang nilai-nilai tanah itu 9 ribu, 10 ribu barangkali mahal lah bagi setengah-setengah orang tu tapi kalau kan dilihat dalam negeri kitani macam ini, inilah *value* nilai yang terpaksa kitani taruh untuk tanah itu. Jadi satu kaedah seperti yang peramba beritahu tadi, satu kaedah sedang di beberapa dasar-dasar sedang dinilai supaya Kerajaan pun jangan rugi juga melepaskan tanah ini memajakkan tanah ini dan orang-orang yang benar-benar memerlukan tanah ini akan membayar *lease* dengan harga yang

ikut *equitable* yang berpatutan. Mengenai dengan kekecewaan 50 orang di Sungai Teraban itu akan dinilai semula seperti yang diberitahu tadi TOL ini adalah *Temporary* bukannya untuk *ownership*, kalau *ownership* habis tanah kitani dipakai melalui TOL saja. Jadi untuk TOL ialah *Temporary Occupation* saja. Mengenai rasional mengapa proses tanah yang dipindah ke Bandar Seri Begawan ialah pada masa ini kebenaran untuk memberikan TOL ini adalah diberikan di Pejabat-Pejabat Daerah. Junjung maaf, Pengiran peramba memohonkan kerana ini adalah satu perkara yang *nasional* yang mustahak kalau dapat peramba memohon 3 minit saja untuk menerangkan perkara ini.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat jangan terlalu panjang menjawab dan mengemukakan asalkan saja

jawapan-jawapan sesuai dengan perkara yang diragukan, itu sahaja.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan: Yang Amat Mulia, Peramba memohonkan untuk kenapa tanah TOL ini dipusatkan ke Bandar Seri Begawan kerana perkara ini adalah perkara yang *nationally important*. (mustahak) Kebenaran untuk memberikan TOL pada masa ini adalah diberikan kepada di daerah-daerah, tetapi dalam masa beberapa tahun ini kebanyakan tanah TOL ini sudah diberikan begitu banyak dan sehingga apabila kita melihat semula keadaan tanah ini, tanah TOL ini sudah menjadi isu yang memayahkan Kerajaan untuk membuat perkara-perkara kemajuan dan kadang-kadang beberapa tanah

yang tidak dimajukan oleh Kerajaan termasuk dalam tanah TOL dan adalah pada masa ini sukar untuk mengambil tanah TOL ini balik, oleh kerana itu sebagai satu usaha memberikan dan penyambungan tanah TOL ini dipusatkan di Bandar Seri Begawan supaya Jabatan Tanah dapat melihat *state of affair* TOL ini, pada masa ini jangan berlarutan yang mana tanah-tanah yang patutnya tidak di TOL pun di TOL, seperti misalnya di lereng-lereng bukit dan sebagainya atau tanah-tanah yang tidak digunakan untuk tadahan air dan sebagainya. Jadi beberapa polisi-polisi baru untuk pemberian TOL ini sedang dibincangkan dan apabila ada nanti akan pertimbangkan, sekian, junjung ampun.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, tiada siapa yang ingin membincangkan lagi.

**Yang Berhormat Pengiran Dato
Paduka Haji Damit bin Pengiran**

Haji Sunggoh: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Dipertua Dewan berhubung dengan perkara tanah ani barangkali apa yang peramba cakapkan ani ada sudah yang menyentuh bukanlah sama iaitu berhubung dengan perkara tanah, tanah Kerajaan yang dimiliki oleh seseorang, kumpulan atau syarikat ada beberapa peringkat iaitu 25 tahun, 50 tahun, 60 tahun dan ada geran kekal. Jadi di sini peramba akan menyentuh geran yang di peringkat 50 tahun, yang mana kebetulan geran-geran yang di peringkat 50 tahun ini, beberapa orang yang memilikinya benar-benar datang menyatakan bahawa geran-geran mereka ini hampir mansuh dan ada di antaranya katanya tahun depan sudah habis. Jadi ditanyakan iapun tidak tahu macamana, tapi

sudahpun dua kali menghantar surat rayuan hingga masa ini belum dapat keputusan yang mereka memohonkan supaya bagaimana pertimbangan Kerajaan, sebagaimana yang dibuat kalau ataupun digantikan kerugian janganlah memberatkan katanya yang diminta oleh mereka.

Ada yang kadang-kadang yang diminta hanya mengharapkan pencen susah untuk membayar, ada yang di antaranya geran dua setengah ekar kena bayar ganti \$25 ribu. Jadi ia membayar peringkat-peringkat secara beransur, oleh sebab ani beberapa orang banyak geran kalau saya ditunjukkan di kawasan Berakas Kem, hampir sama semua mansuh. Diminta kalau dapat supaya pihak Kerajaan dapat memikirkan dan dapat mempertimbangkan yang dipohon oleh mereka ini, barangkali surat-

surat mereka itu ada pada yang berkenaan. Sekian terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Ada lagi Yang Berhormat di sebelah sini. Tidak ada.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan: Menjunjung kasih Pengiran Pengerusi, insya-Allah apabila ada kesempatan nanti peramba akan menghubungi Yang Berhormat untuk mendapatkan nama-nama tersebut membuat penyiasatan mengenai permohonan ini.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada yang mahu membuat pertanyaan dan membincangkan lagi, jadi

sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Tanah, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Tanah diluluskan.

Jurutulis: SK06A Jabatan Tanah dijadikan sebahagian daripada Jadual. SK07A Jabatan Ukur.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada yang dibincangkan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ada satu saja yang akan disampaikan ketika Jabatan Ukur telahpun rancak mengemaskinikan sempadan-sempadan mukim-mukim dan

kampung-kampung khususnya Daerah Brunei dan Muara. Jadi di sini, saya ingin mencadangkan agar kiranya sempadan-sempadan, mukim-mukim dan kampung-kampung, biarlah mukim-mukim yang di Kampong Ayer itu hanya yang terkandung kawasan di air sahaja dan sebaliknya mukim-mukim yang bahagiannya di darat supaya ianya hanya di tanah daratan sahaja semoga dengan adanya sempadan ini, menetapkan sempadan ini maka senang bagi mukim-mukim mentadbirnya yang mana sekarang ini ada terdapat mukim di darat ada juga bahagiannya juga yang termasuk di air sebaliknya mukim di Kampong Ayer ada juga kawasannya termasuk di darat. Jadi itulah yang dapat saya sarankan. Sekian.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain nampaknya tidak ada. Ada lagi.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:

Terima kasih Pengiran Pengerusi, cuma satu sahaja mengenai dengan Jabatan Ukur, peramba maklum banyak masih lagi kawasan-kawasan yang digunakan oleh Kerajaan yang belum diukur kedudukannya, jadinya peramba di sini ingin menanyakan bilakah kawasan-kawasan ini akan diukur? kerana dengan pengukuran ini tahulah kitani singan-singannya, kawasan-kawasan yang digunakan oleh Kerajaan dan untuk kemudahan dan perancangan dan kegunaan orang ramai, teima kasih Tuan Pengerusi.

Pengerusi: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat ada lagi yang ingin membahaskan Jabatan Ukur ini?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Amat mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan perkara yang ditimbulkan oleh salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat yang ada kaitannya dengan sempadan, mukim dan kampung, ada yang sempadan termasuk di darat dan di laut, perkara ini akan diteliti dan diambil perhatian untuk disiasat supaya jangan akan menjejaskan pentadbiran mukim dan kampung, terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada yang mahu membuat pertanyaan dan membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Ukur, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Ukur diluluskan.

Jurutulis: SA07A Jabatan Ukur dijadikan sebahagian daripada Jadual, SK08A Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli Yang Berhormat, mengenai dengan Alam Sekitar, tadi ada dibincangkan

mengenai dengan pembuangan sampah, saya ingin membawakan mengenai dengan 'solid waste disposal' ataupun proses membuang sampah, 'solid waste', di mana saya difahamkan beberapa *study* telah diadakan, kemungkinan cadangan untuk mengadakan cara pembakaran ataupun *generator* ataupun 'land filled', masih dalam *study*. Apa yang membimbangkan pada masa ini keadaan tempat membuang sampah di Sungai Akar keadaannya begitu bermasalah, masalah-masalah *rodent* ataupun tikus-tikus yang berkeliaran yang mana akan menjejaskan kawasan-kawasan sekeliling termasuk juga bangunan baru seperti Bangunan RTB yang akan siap tidak lama lagi, jadi bilakah kira-kiranya *proses* untuk menyelesaikan *solid waste disposal* ini akan dapat dilaksanakan.

Sebagaimana yang juga yang dipraktiskan di negara-negara lain, sistem *recycling* juga sering diadakan, adakah cadangan untuk mengadakan urusan *recycling waste* akan diadakan di Brunei, sekian terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman

bin Uking: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya menimbulkan mengenai masalah pemulihan alam sekitar, pada masa ini terdapat beberapa kawasan yang telah diruntuh tanahnya dan diambil dan dipindah ke tempat lain, jadi kawasan tersebut terbiar tidak ada tumbuh-tumbuhan di atasnya, jadi saya cadangkan sepertimana yang terdapat di Telisai dan Bukit Udal dan lain-lain tempat juga, jadi saya

cadangkan kawasan-kawasan yang sudah diruntuh dan tidak ada tumbuhan yang tumbuh supaya ditanam dengan tumbuh-tumbuhan yang memberi manfaat kepada alam sekitar, sekian.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Yang Amat Mulia Pengerusi, saya mohon satu penjelasan daripada pihak yang berkenaan mengenai dengan Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi, saya ingin tahu iaitu mengenai dengan Bukit Saeh yang duduknya di Mukim Lumapas khususnya bukit yang tinggi di Daerah Brunei dan Muara, dipohonkan supaya Bukit Saeh ini akan dapat dimajukan kerana mengikut pengetahuan saya beberapa tahun yang lalu, saya

pernah mendengar bahawasanya Bukit Saeh ini akan dimajukan dengan perbelanjaannya seratus lebih ribu, adakah perkara ini benar? Dan adakah dalam rancangan oleh pihak yang berkenaan, terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat lain, nampaknya tidak ada.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan: Sekali lagi menjunjung kasih, mengenai pembuangan sampah di Sungai Akar perkara ini akan diselesaikan insya-Allah dalam tempoh lima tahun RKN ini dan kaedahnya sama ada mengadakan *generator* atau apa yang dipanggil *engineered ban fill*

akan dipertimbangkan bagi menggantikannya.

Mengenai *system recycling*, perkara ini akan diusahakan sebenarnya, tetapi bermula daripada peringkat muda atau kanak-kanak sekolah, kerana generasi muda inilah yang akan dapat menjadi driver kepada usaha-usaha seperti ini, tetapi walau bagaimanapun satu awareness program mengenai *recycling* ini akan diusahakan.

Mengenai tanah terbiar dan runtuh di Kampong Telisai akan diambil maklum dan cadangan Yang Berhormat itu akan diteliti dan diucapkan terima kasih rancangan tersebut. Mengenai Bukit Saeh ini saya sendiri belum ada pengesahan duit seratus ribu ini, tetapi adalah disedari bahawa Bukit Saeh ini adalah menjadi satu taman atau satu trek yang dulu sangat popular

sebelum adanya Bukit Shahbandar dan Tasek dan taman-taman yang lain, jadi saya difahamkan bahawa jalan ke sana pun sudahpun tertutup tetapi insya-Allah akan diteliti semula. Tapi nampaknya Bukit Saeh ini adalah satu bukit yang sangat strategik dan jika kitani kan membuka pun kitani mestilah membuka dengan penuh hati-hati supaya strategik *position* Bukit Saeh itu atau kedudukannya yang strategik itu jangan terjejas, itu saja, menjunjung kasih.

Pengerusi: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berfikir bahawa panjang lebar sudah dibahaskan, kalau sekiranya tidak ada yang mahu membuat pertanyaan dan membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Alam Sekita, Taman dan Rekreasi, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Jurutulis: Tajuk SKO8A, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, dijadikan sebahagian daripada Jadual, Tajuk SLO1A, Jabatan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Dato Paduka**Awang Haji Idris bin Haji Abas:**

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan salah satu peranan penting kementerian ialah juga untuk mempromosikan cara hidup sihat, disiplin diri dan perpaduan masyarakat melalui

kegiatan-kegiatan sukan dan sebagainya, di masa lepas Kementerian juga sudah membuktikan pencapaiannya dalam meraih kejohanan-kejohanan antarabangsa, walaupun kita mempunyai *limitation* dari keramaian penduduk kita yang kecil ini. Selain daripada peranan yang dimainkan oleh Sekolah Sukan untuk menghasilkan kecemerlangan dalam sukan, saya syorkan juga program-program ini digalakkan di setiap sekolah - sekolah dengan memberikan pendedahan awal bagi murid-murid sekolah. Galakan dan dorongan juga patut juga diberikan kepada anak-anak tempatan bagi menyertai sukan-sukan di peringkat serantau dan antarabangsa dengan memberikan inisiatif yang menarik. Seterusnya di bidang kebudayaan dan kesenian juga warisan nilai-nilai tradisi juga patut digalakkan, diusahakan dalam bidang proses

warisan. Kita juga patut mempromosikan kesenian, perusahaan, industri-industri kraf tangan, selaras dengan kehendak pelancong yang berkunjung ke negara ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin mengajukan dua pertanyaan dan penjelasan, saya percaya Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan memang Kementerian yang banyak memberikan pemedulian dan pemantau kepada belia-belia di negara ini. Oleh yang demikian saya ingin menyambung kembali dan merista kembali permohonan saya pada mesyuarat yang lalu, iaitu bagi permohonan membina gelanggang gasing di kawasan perkampungan stadium, jika tidak salah, jadi saya memohonkan agar

permohonan tersebut dapat diperbaharui dan untuk dibuat di kawasan tersebut.

Kedua mengenai dengan keadaan belia yang ada sekarang ini, kita memang amat mengambil berat tentang belia-belia yang ada sekarang, kerana apa yang kitani lihat keadaan belia sekarang, memang amat meragukan sekali. Di sini saya ingin mencadangkan dan berpendapat, sekiranya peruntukan khas untuk belia disediakan dengan mengadakan pengurusan yang cekap dan teratur oleh pihak yang berwajib, maka saya percaya akan boleh membantu dan mengasuh belia-belia untuk lebih bertanggungjawab dan berdikari.

Begitu juga ibu-ibu yang ditinggalkan suami, ataupun kematian suami atau seorang bapa

yang mempunyai anak, tetapi tidak bekerja, akan tetapi dibantu untuk sara hidup sendiri dengan cara sendiri. Dengan adanya perancangan dan peruntukan yang rapi dan pelaksanaan yang tersusun saya percaya akan menguntungkan Kerajaan pada masa yang panjang ataupun perbelanjaan Kerajaan pada meningkatkan permulaan ianya boleh dianggap sebagai pelaburan, tetapi ianya di masa akan datang boleh menguntongkan kepada negara dalam masa yang panjang. Jika sekiranya perkara sedemikian diberikan satu peruntukan khas dan pengurusan yang cekap dan teratur serta sentiasa diawasi. Sekian terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Belait: Terima kasih, Pengiran Pengerusi, saya hanya ada satu soalan, satu perkara yang akan disuarakan iaitu di Daerah Belait hanya terdapat sebuah Kompleks Sukan yang didirikan oleh Kerajaan. Oleh itu saya memohon pertimbangan khususnya untuk penduduk dan belia-belia di Mukim Liang yang pada ketika ini tidak mempunyai Kompleks Sukan yang lengkap dengan padang bola, sebagai menangani masalah-masalah belia di kampung tersebut. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat lain.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin Abd Rauf, Daerah Tutong: Terima kasih, Pengiran Pengerusi, saya

ingin menarik perhatian daripada Jabatan Kementerian Belia dan Sukan ini, yang mana di Daerah Tutong tentulah Tasek Merimbun salah satu daripada di bawah pentadbiran Belia dan Sukan. Kalau kita melihat sepintas lalu bahawa Tasek Merimbun adalah satu-satunya Taman Negara. Ada baiknya perkara ini diusahakan ataupun dipantau dengan seberapa boleh, kerana di sini nampaknya satu-satunya tempat kitani beriadah, dan pelancongan.

Yang kedua sesungguhnya saya tertarik mengenai dengan hal-hal belia ini. Di Daerah Tutong ada Kompleks Belia, tetapi tidak lengkap, apalah kiranya bahawa akan diadakan satu kolam renang yang saiznya bukan juga bertaraf antarabangsa iktulah yang bersesuaian untuk di daerah ini. Terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah

Temburong: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba akan menghadapi mengenai dengan tiga perkara:-

1. Mengenai dengan Kompleks Sukan Daerah Temburong yang ada pada masa ini, supaya akan dapat dipertimbangkan untuk menambah 500 buah kerusi tempat duduk, dan satu bilik VIP yang boleh menampung 100 kerusi dan lengkap dengan penghawa dingin.
2. Supaya dapat dipohonkan memandangkan kawasan kompleks sukan yang berkenaan iaitu kawasan tempat

letak kereta, supaya dapat diperluaskan.

3. Cadangan supaya dapat diadakan Dewan Serbaguna untuk penduduk Daerah Temburong bersukan dapat diadakan di Daerah Temburong, seperti sukan futsal, badminton, sepak raga, bola jaring dan *volleyball*. Sekian Pengiran Pengerusi, terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat lain.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Peramba mengucapkan terima kasih, kepada Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dan juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat,

yang telahpun membuat cadangan-cadangan dan saranan-saranan mengenai dengan kecemerlangan sukan, memang Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telahpun berusaha seberapa daya untuk memberikan peluang kepada anak-anak tempatan kita untuk mengambil bahagian di dalam acara-acara sukan serantau dan antarabangsa. Misalnya pada Sukan *SEA GAME*, dan juga Sukan Komanwel. Hanya malangnya pencapaian kita belumlah seberapa di sukan-sukan ini, walaupun telah terdapat inisiatif-inisiatif diberikan, misalnya bagi mereka-mereka yang mendapat pingat-pingat di peringkat antarabangsa diberikan inisiatif seperti dibayar sagu hati ataupun *cash award*. Dan inisiatif-inisiatif ini sentiasa saja diberikan bukan sahaja apabila mereka menyertai, tetapi juga dalam peringkat persediaan juga. Jadi saya berfikir bahawa

inisiatif-inisiatif ini telah cukup dan peraturan-peraturannya telah ada, kita tidak payah mereview lagi perkara ini. Walau macamapun itu terpulanglah kepada para atlit kita untuk menggunakan peluang yang diberikan ini.

Mengenai dengan Sekolah Sukan, sekolah ini bukanlah di bawah pentadbiran Kementerian Kebudayaan, tetapi di bawah Kementerian Pendidikan. Walau macamapun pihak Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sentiasa saja bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan terutama sekali di bidang-bidang teknikal dan juga apa jua bantuan daripada segi jurulatih dan sebagainya.

Mengenai dengan permintaan gelangang gasing nampaknya Kementerian kata Yang Berhormat itu telah tidak menunaikan janjinya

yang sebenarnya Kementerian ini telahpun menunaikan janjinya dan kerja-kerja sekarang telahpun dibuat untuk mengadakan gelangang sukan ini dekat dengan Kompleks Sukan Kebangsaan. Perkara ini telah diketahui oleh seorang Ahli Yang Berhormat yang dalam tempoh seminggu yang lepas telah memberikan terima kasih kepada saya, kerana mengambil tindakan mengenai dengan perkara ini.

Mengenai dengan Peruntukan Khas untuk belia-belie ini yang sebenarnya banyak peruntukan telahpun diperuntukan bagi kegiatan-kegiatan belia dan juga banyak perancangan telahpun dibuat bagi tahun 2007. Misalnya saya mempunyai kompleks yang menggariskan apakah kegiatan-kegiatan yang akan dan telahpun dirancangan bagi belia-belie ini bukan saja seluruh negara, begitu

juga tiap-tiap daerah. Jadi saya percaya peruntukan ini tidak payah disebut lagi, kerana kita telahpun mengadakannya dan saya percaya peruntukan telah diawasi dengan rapinya tidak ada dilaporkan penyelewengan atau sebagainya,

Mengenai dengan kompleks sukan bagi Mukim Liang, terima kasih di atas cadangan ini, kita akan menimbangkannya sama ada sesuaikah sama ada sebuah mukim saja diberikan satu kompleks sukan, kerana perkara ini adalah menyentuh dasar negara untuk memberikan kemudahan sukan kepada semua rakyat.

Mengenai dengan Tasek Merimbun supaya Taman Rekreasi ini dipantau malangnya cuma sebahagian saja daripada kawasan Tasek Merimbun itu adalah di bawah penjagaan Muzium ada sebahagian lagi di bawah jagaan Pejabat Daerah dan

juga Jabatan Perhutanan, mungkin tempat-tempat yang kurang penjagaannya bukanlah dalam jagaan kawasan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Mengenai dengan kolam bernang bagi Daerah Tutong, perkara ini barangkali inda payah disebut lagi, kerana perkara ini telahpun dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya sebuah kolam bernang mesti dibuat di Daerah Tutong dengan seberapa segeranya dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telahpun berusaha untuk membina sebuah kolam bernang dengan peruntukannya sebanyak lebih daripada \$5,000,000.00 telahpun disediakan untuk melaksanakan projek ini.

Mengenai dengan cadangan-cadangan yang dibuat bagi Kompleks Sukan di Daerah

Temburong, apa jua cadangan yang telah dibuat itu akan dipertimbangkan dan kiranya dapat dilaksanakan akan dilaksanakan, Sekian terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Yang Amat Mulia Pengerusi, saya ingin membetulkan apa yang telah saya cakapkan tadi, maksud saya mengenai dengan peruntukan untuk belia-belie ini bukanlah saya menyangka sesuatu Kementerian atau Jabatan itu untuk menyelewengkan. Jadi maksud saya, jikalau sekiranya peruntukan khas ini sudah ada disediakan khusus bagi membantu belia-belie ini, maka dengan adanya bantuan sedemikian saya percaya, dengan adanya usaha-usaha yang telah

dilaksanakan ini insya-Allah pihak Kerajaan akan menanam modal dan sebaliknya nanti Kerajaan juga akan mendapat pulangan balik hasil dari asuhan daripada pihak yang bekekaan bagi mengasuh belia-belie yang saya sebutkan ini, demikianlah pembetulan daripada saya, sekian terima kasih.

Jurutulis: SL01A – Jabatan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada Jadual SL02A – Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim, Daerah Brunei dan Muara: Yang Amat Mulia Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, di Negara Brunei Darussalam kita semua maklum bahawa Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka ini ialah satu jabatan yang

berperanan bukan saja untuk mendaulatkan penggunaan Bahasa Melayu yang betul menerbitkan buku-buku yang bermutu, di samping itu juga Dewan Bahasa dan Pustaka adalah sebagai satu Jabatan yang menjadi rujukan kepada orang ramai khusus mengenai tatabahasa atau penggunaan nahu yang betul.

Peramba ingin bertanya di dalam sistem ejaan baru terdapat berbagai bentuk ejaan sama ada ia rumi atau jawi, ini belum lagi kita kaitkan dengan sistem ejaan baku, sebagai contoh ejaan rumi atau ejaan kampung di dalam bahasa Melayu jika sekiranya nama khas maka kita akan menggunakan perkataan 'o' di hujungnya, tetapi jika nama am kita akan menggunakan huruf 'u' di hujungnya, demikian juga dalam bahasa jawi kadang-kadang timbul kita dalam sistem ejaan baru ini

menggunakan perkataan mengeja kampung *kap, alif, mim, pa, wau, nga*, dan ada satu lagi yang biasanya digunakan dengan istilah *kap, mim, pa, wau, nga*, saja, perkara ini yang menjadi pertanyaan peramba tidakkah boleh diselaraskan atau adakah pihak Dewan Bahasa dan Pustaka mengambil perhatian terhadap penggunaan bahasa ini. Yang sering kali kita lihat bertentangan di tv lain, di Pelita Brunei lain dan dalam percakapan sehari-hari lain. Jadi mohon penjelasan sekian. Junjung anugerah, terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, saya ingin menyampaikan tahniah, bahawa Ahli Yang Berhormat sangat minat dalam bahasa sekiranya untuk membaiki bahasa lagi atau perkataan-perkataan yang tertentu yang baru adalah disyorkan kepada Ahli Yang Berhormat selalu merapati

Dewan Bahasa, baguslah dia nanti teraturlah, terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada yang mahu membuat pertanyaan dan membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Dewan Bahasa dan Pustaka diluluskan.

Jurutulis: SLO2A Dewan Bahasa dan Pustaka dijadikan sebahagian Jadual. SLO3A Jabatan Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah Temburong: Terima kasih Yang

Amat Mulia Pengerusi, Ahli Yang Berhormat, dalam mengutarakan permohonan yang dibuat oleh Jabatan Belia Sukan, Daerah Temburong, ingin peramba menghadapkan untuk dalam permohonan yang dibuat ialah memohon Bangunan Pusat Belia Baru Cawangan, Daerah Temburong dalam memperkembang luaskan lagi perkembangan sukan bagi belia-belia penduduk Daerah Temburong dan kemudahan-kemudahan asas belia, dihadapkan akan dapat ditubuhkan bangunan baru. Pusat Belia Jabatan Belia dan Sukan cawangan Daerah Temburong sepertimana peramba maklumi bahawa cawangan cadangan keperluan tapak tanah Kerajaan untuk pembinaan Pusat Belia Temburong bahawa tapaknya sudah ada dan telah ada dipohonkan di kawasan Mukim Bangar, tetapi belum ada ketetapan

untuk kelulusan. Untuk makluman Pengerusi Ahli-Ahli Yang Berhormat, Asrama Pusat Belia yang ada pada masa ini yang digunakan sebagai Pusat Belia.

Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Temburong adalah bangunan lama pada asalnya PWD yang dibina pada tahun 1933, dan pengubahsuaianya pada tahun 1965 dijadikan Sekolah Rendah Sultan Hassan dan kemudian diambil alih Jabatan Pertanian 1971 dan kemudian Jabatan Penerangan 1981 dan kemudian pada tahun 1991 hingga masa ini diambil oleh Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Temburong, untuk dijadikan pusat perhimpunan belia. Maka perkara dihadapkan ini mudah-mudahan ianya akan dapat pertimbangan dari Kementerian Belia dan Sukan. Sekian. Terima

kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat lain.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih, Pengiran Pengerusi di sini hanya ingin meristakan dan mencatatkan ucapan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan di atas respon yang begitu baik daripada Yang Berhormat Pehin Menteri dalam permohonan Persekutuan Gasing Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam untuk meminta tapak dan gelenggang daripada Kementerian ini yang mana telah disebutkan oleh salah seorang daripada Yang Berhormat tadi, meminta Kementerian yang

berkenaan menyediakan tapak. Sebenarnya gelanggang itu telahpun diberikan dan disediakan untuk maksud saya sebenar tapak itu sudahpun ada diberikan dan disediakan oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di kawasan berdekatan Perkampungan Sukan, walau bagaimanapun bangunannya belumlah ada disediakan jadi peramba hanya ingin menyebutkan mengucapkan terima kasih di atas respon yang baik dan cepat dari Kementerian yang berkenaan. Terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat lain.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Belait: Terima kasih Pengiran Pengerusi, bertanya tentang keraguan saya, ke mana perginya

Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan diserapkan di mana, adakah ia di bawah Jabatan Belia dan Sukan atau di mana? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Pengiran Pengerusi, saya ingin menyampaikan dua perkara.

1. Ingin tahu adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan khidmat negara kerana negeri-negeri lain di sekeliling kita serantau telahpun menjalankan rancangan tersebut untuk belia-belia dan belia-beliawanis. Tujuan utamanya ialah untuk memberi kesedaran kepada belia-belia dan belia-beliawanis kita apakah tanggungjawab dan peranan mereka sebagai seorang belia. Kalau

sekiranya ada lebih baik dan saya harap khidmat negara ini akan dapat dilaksanakan di negara kita.

2. Bila masa datang hari perayaan, tiba hari perayaan, belia-belie terutama sekali belia-belie akan mengadakan perlumbaan motor atau kereta kah atau motosikal tahan lasak. Jadi pihak-pihak berkenaan akan menyediakan tempat itu, setahun sahaja. Bila datang saja menyediakan, tahun depan menyediakan, jadi mereka sentiasa berpindah rendah kalau kadang-kadang di darat kadang-kadang di sebelah laut, jadi ingin saya cadangkan supaya mereka ini beri kawasan khas untuk mengadakan lumba motor atau lumba motosikal kah basikal kah, di satu kawasan supaya mereka ini ditetapkan supaya

mereka ini sentiasa walaupun dalam hari perayaan mereka akan mengadakan lumba tersebut. Jadi janganlah sampai satu masa nanti ataupun saya sendiri telah mendengar bahawa mereka-mereka ini ada sekali sekala mengadakan perlumbaan di jalan raya, di waktu sunyi-sunyi tengah malam. Jadi saya harap cadangan saya ini akan dipertimbangkan oleh pihak yang berkenaan demi menjaga keselamatan mereka, demi peluang mereka dalam bahagian lumba motor ini. Sekian terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang ingin memperbahaskan lagi, nampaknya tidak ada, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B)

**Dato Seri Pahlawan Awang Haji
Mohammad bin Haji Daud, Menteri
Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingin memberikan respon beberapa saranan dan cadangan yang pertama sekali mengenai dengan Pusat Belia di Daerah Temburong, peramba sukacita mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan mengenai perkara ini dan insya-Allah, perkara ini akan diteliti dan dipertimbangkan oleh Kementerian peramba.

Mengenai dengan pertanyaan terhadap Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan. Jabatan ini telahpun dipindah sejak daripada 1 April 2006 ke Jabatan Setiausaha Sulit Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan sejak daripada tarikh itu

1 April 2006 Jabatan ini tidak lagi di bawah kelolaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Mengenai dengan khidmat negara perkara ini adalah dalam kajian saya. Difahamkan bahawa peruntukannya telahpun disediakan, kajian akan dibuat mengenainya.

Mengenai dengan perlumbaan motor dan kereta-kereta, perkara ini adalah dikelolakan setahu peramba oleh Jawatankuasa Perundingan Kampong yang selalunya mengadakan Jawatankuasa Perundingan Kampong Tanah Jambu dalam masa perayaan sama ada menyambut hari Kebangsaan ataupun menyambut Ulang Tahun Hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan cuma memberikan apa jua bantuan apa yang dikehendaki oleh Majlis Perundingan Kampong ini, dan

dalam hal ini pihak peramba sukacitalah mengucapkan ribuan terima kasih di atas inisiatif Majlis Perundingan Kampong dan Mukim yang telah bersedia untuk mengadakan perlumbaan-perlumbaan yang sebegini.

Mengenai dengan inisiatif untuk mencegah perlumbaan di jalan-jalan raya barangkali perkara ini yang boleh memainkan peranan yang aktif ialah pihak Polis untuk mencegah perlumbaan - perlumbaan sedemikian dijalankan di jalan raya. Sekianlah saja yang dapat diterangkan dalam perkara ini.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada yang mahu membuat pertanyaan dan membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Belia dan Sukan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Belia dan Sukan diluluskan.

Jurutulis: SLO3A Jabatan Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SLO4A Muzium.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada yang mahu membuat pertanyaan dan membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Muzium, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Muzium diluluskan.

Jurutulis: SLO4A Muzium dijadikan sebahagian daripada Jadual. SLO5A Pusat Sejarah.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada yang mahu membuat pertanyaan dan membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Pusat Sejarah, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Pusat Sejarah diluluskan.

Jurutulis: SLO5A – Pusat Sejarah dijadikan sebahagian daripada Jadual. SLO6A – Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada yang mahu membuat pertanyaan dan membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Pembangunan Masyarakat, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Pembangunan Masyarakat diluluskan.

Jurutulis: SLO6A Jabatan Pembangunan Masyarakat dijadikan sebahagian daripada Jadual. SM Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah Temburong: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Munkan

ampun peramba minta keizinan kiranya dapat menyampaikan empat perkara yang akan peramba sampaikan.

1. Berbagai program telah dapat kita lihat yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan dalam memberi kefahaman kepada orang ramai khasnya rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam betapa bahayanya merokok dan keburukannya dari segi kesihatan. Alhamdulillah, kita telah nampak kesan-kesannya telahpun mendapat perhatian dan kesedaran dari orang ramai dan setengah-setengah kedai, restoran dan di tempat-tempat awam yang tertentu dengan meletakkan tanda amaran "Dilarang merokok", ini adalah satu perkembangan yang baik. Persoalan yang peramba

sampaikan di Dewan yang mulia ini, apakah merokok ditegah yang dilarang contohnya di Rumah Sakit, bangunan-bangunan Kerajaan dan kawasan sekolah, adakah peruntukan undang-undang untuk mengambil tindakan serius?. Maksud peramba apabila didapati mereka merokok pihak-pihak tertentu dibolehkan, diberi kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang.

2. Pengiran Pengerusi, mudah-mudahan ianya akan mendapat perhatian jua mengenai dengan "sisa" atau orang kitani di Brunei menggelar "ugah" iaitu dengan adanya penjualan "uga" malah disediakan barang untuk menghisap "ugah" di sebahagian restoran-restoran di negara ini semakin hari semakin

berleluasa. Tambahan lagi yang terlibat terdiri daripada para remaja dan tidak terkecuali penuntut-penuntut sekolah. Seperti yang dimaklumi bayaran menghisap “ugah” satu jam \$8.00 pada masa ini sudah menjadi kegemaran anak muda. Pengiran Pengerusi, peramba ingin bertanya apakah bahaya penggunaan “sisa” atau “ugah” ini dari segi kesihatan?

3. Pengiran Pengerusi, Perkhidmatan Paramedik iaitu kakitangan kecemasan ambulans yang mengendalikan kes-kes kemalangan dan kecemasan di tempat kejadian untuk menerima rawatan permulaan sebelum dihantar ke hospital. Setahu peramba perkhidmatan ini belum ada di Rumah Sakit di Daerah Temburong, kalau adapun

cuma Jururawat kakitangan kecemasan yang hanya mengendalikan rawatan kecemasan di tempat kejadian. Adalah diharapkan supaya Perkhidmatan Paramedik yang terlatih dapat diadakan di Daerah Temburong untuk menangani hal kecemasan dan kemalangan. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin menimbulkan perkara isu kesihatan. Bajet tahun 2007 ini bagi Kementerian Kesihatan telah meningkat lebih \$16 juta. Walaupun bajetnya meningkat, bajet bagi ubat-ubatan masih sama iaitu \$27 juta, kalau kita bandingkan kepada jumlah penduduk 300 ribu

orang. Secara ringkasnya peruntukan tersebut ia hanya \$90 seorang setahun.

Satu hal ingin saya cadangkan ialah mengenai *Medicare Insurance*. Untuk makluman Yang Berhormat, di negara-negara jiran perkara ini telahpun lama wujud. Kenapa pihak Kementerian Kesihatan tidak mengimplement *Medicare Insurance* seperti negeri-negeri jiran? Pada masa ini penduduk tetap dan orang-orang asing tidak berhak menerima bantuan secara percuma seperti yang diberikan kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Jadi dengan adanya skim *Medicare Insurance* ini sekurang-kurangnya dapat mengelakkan kesulitan Kementerian Kesihatan.

Yang terhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji

Osman, Menteri Kesihatan:

Sekiranya tidak ada kesulitan, saya ingin tahu berapakah orang-orang yang masih belum membayar hutang ataupun belum menjelaskan hutang mereka? Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji

Sulaiman bin Haji Ahai: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Dua isu atau perkara yang peramba ingin timbulkan.

1) ialah gaji pakar-pakar ataupun *Specialist*. Kita lihat gaji yang dibayar di buku yang tebal ini kepada pakar-pakar ataupun *Specialist* adalah amat rendah sekali. Mereka ini adalah pakar, bukan pakar sebarang pakar. Sebagai contoh ialah Pakar Bedah Otak, Pakar Bedah Hidung, Kerongkong, Telinga, Pakar Mata, Pakar Bius dan lain-lain lagi. Ini sebagai contoh yang ada di sini

Pakar Bedah Otak hanya menerima \$5,100.00 sebulan, pakar Bedah Telinga, Hidung dan Kerongkong hanya \$6,600.00 sebulan seperti yang saya katakan tadi, ini adalah amat rendah. Pakar-pakar ini mungkin menerima dua atau tiga kali ganda di luar. Soalnya Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, adakah kita menghadapi masalah untuk mengekalkan perkhidmatan pakar-pakar, terutama sekali pakar-pakar tempatan adakah mereka berhenti bekerja mencari di tempat lain, jika sekiranya perkara ini berlaku ada baiknya kita fikirkan kenaikan gaji pakar-pakar ini.

2) Yang saya bangkitkan di sini dalam Bahagian Teknologi Maklumat saya dapati hanya 6 orang kakitangan. Saya ingin bertanya samada kakitangan ini mencukupi bagi pelaksanaan projek-projek Teknologi Maklumat yang sedang

dan akan dijalankan oleh kementerian, yang saya ketahui projek-projek akan dijalankan bukannya kecil ianya akan menelan belanja berpuluh-puluh juta. Kemungkinan pelaksanaan projek yang saya katakan tadi itu akan tergendala dan ia akan menimbulkan masalah-masalah kepada pembekal ataupun *vendor-vendor* yang akan mengendali projek-projek ini, soalnya adakah rancangan untuk menambah kakitangan Bahagian Teknologi dan Maklumat. Terima kasih.

Pengerusi: Mempersilakan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi terima kasih dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan dalam usaha Kerajaan mencapai objektifnya yang utama

supaya kebajikan rakyat sentiasa terpelihara. Kementerian kesihatan memainkan peranan yang penting dalam mempromosikan kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini. Kepujian patut diberikan juga kepada Kementerian di atas usaha-usaha kementerian yang membolehkan negara ini diterima memenuhi syarat-syarat ataupun standard WHO. Saya difahamkan kementerian sedang kini giat merancang fizikal dan juga menyediakan fasiliti-fasiliti yang diperlukan dan juga mempunyai perancangan-perancangan masa depan, masa panjang dan masa pendek. Apakah kiranya dapat kita kongsi bersama untuk pengetahuan umum.

Yang kedua, dalam era *globalisasi* dan dunia *ICT* kementerian juga difahamkan mengorak langkah ke arah ini dalam pelaksanaan sebagai

projek e-Kerajaan. Saya sangat-sangat mengalu-alukan atas usaha Kementerian untuk menyediakan sistem keseluruhan pengurusan maklumat kesihatan untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan kepada rakyat dalam masa yang lebih singkat dengan pemberian maklumat yang lebih tepat. Jadi soalnya bilakah kira-kira perkhidmatan ini akan dapat diimplementasikan? Terima kasih.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim, Daerah Brunei dan Muara: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mula-mula peramba ingin menjunjung mudah-mudahan apa yang ingin peramba sampaikan ini akan dapat diteruskan maksud peramba tidak ada halangan bagi Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi kerana peramba akan membincangkan walaupun ia

berupa peruntukan dan peramba bukan mengaitkan suara apa yang akan peramba kemukakan ani berhubungkait dengan pentadbiran, bukan, jadi mohon dijunjung kebenaran.

Yang pertama, barangkali kurang adil kalau sekiranya kitani bulat-bulat menyalahkan Kementerian Kesihatan dalam mengendalikan apa-apa jua sebarang urusan perubatan dan sebagainya kadang-kadang mengikut citarasa rakyat itu, memang kitani indera terdaya untuk memenuhinya, walau bagaimanapun peramba cukup tertarik dengan apa atau langkah-langkah yang telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan di akhir-akhir ini termasuk mungkin di tahun-tahun yang lalu tentang maklumat-maklumat yang diberikan kepada orang ramai khusus mengenai cara memelihara penjagaan kesihatan dan

sebagainya cukup di keempat-empat daerah sama ada jerayawarnya dan sebagainya. Walau bagaimanapun ada jua yang patut tuan peramba sampaikan mudahan akan dapat diterima dengan baik.

Terutama sekali peruntukan ini ialah merupakan peruntukan kewangan yang akan peramba sentuh dan yang kedua peruntukan akta dan yang ketiga peruntukan manpower atau tenaga. Mengenai kewangan kebanyakannya orang ramai berkata membuat aduan berjumpa seseorang doktor itu lebih mudah dan lebih cepat daripada kitani menunggu mengambil ubat, mengapa terjadi macam ini, kelambatan ini terjadi ertinya mengambil ubat itu lebih lama daripada berjumpa seorang doktor sama ada ia doktor *medical* ataupun *specialist* dan sebagainya bagi peramba apa yang akan peramba

kemukakan dan setelah dibuat kajian-kajian tertentu kelambatan ini bukan berpunca daripada soal pentadbiran mungkin peruntukan, mungkin kekurangan ubat dan sebagainya, kadang-kadang jika kitani pergi ke satu cawangan pusat-pusat kesihatan di luar mukim atau di luar daerah maka ubat itu ada, jadi terpaksa kitani mengambil di RIPAS dan sebagainya jadi itu punca kelambatan ubat itu orang terpaksa bersesak ke RIPAS.

Yang kedua kitani jua perlu menyedari kebanyakan alat-alat perkakas yang ada di RIPAS atau di hospital-hospital di keempat-empat daerah mungkin sudah lama jadi kadang-kadang pandai rosak ni barang ani, apa hubungkaitnya dengan peruntukan ialah bisai jua pihak-pihak yang berkenaan akan memikirkan peruntukan yang tertentu dalam menyiapkan apa-apa

jua kemudahan, jangan ditunggu rosak ataupun misalan ada sudah alat-alat ganti itu untuk persiapan kitani sehingga ia inda terbelengkalai macam itu.

Yang ketiga kita amat tahu dan prihatin melalui radio, tv dan media-media tempatan jenis-jenis ubat yang dikenalpasti merbahaya dan tidak digalakkan bahkan diharamkan oleh Kementerian Kesihatan ani ada aktanya itu sebabnya pihak kementerian berjaya mengawal ubat ani tetapi ada di antaranya yang peramba rasa terutama sekali ubat-ubat atau ubat-ubat tradisional yang datang daripada luar negara lebih-lebih lagi segala rawatan perubatan misalan seperti *acupuncture* misalan yang ada dalam negeri kitani ani atau bekam yang masyhur pada masa ani, satu bekam itu \$7.00, ia membekam kitani sampai 25 penuh belakang dan ada di antaranya

sampai kesakitan disebabkan terlampau lebih bekam ini jadi orang menjalankan perniagaan ini adalah didatangkan dari luar ia menggunakan tiket atau kebolehannya untuk menjalankan perniagaan ini hanya menggunakan lesen rampaian tetapi akta untuk mengawal belum ada, tetapi membuat ada termasuk jua misalan kacamata atau *contact lens* yang berleluasa di kedai-kedai adakah diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan atau tahu tetapi kita tidak boleh bertindak.

Peramba mohon ampun supaya kita membuat satu akta bagi mengawal supaya memudahkan pihak Kementerian Kesihatan akan bertindak lebih tegas lagi sama juga dengan ubat.

Selain daripada itu ketiga. *Man power* Tenaga berkurangan.

Semalam saya balik daripada dari *Emergency* pukul dua, perkembangan darah ia mempunyai dua warna satu menggunakan warna merah dan hijau. Biasanya lampu warna hijau ini jalan tapi di hospital warna hijau lama menunggu bahagian ini *Chemistry*. Dipohonkan Yang Berhormat Pehin akan masalah ini mohon dibetulkan. Masalah yang dihadapi oleh pesakit-pesakit ini bukan sahaja di waktu tengah malam atau kecemasan ada yang menunggu lima hingga enam jam, ditanya kenapa? Mesin rosak, tergantung kepada duty roster, *man power* dua orang lelaki sahaja yang bertugas, bagaimana untuk mengatasinya?. Mohonkan ampun, Adakah pihak Kementerian Kesihatan memikirkan mengikut statistik kelahiran 2001 banyak 7,363 orang, 2002 hingga 2006 kurang pulang orang lahir tetapi adakah Kementerian Kesihatan akan

membuat hospital yang berasingan khas bagi ibu-ibu yang mengandung dan kanak-kanak supaya tidak mengganggu yang keadaan pada masa ini tertumpang-tumpang ada yang lari ke sana ke mari dan ini *statistik* belum termasuk lagi di JPMC dan yang terakhir wad kecemasan, peramba cadangkan ada laluan khas disebabkan ada gangguan yang banyak. Disebabkan kesesakan itu timbul jika sekiranya membuat dengan bantuan kementerian-kementerian yang lain untuk laluan kecemasan untuk tiga jenis kenderaan seperti ambulans, bomba, polis untuk menyelamatkan nyawa dan menjimatkan masa dan sebagainya. Sekian, Junjung diampun, junjung kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli yang berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Bismillahir Rahmannir Rahim terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Peramba ada lima perkara. Insya Allah peramba akan sebolehnya meringkaskan:-

1. Melihat kepada kepesatan pemakaian kereta-kereta di RIPAS sudah sesak. Apakah perancangan pihak Kementerian Kesihatan untuk memantau yang mana kesesakan kereta-kereta di kawasan RIPAS untuk kita *parking* .
2. Dulu di bahagian kecemasan di RIPAS dulu saya pernah bercakap kalau orang ramai memohon atau datang untuk pemeriksaan ia datang jam 5 selesai hingga jam 11 tetapi sekarang alhamdulillah saya

pernah berurusan apabila saya datang selesai sehingga 2 ke 3 jam. Alhamdulillah saya ucapkan tahniah kepada Kementerian kerana dapat mengubah teknik dan cara untuk mengatasi perkara sedemikian.

3. Orang ramai pernah bercakap dan mengalami beberapa kesulitan misalnya membuat pemeriksaan di Pusat Kesihatan di Ong Sum Ping apabila ia ingin mendapatkan ubat, ubat itu tidak ada di sana. Disuruh mengambil di RIPAS. Diharap perkara ini dapat diatasi oleh pihak Kementerian Kesihatan. Tujuan untuk memudahkan orang ramai berurusan tersebut.
4. Saya ingin menyampaikan keluhan orang ramai bahawasanya dicadangkan

supaya *parking* kereta yang dikenakan di RIPAS ini ditiadakan kerana orang yang datang ini berurusan untuk bukannya orang-orang senang tetapi orang susah.

5. Melihat kepada keselesaan pada masa ini nampak di wad-wad yang berkenaan kurang memuaskan kerana ada satu kawasan di wad tersebut yang lain pada awalnya ada satu katil tetapi pada masa ini ada dua katil mungkin disebabkan keramaian pesakit atau pesakit perlu dirawat. Mudah-mudahan perkara tersebut dapat diatasi dan melihat penderitan keselesaan orang ramai *lift* yang terdapat di hospital didapati selalu didapati rosak dan tergendala. Diharap pihak-pihak yang berkenaan akan dapat

mengambil tindakan yang bersesuaian.

6. Adakah perancangan bagi membuka Pusat - Pusat Kesihatan yang lain selain daripada Hospital RIPAS dan Pusat Kesihatan Ong Sum Ping untuk dibuka kepada orang ramai selama 24 jam kerana melihat keadaan kepesatan orang ramai terutama sekali di Pusat Kesihatan di Sengkurong dan juga di Muara jika ia berpatutan. Sekian Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin Abd Rauf, Daerah Tutong: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Yang Ahli-Ahli Yang Berhormat, terima kasih saya difahamkan bahawa di Hospital Pengiran Muda

Mahkota akan ditempatkan 2 orang Pakar Doktor, kalaulah benar perkara ini, lagi baik, salah seorang daripadanya ialah Pakar Sakit Puan. Yang kedua kebanyakan doktor-doktor yang bertugas di Hospital Pengiran Muda Mahkota adalah dari Bandar Seri Begawan. Jadi walaupun ia jauh kalau boleh ikutlah sistem sekarang ini 7.45 pagi sudah ada di hospital. Yang ketiga adalah dicadangkan beberapa tahun yang lepas diadakan Lembaga Pelawat ke rumah sakit, kalau boleh perkara ini dihidupkan balik, terima kasih Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Kuala Belait: Terima kasih Pengiran Pengerusi, saya ada dua soalan yang pertama sebuah pusat kesihatan di Mukim Liang sedang rancak dalam pembinaan. Pada masa ini saya mohon sekiranya

dapat dipertimbangkan untuk menambah kakitangan termasuklah menempatkan seorang doktor di waktu malam, waktu siang ada doktor, 2 orang doktor, tapi waktu malam dipohonkan dan jua Doktor Gigi sepenuh masa, pada masa ini Doktor Gigi tiga, dua hari dalam seminggu. Ini disebabkan memandangkan kepesatan perkembangan Mukim Liang yang sama-sama kita ketahui yang adanya beberapa projek dengan adanya Askar kan berpindah di sana dan perumahan, itu soalan yang pertama yang kedua supaya pegawai dan kakitangan yang diberikan kebenaran oleh Kementerian Kesihatan untuk menerima rawatan di luar negara, di luar negeri atas pembiayaan Kerajaan agar dapat cuti khas bukannya potong gaji atau diambil cuti tahunan pegawai dan kakitangan tersebut. Sepertimana

yang berlaku pada masa ini. Sekian Pengiran Pengerusi .

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah

Temburong: Terima kasih Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat izinkan peramba menyambung perkara yang keempat tadi bagi pesaki-pesakit penduduk Daerah Temburong yang membuat perjanjian dengan Doktor dan yang ada kes-kes di Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Bandar Seri Begawan mereka akan bertolak awal dari Temburong jam 6.45 pagi dengan menggunakan bot tambang yang disewakan oleh Kerajaan dari Jabatan yang berkenaan. Setelah mereka selesai dan pemeriksaan doktor, ada yang selesai jam 11.00 pagi yang belum selesai akan disambung sebelah petang hingga jam 3.00 petang dan balik ke Temburong jam 4.30 petang.

Pengiran Pengerusi, apa yang menjadi masalah kepada pesakit yang awal siap pemeriksaan doktor mereka terpaksa menunggu hingga petang, bagi yang berkemampuan mereka akan balik menggunakan tambang sendiri dan yang tidak mampu mereka terpaksa menunggu dan ada yang tertidur-tidur dengan keadaan yang lemah di tambatan penaikan perahu Hospital RIPAS untuk menunggu rakan-rakan mereka untuk balik ke Temburong. Maka perkara ini akan mendapat perhatian oleh pihak Jabatan Kementerian berkenaan dalam menangani masalah ini. Sekian terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelah kiri saya yang mau bercakap lagi sila angkat tangan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelah kanan.

Yang berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih menjunjung kasih atas kebenaran untuk menjawab semua persoalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, jadi izinkanlah jua peramba untuk menjawab satu persatu barangkali, mohon ampun, daripada Ahli Yang Berhormat yang pertama mengenai dengan bahaya merokok. Apakah merokok di rumah sakit ada undang-undang sebagainya, yang sebenarnya memang sudah ada undang-undang, pengubalan undang-undang sudahpun siap dilakukan iaitu pengubalan Peraturan-Peraturan Perintah Tembakau akan dikuatkusakan, insya-Allah, kalau

inda awal tahun ini, *the first quarter*, suku pertama tahun ini mungkin dalam pertengahan tahun ini. Semua kerja-kerja seperti *Tobacco Composition Of Offences Regulation* telah siap, *Tobacco Licence Singapore Importers dan Wholesaler dan Retailers* telahpun siap, *Tobacco Prohibition In Certain Places* di mana tempat-tempat larangan untuk merokok telahpun siap peraturannya cuma labelingnya saja belum siap ertinya setiap rokok bukan saja akan membawa amaran tetapi akan membawa gambar yang menunjukkan rokok itu merbahaya. Insya-Allah kalau dapat nanti akan dilaksanakan dalam pertengahan tahun inilah. Insya-Allah Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Mengenai sisa ini pihak Kementerian juga telahpun melihat perkembangan sisa ini, pada masa ini kegemaran anak-anak muda sekarang dan perkara ini telahpun

dibincangkan ini adalah termasuk dalam larangan merokok, sisa ini inda jauh bezanya daripada merokok, ini *fashionable*, orang-orang muda di restoran-restoran ada menyediakan jadi pihak kami di kementerian pun menaruh rasa kebimbanganlah, nampaknya perkara ini ada sudah melarat-larat insya-Allah tindakan ini akan diambil sama dengan tindakan tembakau, insya-Allah jika ada sudah Undang-Undang sisa ini akan dapat dikurangkan ataupun ditiadakan langsung di restoran-restoran tapi masa ini belum lagi dapat ditentukan sehinggalah undang-undang ini siap.

Mengenai dengan merokok di Rumah Sakit, kalau ada pengunjung-pengunjung di Rumah Sakit RIPAS misalnya atau mana-mana jua Rumah Sakit Kerajaan sudah ada terbentang notis melarang merokok secara besar

kalau dulu sederhana besarnya, sekarang ini ditambah sudah besarnya, tetapi nampaknya orang ramai masih jua kurang memahami ataupun kurang mengikut peraturan-peraturan yang sudah dibuat itu, jadi insya-Allah kalau sudah ada Undang-Undang dibuat nanti perkara ini akan dikuatkuasakan kita akan melantik jua Penguatkuasa Undang-Undang untuk memastikan bahawa orang ramai mematuhi Undang-Undang yang telahpun disediakan, insya-Allah seperti yang dinyatakan akan dilakukan pada tahun ini.

Mengenai dengan Rumah Sakit di Temburong, masa ini pun sudah ada usaha-usaha kita untuk menambah perkhidmatan yang selama ini kurang, yang selama ini mana-mana pesakit yang perlu terpaksa dihantar ke RIPAS tetapi beberapa perkhidmatan yang telah

dibuat seperti *Renal Unit* bagi pesakit Buah Pinggang akan diadakan, insya-Allah dalam dua tiga bulan yang akan datang ini. Kerana ini berkaitan juga yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat tadi mereka yang menunggu bot sampai hingga 4.30 petang ani. Kita pun belum mendengar komplek dari pesakit buah pinggang yang datang pagi tetapi hanya pulang jam 4.30 petang, setelah bot pulang. Jadi perkara ini akan dapat diatasi insya-Allah setelah adanya *Renal Unit* ini di Temburong.

Beralih kepada persoalan yang lain mengenai dengan masalah ubat sama ada perlu kita mengadakan *medical insurance* sebagaimana perkara ini telahpun diteliti dan masih dalam pengajian *because* banyak isu-isu yang terkait mengenai dengan *insurance* ini ertinya orang ramai pesakit-pesakit

terpaksa sedikit membayar. Jadi perkara membayar ini kadang-kadang menjadi masalah, maka perkara ini sedang diteliti belum dapat diputuskan. Kita pun *concern* jua mengenai dengan *sustainability system* yang ada pada masa ini, sistem di mana semuanya *free* ini sama ada dapat diteruskan bila-bila masa. Jadi mungkin perlu kitani mencari jalan macamana supaya *sustainability* dapat diatasi. Perkara ini sedang dalam pengkajian belumlah kitani membuat apa-apa *announcement* ataupun apa-apa kesimpulan dalam perkara ini, tapi sedang dalam penelitian.

Mengenai dengan gaji pakar-pakar ini, perkara ini sudah menjadi maklum kepada semua, gaji pakar ini rendah dan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, kemungkinan mereka berhenti bekerja dengan pihak kita mungkin

mendapat menerima tawaran luar negeri, kemungkinan itu mungkin ada, dan telah adapun seorang dua orang kitani yang berhenti bekerja ada yang bekerja di luar negeri dan sebagainya. Yang sebenarnya masalah ini tidak lah begitu besar sebenarnya tidak banyak orang berhenti kerana di sebalik gaji tetap ada lagi cara-cara lain yang kitani beri, kemudahan seperti mereka boleh membuat kerja-kerja ditawarkan, kerja di JPMC mereka akan mendapat tambahan bayaran. Ada *some* daripada pakar-pakar kitani menjadi *part time* menjadi *visiting lecturer* di UBD dan sebagainya dan diberi jua ganjaran. Jadi dibenarkanlah juga mereka bekerja jua di dua tempat-tempat di waktu-waktu yang tidak menjejaskan kerja-kerja mereka di hospital atau di Kementerian Kesihatan. Di samping itu juga mereka menerima elaun yang lain

yang mana tidak dinyatakan dalam gaji ini. Jadi tidaklah seburuk keadaannya seperti yang kita sangkakan. Tapi walau bagaimanapun memang gaji mereka kalau dibandingkan dengan pakar-pakar dari luar negeri seperti dari UK, Singapura dan sebagainya memang rendah. Walau bagaimanapun perkara ini dalam penelitian juga beberapa cadangan telahpun diperbincangkan di antara doktor-doktor dan dengan Kementerian Kesihatan bagaimana mengatasi perkara ini dan bagaimana mengelak, supaya doktor-doktor kita sentiasa berkhidmat dengan kita. *After all our investment* kepada mereka ini terlalu tinggi jadi untuk mereka berhenti dan bekerja keluar negeri dan sebagainya akan merugikan negara. Maka ini sedang kita fikirkanlah. Insya-Allah ada jalan keluar yang boleh kita usahakan.

Mengenai dengan Teknologi Maklumat, memang kita mempunyai bilangan yang kecil tapi perkara ini tidaklah begitu rumit pada masa ini, insya-Allah dengan cara-cara *partnership* dengan kompeni-kompeni yang membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan kepada kita insya-Allah perkara kecil, perkara yang ini dapat kita atasi dengan *partnership* yang sudahpun kita adakan beberapa kompeni artinya mereka membekalkan *service* pada kita dan kita membayar sahaja. Tapi dalam jangka waktu yang panjang memang ada perancangan untuk menambah lagi pegawai-pegawai *ICT* yang berlatarbelakangkan *IT* untuk membantu kementerian-kementerian seperti Kementerian Kesihatan yang mana *e-Health* dan *e-Government*nya telahpun mungkin dapat dilaksanakan pada tahun ini artinya award akan diberi pada

tahun ini tapi akan dilaksanakan secepat mungkin.

Mengenai dengan rancangan perkembangan RIPAS, perkara ini sebenarnya memang sudah ada *impact*, kita telahpun *engage* seorang pakar hospital *Master Planner* Hospital, *planner* dari Singapore untuk meneliti kemudahan di RIPAS dan bagaimana RIPAS boleh diperkembangkan. Insya-Allah dalam tahun ini kita akan dapat memulakan rancangan menguasai dan membesarkan kawasan RIPAS itu supaya kita dapat menambah perkhidmatan-perkhidmatan yang tertentu, yang mana tidak dapat kitani adakan, oleh kerana keadaan hospital yang sempit pada masa ini. Tetapi sudah ada perancangan kitani untuk membesarkan dan memperluaskan yang sudah ada.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, berapa lama lagi pertanyaan-pertanyaan penjelasan berapa lama mahu diberi?

Yang terhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan: Ani menjawab pertanyaan-pertanyaan mohonkan diampun.

Pengerusi: Masanya berapa lama?

Yang terhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan: Masanya, oleh kerana soalan itu banyak mohonkan diampun, jadi terpaksa dijawab jua satu persatu kali jua mohonkan diampun.

Pengerusi: Dalam *Standing Order* biasanya ada disebut ketua negara

kitani inda payah digunakan sebagai bahasa untuk menegakkan penerangan-penerangan, kerana itu sudah ditentu dalam Anggaran Belanjawan dalam tahun 2007/2008. Kalau mahu sambung, sambung lagi. Boleh?

Yang berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan:

Junjung kasih Tuan Pengerusi. Mengenai dengan soalan lambat ubat ani barangkali untuk menerangkan mengenai kelambatan mengambil ubat, memberi ubat ini perlu diterangkan sedikit, pada tahun 2006 saja barangkali mohonkan diampun, *number of prescription* yang telahpun dikeluarkan ialah sejumlah 238,223 *prescription* ertinya jenis ubat diberikan. Daripada 238 ribu *prescription* itu, 713 item telah

dikeluarkan tapi dengan kakitangan yang ada oleh di Kementerian Kesihatan bahagian farmasi, maka timbullah kelambatan memberi ubat itu *because* banyak yang memohon ubat-ubat ani daripada jumlah ani. Kalau 2002 hanya 182,000 *prescription* dikeluarkan tapi masa ani tahun 2006, 238 kemudian *average per day* ubat yang dikeluarkan ialah 738 pada tahun 2002, dan pada tahun 2006 - 968. Ertinya permohonan untuk ubat itu banyak sedangkan kakitangan kitani memang inda mencukupi. Itu sebabnya yang menjadi kelambatan itu.

Mengenai dengan alat-alat perkakas yang lama perkara inda semua betul sama ada perkakas sudah diganti dengan yang baru memanglah semua perkakas itu inda diganti sekaligus, kewangan inda jua kitani membelanjakan semua dengan

menggantikan semua mesin sahaja kalau malar menggantikan ertinya peruntukan kitani akan pupus dengan cepat jadi berganti-ganti mana mesin yang diutamakan yang mustahak, yang perlu, *life-ended* punya mesin maka akan diutamakan, mana mesin yang belum perlu dikemudiankan. Tapi insya-Allah semua mesin-mesin yang lama itu akan diganti dengan lebih canggih yang baru. Masa ini pun dalam 2, 3 tahun kebelakangan ini Kementerian Kewangan telahpun bermurah hati untuk memberi peruntukan yang lebih besar untuk mengganti alat-alat perkakas perawatan dan perkara ini telahpun dilakukan. Jadi mana-mana alat-alat perawatan itu sudahpun berganti adalah yang masih lama itu. Mengenai jenis ubat *traditional acupuncture* dan bekam ini masih belum ada kawalan tertentu mengenai dengan

acupuncture bekam dan sebagainya perkara ini sudahpun dalam penelitian sama juga dengan *regulation*, mengenai kacamata *contact lens*, perkara ini telahpun kitani bincangkan di Kementerian misalnya *contact lens* pun kita dapati daripada statistik yang ada banyak anak-anak muda kitani matanya rosak oleh kerana *contact lens* ini. Sebabnya yang memberi *contact lens* ini inda berapa *qualified no professional*. Jadi langkah kitani seterusnya untuk meneliti bagaimana pemberian *contact lens* dapat *regulate*. Dapat dikawal supaya mata anak-anak kitani inda rosak. Anni masa banyak yang sudah rosak memakai *contact lens* ini dengan mudah didapatkan. Mengenai dengan *manpower* memang menjadi masalah di *manpower* itu *manpower problem*. Mengenai dengan masalah A & E

Pengerusi: Yang Berhormat, apa jua yang tersirat dalam Rang Undang-Undang Kewangan yang sudah difikirkan sudah barangkali dimaklumi oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain, jadi kalau kita bicara lebih panjang satu persatu mungkin membawa masa yang lama.

Yang terhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan: Peramba ingin memohonkan, mohonkan diampun, kalau anda dijelaskan mungkin mereka akan pulang nanti dengan anda puas hati, mohonkan diampun. Sebabnya banyak pertanyaan anda dijawab. Jadi misal soalan yang ditimbulkan tadi mengapa di kawasan dan *emergency* masih sesak, perlu kali dimaklumkan bahawa setiap tahun kita menerima

dalam 90 ribu lebih kes yang datang ke *emergency* tetapi kes *emergency*, yang sebenar cuma 20 ribu, 70 ribu kes yang datang ke hospital ke *emergency* itu bukan yang betul. Perkara ini perlu difahami kalau ketua-ketua kampung, penghulu-penghulu atau Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat menerangkan kepada anak-anak buah atau sebab apa lah di bahagian *emergency* masa ini dibahagikan kepada dua, mana-mana yang betul-betul *emergency* barulah ke *emergency* dan mana-mana yang bukan disediakan di tempat lain pintu 1, pintu 2 dan pintu 3 untuk kes-kes yang bukan *emergency*, tetapi kita masa ini sikit-sikit semua masalah ke *emergency*, sebab itulah sesaknya.

Mengenai dengan *accident emergency* ini jua perkara ini telahpun diambil tindakan supaya mengurangkan kelambatan dan

kesesakan di sana sepertimana yang telah disaksikan oleh salah seorang wakil Ahli Yang Berhormat tadi katanya sudah makin tenang sedikit masa ini sejak ada pengubahsuaian dibuat di sana, Munkan ampun. Jadi mudah-mudahan langkah-langkah yang diambil itu akan dapat dilaksanakan. Mengenai dengan pakar-pakar dan Doktor di Tutong, insya-Allah akan diusahakan. Kita sentiasa meneliti dari masa ke semasa keperluan setiap Hospital itu dan mana-mana yang perlu kerana kita kekurangan pakar dan doktor, maka mana-mana yang perlu kita akan tambah dan berikan perkhidmatan yang ada, lagipun kalau yang anda ada daripada Tutong ke Bandar Seri Begawan tidaklah begitu lama sekarang ini, *longerstand* 30 minit bolehlah sampai. Jadi sementara ini terpaksa berulang-alik jua

barangkali kalau ada diperlukan rawatan dan sebagainya.

Mengenai dengan Pusat Kesihatan di Mukim Sungai Liang yang akan dijangka siap pada tahun ini, insya-Allah kalau sudah siap nanti akan ditambah kakitangan di sana tu. Memanglah tujuan Pusat Kesihatan di Mukim Sungai Liang itu kerana Mukim Sungai Liang ini berkembang jua maka itulah salah satu sebab mengapa Mukim Sungai Liang ini dibangunkan sudah Pusat Kesihatannya. Dalam masa yang singkat ini, munkan ampun atuloh saja yang terfikir untuk dijawab mana-mana yang belum dijawab tidak sempat oleh kerana kepupungan masa itu insya-Allah kalau ada pertanyaan dapatlah dijawab kalau diizinkan oleh Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang
Berhormat, sekiranya tidak ada lagi.

**Yang Berhormat Dato Paduka
Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:**

Terima kasih Pengiran Pengerusi, cuma satu cadangan saja mengenai dengan pemberian ubat. Peramba mencadangkan bagi pesakit-pesakit yang *regular* yang selalu datang seperti orang yang penyakit darah tinggi, orang yang penyakit kolestrol kalau boleh jangkanya menunggu doktor itu berilah ubat itu kalau sekiranya macam peramba sendiri kali sudah menerima ubat ini dalam 10 tahun sama jua ubat itu tiga jenis. Kalau sekiranya diberi awal kalau anda perlu lagi sudah berjumpa doktor, kalau anda perlu diambil oleh doktor balik. Sekian terima kasih Pengiran Pengerusi.

**Yang terhormat Pehin Orang
Kaya Indera Pahlawan Dato Seri**

**Setia Awang Haji Suyoi bin Haji
Osman, Menteri Kesihatan:**

Terima kasih Pengiran Pengerusi, cadangan itu akan diambil dilihatlah bagaimana dapat *implement*. Walau bagaimanapun, kita akui masalah salah pengambilan ubat ini memang ada dan wujud seperti yang diterangkan tadi ialah kakitangan yang tidak mencukupi dan kedua yang meminta ubat itu terlalu banyak *effect to pupils* dan ketiga jua mengapa kelambatan itu. Untuk memastikan ubat itu selamat dan jadi di tempat negeri lain barangkali kitani di sini mengadakan pemeriksaan tiga kali ubat itu sebelum ubat itu diserahkan kepada pesakit supaya jangan ada kesilapan, di mana ubat itu salah berikan kepada orang ataupun ubat salah terlalu *overdose*, tiga orang yang mencek tu oleh kerana kitani memastikan keselamatan ubat yang diberikan itu, maka memerlukan

lebih banyak tenaga maka sebab itulah kelambatan itu tidak dapat dielakkan.

Yang kedua kadang-kadang bekalan ubat ini anda sentiasanya ada kadang-kadang di RIPAS atau anda ada, maka terpaksa kita cari di mana stok-stok yang ada kerana dibahagi-bahagikannya sudah jadi kalau dipohonkan anda ada, maka kadang-kadang dibalik semula *resit* atau surat atau kepada doktor supaya mencadangkan ubat yang lain maka atau akan memakan masa lagi tu jika dibalikkan kepada doktor, misal tah ia meminta ubat tinggi darah atau anda ada, jadi dibalikkan lagi kepada doktor yang memeriksa, supaya mencadangkan ubat yang lain jadi balik semula, atau tah memakan masa sebab atau kalau difahami oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan orang ramai bahawa masalah ini bukanlah dibuat-buat tetapi masalah yang

disebabkan kekurangan ubat terjadi, anda selalu terjadi kekurangan kakitangan dan sebagainya dan untuk memastikan ubat itu dibagi dalam keadaan selamat dan sebagainya kita saksikan dahulu supaya tidak ada *accident* dan kes-kes ubat yang salah beri dan sebagainya itulah kita pastikan keselamatannya.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada yang mahu membuat pertanyaan dan membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Kementerian Kesihatan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Kementerian Kesihatan, diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SM Kementerian Kesihatan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

biasanya 9.30, tapi kerana hari minggu beri peluang sedikit 30 minit pukul 10.00 pagi. Hari minggu pukul 10.00 pagi.

Pengerusi: Ahli-Ahli saya ingin bertanya adakah Ahli-Ahli bersetuju disambung lagi Tajuk-Tajuk lain atau ditangguhkan besok. Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana masa pun sudah hampir lima minit pukul 5.00 maka saya pohonkan Ahli-Ahli dan kita semua berbalik daripada Jawatankuasa kepada Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita balik bersidang dalam Majlis Mesyuarat Negara tetapi memandangkan kepada 5 minit lagi pukul 5.00 saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga pukul 10.00 pagi hari minggu,

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC)**Ahad, 21 Safar 1428 / 11 Mac 2007****YANG DIPERTUA DEWAN DAN
AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM****YANG HADIR:****YANG DIPERTUA DEWAN**

Yang Amat Mulia,
Pengiran Indera Mahkota Pengiran
Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni
Al-Marhum Pengiran Bendahara
Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin,
PSLJ., SPMB., POAS., PHBS., PJK.,
PKL.,
Yang Dipertua Dewan,

AHLI RASMI KERANA JAWATAN:

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-
Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri
Pertahanan dan Menteri Kewangan,
Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
DKMB., DPKT., King Abdul Aziz
Ribbon, First Class (Saudi Arabia),
Medal of Honour (Lao), Order of
Lakandula with the Rank of Grand
Cross (Philippines), PHBS.,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana
Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana
Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato
Seri Setia Haji Awang Abdul
Rahman bin Dato Setia Haji
Mohamed Taib, PSNB., SLJ.,
PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja
Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji
Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin,
DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PJK.,
PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji
Ahmad bin Haji Jumat,
PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-
Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato
Seri Setia Awang Haji Yahya bin
Begawan Mudim Dato Paduka Haji
Bakar, PSNB., SPMB., DSNB., PJK.,
PIKB., PKL.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy)
di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato
Seri Setia Haji Abdul Rahman bin
Haji Ibrahim,
PSNB., DPMB., PIKB., PKL.,
Menteri Kewangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa
Dato Seri Setia Awang Lim Jock
Seng, PSNB., SPMB., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI YANG DILANTIK
(ORANG-ORANG BERGELAR):**

Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran
(Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran
Haji Abdul Rahim,
DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS.,
PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Amat Mulia,
Pengiran Dipa Negara Laila Diraja
Pengiran Haji Abdul Momin bin
Pengiran Haji Ismail, DK., DSNB.,
DPMB., POAS., PHBS., PBLI., PJK.,
PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B)
Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd.
Yasmin bin Haji Umar, SPMB.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI DILANTIK (ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN) :

Yang Berhormat,
Pengiran Dato Paduka Haji Damit
bin Pengiran Haji Sunggoh,
DPMB., PHBS., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato
Paduka Awang Goh King Chin,
DPMB., PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji
Othman bin Uking,
SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Idris bin
Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai,
PSB.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin
Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin,
DPMB., SLJ., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin
Mohd Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK DARI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat,
Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin
Awang Haji Ibrahim,
SMB., PJK., PKL.,
Pengkulu Mukim Kota Batu,
Negara Brunei Darussalam .

Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor,
PSB., PKL.,
Pengkulu Mukim Lumapas,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji
Muhammad Taha bin Abd. Rauf,
SMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Pengkulu Mukim Keriam,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd Shafiee bin
Ahmad,
Ketua Kampong Lumut 1,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,
SMB., PSB.,
Ketua Kampong Belingos,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya
Dato Paduka Awang Haji Judin bin
Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS.,
PBLI., PJK.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

TURUT HADIR:

Yang Mulia,
Dayang Rose Aminah binti Haji
Ismail,
Penolong Jurutulis,
Negara Brunei Darussalam.

**Majlis mula bersidang jam 10.00
pagi**

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir
Rahim, sambungan Mesyuarat
Pertama dari Musim
Permesyuaratan Ketiga bagi Majlis
Mesyuarat Negara didahului dengan
bacaan doa selamat.

**Yang Dimuliakan Begawan Pehin
Khatib Haji Awang Hamidon bin
Begawan Pehin Siraja Khatib Dato
Paduka Seri Setia Haji Awang
Abdul Hamid, Iman Masjid Omar
Ali' Saifuddin:** Membaca doa
selamat.

Yang Dipertua Dewan: Ahli - Ahli
Yang Berhormat pada pagi ini, iaitu
hari ini, kita bersidang semula dan
pada hari kelmarin apabila kita
bermesyuarat ditangguhkan, kita
masih lagi bersidang dalam
Jawatankuasa bagi menimbangkan
tajuk-tajuk dalam Rang Undang-
Undang Perbekalan Tahun
2007/2008, dan meluluskan
beberapa tajuk-tajuk dipersetujui
bersama, yang tinggal hanyalah
Kementerian Perhubungan dan
Kemajuan yang perlu kita selesaikan
pada pagi ini kemudian
membincangkan ketetapan-
ketetapan, sekarang Majlis ini

menjadi sebagai keseluruhannya untuk menimbangkan tajuk-tajuk Rang Undang-Undang yang belum diselesaikan pada hari ini, saya jadikan Majlis ini menjadi Jawatankuasa untuk membincangkan dan menyambung perbincangan kita kelmarin, sekarang Majlis bertukar kepada Jawatankuasa.

Jurutulis: Seluruh Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Jurutulis: Kementerian Perhubungan SNO1A, Jabatan Kementerian Perhubungan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya ada Ahli Yang Berhormat ingin membahaskan Kementerian Perhubungan, sila.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, saya ada pertanyaan di sini, yang saya ketahui pelaksanaan projek-projek *e-Government* adalah lambat iaitu projek-projek teknologi maklumat, keputusan tender-tender projek mengambil masa yang lama bertahun-tahun, ada juga projek-projek yang *ditender*, di *re-tender* sekali lagi, sebab-sebab kelambatan ini adakah sudah dikenalpasti dan tindakan-tindakan yang sudah dan akan diambil?. Diharap mendapat keterangan Yang Berhormat Menteri Perhubungan apakah kedudukan-kedudukan projek *e-Government* setakat ini Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka

Awang Haji Idris bin Haji Abas:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, kalau kita ingatkan kira-kira 10 tahun yang lalu apabila era *digital* baru-baru di *introduce*, kita sering mendengar ungkapan *new rowing digital divide*. Brunei termasuk jua dalam golongan negara-negara yang sedang membangun. Walau bagaimanapun kesedaran ke arah menghargai nilai ilmu pengetahuan sangat-sangat tinggi dan paling berguna dalam konsep *knowledge base* ekonomi. Boleh dikatakan kesemua rakyat dan penduduk di negara ini berusaha untuk merapatkan lagi *digital divide* itu. Jadi soalan saya apakah langkah-langkah kementerian yang berkenaan yang sedang akan dibuat untuk meng*implimentasikan* plan-

plan infrastruktur bagi *universal excess* untuk *internet* dan sebagainya untuk mendapatkan perkhidmatan dan produk *ICT* secara *affordable*. Juga sebagai mana yang difahamkan satu peruntukan yang besar bagi projek *e-Government* barangkali kira-kira \$1 billion telahpun diperuntukkan.

Setakat ini sejauh manakah sudah pencapaiannya dan juga saya difahamkan projek *e-Government* yang dalam perancangan juga sedang dalam *review* atau dalam *review study*, bolehkah kita mengetahui akan *outcome* daripada *review study* mengenai dengan *e-Government* itu?. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat lain sebelah kiri saya, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan:
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai dengan *e-Government*. Sebenarnya e-Kerajaan ini, eksekutif *ownershipnya* ialah Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun peramba dalam kapasiti selaku Pengerusi kepada Jawatankuasa Kebangsaan Teknologi Maklumat atau *BIT Council* boleh juga barangkali menjawab pertanyaan-pertanyaan Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi.

1) Mengenai dengan *e-Government* keputusan-

keputusan *tender* lama, *re-tender* sebab-sebabnya itu, perkara ini dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Teknologi Maklumat dan diambil perhatian oleh pihak-pihak berkenaan. Kerana di dalam jawatankuasa ini ada wakil-wakil daripada Kementerian Kewangan, Sebab - sebabnya terlambatnya itu ini bermacam-macam, kadang-kadang dari kementerian sendiri.

2) *Digital divide*. Alhamdulillah barangkali kalau dibanding dengan negara-negara lain digital divide di Brunei ini tidaklah begitu serius sebagaimana yang dialami di negara-negara lain. Kalau kita melihat kepada *internet penetration* ia sudah mencapai 36%. Dan dengan rancangan-rancangan yang dilaksanakan

oleh kementerian-kementerian pada masa ini barangkali perkara ini akan dapat mengingkat terutamanya apabila rancangan yang terakhir barangkali kita lihat dalam media ialah e-Kampung, di bawah Kementerian Ehwah Ehwah Dalam Negeri yang akan menembusi seluruh kampung-kampung. Jadi dengan cara ini akan meningkat pengetahuan rakyat di samping itu autoriti bagi *Industri Information Technology Aiti* akan berusaha bersama-sama dengan syarikat-syarikat *private sector* bagaimana cara untuk mengendalikan kursus-kursus yang akan dapat merapatkan jurang ini. Mengenai dengan kaji semula *e-Government*, penelitian semula atau pengkajian *e-Government* telah dilaksanakan dalam bulan Mei tahun lepas

dan selesai dalam bulan Ogos dan hasil sekurang-kurangnya ada tiga perkara.

- I. Didapati tidak ada *ownership* di dalam *e-Government* itu.
- II. Terdapatnya keperluan untuk integrasi atau mencari satu *standardation* di kalangan Kementerian-Kementerian yang melaksanakan *e-Government*.

dan
- III. Kita jua mendapat kekurangan tenaga manusia. Jadi ketiga-tiga perkara ini akan dilaksanakan dan hasil daripada kajian itu, cadangan-cadangan telahpun dikemukakan dan insya-Allah perkara ini akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Menyentuh mengenai dengan *tender* ani, barangkali untuk makluman ahli sahaja sehingga tahun 2006 terdapat 177 *tender* dan 54 daripada rancangan *tender* dalam *e-Government* ini telahpun selesai, 46 sedang dilaksanakan, 11 akan di *award* kontraknya, 15 sedang menunggu *approval* daripada Tawaran Negara. Jadi 12 sedang dalam *tender evaluation*. Jadi ini *progress report* bagi *e-Government* pada masa ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Belait:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Pada tahun lepas dalam Majlis Mesyuarat Negara, saya pernah mengutarakan tentang kedudukan 'TOL' di Rasau. Dicadangkan supaya kedudukan

'TOL' Rasau tersebut dikaji kesesuaiannya pada masa ini.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sekarang kita membincangkan Jabatan Kementerian Perhubungan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Belait:

Yang Amat Mulia, terima kasih, saya memahami, tetapi saya tidak pasti adakah Jabatan 'TOL' Rasau itu di bawah Perhubungan ataupun di bawah Kementerian Pembangunan kerana saya tidak mengetahui *ownership* nya.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, pemeriksaan

'TOL' Rasau di bawah Kementerian Pembangunan, tetapi perundangannya adalah di bawah Perundangan Akta Lalu Lintas yang dikawal oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menimbulkan satu perkara sahaja di majlis ini iaitu mengenai dengan apakah Jabatan Kementerian Perhubungan ini ada mempunyai perancangan ataupun sudah membuat kajian yang khusus bagi mengadakan iaitu tempat penurunan khusus bagi mengangkat kenderaan - kenderaan untuk menyeberangi ke Pulau Labuan atau ke Sipitang, Sabah dan sebagainya,

kerana perkara ini memang satu perkara yang tidak mustahil dan sebagai satu pilihan orang ramai jika ia berkunjung ke negara jiran, sama ada ia ingin melalui jalan darat ataupun melalui laut, adakah perkara ini sudah ada dalam perancangan dan pengkajian Jabatan Kementerian Perhubungan? Terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi di bawah rancangan BIMP – EAGA sebenarnya Brunei sudah mempunyai satu Feri Terminal di Serasa iaitu Feri Terminal yang akan menghubungkan Brunei dengan Menumbok dan Brunei dengan

Labuan cuma infrastrukturnya sudah selesai masih adalah lagi masalah teknikal sedikit iaitu kerana untuk menurunkan kenderaan-kenderaan ke feri sebelah kitani, pihak Menumbok sudah sedia jadi sekiranya ini selesai dibuat nanti, insya-Allah kalau ada *operator* yang akan melaksanakan orang-orang Brunei akan dapat terus ke Menumbok menggunakan feri ini dan ini akan mengurangkan laluan pada masa ini melalui Kuala Lurah dan terus ke Lawas, terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ada satu pertanyaan saja mungkin di bawah Kementerian Perhubungan atau

di bawah *Civil Aviation*, walau bagaimanapun pertanyaan peramba ialah mengenai dengan perkhidmatan penerbangan yang menawarkan harga tambang murah sudah pun beroperasi di negara ini bermula dari tahun lepas, orang ramai banyak yang menggunakan perkhidmatan penerbangan ini saya percaya pihak kerajaan sudah pun mengkaji dan menilai kebaikan dan keburukan dari perkhidmatan ini, dan saya percaya kebaikan lebih banyak daripada keburukan, terima kasih. Makanya penerbangan dibenarkan beroperasi di negara ini. Dalam hubungan ini saya ingin tahu apakah perkhidmatan ini memberikan kesan yang baik atau sebaliknya dan adakah ia mengurangkan pendapatan Syarikat Penerbangan Kebangsaan Negara ini, sekian.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan:
Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sejauh ini Penerbangan murah yang beroperasi ke Brunei ialah Air Asia, dan Penerbangan Air Aisa ini diterima di Brunei di atas perjanjian dua hala di antara Negara Brunei dan Malaysia, kerana Air Asia telah diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia sebagai *digitized airlines* jadi Air Asia diberikan di bawah perjanjian dua hala 1,435 kerusi dalam satu minggu, tetapi Penerbangan Mas hanya menggunakan lebih kurang 500 lebih, jadi selebih kerusi itulah yang digunakan oleh Air Asia untuk terbang ke Brunei. Dalam menimbang akan kedatangan penerbangan murah ini Kementerian Perhubungan sentiasa prihatin akan penerbangan nasional atau RBA, dan dalam hubungan ini

perundingan-perundingan dibuat dengan RBA, dari segi, banyak segi, dari segi implikasi Air Asia ke Brunei, sebenarnya memanglah, mungkin ada dari segi kekurangan *passengers* kepada RBA, tapi sebenarnya apabila ia telah diteliti sehingga tempoh bulan Januari dan Februari tahun ini penurunan itu tidaklah sebegitu besar, dari segi keuntungan sebenarnya Air Asia telah dapat membawa kelebihan 4,000 orang penumpang-penumpang setiap bulan, cuma pada masa ini tidak diketahui dari mana penumpang itu sama penumpang itu ialah orang Brunei yang dulu pergi ke Miri, pergi ke Labuan untuk menumpang Air Asia, atau orang di pesisir-pesisir ini menggunakan Air Asia dari Brunei, bersabit dengan keuntungan RBA mengongsi 46% daripada keuntungan iaitu *handling charges*, bayaran-bayaran *handling charges* di Airport, bayaran-bayaran

rem, iaitu RBA mempunyai keuntungan sehingga ani, dari bulan Julai sehingga bulan Januari \$315,290.00. Dari keseluruhan pendapatan Negara Brunei Darussalam \$688,827.97 sen. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Belait:

Terima kasih Pengiran Pengerusi, saya ingin mengutarakan satu soalan saja, perkara ini pernah saya sentuh pada tahun lepas iaitu adakah *DST* atau *TelBru* telah menyebarkan siarannya ke pendalaman khususnya *mobile telephone* pada masa ini, sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji

Apong, Menteri Perhubungan:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Kementerian Perhubungan khususnya *Authority for AiTi* ataupun Pihak Berkuasa *Industri Inofrmation Technology* adalah merupakan pengawal setia kepada kedua *operator* iaitu *DST* dan *TelBru*, dalam makna yang lain kedua-duanya adalah merupakan sektor bukan Kerajaan atau yang sudah berkorporatkan, dalam hubungan ini apa yang dibuat oleh Kementerian Perhubungan khasnya *AiTi* ialah untuk memastikan bahawa mereka akan dapat memberi *investment* untuk dapat memberikan perkhidmatan itu keluar bandar jadi perundingan selalu diadakan kerana *infrastruktur investment* akan ditanggung oleh *operator-operator* ini. Terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ada satu pertanyaan lagi untuk diajukan iaitu mengenai dengan pemakaian *mobile* khususnya di kawasan Mukim Lumapas, kadangkala di kawasan Mukim Lumapas kadangkala masuk ke kawasan *Malaysia Celcom* bila kita membuka *mobile* kitani, jadi orang ramai merasa kurang puas hati kerana ada yang mengatakan bayarannya, katanya akan meningkat, apakah pihak kementerian ini menyedari dan adakah usaha-usaha untuk menyekat mengenai maksud saya tadi, terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji

Apong, Menteri Perhubungan: Yang Amat Pengiran Pengerusi, sekali lagi Pihak Berkuasa *AiTi* sekiranya maklumat-maklumat ini disampaikan kepada, sama ada kepada *TelBru* atau kepada *DST* pihak berkuasa akan menyelaras perkara ini, selalunya akan diselaraskan dengan pihak berkuasa di Malaysia, jadi dari semasa ke semasa mereka mengadakan mesyuarat untuk menyelaraskan *frequency* ini, supaya tidak ada bertindih-tindih, terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera, Bismillahir Rahmanir Rahim, terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat

yang lainnya, peramba ada tiga soalan berhubungkait dengan *e-Government*. soalan pertama mengenai dengan penglibatan dengan bumiputera dalam projek *e-Government*, berapa percentage kah? yang saya katakan di sini penglibatan bukannya penglibatan syarikat-syarikat bumiputera, berapa peratuskah penglibatan bumiputera dalam projek *e-Government*, dua dari segi latihan-latihan kakitangan, kakitangan Kerajaan untuk menyokong *e-Government* ini, tadi Yang Berhormat ada mengatakan ada menghadapi masalah mengenai dengan *compatibility integracy* di antara kementerian-kementerian dan barangkali di sini didapati juga masalah *compatibility intergracy* di antara jabatan-jabatan di dalam kementerian. Dan soalan seterusnya mengenai dengan bilakah jangkanya orang ramai boleh berurusan secara *online*, dan di samping juga

mendapat maklumat yang telah dikumpulkan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan secara *online*. Terima kasih Yang Amat Mulia.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan:

Yang Amat Pengiran Pengerusi, sebenarnya adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya syarikat-syarikat orang kitani terlibat di dalam apa namanya ni pelaksanaan projek e-Kerajaan. Apa menjadi hasrat kitani bahawa tumpah kuah itu adalah daripada kitani, *spent of* daripada perbelanjaan Kerajaan sebanyak yang telah apa ni diberikan hampir 1 bilion itu patutnya dapat menimbulkan *capacity building* kepada orang kitani, jadi ani

terpulanglah kepada orang kitani sendiri yang telah menerima tawaran-tawaran atau *tender-tender* itu untuk berusaha bersama-sama, apa ni inda selama apa ni dikerah-kerahkan saja macam itu tah patutnya ini menjadi kesedaran bersama dan menjadi hasrat kitani supaya *capacity building* banyak syarikat akan dapat berkembang bukan sahaja nanti ada perkembangan di Brunei malah akan berkembang keluar negeri.

Mengenai dengan soalan integerasi antara kementerian-kementerian dalam pelaksanaan 5 tahun yang lepas 80% daripada perbelanjaan kitani dalam *e-Government* adalah yang sudah dibelanjakan adalah dalam infrastruktur, jadi dengan *review* yang telah kitani laksanakan kita akan sekarang akan memusatkan supaya semua ini akan dapat disatukan

diintergerasikan dan kerana itu apa yang kitani tunggu-tunggu supaya perkhidmatan secara *online* barangkali yang dimaksudkan Yang Berhormat itu bila orang ramai dapat menggunakan perkhidmatan itu akan bergantung kepada perisian *solution* yang akan dilaksanakan dalam separuh kedua daripada lima tahun yang akan datang ini. Sebagai contoh umpamanya di dalam Kementerian saya sendiri, dari Jabatan Pengangkutan Darat umpamanya sistem pengangkutan darat *R Speedy* yang pada masa ini sedang dilaksanakan dan akan selesai insya-Allah pada pertengahan tahun ini. Apabila itu selesai permohonan lesen boleh *online* permohonan kereta boleh *online* semua itu boleh *online* jadi ini akan bergantung kepada pelaksanaan tiap-tiap kementerian. Tetapi apa yang penting supaya

semua ini kitani *intergerasikan* kita satukan, jadi itu akan lebih memudahkan daripada apa yang berlaku pada masa yang lalu itu setiap kementerian mempunyai sistemnya sendiri, jadi ini kali akan memberikan kemudahan kepada orang ramai. Terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, satu lagi yang saya ingin mohon penjelasan, sebagaimana yang telah kitani maklum di Daerah Brunei Muara khususnya, sekarang memang banyak orang ramai memakai ataupun memasang pemakaian Astro ataupun parabola, jadi mohon pihak Kementerian ini menerangkan apakah syarat-syarat atau peraturan-peraturan bagi orang ramai? dan

apakah perkara-perkara yang menyalahi dalam segi peraturan Kerajaan untuk pemakaian apa yang sebutkan tadi?. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, kalau ada pihak orang ramai yang ingin bertanya mengenai dengan parabola apa ini barangkali, silalah datang ke Pejabat *AiTi* di sana mereka akan diberikan penerangan mengenai dengan cara-cara dan berapa jumlah harga yang mereka bayar bagi pemasangan parabola, tempatnya itu dekat dengan Anggerek Desa, ada Pejabat *AiTi* di sana tu.

Pengerusi: Terima kasih.

**Yang Berhormat Orang Kaya
Maha Bijaya Awang Haji Othman**

bin Uking: Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Assalamualikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, pada masa ini peraturan yang digunakan oleh pihak Pejabat Kenderaan Darat bila seseorang itu hendak membeli pick-up ataupun van 3 tan ke bawah, mereka terpaksa memohon permit, jadi di sini untuk memudahkan dipohonkan kalau dapatlah dia orang ini dikecualikan supaya lebih memudahkan mereka itu berurusan, sebab di negara-negara lain ataupun negara jiran sudah tidak diguna-pakai lagi peraturan ini. Sekian Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang
Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia
Haji Awang Abu Bakar bin Haji**

Apong, Menteri Perhubungan:

Boleh diulangi sekali lagi, anda berapa jelas antadi atu.

**Yang Berhormat Orang Kaya
Maha Bijaya Awang Haji Othman**

bin Uking: Minta maaf Pengiran Pengerusi, pada masa ini mereka-mereka ataupun peniaga-peniaga kecil yang berhajat untuk membeli kereta 3 tan ke bawah mereka terpaksa memohon permit ataupun kebenaran di pihak-pihak tertentu, jadi kalau dapatlah peraturan ini dikecualikan pada mereka supaya mereka mudah berurusan, kerana di negara jiran peraturan ini tidak diguna-pakai lagi. Sekian Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang
Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia
Haji Awang Abu Bakar bin Haji
Apong, Menteri Perhubungan:**
Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi, perkara itu akan diambil perhatian dan akan diteliti.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada yang mahu membuat pertanyaan dan membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Kementerian Perhubungan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Kementerian Perhubungan diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SNO1A Jabatan Kementerian Perhubungan dijadikan sebahagian daripada jadual SNO2A Jabatan Laut.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah

Temburong: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelumnya peramba minta maaf mungkin perkara yang peramba kemukakan ada bertemunya dengan Jabatan Pelabuhan iaitu mengenai dengan perahu tambang yang membawa pesakit-pesakit dari Daerah Temburong untuk masuk melalui Sungai Kedayan dan kemudian memasuki di bawah Jambatan *Edinburgh* untuk menuju ke tambatan Jabatan Kesihatan RIPAS. Pada masa ini masalah yang dihadapi ialah Sungai Kedayan pada masa ini ada kala tidak dapat dilalui perahu tambang yang membawa pesakit tersebut disebabkan keadaan air tujur atau mungkin barangkali hakisan tanah dan apabila jua air pasang naik

perahu juga tidak akan dapat melalui Jambatan *Edinburgh* itu, maka pesakit terpaksa di bawa ke pengkalan atau Jeti Bandar Seri Begawan untuk dinaikkan di sana dan menunggu kenderaan hospital RIPAS mengambil mereka untuk dibawa ke Rumah Sakit. Apa yang peramba hadapkan ialah sekiranya dapat dicadangkan satu kenaikan perahu di luar kawasan Jambatan *Edinburgh* yang difikirkan sesuai untuk memudahkan pesakit-pesakit diambil di kawasan berkenaan dan perahu boleh masuk jika pun air tuhur. Sekian terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, barang kali perkara ini di bawah bidang Kementerian Kesihatan barangkali.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji

Osman, Menteri Kesihatan: Peramba menjunjung kasih Pengiran Pengerusi. Perkara itu akan diambil perhatian. Sebenarnya apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang betul, ada masamasanya tuhur airnya. Menjunjung kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai dengan Jabatan Laut ini saya ingin mohon penjelasan. Mengikut pengalaman dan cerita-cerita pengguna-pengguna atau pelaut khususnya nelayan apabila mereka menangkap ikan berhampiran dengan sempadan negara jiran mereka ini pernah diancam atau dikejar oleh orang-

orang yang mereka ragui. Jadi dalam maksud ini apakah perkara ini dimaklumi oleh pihak Jabatan ini dan apakah nasihat serta usaha demi keselamatan pengguna-pengguna yang saya maksudkan. Jadi berhubungkait dengan perkara sedemikian saya mencadangkan adalah lebih baik supaya pihak ini akan memberikan garis pandu pemahaman mengenai dengan pelaut-pelaut ataupun nelayan-nelayan ini sejauh mana mereka boleh dibenarkan mencari dan apakah perkara-perkara yang harus diberikan keselamatan bagi pelaut-pelaut atau nelayan-nelayan ini. Terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Yang sebenarnya yang dibincangkan tadi ialah Perikanan, penangkapan ikan, Perikanan tu.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah Temburong: Terima kasih Pengerusi. Pada masa ini orang ramai yang pergi berulang alik ke Bandar Seri Begawan adalah masa-masa yang terhad, misalan saja kalau dari Bandar Seri Begawan perahu akan bertolak ke Temburong lebih kurang 5.15 petang dan perahu akan bertolak dari Temburong pada 4.30 petang.

Ada beberapa cadangan dan pandangan daripada orang ramai untuk mereka dapat menggunakan perahu pada waktu malam misalnya kalau mereka akan menghadiri sesuatu perayaan terutama sekali menggunakan perahu ini. Apakah dapat minta pandangan dari Kementerian berkenaan untuk dicadangkan memasang lampu ataupun lampu pancang di kawasan laluan sungai-sungai bagi

memudahkan panduan bagi perahu-perahu terutama dari segi keselamatan ataupun tahu di mana aluh-aluh yang boleh dilalui. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan:
Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih atas perhatian Yang Berhormat mengenai dengan perkara ini.

Sebenarnya kita sama-sama mengambil berat kepada hal kebajikan dan keselamatan para penumpang yang menggunakan Sungai Temburong dan Sungai Brunei. Jadi penyekatan waktu pada masa ini adalah untuk tujuan-tujuan keselamatan. Di dalam Anggaran Belanjawan pada tahun ini di sana ada bajet ataupun peruntukan bagi

mengadakan lampu di Sungai Temburong bagi menggantikan lampu-lampu lama yang sudah rosak. Kitani akan meneliti bila rancangan itu nanti selesai sama ada boleh dilonggarkan penyekatan waktu untuk berlepas dari Temburong atau dari Bandar Seri Begawan selepas waktu yang ditetapkan pada masa ini. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada yang mahu membuat pertanyaan dan membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Laut, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Laut diluluskan.

Jurutulis: SNO2A – Jabatan Laut dijadikan sebahagian daripada Jadual. SNO3A – Jabatan Pelabuhan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah

Temburong: Terima kasih Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi penduduk Daerah Temburong khasnya orang ramai ingin tahu akan kedudukan pengurusan dan pelaksanaan tempat pengkalan atau jeti bagi kenaikan perahu-perahu tambang dan pelabuhan kapal yang sudah sepatutnya dilaksanakan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengerusi. Sebagaimana jua ada di

dalam Anggaran Belanjawan yang sedang kita bincangkan, sudah ada peruntukan bagi pembinaan jeti atau pengkalan, pelabuhan di sana dari Temburong. Masalah yang kita hadapi dulu ialah menentukan tempatnya jadi sekarang ini nampaknya sudah ada persetujuan mengenai dengan tapak atau kawasannya itu, insya-Allah perkara ini akan kita laksanakan.

Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor, Daerah Brunei

dan Muara: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Mengenai dengan Jabatan Pelabuhan ini jika sesuai saya menyebutkan mengenai dengan jeti ini, saya pernah mengajukan satu permohonan iaitu supaya dibuat satu jeti atau tempat perhentian orang ramai yang akan menggunakan bot tambang ke Brunei-Temburong, Brunei-Limbang iaitu berdekatan dengan

gerai malam di Jalan Subok. Jadi dipohonkan kepada pihak yang berkenaan supaya akan dapat dibuat satu jeti tempat rehat, tempat penurunan orang ramai yang menggunakan kawasan tersebut untuk mengelakkan daripada hujan dan panas, yang mana dilihat pada ketika ini pengguna-pengguna banyak yang berlindung di bawah pokok-pokok kayu dan juga di kawasan gerai malam. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan: Yang Amat Mulia Pengerusi, dalam ingatan peramba cadangan ini telahpun dibawa semasa membincangkan bajet Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan insya-Allah perkara ini akan diambil perhatian.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada yang mahu membuat pertanyaan dan membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Pelabuhan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Pelabuhan diluluskan.

Jurutulis: SNO3A – Jabatan Pelabuhan dijadikan sebahagian daripada Jadual . SNO4A – Jabatan Penerbangan Awam.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd. Taha bin Abd. Rauf, Daerah Tutong: Yang Amat Mulia Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya sesungguhnya tertarik mengenai

dengan Jabatan Penerbangan Awam. Soalnya, bila mana musim umrah, penerbangan kita selalu memakai RBA tetapi oleh sebab tidak kecukupan terpaksa menyewa kapal yang lain terutama sekali kapal Arab Saudi. Apakah perkara ini tidak boleh kitani selesaikan supaya RBA saja yang mengambil bahagian? Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita fahami perancangan Jabatan Penerbangan Awam dalam menangani keperluan pengangkutan udara bagi penumpang dan pengangkutan kargo adalah dalam satu perancangan menyediakan *master plan* atau *plan* induk hingga ke tahun 2020, ianya untuk menjadikan Brunei sebagai *Hub*

untuk *BIMP-EAGA*, menyediakan *cargo village* ataupun bagi memproses kargo-kargo untuk menampung keperluan RBA dan perkembangan pelancongan. Apakah peruntukan sudah disediakan dan setakat manakah pencapaiannya ke arah ini?. Sekian terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih, mempersilakan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan:

Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, sebenarnya Kementerian Perhubungan sentiasa mengadakan perundingan-perundingan dengan *operator* di Lapangan Terbang Antarabangsa iaitu *Royal Brunei Airlines* (RBA). Dari segi kargo ini

memanglah ini menjadi satu sasaran kepada Kementerian Perhubungan dan RBA untuk meningkatkan kapasiti kitani dari segi pengangkutan kargo ke Brunei atau dari Brunei ke negara-negara lain.

Dan kapasiti kitani pada masa ini baru 50% dan masih ada 50% yang akan dipakai jadi perundingan sedang berjalan dengan RBA macamana cara untuk meningkatkan kapasiti ini tentunya ini bergantung kepada jenis pesawat yang digunakan oleh RBA, jadi insya-Allah perkara ini memang menjadi sasaran kepada kementerian dan kepada RBA sendiri.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada yang mahu membuat pertanyaan dan membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk

ini iaitu Jabatan Penerbangan Awam, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Penerbangan Awam diluluskan.

Jurutulis: SN04A Jabatan Penerbangan Awam dijadikan sebahagian daripada Jadual. SN05A Jabatan Pengangkutan Darat.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Belait:

Terima kasih Pengiran Pengerusi, saya mempunyai dua perkara:-

- 1) Dicadangkan pada pihak yang berkenaan supaya membuat

satu kajian akan dapat mengkaji dalam mengurangkan kesesakan di jalan raya, saya mencadangkan supaya pergerakan kenderaan-kenderaan berat dihadkan pergerakannya di waktu-waktu kesibukan umpamanya di sebelah pagi dan tengahari

- 2) Cadangan melanjutkan had tempoh cukai jalan (*roadtax*), kita sama-sama dengar tadi bahawa Yang Berhormat Menteri Perhubungan insya-Allah, dalam masa tidak lama lagi kitani boleh menyambung cukai jalan secara *online*, tapi saya ingin mencadangkan bagi mengurangkan tanggungjawab Jabatan Pengangkutan Darat dan juga kesenangan orang ramai supaya had tempoh cukai (*roadtax*) pada masa ini setahun, tiap-tiap tahun kitani

menyambung, apa halnya kalau dilanjutkan tiga tahun sekali menyambung *road tax* kepada kenderaan yang di bawah 7 tahun. Sekian terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya

Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba ada satu pertanyaan saja iaitu mengenai dengan *Vehicle Inspection Centre* pada masa ini *Vehicle Inspection Centre* ini hanya terdapat di Daerah Brunei dan Muara sahaja. Saya difahamkan *VIC* ini tidak berfungsi sepenuhnya, dulu saya ingat *VIC* ini akan juga dilaratkan ke daerah-daerah lain secara berperingkat-peringkat. Saya ingin tahu adakah

perancangan ini masih dijalankan?, bilakah masanya akan dilaratkan ke daerah-daerah?, sedangkan yang ada pada masa ini pun mendapat kerosakan dan tidak berfungsi sepenuhnya. Sekian terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin Abd. Rauf, Daerah Tutong: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya lebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian ini yang mana satu bangunan telah dibina untuk Kenderaan Darat di Daerah Tutong, jadi selaku dari Daerah Tutong ingin mengucapkan terima kasih.

Yang keduanya adalah diharapkan bahawa perkara ini sepertimana di Daerah Belait, Daerah Brunei dan

Muara supaya difokuskan terus pendaftaran kereta atau membaharui.

Yang ketiga, saya difahamkan bahawa pemandu-pemandu bas sekolah kononnya umurnya dihadkan kepada 60 tahun kalau memandang hal ini tentulah mereka yang sudah berumur lebih 60 tahun tidak dapat memandu kereta untuk bas sekolah, saya kira lebih baik perkara ini dikaji balik kerana seolah-olah memotong mata pencarian orang itu, dapat dikaji balik, sekian terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi,

saya ingin menyampaikan tiga perkara khusus dalam Jabatan ini:

1. Apa yang telah saya maklum bahawasanya jabatan ini sudah dan sedang membuat atau menambahkan tempat-tempat perhentian bas di daerah ini jadi saya ingin memohonkan supaya perhentian bas dibuat iaitu di hujung jalan Sungai Kebun, Mukim Lumapas kerana di sana belum ada tempat penurunan bas, orang ramai memerlukan tempat - tempat penurunan bas ini supaya kereta-kereta yang memakai di kawasan tersebut tidak akan terhalang.
2. Mengenalpasti akan tempat-tempat *parking* kereta di kawasan Bandar Seri Begawan khususnya, yang saya maksudkan banyak pengguna-pengguna yang *parking* di kiri

kanan jalan sebagai contoh di tempat laluan atau jalan raya yang menuju ke Sekolah Arab dan juga menuju ke sekolah Al-Tahfiz dan banyak lagi tempat-tempat lain yang dilihat, banyak pengguna-pengguna yang *parking* di kiri kanan jalan ini akan menyulitkan orang ramai malah diri sendiri apabila terjadi satu perkara yang tidak diingini, jadi dipohonkan kepada pihak yang berkenaan agar membuat perundingan dengan pihak polis dan sebagainya agar mengambil langkah-langkah mengelakkan supaya perkara-perkara ini tidak akan dilakukan oleh orang ramai.

3. Penduduk di kawasan perpindahan Kampong Bolkiah 'A' mereka juga mempunyai kenderaan-kenderaan yang banyak, apa yang dilihat

keadaan sekarang mereka banyak menyimpan kenderaan mereka di tepi jalan atau kiri kanan jalan laluan Buang Sakar, Kampong Kasat, jadi di sana juga menyukarkan orang ramai untuk melintasi tempat tersebut, jadi berhubungkait dengan perkara tersebut saya pohonkan, saya mencadangkan supaya mereka ini akan dibuatkan satu penaruhan kereta yang khas di tepi sungai tersebut supaya ianya tidak akan mengganggu lalu lintas jalan raya. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah Temburong: Terima kasih Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat perkara yang peramba hadapkan ialah masih lagi orang ramai tertanya-tanya mengenai had laju kenderaan sebagaimana untuk

makluman Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi bahawa hujung Jalan Puni menuju ke Pos Kawalan Labu adalah sesuai dengan pembangunannya, tetapi dan adalah menjadi tanda tanya fenomena orang ramai ialah mengapa had laju jalan masih lagi dihadkan kepada 65 MPH sahaja? dan adalah diharapkan supaya dibuat kajian dan dipertimbangkan kerana banyak kejadian berlaku misalnya jalan dan kawasan tersebut 85 MPH dan sekarang diturunkan 5 MPH. Ini adalah mengikut kesesuaian pembangunan jalan tersebut. Sekian terima kasih, Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Yang Amat Mulia hanya satu perkara atau satu soalan sahaja iaitu bilakah lesen memandu itu yang ada masa ini

akan digantikan kepada jenis *smart card* yang lebih selamat kalau tidak silap beberapa tahun yang lalu ada *tender* dikeluarkan bagi projek ini. Sekian

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi di atas pertanyaan-pertanyaan Ahli-Ahli Yang Berhormat:-

1. Kajian mengurangkan kesesakan jalan raya perkara ini adalah dalam perhatian kita di Dewan yang mulia ini, kita juga telah mendengar pada hari kedua mengenai dengan meningkatkan subsidi Kerajaan daripada 166 juta dalam tahun 2002, kepada 200 juta pada

tahun 2006 kerana banyaknya penggunaan minyak kereta bagi penggunaan kereta, jadi ini satu perkara yang kita perlu fikirkan.

2. Mengenai dengan *road tax* yang dipanjangkan kepada tiga tahun, adalah menjadi perhatian kita Jabatan Pengangkutan Darat untuk memastikan *road awareness* sebuah kenderaan tersebut. Pada masa ini pun dengan pemberian tidak memberikan pemeriksaan kenderaan bagi kereta yang berumur sehingga tujuh tahun banyak kereta-kereta diubahsuai untuk direndahkan dan ini membahayakan kepada pengguna-pengguna jalan raya apa lagi *road tax* nya diberikan tiga tahun jadi tidak ada satu kontrol kepada pengguna-pengguna jalan raya. Walau

bagaimanapun kita akan meneliti akan cadangan tersebut.

3. Bengkel *Inspection Centre (VIC)* yang ada di Gadong sudah berumur dan dibina 1993 dan adalah menjadi hasrat daripada setiap hari 250 kenderaan telah diperiksa di sana. Kementerian Perhubungan sudah menyediakan pejabat-pejabat baru, di Daerah Temburong dan Daerah Tutong sudah selesai dan Jabatan-Jabatan ini akan dilengkapi dengan *VIC* dan begitu juga di Daerah Belait pada satu hari nanti prosesnya akan dilaksanakan pada masa ini.
4. Dan mengenai dengan pemandu bas sekolah ini adalah penting disebabkan keselamatan dan kita memastikan bahawa setiap pemandu itu dipertanggung

jawab bukan kepada dirinya sendiri terutama sekali pemandu bas itu sendiri, tetapi kepada orang yang dipandunya itu dan kita memastikan akan kecekapan pemandu-pemandu tersebut termasuklah had umur. Mengenai dengan perhentian bas adalah menjadi perhatian pada masa ini Jabatan Pengangkutan Darat bersama dengan Kementerian Pehubungan sedang membina beberapa buah tempat perhentian bas. Mengenai dengan *parking* di Bandar Seri Begawan iaitu dekat Sekolah Arab dan Tahfiz adalah bidang kuasa pihak penguasa kawalan lalu lintas. Kita akan menghubungkan suara Yang Berhormat ini kepada pihak penguatkuasa, Penguasa Undang-Undang. Mengenai dengan letak kereta

di Kampong Bolkih 'A' perkara ini akan dibawa perhatian kepada pihak yang bertanggungjawab mengenai dengan perpindahan Bolkih 'A' itu.

5. Mengenai dengan had laju di Kampong Puni dan Labu itu kemungkinan jalan yang dibina itu adalah pada ketika ini ditentukan kepada 65 MPH dan baru-baru ini sejak pada tahun lepas diturap baru, menjadi licin sedikit jalan itu dan barangkali jalan yang licin ini akan ditinggikan had kelajuan tersebut. Pihak Jabatan Pengangkutan Darat dan pihak yang bertanggungjawab. Mengenai dengan teknikal mengenai dengan jalan raya itu, adakah sesuai jalan raya itu dinaikkan tarafnya kepada 80

MPH sedang diteliti. Terima kasih.

6. Dan satu lagi ialah lesen mamandu sebagai langkah sementara Jabatan Pengangkutan Darat akan mengadakan lesen memandu seperti *smart card* itu. Tetapi adalah lebih baik lagi pada masa akan datang kita hanya membawa satu *smart card* yang mempunyai isi di dalam itu ada rekod-rekod peribadi kita sepertimana di negara-negara lain, bukan sahaja *driving licence* tetapi *particulars* - *particulars* mengenai kita sendiri, termasuklah kedudukan kesihatan dan sebagainya ini ada dimasukkan di dalam *e-government*. Terima kasih

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain.

Yang Berhormat Dato Paduka Haji**Yunos bin Mohd Noh:** Terima kasih

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menyentuh budaya memandu yang melibatkan anak-anak damit. Sejak kebelakangan ini kita membaca dalam media massa bahawa beberapa pelanggaran yang menyebabkan kematian yang melibatkan juga kematian anak-anak damit. Kita mempunyai peraturan pihak ibu bapa, tetapi sikap budaya memandu yang tidak bertanggungjawab kadangkala kita mendapati bahawa anak-anak damit berdiri di hadapan dan kandangkalanya ada didapati anak-anak damit membantu bapanya memandu. Adalah menjadi satu persoalan ialah sikap tanggungjawab ibu bapa berkenaan. Tidak adakah pihak-pihak yang berkenaan mengambil sebarang tindakan

mengenai tabiat budaya memandu seperti ini?. Terima kasih

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan:

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sebenarnya kita terdapat Majlis Keselamatan Jalan Raya iaitu banyak dianggotai banyak agensi Kerajaan dan swasta, adalah menjadi perhatian yang serius kepada Majlis Keselamatan Jalan Raya untuk meningkatkan kesedaran orang ramai, pemandu-pemandu dan kesemua pengguna jalan raya akan budaya, tabiat kitani memandu ini. Kalau dari segi Jabatan Pengangkutan Darat perkara ini adalah dimasukkan di dalam kurikulum di sekolah memandu, kadang-kadang hanya untuk pas periksa bukan dijadikan budaya. Insya-Allah pada dua

minggu yang lepas kita telah melancarkan Kempen Keselamatan Jalan Raya ini akan diikuti satu lagi kempen secara kebangsaan yang dilancarkan di seluruh negara yang akan diadakan dalam bulan April dan pihak Majlis Keselamatan Jalan Raya bersama dengan Syarikat Brunei Shell Sendirian Berhad akan berusaha untuk menyerapkan budaya memandu ani ke kampung-kampung dan mukim-mukim.

Jadi di majlis yang mulia ini saya memohonlah kerjasama daripada Ketua-Ketua Kampong, Penghulu-Penghulu nanti supaya kitani akan menembusi sasaran-sasaran ini ke sekolah-sekolah, mukim-mukim, kampung-kampung, jadi ini adalah tanggungjawab kitani bersama. Alhamdulillah sebagaimana yang pernah saya nyatakan bahawa dengan tindakan - tindakan penguatkuasaan yang telah

dilaksanakan oleh pihak berkuasa, penguatkuasa undang-undang pada tahun lepas, kadar kematian akibat kemalangan di jalan raya bagi Negara Brunei Darussalam telah menurun daripada 38 dalam tahun 2005 kepada 32 orang. Tapi ini sebagaimana saya nyatakan juga ini adalah masih lebih tinggi dibandingkan dengan negara-negara seperti di New Zealand 1.4 orang bagi 110,000 orang pengguna atau dibanding negeri Jepun dan Singapura dan lain-lain. Jadi kita akan terus berusaha ke arah mengurangkan kemalangan-kemalangan jalan raya-jalan raya ini. Terima Kasih.

Pengerusi: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Belait: Pengiran Pengerusi

bercakap mengenai tentang pengubahsuaian kenderaan sepertimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan memang kita faham bahawa di jalan-jalan raya pada masa ini kita nampak pengubahsuaian kereta sama ada ia dibenarkan atau tidak. Jadi saya mencadangkan untuk menghindarkan dan mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan, saya mencadangkan supaya satu tindakan bersepadu bukan saja satu Jabatan, Kementerian untuk menghalang atau tidak membenarkan mana-mana *accessories* yang ada di pasaran di Negara Brunei Darussalam kitani pada masa ini yang kita fikir tidak selamat untuk diguna pakai hendaklah jangan dibenarkan masuk ke Negara Brunei, sekian Pengiran Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan: Peramba mengucapkan terima kasih ke atas saranan Yang Berhormat tadi dan akan diambil perhatian.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Pengiran Pengerusi saya hanya bertanya orang semua kan banyak macam bertanya sudah, barangkali mungkin jadi pertanyaan saya ini barangkali sama ada kena-mengena dengan Jabatan Pengangkutan Darat ini atau barangkali dalam kuasa Polis kali. Ini soalan ini bukanlah apa-apa, soal *plate motorcar* kita dapat melihat dalam belakang dan depan tu

bermacam-macam plat yang bukan pulang nombornya tetapi tentang berkilat dengan tidak berkilat dengan huruf besar size huruf dengan damit dan ada pula huruf yang berbunga-bunga dengan lesennya. Jadi mana satu, tapi saya minta maaf kalau ini misalnya bukan dalam Pengangkutan Darat atau perkara itu Polis barangkali lebih mengetahuinya. Kenapa selalu orang, lesen tidak berkilat itu saja yang pandangan saya, lesen yang berkilat tidak boleh ditahan oleh polis, jadi tapi ada orang yang berlesen damit ganya hurufnya kadang-kadang tidak nampak dibaca, tidak ada dibunyi-bunyikan. Jadi kalau ini bukan dalam Pengangkutan Darat barangkali kalau Polis, saya minta maaf tapi itu sajalah menjadi keraguan saya dalam Bahagian Pengangkutan Darat, terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan:

Terima kasih atas pemerhatian Ahli Yang Berhormat mengenai dengan perkara ini. Sebenarnya memang mengikut Akta Pengangkutan Darat ada spesifikasi yang tertentu mengenai dengan *plate* lesen ini, tapi bagaimanapun bila sudah ia mendapat *road tax* atutah ia menukar lagi yang lain perkara ini hanya akan dapat diambil tindakan melalui penguatkuasaan bila pihak Pegawai Pengangkutan Darat bersama dengan Polis Diraja Brunei membuat *Road Block* dan sebagainya. Walau bagaimanapun perkara ini pada masa ini sedang dalam perhatian jabatan Pengangkutan Darat dan insya-Allah ada satu cara atau keadah di mana *plate* lesen itu tidak dapat akan diubah-ubah lagi jadi pada masa ini

sedang dalam penelitian. Terima kasih.

Pengerusi: Terima Kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Maaf Pengiran Pengerusi, kalau begitu saya ingin mencadangkan kalau boleh *plate* lesen *motorcar* ani jangan disalahkan orang punya lesen tetapi penjualnya atau kedai taukeh yang dijual atau ditetapkan atau Kerajaan sedia mengeluarkan *plate* lesen atau kalau tidak yang bersalah atau orang yang membeli *plate* lesen dikedai atau jadi orang dikedai atau nda ia tahu huruf berkilat atau inda berkilat mana ia peduli asal orang membeli jadi kalau boleh tetapkan kalaulah ada misalannya satu syarikat yang boleh mengikut peraturan yang

telah ditetapkan, sekian besar sizenya jangan berkilat, jangan huruf damit dan jangan huruf berbunga. Kadang-kadang ada huruf berbunga jua, ada ditaruh kalau dapat tetapkan satu penjualnya sajalah walaupun ramai orang mengikut peraturannya. Kalau lesen ani jangan salahkan orang membelinya, penjual atulah, jadi minta maaf terima kasih banyak.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Terima kasih atas pemerhatian Ahli Yang Berhormat macam atulah barangkali pemikiran pada masa ani akan dilantik beberapa orang *approve supplier* saja jadi lesen tidak boleh lagi dibeli dari mana-mana kedai hanya pembekal yang disahkan oleh

Jabatan Pengangkutan Darat yang boleh membekalkan lesen tersebut, terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah bermesyuarat dengan panjang lebar mengenai perkara ini, kalau sekiranya tidak ada yang mahu membuat pertanyaan dan membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Pengangkutan Darat, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Pengangkutan Darat diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SN05A Jabatan Pengangkutan Darat dijadikan

sebahagian Jadual. Tajuk SN06A Jabatan Perkhidmatan Pos.

Pengerusi: Ahli-Ahli yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei

Muara: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ada satu keluhan yang ingin disampaikan di majlis ini, alhamdulillah Jabatan Pos, sekarang memang jauh perbezaan dari yang lalu, surat yang dikirim sudah jauh cepatnya sampai tempat yang ditujukan. Cuma satu keluhan daripada posman, posman yang bertugas ada mengatakan pada saya. Saya sendiri pun pernah melihat, motosikal kami ani sudah lama, jadi kalau dapat cuba tah diambil perhatian dan buat penyiasatan berapa lamakah kenderaan mereka ini sesuai dipakai

kalau fikiran saya dan saya mencadangkan satu perkara yang diambil berat, kerana motorsikal atau kenderaan ini adalah satu bahaya bagi pengguna ataupun posmen, jadi diharapkan pihak berkenaan akan membuat penyesiatan dan mengganti mana-mana motorsikal yang sudah kurang upaya dan tidak selamat lagi dipakai dan mereka jua mencadangkan supaya c.c motorsikal mereka ini akan dinaikkan sedikit daripada 100 c.c ani, terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat lain ada lagi yang mau bercakap.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menimbulkan mengenai wakil pos pada masa ini hanya kampung-

kampung tertentu, ataupun kebanyakan di kedai-kedai dibuat wakil pos. Saya ingin mencadangkan supaya wakil-wakil pos ini sama ada di Ketua Kampong atau pun Penghulu Kampong supaya surat-surat yang dikirim itu cepat datang. Kalau tempatnya jauh atau di kedai kalau orang itu in da pergi ke kedai itu in da tia datang surat-surat itu. Sekian Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Terima kasih atas pemerhatian Ahli Yang Berhormat mengenai dengan perkhidmatan pos. Memanglah benar ada beberapa buah motosikal ini sudah

lama, tapi ada jua yang telah diluluskan dalam Anggaran Belanjawan pada tahun lepas untuk mengganti, tapi indalah dapat semua. Jabatan Perkhidmatan Pos pada masa ini sedang berusaha untuk menggunakan perkhidmatan *out sourcing*. Ertinya ada orang syarikat swasta akan dapat membekalkannya akan disewa oleh perkhidmatan pos, dan ini mungkin akan mengelakkan daripada perkara-perkara kerosakan dan sebagainya.

Jadi perkara itu diambil perhatian. Mengenai dengan wakil pos supaya meminta Ketua Kampong ini kali akan di teliti. Masa ini wakil pos itu kebanyakan kedai-kedai di mana orang-orang senang berhubung orang ramai senang berhubung dalam tempuh masa yang kedai itu terbuka. Indalah tahu kalau Ketua Kampong ini pada setiap masa

di rumah iapun ada tugas-tugas yang lain. Bagaimanapun kitani akan meneliti akan kesesuaiannya cadangan tersebut.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, Daerah Brunei

Muara: Menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas cadangan salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi, supaya Penghulu, Ketua Kampong ini menjadi sebagai ejen ataupun menyampaikan surat-surat. Jadi khidmat saya rasa kurang bersetuju jika kiranya Penghulu dan Ketua Kampong ini diberikan satu tugas lagi untuk menyampaikan surat yang dimaksudkan. Jadi barangkali cadangan yang demikian memang elok memang dan baik untuk mengatasi supaya kelambatan-

kelambatan itu tidak akan terjadi. Walau bagaimanapun, saya rasa tugas sedemikian tidaklah dapat saya menerima. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Daerah Kuala Belait: Terima kasih Pengiran Pengerusi. Kementerian Perhubungan telah banyak membuat kejayaan umpamanya kalau telekom diswastakan kepada *TelBru*, jadi Pejabat Pos adakah rancangan pihak Kementerian Perhubungan untuk diswastakan jua terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sebenarnya adalah menjadi sasaran 2023 bagi Kementerian Perhubungan untuk

menjadikan jabatan-jabatan ini di bawah sebagai pengawal salia dan tidak menjalankan *Cost Business*. Pejabat Pos adalah sebuah Jabatan yang dikenal pasti untuk dikorporatkan pada masa akan datang sekiranya bersesuaian.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada yang mahu membuat pertanyaan dan membincangkan, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Jabatan Perkhidmatan Pos, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Jabatan Perkhidmatan Pos diluluskan.

Jurutulis: SN06A Jabatan Perkhidmatan Pos dijadikan

sebahagian dari Jadual SP01A Kemajuan.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Pengerusi, mengenai dengan hal Kemajuan ini nampaknya banyak kalau cuma di sini, dari jumlah \$4,630 Juta lebih berbanding dengan \$900 juta tapi tidak ada dalam ini, macam ini ada seksyen-seksyen tapi nampaknya banyak, kalau dapatlah siapa juga menteri-menteri yang bertanggungjawab ini dapat memberi penjelasan hal-hal yang disebutkan dalam Kemajuan sebab apa banyak?, belanja \$900 juta khas untuk kemajuan berbanding dengan yang lain-lain itu, cuma yang paling tinggi pun seratus juta lebih ada memanglah tapi \$900 juta. Jadi saya rasa kalau bolehlah dijelaskan pasal apa kalau kita perhatikan dalam itu

estimate ini dalam tahun 2007 pun sudah ada, dan tahun 2008 pun ada juga.

Jadi banyak subjek-subjek yang di sini barangkali kita tidak dapat misalan katalah kita ambil satu sebahagian Pertanian, macam-macam dalam itu ada yang \$52 juta kemudian ada pula lagi misalan dalam Pertanian juga \$12 juta. Jadi kalau dapatlah saya memohon minta maaf oleh kerana barangkali mengganggu perjalanan mesyuarat ini jadi kalau boleh dapat penjelasan satu persatu apa yang disebutkan untuk Kemajuan yang ini, mengapa sekian banyak, bukan sedikit ini. Jadi kalau boleh Pengerusi mohonlah kalau dapat penjelasan-penjelasan satu persatu daripadanya apa ni. Ini tentulah mengambil masa panjang barangkali. Tapi bukanlah saya ingin melanjut-lanjutkan masa mesyuarat ini Tetapi jikalau

sekiranya misalan tidak perlu dijelaskan terima sajarah \$900 Juta.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, peramba percaya ani dapat dijelaskan kerana ia ada melihat 5 tahun punya rancangan ni. Ada yang sudah siap, ada yang belum siap, ada yang masih disempurnakan. Peramba fikir Ahli Menteri Kewangan Kedua boleh menjawab.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Tuan Pengerusi, Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh. Sebenarnya perbelanjaan-perbelanjaan yang diperuntukkan untuk perbelanjaan Kemajuan Negara ini adalah perbelanjaan-

perrbelanjaan yang disediakan untuk menampung *Capital Expenditure*. Ertinya *Capital Expenditure* perbelanjaan-perbelanjaan *capital* misalnya pembuatan-pembuatan infrastruktur lagi kesejahteraan rakyat. Misalnya kalau kita melihat, yang sudah saya terang/bentangkan dalam kertas belanjawan yang baru lalu, saya telah membentangkan bahawa \$900 juta ini adalah kebanyakannya untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam khususnya dalam sektor-sektor tertentu, misalnya untuk membangun Pertanian, Perikanan, Kemajuan Perusahaan dan *infrastructure* seperti pembuatan-pembuatan sekolah, jalan raya, Penerbangan Awam, Laut, Pelabuhan dan macam-macam lagi. Termasuklah jua *capacity building* di mana di dalamnya iaitu dalam 924 terdapat sumber tenaga manusia. Yang mana diperuntukan

sebanyak 20.7 juta. Jadi pelaksana-pelaksananya ialah kementerian-kementerian masing - masing. Alhamdulillah sekiranya \$900,000,000.00 ini dapat dibelanjakan pada tahun ini insya-Allah perkembangan ekonomi dan limbahnya akan dapat dipercepatkan lagi yang mana mengikut unjuran-unjuran yang telah kita berikan ialah di antara 2.6 hingga 3% pada tahun kewangan 2007/2008 ini insya-Allah, itupun jika pelaksanaan itu seperti yang kita rancang dengan peruntukan-peruntukan yang telah kita berikan. Barangkali itulah saja ringkasannya yang dapat peramba berikan pada waktu ini. Sebabnya kalau kita melihat setiap tajuk-tajuk itu, Sektor-sektornya banyak projek-projek yang dibentangkan di sana dan kemajuan setiap projek itu ada *stack holdernya* iaitu kementerian-kementerian tertentu, sekian terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Pengiran Pengerusi sepertimana sabda tuan peramba tadi Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 telah selesai dijalankan sini peramba ingin mengetahui sejauh manakah pencapaian RKN Ke-8 dari *status* perbelanjaan?, terima kasih.

Pengerusi: Saya bertanyakan kepada Ahli Yang Berhormat, perbelanjaan bagaimana yang ditanyakan.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Status ini yang sudahpun tadi mungkin ampun.

Pengerusi: Dapat didetailkan di sini dalam sini, ada garis pandu di sini

**Yang Amat Mulia Pengiran Dipa
Negara Laila Diraja Pengiran Haji
Abdul Momin bin Pengiran Haji**

Ismail: Rancangan ini semua lima tahun tapi bersambung-sambung.

Pengerusi: Ada di sini.

**Yang Amat Mulia Pengiran Dipa
Negara Laila Diraja Pengiran Haji
Abdul Momin bin Pengiran Haji**

Ismail: Statusnya belum ada belum nampak siapapun belum tahu mana yang siap, mana yang in da perbelanjaannya berapa.

Pengerusi: Di antara semua kemajuan ani berapa persen sudah siap, atu pertanyaan Yang Berhormat.

**Yang Amat Mulia Pengiran Dipa
Negara Laila Diraja Pengiran Haji
Abdul Momin bin Pengiran Haji**

Ismail: Yang sudah siap tu, Pengiran Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang
Kaya Laila Setia Dato Seri Setia
Haji Awang Abdul Rahman bin
Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II**

(Kedua): Terima kasih Pengiran Pengerusi. Memang dari segi perbelanjaan secara menyeluruh kita dapat menyaksikan bahawa dalam Rancangan Kemajuan Negara ini kira-kira lebih 50% saja setakat ini dibelanjakan. Tapi alhamdulillah kalau kita perhatikan daripada tahun-tahun kewangan 2004/2005, jumlah yang kita belanjakan 40%, tapi pada Tahun 2005/2006 ianya meningkat 54%, dan pada Tahun Kewangan 2006 dan 2007, jumlah ini meningkat pada akhir bulan Februari 2007 jumlah yang telah kita belanjakan setakat ini adalah 58.78%. Tapi insya-Allah sebulan lagi selalunya akhir tahun kewangan perbelanjaan

akan berlipatganda. Kita menjangkakan bahawa perbelanjaan ini akan meningkat sekurang-kurang lebih daripada 60%, insya-Allah.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada yang mahu membuat pertanyaan dan membincangkan lagi, jadi sekarang saya undi. Yang bersetuju pada tajuk ini iaitu Kemajuan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Mengangkat Tangan)

Yang tidak bersetuju.

(Tidak ada)

Nampaknya semua Ahli bersetuju, Kemajuan diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SP01A Kemajuan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Bab 1 Gelaran dan Permulaan Kuatkuasa.

Pengerusi: Akta ini boleh digelar sebagai Akta 2007/2008 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan April 2007. Yang bersetuju mengundi angkat tangan yang tidak bersetuju, maka Rang Undang-Undang Digelar yang diterangkan tadi iaitu Sejumlah Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2007/2008 untuk memperuntukkan wang yang tersebut bagi maksud-maksud yang tertentu.

Jurutulis: Bab 1 Gelaran dan Permulaan Kuatkuasa dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah kita telah dapat menyelesaikan Anggaran Belanjawan 2007/2008 itu dengan kerjasama baik daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sangat

sukacita bahawa walaupun ada sedikit kurang persefahaman tetapi dengan kerjasama dan pengertian satu sama lain mempunyai intim yang sangat baik, maka kita berjaya dapat meluluskan Rang Undang-Undang ini dengan sebaik-baiknya di dalam persidangan Jawatankuasa walau bagaimanapun, nanti kita akan berbalik bersidang kepada Majlis Mesyuarat Negara, sekarang akan membincangkan dalam Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua): Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh. Yang

Dipertua Dewan saya memohon izin untuk memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang yang bergelar Satu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun kewangan 2007/2008, dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu, telah dipertimbangkan dalam persidangan Jawatankuasa yang telah dipersetujui dengan tidak ada pindaan. Sekarang saya memohon izin mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca pada kali ketiganya dan diluluskan. Terima kasih.

Yang Dipertua Dewan: Ahli yang menyokong, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua telah mencadangkan dan ada sokongan supaya Rang Undang-Undang ini sekarang dibaca bagi kali ketiga dan

diluluskan, saya bertanya bolehkah Ahli-Ahli bersetuju dengan cadangan ini sila mengangkat tangan (Semua Ahli mengangkat tangan) Yang tidak bersetuju? (Tidak ada). Maka dengan yang demikian yang bersetuju menang, maka Rang Undang-Undang ini diluluskan, iaitu Rang Undang-Undang Kewangan Tahun 2007/2008 diluluskan.

Jurutulis: Satu Undang-Undang yang Bergelar Akta Untuk Membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2007/2008 dan untuk memperuntukkan wang tersebut diluluskan.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan kita bagi Rang Undang-Undang telahpun selesai tetapi ada beberapa kertas-kertas dan peruntukan-peruntukan

yang perlu dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Negara ini, maka Majlis ini buat sementara ini saya tangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**Majlis bersidang disambung pada
jam 2.30 petang**

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Mesyuarat, sekarang Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Jurutulis: Perkara yang Ketujuh Ketetapan. Ketetapan yang pertama ketetapan di bawah Fasal 83 (7) daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin meminta keizinan Yang Dipertua Dewan untuk menerangkan secara ringkas mengenai dengan kertas yang dibentangkan di atas meja, iaitu Kertas Bilangan 1 Tahun 2007 iaitu "Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2006 menurut fasal 83 daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam". Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebanyak dua belas (12) Perintah yang disenaraikan telahpun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Untuk makluman kita bersama sebahagian daripada Perintah-Perintah ini sudahpun

berjalan kuat kuasanya pada tahun lalu dan sebahagiannya pula telah mula berjalan pada tahun ini. Kesemua perintah ini juga telah diterbitkan dalam Warta Kerajaan menurut Peraturan dan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Perintah-Perintah ini dilaksanakan bagi membolehkan jentera-jentera Kerajaan berfungsi dengan lebih teratur dan sempurna mengikut keperluan negara. Dengan sebab itu, maka perintah-perintah yang diperkenankan ini tidaklah perlu untuk dibahaskan sebaliknya sesuailah bagi perintah-perintah ini ditetapkan sahaja.

Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, keterangan mengenai dengan secara ringkas perintah-perintah yang saya nyatakan ini adalah seperti yang tertara di dalam kertas Majlis Mesyuarat Negara Perkara IV.

Sehubungan dengan itu Yang Dipertua Dewan, izinkanlah saya mencadangkan sekali lagi supaya ketetapan yang berbunyi "Majlis ini membuat ketetapan Fasal (7), Perkara 83 daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Fasal 3, Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan dihadapkan ke majlis sebagai Kertas Bilangan 1 Tahun 2007, adalah masing-masing melalui dari tarikh perintah-perintah itu dibuat dan diluluskan".

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli yang menyokong.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Uagama: (berdiri dan menyokong).

Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat, semasa kita membincangkan Rang Undang-Undang, Ahli-Ahli Yang Berhormat satu ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam Tahun 1959, mengenai senarai Perintah-Printah Darurat yang telah diluluskan di bawah Fasal 3 Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Pendidikan dan ada penyokongnya. Oleh kerana semua Akta-Akta ini telahpun dikurniakan dan mendapat perkenan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan telahpun berjalan kuat kuasanya, maka saya berfikir perkara ini tidak payah lagi dibincangkan dalam Dewan ini. Walau bagaimanapun sekiranya ada

Ahli-Ahli yang ingin bertanya bolehlah berbuat demikian.

Ahli-Ahli Yang Berhormat siapa bersetuju, sila angkat tangan. (semua Ahli Yang Berhormat mengangkat tangan). Siapa tidak bersetuju sila angkat tangan (tidak ada). Nampaknya semua bersetuju, maka ketetapan pertama ini diluluskan.

Jurutulis: Ketetapan yang kedua di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan Penggal 136 akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II

(Kedua): Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menurut Peraturan 4 (3), saya sukacita majlis ini membincangkan perkara 7 (2) di dalam agenda. Alasan saya untuk memohonkan sedemikian, Yang Dipertua Dewan ialah kerana ketetapan ini juga berhubung dengan kuasa-kuasa majlis dalam meluluskan Belanjawan Bagi Tahun Kewangan 2007/2008 dan pertimbangan awal akan membolehkan pihak Kerajaan menjalankan projek kemajuan bagi tahun kewangan hadapan.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyokong berdiri.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama: (berdiri dan menyokong).

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa kita menimbangkan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2007/2008 banyak sekali perkara-perkara yang telah dibangkitkan termasuk dalam anggaran perbelanjaan negara, seperti jalan raya, rumah-rumah perpindahan, sekolah-sekolah dan saliran-saliran sekitar alam dan lain-lain dan banyak lagi perkara-perkara yang tidak saya jelaskan di sini. Jadi dalam menimbangkan, ketetapan ini mungkin tidak banyak perbincangan yang perlu diadakan memadailah perkara-perkara yang belum disentuh dalam perbahasan yang

lepas, bolehlah dibangkitkan. Walau bagaimanapun untuk memenuhi peraturan ketetapan dibuat untuk dibahaskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak ada yang membahaskan lagi? maka saya memohonkan Ahli-Ahli yang bersetuju sila angkat tangan (semua Ahli mengangkat tangan). Yang tidak bersetuju sila angkat tangan (tidak ada). Maka dengan demikian oleh kerana banyak sokongan dan bersetuju, ketetapan kedua diluluskan.

Jurutulis: Perkara yang ketujuh ucapan-ucapan penangguhan. Ucapan penangguhan yang pertama akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Seri Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Seri Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan: Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya berdiri lagi pada kali ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, khususnya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan kewahaman dan mengutarakan isi hati rakyat jelata di merata kampung, mukim dan daerah-daerah untuk didengar dan difikirkan oleh semua Ahli-Ahli Yang Berhormat terutamanya Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sini. Seterusnya Yang Dipertua Dewan, saya ingin juga memberikan penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan kemantapan pemfikiran dengan

memberikan teguran-teguran dan saranan-saranan yang fokus, bernas dan membina demi mengatasi apa jua masalah mahupun cabaran-cabaran yang telah dikemukakan.

Bagi pihak Ahli-Ahli sebelah Kerajaan adalah menjadi kewajipan bagi kita di sini untuk menerangkan dan menjelaskan keadaan yang sebenarnya supaya kedua-dua belah pihak saling memahami serta menghargai apa jua usaha yang dilaksanakan oleh jentera-jentera Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, demi memelihara kepentingan rakyat dan negara ini akan dapat difahami sepenuhnya. Apa yang telah kita usahakan selama ini adalah untuk membawa kebaikan dan kemanfaatan bersama selaras dengan hasrat Kerajaan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan baginda dalam mengerakkan dan meneruskan usaha menjadikan negara ini sebagai sebuah negara yang maju, terus makmur, bertamadun sebanding dengan negara-negara maju yang lain. Permesyuaratan ini adalah menjadikan *platform* bagi kita semua betul-betul memahami dan berusaha serta bertindak sebagai satu pasukan yang penuh dengan setia kawan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita semua adalah diamanahkan dengan tanggungjawab yang berat bagi meletakkan negara kita ini untuk duduk tinggi sama rendah dengan negara-negara maju serta terus digalati sebagai negara yang merdeka penuh berdaulat. Oleh sebab itu, apa yang dihasratkan adalah bagi pemesyuaratan yang akan datang, Ahli-Ahli Yang

Berhormat bukan saja terhadap kepada membuat teguran-teguran dan saranan-saranan ke atas perkembangan kemajuan rakyat di kampung-kampung atau di daerah-daerah saja malah Ahli-Ahli Yang Berhormat juga sama-sama digalakkan untuk memberikan pemikiran mahupun cadangan-cadangan terhadap kemajuan negara secara amnya bagi membolehkan negara kita ini menghadapi, mengharungi masa hadapannya dengan penuh cabaran-cabaran ini.

Cadangan-cadangan tersebut itu nanti perlu memperkirakan pergolakan pembangunan, mahupun perubahan pembangunan negara-negara serantau dan antarabangsa. Ini selari dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri, yang baginda titahkan beberapa hari yang lalu di mana harapan tinggi baginda

adalah bagi majlis ini ditinggikan keupayaannya, dan menjurus kepada memajukan negara sebagai negara yang mencapai kecemerlangan tamadun dan nama. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Dipertua Dewan di atas kebijaksanaan, ketekunan, ketenangan dan kesabaran Yang Dipertua Dewan, Majlis kita telah berjalan dengan penuh teratur dan licin dan telah membuah hasil dan kemanfaatan yang diharapkan. Di samping itu majlis permesyuaratan yang lalu, kita semua telah berunding dan bermuafakat dengan hati yang penuh tulus ikhlas dan telus, diiringi dengan niat yang diharapkan dengan penuh kesucian. Insya-Allah kita akan bertemu dan meneruskan lagi permesyuaratan kita ini pada waktu-waktu yang akan datang.

Dengan itu, Yang Dipertua Dewan dengan penuh rasa kesyukuran dan tawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala jua, saya bagi pihak rakan-rakan sebelah sini mencadangkan supaya majlis kita ini ditangguhkan.

Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang Kedua akan disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Pengiran Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, junjung kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk peramba menyampaikan ucapan Penangguhan berakhirnya

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketiga bagi Majlis Mesyuarat Negara yang bermula pada hari Selasa 16 Safar 1428, bersamaan 6 Mac 2007. Sebagai pembuka kata izinkan peramba menyembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada tuan peramba di atas kebijaksanaan dan kearifan tuan peramba memimpin persidangan mesyuarat dari awal hingga akhir dengan suasana yang selesa dan harmoni.

Pengiran Yang Dipertua Dewan, sebagai kita semua maklum salah satu objektif mesyuarat yang baru saja berakhir ini adalah untuk membincangkan Anggaran Belanjawan Negara 2007 / 2008, meneliti dan seterusnya memberikan pandangan dan membahaskan isu-isu yang mungkin tidak jelas dan perlu penerangan lebih lanjut dari pihak-pihak yang berkenaan.

Pengiran Yang Dipertua Dewan, alhamdulillah mesyuarat telah berjalan dengan lancar dan teratur, di mana segala penelitian, perbincangan dan pandangan yang disuarakan adalah setimpal dengan isu-isu yang ditimbulkan dan ianya telah dibuat dan disampaikan sebaik yang boleh dengan bijaksana, ikhlas dan penuh dedikasi, seiring jua dengan harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di pembukaan mesyuarat ini pada hari Selasa, 6 Mac 2007.

Peramba sangat-sangat berharap agar segala teguran dan kritikan yang disampaikan dalam mesyuarat ini dianggap sebagai pandangan-pandangan yang tulus ikhlas dan membina diterima secara positif ke arah pembaikan bersama.

Pengiran Yang Dipertua Dewan perlaksanaan projek-projek di bawah

Rancangan Kemajuan Negara memerlukan keprihatinan yang penuh dan tindakan yang padu dan jitu agar ianya tidak menjadi alasan dan penyebab bagi kelambatan proses pembangunan negara yang kita cintai ini. Langkah-langkah bijak dan segera yang diambil untuk memudahkan dan mempercepatkan pelaksanaan projek adalah asas kepada proses pembangunan negara.

Pengiran Yang Dipertua Dewan sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini, peramba sangat menjunjung kasih di atas keprihatinan dan pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sepertimana yang dihasratkan dalam titah baginda sempena pembukaan mesyuarat ini bahawa setiap rancangan bukan hanya berdasarkan *value for money* tetapi yang lebih utama ialah kejayaan dan

manfaatnya yang dapat membawa negara mencipta tamadun dan nama, di mana pelaburan Kerajaan perlu seimbang di antara ekonomi dan tamadun.

Dengan tafsiran yang lain masyarakat bertamadun seharusnya merangkumi sumber-sumber tenaga manusia yang berkualiti, bermoral tinggi, berwibawa dan berupaya melahirkan pemikir-pemikir dan cendiakiawan yang dapat memberi sumbangan yang cemerlang bagi mengisi aspirasi dan intipati agenda pembangunan bangsa, ugama dan negara.

Tertubuhnya Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan disusuli dengan peningkatan taraf Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan kepada Kolej Universiti Perguruan jelas menunjukkan komitmen Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam

mencipta tamadun dan nama. Usaha murni ini diharap akan dapat memenuhi impian negara untuk menuju ke arah mercu kegemilangan Islam, khususnya dari segi membentuk generasi yang berupaya meraih ilmu pengetahuan serta memiliki akhlak yang mulia hasil dari kecemerlangan pendidikan yang disediakan. Peri mustaknya peranan guru-guru dalam mendidik anak bangsa kita tidak dapat dinafikan. Jesteru itu, kebajikan dan kesejahteraan mereka perlu diutamakan agar mereka tidak menjadi kakitangan yang *'demotivated'* dan ketinggalan dalam menghadapi tuntutan global masa ini.

Pengiran Yang Dipertua Dewan, kecekapan dan kejayaan bagi meningkatkan pembangunan sumber manusia yang menjadi teras kejayaan sesuatu bangsa bukanlah

suatu yang sukar untuk dicapai. Pendidikan, pembelajaran satu pemberian insentif yang terancang, sistematik dan *relevent* seharusnya dirangka agar perlumbaan untuk mengajar ilmu ini sentiasa didokong oleh setiap warganegara. Bagi mengalakkan mereka berusaha meningkatkan taraf akademik serta kemahiran, menghasilkan warganegara sendiri yang pakar dalam berbagai bidang dan menlonjakkan nama negara ini di mata dunia. Perkara ini juga ada hubungannya dengan mencipta tamadun dan nama selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Pengiran Yang Dipertua Dewan, sekian sahaja yang peramba dapat ketengahkan dan berharap apa jua yang abis peramba bangkitkan dalam mesyuarat kali ini akan dapat memberi dorongan dan berupaya

menyuntik sedikit sebanyak semangat bekerjasama dalam bertukar pandangan antara satu sama lain dan kebajikan demi kebaikan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam. Peramba mengakhiri ucapan kali ini dengan irangan doa dan harapan mudahan-mudahan kita berada di dalam suasana rukun damai aman sentosa dan berbahagia seperti kita nikmati selama ini sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam dan dengan izin Allah jua. Wabillahit Taufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Warbarakatuh. Terima kasih.

Jurutulis: Ucapan penangguhan yang Ketiga akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Haji Sunggoh.

Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Haji Sunggoh:

Bismilahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat pada membincangkan usul-usul penangguhan bagi Belanjawan Rancangan Kemajuan Negara Yang kelapan 2007 / 2008 pada tahun ini, maka di sini saya ingin memberikan sedikit pandangan dan pendapat.

Yang Dipertua Dewan, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kita baharu sahaja telah selesai membincangkan Peruntukan Belanjawan Negara 2007 / 2008 tersebut. Semoga rancangan-rancangan peruntukan tersebut akan dapat berjalan keseluruhannya, menuju matlamatnya selaras dengan sasaran utamanya. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk

menjadikan Negara Brunei Darussalam ini sebuah negara yang benar-benar berdaulat, aman makmur, lagi selamat selaras dengan konsep negara iaitu Melayu Islam Beraja.

Insya-Allah sebagaimana yang diharap-harapkan seperti yang dititahkan akan tercapai asalkan semua pihak berkerjasama. Sekian. Wabillahit Taufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Jurutulis: Ucapan penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat, Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin. Oleh kerana Yang Berhormat di masa ini tiada di dalam Dewan ucapan penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Pengiran Yang Dipertua Dewan, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian saya mengucapkan penghargaan kepada Pengiran Yang Dipertua Dewan, kerana menjalankan tugas beliau begitu cerah dan amat cemerlang sehingga berjaya mengatasi segala masalah yang ditimbulkan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Majlis ini. Di samping itu, saya mengucapkan kepada Ahli-Ahli Kabinet yang telah menerang dan memberi peluang kepada Ahli-Ahli yang telah dilantik di sebelah sini kerana telah menjelaskan keraguan setiap Ahli dengan ikhlas, terima kasih. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Di samping itu, saya mengambil kesempatan di dalam majlis ini selaras dengan amalan Negara

Brunei Darussalam, Islam sebagai agama rasmi dan diamalkan sebagai cara hidup oleh penduduk - penduduk di negara ini, maka saya syorkan dalam majlis ini pada masa akan datang supaya Kerajaan akan menubuhkan Pusat Memproses Barang-Barang Halal.

Dengan tertubuhnya pusat ini nanti adalah diharapkan akan memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha tempatan dan luar negara untuk mengambil bahagian dan membuka perusahaan mereka di negara ini dalam memproses berbagai jenis barangan mentah sama ada yang berada di negara ini mahupun di negara jiran. Dan secara tidak langsung akan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk negara ini. Tujuan utama pusat ini ditubuhkan adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mempelbagaikan

kegiatan ekonomi yang tidak hanya tertumpu kepada minyak dan gas semata-mata. Ianya juga selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memperkenalkan "*Brunei Premium Hala*" ke peringkat serantau dan antarabangsa. Untuk kewujudan pusat ini Kerajaan mestilah mengenal pasti kawasan yang bersesuaian dan mempunyai keluasan yang cukup luas bagi jangka panjang. Dan membuka kawasan berkenaan dengan menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan oleh sesuatu perusahaan yang berunsur berdaya maju dalam jangka panjang dan menguntungkan kepada pihak perusahaan. Syor ini adalah berasaskan penyelidikan yang dibuat oleh Majlis Ekonomi Negara Brunei dan Monitor Group.

Mengenai sektor-sektor yang patut dimajukan di negara ini seperti

sektor perhutanan, perikanan yang memproses bahan mentah dan sebagainya. Sekian saja Yang Dipertua Dewan dan sekali lagi saya menuntut maaf dan ampun jika sekiranya ada kesilapan dalam Majlis ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang

Goh King Chin: Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Walaupun peruntukan kewangan sudahpun dilluluskan sejumlah \$900,000,000.00. Dukacita dimaklumkan kenapakah tiap-tiap tahun kitani punya peruntukan tidak digunakan? Kalau dibandingkan pada tahun 2001 sampai 2005 cuma separuh saja digunakan. Inilah kekecewaan untuk rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, inilah satu kurnia bajet untuk rakyat untuk kesejahteraan, kebijaksanaan dan pendidikan semuanya. Saya

harapkan kalau dapat bajet ini boleh dihabiskan dengan betul. Ini bukannya salah daripada Kementerian Kewangan, ini disalahkan dari menteri-menteri lain.

Yang Dipertua Dewan, saya ingin sebutkan pasal orang-orang Tionghua di Negara Brunei Darussalam:-

1. Pada masa ini harta Persatuan dan Sekolah-Sekolah Tionghua adalah atas nama "Trustee" atau Amanah. Persatuan *members* memilih Ahli-Ahli jawatankuasa tiap-tiap dua tahun, ini bererti nama-nama Ahli sentiasa berubah sebagai Ahli *Trustee*. Adalah elok supaya Ahli-Ahli *Trustee* atau amanah tidak dibubuh nama cukuplah atas jawatan yang dipegangnya sahaja.

2. Pada masa ini Chung Hwa School, Bandar Seri Begawan pesat berkembang setiap tahun. Pada masa ini terdapat lebih 3,500 penuntut termasuk 10% penuntut Melayu. Keadaan ini jalannya berhampiran selalu sibuk terutama pada waktu pagi dan balik. Adalah sewajarnya kalau pihak berkenaan menyediakan sebuah jambatan iaitu *flyover* bagi keselamatan kanak-kanak ini. Ia juga adalah untuk mengurangkan kesesakan jalan raya. Terima kasih.

Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke Enam akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:
Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Pengiran Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sukacita saya ingin menggabungkan diri saya dalam menyokong Ucapan Penangguhan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan menyembahkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Dipertua Dewan di atas kebijaksanaannya memimpin permesyuaratan kita ini dengan jayanya. Saya juga gembira dengan penyertaan Ahli-Ahli Yang Berhormat di mana kita telah dapat bersama-sama berbincang dengan bernas dan bijaksana.

Yang Dipertua Dewan, dalam Ucapan Penangguhan saya ini saya akan membawakan tiga perkara:-

1. Alam sekitar, Kita bersyukur kerana negara kita ini dicucuri dengan rahmat dan diperkayakan dengan alam

semula jadi dengan pengeluaran minyak sebagai hasil kesejahteraan negara. Hutan hijau tropika dan persekitaran yang aman dan damai sebagai khazanah negara. Dari itu saya syorkan supaya kita akan terus melaksanakan piawaian alam sekitar yang terbaik berdasarkan kepada amalan antarabangsa yang sudah mantap bagi mengawasi perusahaan - perusahaan industri yang sedia ada dan yang baru, yang betul-betul diperlukan bagi perkembangan ekonomi negara contohnya seperti industri projek-projek di Sungai Liang seperti *Menthanol* dan *Urea Plant* yang dalam perancangan masa ini.

2. Mendukung juga usaha-usaha antarabangsa dan serantau, untuk menangani masalah alam

sekitar yang melintasi sempadan dan serantau seperti masalah jerebu dan sebagainya. Contoh projek bersama seperti '*Heart of Borneo*' yang baru-baru ini dilancarkan, saya ucapkan syabas kepada Negara Brunei Darussalam yang telah juga ikut sama menyertai projek ini.

Justeru itu juga diucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang telah memperkenankan Perintah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil Pindaan 2006. Diharap penguatkuasaan peraturan yang bersesuaian untuk memelihara alam sekitar yang boleh mempengaruhi kesihatan dan keselamatan awam akan dapat diteruskan dan dipantau.

3. Pembangunan Usahawan Tempatan. Sebagaimana yang telah difokus utama dalam Belanjawan bagi tahun 2007 / 2008 ini iaitu pengukuhan sektor swasta dan perkembangan ekonomi sektor bukan minyak. Satu program pembiayaan dan kaedah kemudahan kewangan yang berkesan bagi pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana (PKS), mestilah diadakan. Juga program latihan kemahiran perniagaan yang diperlukan patut diberikan yang mana ia juga akan memberikan mereka ketahanan diri bagi berdaya saing di dunia antarabangsa.

Di bidang *ICT* bantuan melalui penyediaan pusat-pusat *incubation* (latihan) ataupun pusat latihan untuk membantu PKS berkecimpung di bidang ini sepertimana yang kini

dusahakan oleh *BEDB*. Selain dari skim penswastaaan saya sangat-sangat mengalu-alukan cadangan untuk komersialkan dan *outsourcing* perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan untuk menambahkan lagi peluang-peluang perniagaan bagi PKS.

4. *Strata title*, dari sektor *real estate* atau harta tanah dan *property development* disyorkan Kerajaan:

I. Menyediakan '*strata title*' yang mana akan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi di bidang ini dalam memajukan perkembangan ekonomi sektor bukan minyak seperti ianya akan menggalakkan penyertaan - penyertaan pelaburan luar iaitu *foreign investment*.

II. Memberikan *confident* ataupun keyakinan bagi orang-orang luar, orang-orang asing yang membuat perusahaan dan perniagaan di negara ini untuk terus melabur di negeri ini dan menghindarkan mereka dari hanya membawa keuntungan mereka melabur di luar negeri. Ini boleh juga menaikkan harga (*property value*) yang mana ditentukan oleh kehendak pasaran ataupun *market force*.

III. Memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

IV. Memberikan peluang perniagaan kepada PKS.

- V. Boleh menampung sebahagian daripada keperluan perumahan. dan,
- VI. Menubuhkan *corporation* ke 'strata title' bagi pemilik-pemilik *property* akan memudahkan bagi pengurusan - pengurusan pembersihan ataupun *maintenance* yang mana masa ini satu masalah kerana tidak ada mempunyai *corporation* dan *property-property* yang dipunyai oleh *individual* tidak terpelihara.

Bercontohan kepada praktis-praktis di negeri-negeri jiran dan antarabangsa ianya banyak membawa kebaikan di berbagai-bagai bidang yang diperlukan bagi sesebuah negara itu untuk berkembang maju.

Di samping itu *strata title* menjejaskan keperluan atau syarat-syarat *land ownership* atau pemilikan tanah sedangkan ianya hanya diberikan dengan *lease hold title* sahaja, atau geran memegang pajakan sahaja.

Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli yang berhormat, sekianlah dulu yang saya ingin saya sampaikan bagi ucapan penangguhan ini, saya ucapkan ribuan terima kasih. Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Dipertua Dewan: Sebelum meneruskan Ahli-Ahli Yang Berhormat saya ingin menjelaskan bahawa di dalam bab atau perkara 35 (4) Ahli-Ahli yang mengemukakan suatu *partion* boleh mencadangkan supaya *partion* yang dibacakan dan dalam membuat usul itu mestilah menghadkan supaya dia memberi

penerangan yang ringkas mengenai dengan orang-orang yang menghantar *partion* itu, bila orang yang menandatangani *partion* itu tuduhan-tuduhan penting yang terkandung di dalamnya dan tujuan permohonan *partion* itu jika usul itu disokong.

Selain itu, ada juga disebut Ahli-Ahli yang bercakap atau menjawab menurut cerai (2) tidak boleh bercakap lebih dari 10 minit tetapi speaker boleh memberi kelebihan itu jika difikirkan ia sangat berguna.

Jurutulis: Ucapan Penangguhan, seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Yang DiPertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Dipertua Dewan

saya juga menyertai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berucap sebelum ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Dipertua Dewan atas kebijaksanaan membimbing persidangan ini yang berjalan dengan lancar dan teratur juga atas kesediaan Yang Dipertua, kerja lebih masa pada hari minggu hari ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sebelah sana atas kesabaran dan sikap setiakawan yang ditunjukkan dalam memberi keterangan dan jawapan kepada soalan-soalan daripada rakan-rakan di sebelah sini.

Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya akan menimbulkan dua isu, dua perkara dalam ucapan penangguhan saya yang ringkas ini.

Pertama saya ingin menekankan sekali lagi atas mustahaknya bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif, perkara ini telah saya sebutkan dalam masa-masa yang lepas, saya telah huraikan masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga masa itu tidaklah perlu saya sebutkan sekali lagi. Kita tahu perniagaan boleh berkembang, boleh meningkat maju jika adanya pentadbiran yang efisien, jika ada pentadbiran yang *pro-business*. Lebih 6,000 orang telah mendaftar untuk memohon pekerjaan dengan Jabatan Buruh, pengangguran adalah masalah yang amat serius, jika perniagaan sudah meningkat mahupun perniagaan tempatan dan juga pelaburan langsung asing peluang pekerjaan juga akan bertambah.

Kita mempunyai komparatif *advantage* bagi menarik pelaburan

langsung asing di negara. Ini telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua dalam ucapan Yang Berhormat Pehin bagi menghuraikan objektif dan *strategi* Belanjawan 2007/2008 pada hari Selasa 6 Mac, 2007 di ICC ini. Tidaklah dinafikan perkembangan yang baik didapati dalam setahun dua kebelakangan ini walau bagaimanapun banyak lagi yang perlu dipertingkatkan.

Perkara yang kedua yang saya akan ditimbulkan, saya ingin menyampaikan sungutan-sungutan yang saya terima daripada syarikat-syarikat insuran. Tidak semua yang merasa tempoh yang diberi untuk mereka memenuhi supaya modal dibayar sebanyak \$8 juta terlalu pendek tempoh yang diberikan hanya selama satu tahun, mulanya 6 bulan selepas itu 6 bulan lagi. Tidaklah dinafikan bahawa tujuan

untuk menaikkan modal berbayar itu sebanyak \$8 juta adalah tujuan yang baik. Syarikat-syarikat insuran perlu dikawal oleh pihak-pihak tertentu demi menjaga kepentingan pemegang-pemegang polisi. Kebanyakan syarikat-syarikat insuran ini terlalu kecil hanya mendapat *gross premium* \$3, \$4, \$5 juta setahun. Mereka ini berpendapat modal bayaran \$8 juta Brunei tidaklah perlu dengan pengurusan risiko yang baik dengan mengadakan *treaty* iaitu *treaty protection* akan melindungi risiko-risiko syarikat-syarikat ini dan boleh menjamin kepentingan pemegang-pemegang polisi. Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum, Warahmatullahi Wabarakatuh.

Jurutulis: Ucapan penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat, Dato Paduka Haji

Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin.

Yang Berhormat Dato Paduka Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di sempena Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada 6 Mac 2007 adalah pendapat saya telah meliputi semua aspek kebaikan, kebajikan, kebahagiaan, ketenteraman, kemajuan dan perkembangan negara dan rakyat dan titah baginda ini hendaklah dijadikan panduan oleh semua Ahli Majlis ini dan semua yang berkenaan.

Dalam majlis yang terhormat ini saya juga ingin mengambil kesempatan

ingin mencatatkan penghargaan dan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada menyembahkan rasa syukur rakyat baginda di atas perkenan baginda menaikkan kadar pensen tua dan elaun-elaun yang dibayar di bawah akta pensen tua dan hilang keupayaan yang berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2006. Menurut baginda kenaikan tersebut adalah sebagai tanda rasa kesyukuran baginda terhadap warga tua yang banyak menabur jasa dan bakti kepada negara.

Yang Dipertua, seterusnya saya ingin menimbulkan beberapa perkara yang membina untuk difikirkan dan dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam Kerajaan:-

1. Cadangan untuk meluaskan kawasan Bandar Seri Begawan. saya berpendapat sudah tiba masanya bagi kawasan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan diluaskan kawasannya dengan memasukkan antaranya kawasan-kawasan Perniagaan Kampong Kiulap, Jalan Gadong, Batu Bersurat, Kampong Serusop dan Kota Batu sehingga Bangunan Muzium. Antaranya sebab atau kebaikan-kebaikan kawasan tersebut dimasukkan dalam kawasan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan ialah :-
 - a) Kawasan - kawasan tersebut adalah pesat dengan perkembangan perniagaan-perniagaan dan tempat kediaman yang perlu dikawal dengan undang-undang, peraturan-peraturan yang ada

dan sedang diadakan oleh Lembaga Bandaran pada masa ini termasuk kebersihan, keselamatan, kawalan lalu lintas, perkhidmatan dan peraturan-peraturan pembinaan dan pemeliharaan bangunan-bangunan.

- b) Pihak Kerajaan akan memperolehi pendapatan *revenue* daripada berbagai-bagai bayaran termasuk *assesment* bagi bangunan-bangunan yang ada.
 - c) Letak kereta berbayar akan boleh diperkenalkan di kawasan tersebut yang boleh memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.
3. lalah mengenai cara-cara perlantikan penghulu-penghulu mukim, saya mengalu-alukan

cara pemilihan ketua-ketua kampung yang telah diamalkan sekian lama sehingga sekarang iaitu dengan mengadakan undian terbuka oleh penduduk-penduduk yang layak di kampung-kampung yang berkenaan menurut syarat-syarat yang telah ditentukan.

Begitu juga mengenai dengan pemilihan penghulu-penghulu mukim yang dipilih dengan secara langsung undian terbuka oleh penduduk-penduduk Mukim yang layak seperti yang telah dilakukan beberapa tahun yang lalu.

Tetapi sejak akhir-akhir ini menurut apa yang saya difahamkan bahawa calon bagi pemilihan Penghulu Mukim, itu adalah terbuka hanya kepada ketua-ketua kampung yang ada di mukim tersebut sahaja.

Rakyat dan penduduk lain yang bermastautin di mukim tersebut tidak dibolehkan untuk mencalonkan diri bagi jawatan Penghulu Mukim.

Kalaulah ini benar ianya akan menutup peluang bagi rakyat dan penduduk untuk mencalonkan diri atau dicalonkan sebagai Penghulu Mukim bagi sesuatu mukim itu, dan secara tidak langsung untuk mengurangkan amalan demokrasi dalam pemilihan Penghulu Mukim. Menurut perhatian dan pandangan saya pada setiap tahun terdapat pegawai-pegawai kanan Kerajaan, pegawai-pegawai Askar Melayu Diraja Brunei, pegawai-pegawai kanan Polis Diraja Brunei, Guru-guru yang berkelulusan telah bersara dari perkhidmatan mereka masing-

masing menurut had umur mereka.

Pegawai-Pegawai yang telah dan akan bersara ini adalah orang-orang berkelulusan tinggi dan berpengalaman luas dalam bidang tugas mereka masing-masing ada di antara mereka ini berpengalaman dalam kepimpinan, pentadbiran dan peraturan-peraturan pejabat.

Kalaulah mereka ini diberi peluang untuk mencalonkan diri atau dicalonkan untuk jawatan penghulu-penghulu mukim sudah tentu di sesebuah mukim itu akan berpuas hati kerana diberi peluang untuk memilih Penghulu Mukim mereka sendiri.

Dalam hubungan ini saya berpendapat cara-cara pencalonan dan pemilihan

Penghulu Mukim yang terdahulu itu adalah lebih baik, lebih adil dan demokrasi dan akan memuaskan hati kepada penduduk-penduduk di sesuatu mukim itu.

Seterusnya Yang Dipertua mengenai kesesakan-kesesakan jalan raya. Ada terdapat kesesakan jalan raya terutama sekali musim *peak hours* seperti Jalan Gadong ke Simpang Jalan Kilanas, Jalan Tutong dari Simpang Bengkurong, Bengkurong hingga ke Bandar Seri Begawan ke bangunan pejabat-pejabat Kerajaan di Lapangan Terbang Lama Berakas, Jalan Kota Batu dan beberapa batang jalan raya yang lain lagi. Jalan-jalan ini didapati sangat sibuk semasa hari-hari persekolahan. Dalam hubungan ini saya ingin menyentuh khusus

mengenai dengan Jalan Gadong dari simpang Jalan Kilanas ke Bandar Seri Begawan. Di sepanjang jalan ini terdapat enam buah sekolah yang meyebabkan kesesakan lalu lintas. Pihak-pihak yang berkenaan haruslah bertindak untuk memindah dan menampatkan sebahagian daripada sekolah-sekolah tersebut ke tempat lain yang bersesuaian.

Selain daripada jalan yang saya sebutkan itu saya ingin menyentuh mengenai dengan Jalan Lebuhraya dari Bandar Seri Begawan ke Kuala Belait. Orang ramai berterima kasih kerana Kerajaan telah selesai membina lebuhraya yang begitu baik dan selesa selain daripada mempercepatkan perjalanan dari Bandar Seri

Begawan ke Belait juga selamat daripada sebelumnya. Tetapi masih ada sebahagian jalan dari Bandar Seri Begawan dan Belait belum lagi dibina empat lorong iaitu dari Kampong Telisai hingga ke Kampong Lumut. Saya berharap pihak Kerajaan akan dapat membina jalan empat lorong dengan secepat mungkin yang mana menurut Yang Berbormat Menteri Kewangan II (Kedua) peruntukan pun sudah disediakan.

Berbalik kepada kesesakan jalan raya, di jalan-jalan yang tertentu yang telah saya sebutkan itu, saya berharap pihak yang berkenaan akan memikirkan untuk mengatasi masalah kesesakan dan seterusnya mengambil tindakan yang bersesuaian dengan

perancangan jangka pendek dan jangka panjang. Menurut perangkaan jumlah kereta yang berdaftar dan membaharui lesen kenderaan setiap tahun telah meningkat dari 124,629 buah pada tahun 2000 kepada 170,340 buah pada tahun 2006. Manakala kereta baru yang berdaftar dari tahun 2000 hingga 2006 ialah berjumlah 81,999 buah. Perangkaan ini menunjukkan jumlah kereta pada negara ini sentiasa meningkat pada setiap tahun.

Dengan sebab-sebab peningkatan jumlah kereta setiap tahun, maka pihak yang berkenaan hendaklah harus membuat perancangan jangka panjang bagi mengatasi masalah kesesakan jalan raya dan masalah pertambahan kereta di negara ini.

Seterusnya yang akhir, Yang Dipertua ialah mengenai kawalan wang keluar negeri. Pada masa ini sudah tiba masanya pihak yang berkenaan iaitu pihak Kementerian Kewangan atau Kementerian-Kementerian lain untuk memikirkan bagi mengawal atau lebih jauh lagi mengetatkan pengeluaran wang keluar negeri. Kawalan ini setentunya dilindungi oleh undang-undang atau peraturan-peraturan yang sesuai. Sejauh ini tidaklah disangkal lagi berapa banyak wang negara ini telah dibawa keluar negeri tanpa sebarang kawalan oleh pihak berkenaan. Di negara-negara lain kawalan pengeluaran wang keluar masuk ini sudah lama dikuatkuasakan dan dijalankan. Dalam hubungan ini saya ingin mensyorkan kepada pihak Kerajaan supaya akan dapat memikirkan perkara ini dan seterusnya mengadakan kajian yang

teliti dengan menimbangkan buruk baiknya kawalan ke atas wang keluar negeri ini. Sekiranya kebaikan lebih banyak maka kawalan ini haruslah dijalankan dengan mengadakan undang-undang dan peraturannya. Yang Dipertua Dewan, saya juga ingin menyengutukan diri saya kepada ucapan-ucapan yang terdahulu bagi mengucapkan tahniah kepada Yang Dipertua Dewan di atas bijaksana Yang Dipertua Dewan dalam memimpin mesyuarat ini dari awal hingga akhir dengan baik lancar dan teratur serta memuaskan, sekian Yang Dipertua.

Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang Kesembilan yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmannir Rahim. Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat. Terlebih dahulu saya selaku wakil rakyat yang berkenaan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam terhadap perubahan tanggagaji yang telah dikurniakan bermula pada 15hb Julai 2006, kenaikan ini merupakan satu rahmat kepada mereka di samping berjaya menampung bagi kegunaan hidup masa hadapan mereka.

Yang Dipertua Dewan, saya cuma hanya satu perkara yang ingin saya katakan di sini iaitu mengenai dengan tanah-tanah persendirian yang terlibat dalam skim jalan awam yang telah diambil balik, tetapi tanpa

sebarang ganti rugi. Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sangat-sangat bersyukur dan menjunjung kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dengan adanya kemudahan-kemudahan *infrastructure* seperti jalan, bekalan elektrik, bekalan air, telefon, sistem pembentungan dan sebagainya yang sentiasa di dalam keadaan sempurna bermutu tinggi selesa dan kadar cukai penggunaan yang rendah yang berpatutuan. Tanah-tanah persendirian yang terlibat dalam skim-skim jalan awam yang telah diambil balik boleh dikategorikan kepada empat jenis. Kebanyakan skim jalan-jalan raya yang baru yang diungkapkan oleh Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya termasuk di dalam skim-skim yang telah diluluskan di dalam

peruntukan Akta Pengambilan Balik Tanah 1941, semua tuan-tuan tanah yang terlibat dalam skim-skim ini telahpun diganti rugi dengan penuh sama ada dalam bentuk kewangan ataupun skim gantian tanah.

Yang kedua, jalan-jalan daerah, jalan-jalan daerah yang selama ini telah dibina oleh Jabatan Daerah, di daerah masing-masing dengan hasrat untuk memberi laluan kepada tuan-tuan tanah, kepada tanah-tanah persendirian yang akan dimajukan. Jalan-jalan ini pada asalnya dibina dengan persetujuan tuan-tuan tanah tanpa melibatkan proses pengambilann balik tanah. Lazimnya jalan-jalan ini dibina secara sederhana seperti jalan tanah ataupun jalan batu dengan lebarnya sekadar mencukupi untuk kegunaan keselesaan jalan laluan untuk beberapa keping tanah persendirian yang akan dimajukan.

Selaras dengan kehendak kemajuan semasa jalan-jalan ini telah dilebarkan dan mutu ditingkatkan kalau asalnya hanya beberapa meter lebarnya kini telah menjadi 20 meter. Pada asalnya hanya jalan tanah atau jalan batu kini sudah menjadi jalan berturap. Kalau dulunya jalan-jalan ini hanya untuk laluan beberapa keping tanah sahaja tetapi sekarang telah bertambah untuk laluan kepada tanah-tanah yang berlipat gandanya. Kebanyakan jalan-jalan ini pengurusannya telah diambil oleh Jabatan Kerja Raya, dan telah ditinggikan taraf dan lebarnya menjadi jalan awam dan dijadikan sebagai daripada rangkaian jalan raya awam contoh jalan-jalan raya ini ialah seperti Jalan Madang, Jalan Manggis, Jalan Kiarong, Jalan Katimahar, Jalan Kulapis dan banyak lagi jalan-jalan seperti ini di kawasan-kawasan luar bandar.

Sekarang jalan-jalan ini telah menjadi hak milik awam, jalan-jalan yang lengkap dengan perkhidmatannya berturap dan boleh digunakan dengan apa keadaan cuaca sekalipun. Sekarang rangkaian jalan-jalan ini menjadi nadi bagi jalan-jalan raya utama di Negara Brunei Darussalam. Tanah-tanah persendirian yang terlibat dengan jalan-jalan ini tidak pernah diambil balik dan tuan-tuan tanah tidak boleh memajukan atau menggunakannya untuk kegunaan lain. Dan jalan tadi masih lagi berdaftar sebagai tanah-tanah persendirian walaupun pada kenyataan tanah-tanah ini telah diambil balik dan digunakan untuk kegunaan orang ramai.

Tuan-Tuan tanah yang tanah-tanah mereka yang terkandung dalam jalan-jalan ini tidak pernah diganti rugi untuk tanah-tanah mereka yang

telah hilang dan mereka tidak boleh membuat sebarang tuntutan ganti rugi. Sama ada berbentuk wang ataupun skim gantian tanah. Kerana hanyak projek-projek sahaja yang telah diluluskan di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1941 sahaja yang berhak mendapat ganti rugi. Keadaan ini mengakibatkan sedikit kesusahan kepada pemilik-pemilik tanah yang telah beranggapan bahawa tanah-tanah mereka yang mereka bayar cukai tahunannya telah diambil balik tanpa sebarang ganti rugi.

Yang ketiga, jalan laluan semasa pemecahan tanah. Dalam proses pemecahan tanah persendirian pemilik-pemilik tanah hendaklah menyediakan jalan laluan untuk tanah-tanah yang hendak dipecah. Kebanyakannya tanah jalan-jalan laluan ini diserahkan balik kepada Kerajaan oleh pemilik-pemilik tanah dengan cara sukarela tanpa

sebarang ganti rugi. Sebagai salah satu syarat proses pemecahan tanah.

Menyedari bahawa pemecahan tanah ini untuk jalan laluan ini telah mengakibatkan kerugian yang besar kepada pemilik tanah, maka pihak Kerajaan telah bersetuju untuk menyediakan satu lot berasingan bagi setiap tanah jalan laluan dengan fahaman bahawa di masa hadapan tanah jalan-jalan laluan ini nanti akan diambil balik oleh pihak-pihak berkuasa mengikut peraturan yang ada dari masa ke semasa.

Lot-lot ini adalah dikenali sebagai Lot X dan dikeluarkan geran tanahnya berasingan. Peraturan ini telah mula diperkenalkan pada pertengahan tahun 70an, banyaknya Plot X ialah 720 Lot dengan jumlah luasnya 202 ekar. Bagi Daerah Brunei Muara 14 lot,

dan dengan jumlah 1 ekar bagi Daerah Belait. 34 Lot dengan jumlahnya luasnya 16 bagi Daerah Tutong, dan sebanyak 23 lot jumlah luasnya 16 ekar bagi Daerah Temburong. Jumlah keseluruhannya ialah 791 lot dengan luas 227 ekar bagi seluruh negara. Hingga kini tiada satu pun lot-lot ini diambil balik dan diganti rugi.

Skim penglebaran jalan raya. Skim penglebaran jalan raya dari masa ke semasa dengan melibatkan pengambilan balik bahagian tanah persendirian yang berhadapan dengan jalan berkenaan. Pada lazimnya penglebaran jalan-jalan ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya di bawah peruntukan Akta Pengambilan Balik Tanah 1941 dan tuan-tuan tanah akan dibayar dengan penuh ganti rugi bagi tanah-tanah yang terlibat dalam projek ini. Ada juga di antaranya di mana

skim-skim penglebaran jalan-jalan awam telah dilaksanakan, tetapi sebarang ganti rugi kepada tuan-tuan tanah yang terlibat tidak diganti rugi. Satu daripada contoh penglebaran jalan yang dimaksudkan ialah Jalan Jerudong.

Di mana ianya dilaksanakan diluar Peruntukan Akta Pengambilan Tanah 1941, dan pemilik-pemilik yang tanah mereka terkandung dalam skim ini telah tidak dibayar ganti rugi. Bagi tuan-tuan tanah yang terlibat dalam projek jalan raya yang disebut tadi geran tanahnya masih lagi atas nama pemilik tanah. Jumlah tanah-tanah yang terlibat adalah dianggarkan lebih kurang dalam 1000 keping bagi seluruh negara.

Pemilik tanah masih lagi bertanggungjawab untuk menjelas

kan pembayaran cukai tanah tahunan, keluasan tanah asal berkurangan, pembahagian kepada waris berkurangan, semua kemajuan tanah yang terlibat akan dibekukan. Cadangan-cadangan memandangkan bahawa pemakaian tanah-tanah terlibat adalah sama guna iaitu jalan awam adalah dicadangkan supaya tanah-tanah tersebut akan diambil balik di bawah Peruntukan Akta Pengambilan Tanah 1941 seterusnya diganti rugi sama ada dengan wang atau gantian tanah. Pihak Kerajaan hendaklah membetulkan status tanah-tanah yang terlibat supaya selaras dengan undang-undang tanah.

Adalah dicadangkan agar proses ganti rugi ini akan dapat dilaksanakan berperingkat-peringkat dengan memberi keutamaan kepada tanah-tanah yang terlibat jalan-jalan

daerah dan projek melebarkan jalan. Peringkat kedua ialah tanah-tanah yang diperuntukkan sebagai simpanan laluan dalam proses pemecahan tanah iaitu LOT X. Adalah terpulang kepada jabatan-jabatan yang berkenaan untuk menyesuaikan ganti rugi yang akan dilaksanakan. Adalah dicadangkan bagi tanah-tanah yang terlalu kecil untuk dimajukan akan dapat diganti rugi dengan wang bagi tanah-tanah berdekatan dengan tanah Kerajaan yang kosong akan dapat diganti rugi dengan tanah dan dicantumkan dengan baki tanah asal. Jabatan Tanah akan menyediakan satu skim pelaksanaan.

Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat, nampaknya Ahli memukaan usul sudah melebihi daripada had yang disebut di dalam Bab 35 (4). Bahawa Ahli-Ahli hanya dibenarkan 10 minit.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Mohonkan diampun Yang Dipertua Dewan, cuma dua line saja lagi.

Yang Dipertua Dewan: Baik, ok.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh: Jabatan Tanah akan menyediakan satu skim pelaksanaan dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain dan yang terakhir Jabatan Tanah juga memerlukan peruntukan kewangan bagi menangani tuntutan ganti rugi. Sekian terima kasih Yang Dipertua Dewan.

Jurutulis: Ucapan Penungguhan yang ke 10 yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim, Daerah Brunei dan Muara: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Pengiran Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu peramba ingin menjunjung kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk peramba bagi menyembahkan ucapan penangguhan berakhirnya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga, bagi Majlis Mesyuarat Negara yang bermula pada hari Selasa 16hb Safar 1428 bersamaan dengan 6 Mac 2007. Insyallah peramba berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala untuk memohon perlindungan dan kekuatan serta akal fikiran yang bernas, berfaedah dan berguna untuk memberikan sumbangan terhadap negara, bangsa dan ugama di samping

menjadi keutamaan peramba untuk taat lagi setia Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Sebagai membuka kata dan tidak ketinggalan izinkan peramba, menyembahkan setinggi tahniah kepada Tuan Peramba di atas kebijaksanaan dan kearifan Tuan Peramba memimpin Persidangan Mesyuarat dari awal hinggalah ke akhir dalam suasana yang selesa, harmoni dan berhemah. Pengiran Yang Dipertua Dewan, sebagaimana kita sedia maklum salah satu objektif mesyuarat yang baru saja berakhir ini adalah untuk membincangkan Anggaran Belanjawan Negara 2007 / 2008 meneliti dan seterusnya memberikan pandangan dan membahaskan isu-isu mungkin tidak jelas dan perlu penerangan yang lanjut dari pihak-pihak yang

berkenaan. Pembangunan tenaga manusia atau sinonimnya HRD adalah aset terpenting dalam menyumbang terbesar pembangunan sosio-ekonomi negara. Tenaga kerja yang berkemahiran, berkualiti dan mudah menyesuaikan diri dalam perubahan, kemudahan kemajuan industri nadi penggerak kepada sumber-sumber lain negara dan menghasilkan 'output' yang lebih produktif dan bernilai tinggi.

Bila kita melihat ke negara luar ada terdapat negara telah melangkah jauh dan lebih maju walaupun tanpa mempunyai sumber-sumber asli. Dengan kepakaran dan teknologi tinggi rakyatnya mereka menjadi hebat muncul sebagai generasi ekonomi dunia dengan kepakaran menghasilkan berbagai jenis persenjataan, kapal terbang, peralatan berteknologi canggih dan

telah membolehkan mereka kaya raya dan kadar keluaran dalam negara (GDP) jauh lebih tinggi.

Kekayaan sumber asli, belum menjamin 100% tetapi kehebatan menghasilkan tenaga manusia akan menjamin kita melangkah maju ke hadapan buktinya ada di mana-mana, fakta kebenaran ini juga ditegaskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, dengan menekankan melalui titahnya **"...nyatalah tenaga itu mestilah menjadi fokus utama kita khasnya yang bernama tenaga manusia tanpa sumber tenaga ini mustahil kita dapat melangkah maju sekalipun kita kaya dengan lain-lain sumber"**.

Pengiran Yang Dipertua, kesungguhan Kerajaan untuk membina tenaga manusia sudah

rancak diungkayahkan dengan memperuntukkan kewangan yang besar dalam setiap Rancangan Kemajuan Negara yang bermula dari sejak Rancangan Kemajuan Negara 1986-1990 hingga Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 2001- 2005. Dalam Belanjawan Kewangan 2006/2007 dan 2007/2008 kita telah memperuntukkan Kumpulan Kewangannya yang begitu banyak iaitu \$900,000,000,00.

Butiran ini menunjukkan betapa Kerajaan begitu serius membangunkan negara serta tenaga manusia dalam jangka panjang yang lebih terarah dan menepati keperluan negara untuk lebih dinamik dan berdaya saing. Walau bagaimanapun, negara ini kini dahagakan tenaga-tenaga pakar-pakar tempatan, negara amat memerlukan Tenaga-Tenaga Pakar dalam teknologi perniagaan,

pengurusan, alam sekitar, ekonomi, perdagangan, perhutanan, perikanan, pertanian dan forensik, pakar-pakar kajian pertahanan, kedoktoran pengurusan dan pentadbiran, pakar-pakar bahasa antarabangsa, kejuruteraan dan bermacam-macam lagi kepakaran. Bila kita mampu mengadakan kepakaran-kepakaran sedemikian bererti kita sudah layak sebaris dengan negara-negara maju atau membangun di peringkat serantau dan global.

Namun untuk mengejar impian itu bukanlah semudah yang dikurapakkan atau dicakapkan tetapi memerlukan perancangan yang terperinci di samping disertai dengan kesungguhan dan iltizam seluruh rakyat dan penduduk khusus generasi muda yang akan menjadi waris kepimpinan negara di masa hadapan. Selaku sebuah negara

kecil yang mempunyai penduduk 374,000 dengan sumber yang terbaik, kita sudah setentunya memerlukan tenaga manusia yang lebih inovatif sejajar dengan hasrat dan aspirasi pembangunan sosio-ekonomi negara. Kerajaan seperti biasa akan terus dan memperkasa pembangunan tenaga manusia yang merupakan aset negara yang paling berharga untuk masa kini dan masa mendatang.

Pengiran Yang Dipertua, pelaksanaan projek Rancangan Kemajuan Negara memerlukan keprihatinan yang penuh dan tindakan yang padu dan gitu agar ianya tidak menjadi alasan dan penyebab bagi kelambatan proses pembangunan negara yang kita cintai ini. Langkah-langkah bijak dan segera diambil untuk memudahkan dan mempercepatkan pelaksanaan

projek adalah asas pada proses pembangunan negara.

Pengiran Yang Dipertua, sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini peramba sangat menjunjung kasih di atas keprihatinan dan pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sepertimana yang dihasratkan dalam titah baginda sempena pembukaan mesyuarat ini bahawa **“setiap perancangan bukan hanya berdasarkan kepada *value for money* tetapi yang lebih utama ialah kejayaan dan manfaatnya yang dapat membawa Negara Brunei Darussalam mencipta tamadun dan nama.”**

Demikian di mana pelaburan Kerajaan perlulah seimbang antara ekonomi dan tamadun. Dengan tafsiran yang lain masyarakat

bertamadun seharusnya merangkumi sumber tenaga manusia berkualiti, bermoral tinggi, berwibawa dan berupaya melahirkan pemikir-pemikir dan cendekiawan yang dapat memberikan sumbangan yang cemerlang bagi mengisi aspirasi dan intipati agar pembangunan bangsa, ugama negara ini.

Pengiran Yang Dipertua, kecekapan dan kejayaan bagi meningkatkan pembangunan sumber manusia menjadi teras kejayaan manusia dan kejayaan sesuatu bangsa bukanlah sesuatu yang sukar untuk dicapai, pendidikan, pelajaran serta pemberian intensif yang terancang, sistematik dan *relevent* seharusnya dirangka agar perlumbaan untuk mengejar ilmu ini sentiasa didukung pada setiap warganegara bagi menggalakkan mereka berusaha meninggikan taraf akademik

serta kemahiran. Menghasilkan warganegara sendiri yang pakar dalam berbagai bidang akan melonjakkan nama negara ini di mata dunia. Keadaan ini juga ada hubungan dengan mencipta tamadun dan nama selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Pengiran Yang Dipertua Dewan, sekian sahaja yang dapat peramba ketengahkan dan berharap apa-apa juga yang abis peramba bangkitkan dalam mesyuarat kali ini akan dapat memberi dorongan dan berupaya sedikit sebanyak menyuntik semangat kerjasama dalam bertukar-tukar pendapat antara satu sama lain demi kebaikan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam. Peramba mengakhiri dalam ucapan kali ini dengan iringan doa dan harapan mudah-mudahan kita akan sentiasa dalam

perlindungan Allah dan dalam suasana rukun damai, aman, sentosa dan bahagia seperti yang kita nikmati selama ini, sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam dengan izin Allah, sekian Wabillahir Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

Yang Dipertua Dewan: Terima kasih.

Jurutulis: Ucapan penangguhan yang kesebelas yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor.

Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor, Daerah Brunei dan Muara Bismillahir Rahmanir Rahim, Pengiran Yang Dipertua Dewan, pertama-pertama saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas kejayaan Yang Dipertua

Dewan dari awal hingga akhir dapat memimpin majlis ini dengan tenang yang mana di atas kebolehan Yang Dipertua Dewan yang arif dan bijaksana sehingga pada petang ini.

Pertama-tama saya ingin mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan ini, dan juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mewakili Kerajaan saya tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih dan memberikan penghargaan kerana sepanjang permesyuratan ini Ahli-Ahli Yang Berhormat telahpun dapat menjawab apa-apa soalan yang telah diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mana soalan-soalan tersebut dapat dijawab dengan penuh hemah, berbudi bahasa, sabar dan penuh siokologi. Alhamdulillah mana-mana soalan yang telah diajukan, nampaknya dapat dijawab dan mana-mana soalan yang belum dijawab

dipohonkan supaya ianya akan dapat dijawab kemudian:-

1. Di sini saya ingin memfokus atau mengetengahkan mengenai dengan belia, kerana belia di negara kita pada masa ini, ia adalah sebagai satu aset negara, ke mana haluan mereka tuju atau ke mana belia ini di masa yang akan datang?. Belia yang ideal ialah belia yang bertanggungjawab dan beriman, taat kepada orang tua dan raja, sentiasa berbakti kepada negara dan rakyat, berkhidmat secara sukarela kepada masyarakat. Belia yang tidak diingini ialah belia yang tidak tentu haluan, tidak bertanggungjawab dan terlibat dengan kegiatan-kegiatan negatif yang merugikan keluarga, masyarakat dan negara. Namun ada berbagai definasi dan pendapat tentang

sikap belia yang ideal, antara pendapat yang didengar ialah antaranya tidak semua belia berminat untuk ke masjid beribadat. Di antara mereka ini golongan belia yang bertanggungjawab dan melaksanakan kewajipan mereka terhadap keluarga dan masyarakat. Segolongan mereka dengan bergaul dengan kawan-kawan di tempat-tempat permainan seperti kompleks sukan dan sebagainya, di antara mereka yang berminat kecantikan kereta masing-masing dan menghabiskan wang untuk hobi tersebut. Mereka ini pada umumnya tidak terlibat dengan kegiatan-kegiatan negatif yang merugikan. Ada sebahagian daripada belia yang rajin dan berjaya dalam bidang pelajaran dan dalam masa yang sama terikut-ikut dengan fesyen

yang mereka nampak di internet. Mereka berkumpul dengan kawan-kawan yang mempunyai minat yang sama dan melepak di gedung-gedung perniagaan sambil bertukar pendapat tentang muzik dan alat-alat permainan, kreativiti masing-masing terdedah dalam berbagai rupa pakaian dan rambut. Jelas sekali bahawa belia secara umumnya terlibat dengan berbagai kegiatan dalam era globalisasi sekarang ini. Belia dipengaruhi oleh fikiran dan perkembangan yang di luar dari masyarakat kita dan merupakan cabaran yang berat yang perlu ditangani dengan cekap dan bijak.

Kegiatan belia sihat seharusnya digalakkan tetapi diawasi, pihak-pihak yang berwajib seharusnya tidak menghalang tetapi

membantu belia untuk bergiat dalam kreativiti mereka, antara langkah-langkah yang berkesan mengasuh belia ialah dengan memberi mereka tanggungjawab dan cara ini belia ini akan terasa lebih berguna, dihormati. Dalam maksud ini saya ingin mengemukakan soalan dan cadangan, dalam mengubah minda belia supaya lebih bertanggungjawab dan berdikari ada baiknya mereka diberi peluang untuk berusaha melalui perniagaan, saya faham bahawa berbagai kursus dan latihan sudahpun dilaksanakan dan sedang berjalan di berbagai institusi seperti Sekolah Vokasional, Maktab Teknik, Pusat Pembangunan Belia dan sebagainya. Memandangkan tidak semua belia yang lulus kursus yang berjaya menjalani latihan akan bekerja dengan

pihak Kerajaan. Apakah bantuan yang ada sekarang ini? khusus untuk belia berniaga, skim kewangan untuk SME yang ada pada masa ini adalah peruntukan disediakan? atau adakah peruntukan disediakan?

Kitani banyak mendengar mengenai masalah belia yang tidak bertanggungjawab antaranya belia yang berkahwin, tetapi tidak bekerja. Akhirnya akan menjadi beban kepada indung bapa dan masyarakat umumnya, lambat laun mereka ini akan terpaksa diberi bantuan oleh pihak Kerajaan kerana anak-anak mereka perlu makan, minum dan alat-alat sekolah. Apakah langkah-langkah yang akan diambil ataupun rancangan untuk mengatasi masalah seperti ini oleh pihak-pihak yang berkenaan?

Saya berpendapat sekiranya peruntukan khas untuk belia ini disediakan dan pengurusan-pengurusan yang cekap diatur oleh pihak yang berwajib, saya percaya kitani boleh membantu dan mengasuh belia untuk lebih bertanggungjawab dan berdikari, begitu juga ibu-ibu yang ditinggalkan suami, ataupun kematian suami atau seorang bapa yang mempunyai anak tetapi tidak bekerja, akan boleh dibantu untuk hidup sendiri. Perancangan yang rapi dan pelaksanaan yang tersusun akan menguntungkan Kerajaan pada masa yang akan datang dalam jangka masa yang panjang, apapun perbelanjaan Kerajaan pada peringkat permulaan ianya difahami, bolehlah dianggap sebagai satu modal atau pelaburan yang akan membawa keuntungan

kepada negara dalam masa jangka masa panjang yang akan datang.

2. Saya ingin menyebut semula apa yang telah diusulkan dalam mesyuarat yang sama pada tahun yang lalu supaya akan membuat kajian dan penilaian semula permohonan saya bagi memohon Jambatan dari Pintu Malim ke Pulau Sibungur, dari Pulau Sibungur ke Pulau Berembang dan dari Pulau Sibungur ke Jalan Air Berkunci. Jadi saya berharap permohonan ini akan dapat dibuat pengkajian dan penelitian supaya ianya akan dapat dilaksanakan.

3. Apa yang berlaku sekarang mengenai dengan kesesakan jalan ke Lumapas, Jalan Kilanas, Bunut hingga ke Bandar Seri

Begawan. Nampaknya sekarang kesesakan yang sedemikian amatlah membimbangkan. Jadi dipohonkan kepada pihak yang berkenaan akan dapat mengambil langkah-langkah awal untuk mengatasi kesesakan yang tersebut yang mana telah dialami oleh sebahagian rakyat dan penduduk di bahagian yang terlibat, mudah - mudahan perkara yang sedemikian akan dapat diambil ingatan oleh pihak yang berkenaan semoga di masa yang akan datang ianya akan dapat diatasi. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Dipertua Dewan: Terima kasih.

Jurutulis: Ucapan penangguhan yang ke 12 akan disampaikan oleh

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, Daerah

Belait: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmannir Rahim. Yang Amat Mulia Pengiran Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang saya hormati sekalian. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, kerana memberi peluang kepada saya berada di Dewan Majlis ini sekali lagi bagi sama-sama membincang peruntukan dan perkara-perkara yang mengenai kebajikan rakyat dan negara. Demikian juga saya mengucapkan ribuan terima kasih

kepada Yang Dipertua Dewan kerana telah berjaya memimpin Majlis Mesyuarat Negara Pertama Kali Ketiga dan terima kasih juga kerana telah memberi ruang atau peluang bagi saya untuk berucapan di majlis penangguhan pada petang ini.

Mengimbas kembali dalam perbincangan-perbincangan yang telah diadakan selama lima hari, saya penuh berharap bahawa segala cadangan dan rancangan perlulah diberi pertimbangan yang sewajarnya. Pelaksanaan dasar yang telah dirancangkan, projek-projek yang telah diluluskan di dalam peruntukan pada tahun ini dan juga dalam peruntukan projek-projek perkembangan, kemajuan hendaklah seberapa boleh dilaksanakan dengan begitu berhemah dan mengikut jadual yang ditentukan demi keutamaan, kesejahteraan dan

kebajikan rakyat umum di Negara Brunei Darussalam. Dalam hubungan ini saya ingin mencadangkan empat perkara untuk dipertimbangkan:-

1. Supaya pengurniaan elaun sara-hidup yang diterima oleh Kakitangan Perkhidmatan Awam Bahagian 2 ke bawah, akan dapat diteruskan sehingga individu itu mencapai usia ke 60 tahun.
2. Kerja-kerja pembersihan tapak tanah projek *methanol* di Mukim Liang, telahpun bermula pada masa ini. Saya mencadangkan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya akan dapat melebarkan sedikit terutama jalan masuk ke simpang-simpang jalan rumah individu, di kawasan tersebut, iaitu kawasan Jalan Telisai Lumut

bagi tujuan mengelak kesesakan, mengurangkan kesesakan dan mengelakkan kemalangan di jalan raya tersebut.

3. Saya difahamkan bahawa selain daripada projek *methanol* ada dua lagi projek yang akan diusahakan di Mukim Liang, jika ianya diperkenankan iaitu projek *Urea* dan *bio-diesel*. Dalam projek *bio-diesel* saya difahamkan Yang Dipertua Dewan bahawa kelapa sawit akan di import dari negara jiran. Dalam hal ini saya mencadangkan supaya kelapa sawit itu ditanam di negeri kita sendiri. Kerana kita masih ada mempunyai kawasan yang luas seperti di Daerah Tutong dan di Daerah Belait. Ini bagi tujuan memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan,

dan juga peluang perniagaan kepada pengusaha-pengusaha tempatan.

4. Dalam mencapai matalamat Kerajaan untuk memastikan segala rancangan berjalan dengan lancar dan efisien sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, mutu kerja hendaklah dikemaskinikan dengan sepenuhnya. Sementara itu apa jua rancangan-rancangan Kerajaan yang tersirat dan yang dibukukan hendaklah dilaksanakan dengan sepenuhnya, kerana Yang Dipertua Dewan, rakyat umum sentiasa menunggu-menunggu akan hasilnya. Kata-kata kitani biarlah dikota, supaya kita

jangan dicakap, cakap tak serupa bikin. Yang Dipertua Dewan, saya ingin mengimbis kembali akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, pada Majlis Permesyuaratan Pertama Kali, Kali Ketiga baru-baru ini, baginda berharap semua agensi Kerajaan yang diamanahkan dengan peruntukan kewangan akan dapat mengawalinya dengan sepenuh akauntabiliti serta menggunakannya menurut perancangan dan semua sistem pelaksanaan, pemantauan, dan penelitian hendaklah sentiasa dikemaskinikan, supaya semua yang berkepentingan dengannya akan dapat menikmati perkhidmatan yang efisien lagi berkesan. Dalam hubungan ini apa yang diharapkan ialah tindakan bersepadu di antara

kementerian - kementerian haruslah diamalkan, dimesra-mesrakan, seperti gerakan Penguatkuasa Undang-Undang yang bergerak aktif ketika ini dan dilaratkan juga kepada tindakan bersepadu kepada perkara-perkara yang telah kitani bincang selama lima hari ini, kerana ia memberi pulangan yang sungguh berkesan terhadap tindakan-tindakan itu sendiri.

Sekian sahaja yang dapat peramba, saya sampaikan di majlis yang mulia ini. Buat mengakhiri ucapan saya, izinkan saya berkata *'Kalau ada sumur di ladang, boleh jua menumpang mandi, insya-Allah jika umur panjang, di Dewan Majlis Negara yang baru kitani akan berbincang lagi'*. Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah,

Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Dipertua Dewan: Terima kasih.

Jurutulis: Ucapan penangguhan selanjutnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin Abd Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Haji Mohd Taha bin Abd Rauf, Daerah Tutong: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Dipertua Dewan serta Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menggabungkan diri dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan di atas ucapan penangguhan beliau. Dalam Majlis Mesyuarat ini, sesungguhnya kita merasa untung walaupun agak letih, namun Ahli-Ahli Yang Berhormat

sentiasa bertahan. Di samping itu saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Dipertua Dewan yang dapat menjalankan dengan cukup teratur dan tegas dalam melaksanakan Majlis Mesyuarat kita pada petang ini. Di samping itu tidak lupa saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Dimuliakan Pehin Jurutulis yang seiring dengan Yang Dipertua. Bercakap kepada Belanjawan 2007/2008, seterusnya kepada belanjawan-belanjawan yang lain adalah diharapkan bahawa segala belanjawan-belanjawan ini akan menepati kepada sasarannya dan mendapat kejayaan yang seelok-eloknya sepertimana peribahasa melayu "*genggam bara api biar sampai jadi arang*".

Yang Dipertua Dewan serta Ahli-Ahli Yang Berhormat, tadi kawan-kawan kita ada menyentuh mengenai

dengan hal belia, jadi saya di sini menambah dan seterusnya berharap kepada Yang Dipertua Dewan, janganlah dipotong cakap saya ini. Cabaran belia masa kini tidaklah dinafikan bahawa masalah belia masa kini sentiasa diambil perhatian, kerana mereka itu merupakan kelompok majoriti masyarakat di sebuah mukim dan kampung yang disifatkan sebagai teras negara di mana kekuatan dan kemampuan mereka dijadikan pelapis sebagai pemimpin yang akan datang.

Yang Dipertua Dewan, perhatian yang lebih jitu hendaklah dikhususkan kepada golongan ini bagi mengelakkan perkara-perkara yang negatif, dalam hubungannya saya sesungguhnya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan yang mana ekoran dari Sambutan Hari Kebangsaan ke-23 tahun.

Sepasukan program belia cintakan tanah air telah berkampung di keempat-empat daerah, begitu juga belia masjid, belia usahawan dan sebagainya.

Yang Dipertua Dewan serta Ahli-Ahli Yang Berhormat, apa yang menarik perhatian saya bahawa belia-belia yang bermotosikal, berbaskial, berkereta termasuk *go-kart* yang mana mereka ini tergolong di kalangan belia, supaya mereka ini disediakan tempat yang bersesuaian, kenapa, kenapa padang *golf* boleh kita adakan, padang bola boleh kita adakan, gelanggang tenis boleh diadakan, gelanggang sepak takraw juga boleh diadakan, begitu juga gelanggang sukan boleh diadakan, gelanggang badminton dan sebagainya boleh kita adakan. Adalah diharapkan bahawa mereka ini perlu disediakan

di tempat-tempat sepertimana yang saya sebutkan tadi.

Yang Dipertua Dewan dengan adanya tempat-tempat yang berkenaan dan sesuai pula dengan aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada mendisiplinkan diri masing-masing itu harapan saya.

Perkara yang kedua, Yang Dipertua Dewan, ini adalah untuk mereka yang sudah berpencen, kenaikan bayaran pencen sejak beberapa tahun yang lalu, bahawa pengertian pencen kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang berhak mengikut kategori masing-masing hingga ke akhir hayat.

Yang Dipertua Dewan, mengikut peraturan yang diguna pakai pada

masa ini bahawa setiap pegawai dan kakitangan Kerajaan yang berpencen setelah berumur 70 tahun, dari mula mereka bersara akan mendapat kenaikan 30% daripada pencen yang mereka terima, berdasarkan masa yang begitu lama iaitu lebih kurang 15 tahun. Apakah jua kiranya akan dapat difikirkan semula yang mana dalam masa 15 tahun itu ke 10 tahun dan umur 70 tahun ke-65 tahun dengan mengekalkan dan meneruskan peraturan yang ada sekarang. Dengan adanya perubahan demikian adalah diharapkan bahawa semua pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang akan dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa dan salah satu cara untuk menurunkan kadar kemiskinan masa kini, akhirnya saya berdiri di sini sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan

kepada saya, Assalamualaikum Warahmatullahi Wata'ala Wabarakatuh.

Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-14 yang akan disampaikan oleh Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah

Temburong: Bismillahir Rahmanir Rahim A'laa Asyrafil Anbiya e Wal Mursaleen Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan salam sejahtera.

Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pertama-tama peramba dengan hati yang penuh tulus ikhlas menjunjung kasih dan menyokong ucapan setinggi - tinggi penghargaan dan tahniah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Pendidikan atas

kebijaksanaan Yang Dipertua Dewan memimpin di sepanjang persidangan Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketiga Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia ini, dengan bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala jua peramba bersyukur, kerana dengan izin dan ketentuan-Nya, maka diri peramba dapat berucap dalam Ucapan Penangguhan peramba dalam Dewan yang mulia ini, bagi mewakili rakyat dan penduduk Daerah Temburong. Kerana telah dapat menyampaikan setiap permasalahan yang telah diutarakan dan peramba kemukakan.

Yang Dipertua Dewan, dalam menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Pembukaan Rasmi Persidangan

Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa, 16 Safar 1428 bersamaan 6 Mac 2007 yang lalu. Antara titah baginda ***“Bahawa setiap perancangan belanjawan itu hendaklah mempunyai nilai dapat mendatangkan pulangan pelaburan, sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung”***.

Maka di Dewan yang mulia ini, izin peramba sekali lagi, ingin menyentuh ucapan penangguhan peramba pada tahun lepas, iaitu berkenaan dengan cadangan hasrat untuk membina jambatan penghubung antara Bandar Seri Begawan dengan Daerah Temburong.

Yang Dipertua Dewan, adalah difahami sudah setentunya bagi

membina projek jambatan yang dimaksudkan adalah sememangnya mengeluarkan perbelanjaan yang sangat besar, namun dengan terbinanya jambatan tersebut, peramba yakin, bukan sahaja memberi kemudahan kepada penduduk Daerah Temburong, malahan juga akan dirasakan kemanfaatan keseluruhan rakyat Negara Brunei Darussalam. Dan secara langsung, ianya juga boleh membawa mempercepatkan taraf pertumbuhan ekonomi rakyat dan juga Negara Brunei Darussalam. Insyaa-Allah.

Oleh yang demikian, akan dapatlah nanti kementerian yang berkenaan, akan memberi penjelasan sedikit sebanyak, akan perkembangan cadangan tersebut. Apakah ianya ketika ini sedang dipertimbangkan?, atau pun di dalam perancangan Kerajaan, ataupun sebaliknya.

Yang Dipertua Dewan, dipohonkan kepada pihak-pihak yang tertentu agar dapat memberi perhatian, pertimbangan serta kelulusan dengan sewajarnya, cadangan dan usul yang abis peramba hadapkan di Dewan yang mulia ini, bukan sahaja bagi penduduk Daerah Temburong, malah bagi rakyat Brunei Darussalam keseluruhannya. Mudah-mudahan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, serta berkat raja kita yang berdaulat dan kita kasihi, dalam segala apa jua yang dihadapkan akan mendapat manfaat bagi semua rakyat dan penduduk negara ini, khususnya Daerah Temburong.

Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi mengakhiri ucapan peramba ini peramba sekali lagi bagi mewakili rakyat dan penduduk Daerah Temburong, dengan hati yang penuh tulus ikhlas,

berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertua Negara Brunei Darussalam dan keluarga baginda akan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dan kekal karal memerintah Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai. Amin Ya Rabbal Alamin.

Buat akhirnya izinkanlah peramba menyampaikan serangkap pantun, yang berbunyi:-

“Dari Bangar Ke Mukim Amo,
Meliat ambok membubut tupai,
Menyampaikan hasrat rakyat
Temburong tidaklah jamu,
Semoga ia akan tercapai”.

Sekian Yang Dipertua Dewan,
Wabillahit Taufik Walhidayah,

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wata'ala Wabarakatuh.

Yang Dipertua Dewan: Terima kasih.

Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang terakhir akan disampaikan daripada Ahli-Ahlil Yang Berhormat sebelah kiri akan disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Yang Dipertua Dewan, Setelah sejumlah 14 orang yang telah berucap sejak daripada Yang Berhormat Menteri hingga ke Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini telah banyak yang kita dengar sama ada

cadangan, ulasan dan ada jua pertanyaan, jadi saya rasa barangkali tak adalah benda yang hendak saya sebutkan di sini hanyalah mudah-mudahan kalau ada baki-baki yang belum disebut itu, dapatlah saya sentuh-sentuh sedikit.

Yang pertama sekali Yang Dipertua Dewan, selain daripada menyertai apa juga mereka telah perkatakan di majlis ini, saya rasa Yang Dipertua Dewan tidaklah lagi banyak modal yang dapat saya kemukakan hanyalah yang dapat saya ingati bahawa kita telah merdeka, merdeka yang berdaulat dan saya difahamkan dan saya memahami dalam usia merdeka dan berdaulat selama 23 tahun alhamdulillah telah diakui kita merdeka 23 tahun sungguh pun sebelum itu ada orang yang mengatakan kita telah merdeka sebelum ini, tetapi yang sebenarnya

kita masih dalam cuma pada ceritanya sahaja, kita merdeka dalam teori tapi dalam praktikal kita adalah sebagai sama-sama dengan keadaan koloni.

Kita juga diakui telah matang dan mampu untuk memahami cabaran-cabaran kehidupan fahaman dan kesedaran yang sudah tentu akan menjadi nadi yang akan menggerakkan nadi yang akan menggerakkan jentera pembangunan negara kita Brunei Darussalam dan saya Yang Dipertua Dewan penuh percaya akan dapat ditunaikan dan ditanai oleh ejen-ejen Kerajaan dan mudah-mudahan juga pihak swasta dan orang ramai bukan hanya rakyat malah seluruh penduduk yang bernaung di rimbun yang rendang ini akan sama-sama sedia dan seperbuatan memperkasakan keupayaan bangsa agar kebajikan dan kesejahteraan

Brunei Darussalam ini sentiasa terpelihara.

Keramaian dan kegembiraan itu telahpun dapat kita kotakan di perayaan menyambut kemerdekaan yang lalu yang sungguh cemerlang dan tidak dapat barangkali dilupakan oleh siapa-siapa yang telah menyaksikan keadaan yang telah lalu itu.

Yang Dipertua Dewan, menyentuh keputusan penjelasan dan fikiran ulasan-ulasan yang membina yang dapat telah kita ikuti dari Ahli-Ahli Yang Berhormat di majlis yang bijaksana ini kita telah menyertai dan mengakui segala keputusan yang sedia dirancang dan diharapkan agar memanai dasar keperluan *value for money* dan kemanfaatan serta kita juga akan mampu membawa dan memimpin negara menzahir serta tamadun yang dicita-

itakan, mudah-mudahan Negara Brunei Darussalam yang mempunyai dasar MIB ini akan tidak ketandusan dalam menzahirkan cita-cita yang mulia ini. Semuga rancangan-rancangan itu akan timbul memancar dan berdiri dengan cemerlang.

Saya Yang Dipertua Dewan, sekali lagi berdoa mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa merahmati dan memelihara keselamatan dan kemakmuran Brunei Darussalam ini. Dengan itu kita akan dapat bertinggir di dalam puncak yang kukuh dan subur tidak tugal-tugal, malah menyusupkan diri dalam kumpulan pemancar, dalam kumpulan bukan pemancar saya katakan pemucang.

Yang Dipertua Dewan, alhamdulillah dalam mengikuti perubahan-perubahan yang terus menuju kemajuan dan kebahagiaan rakyat

keseluruhan ini kita menyedari dan mengikuti bahawa kesedaran dan kesediaan Kerajaan bukan saja hanya mahu menunjukkan bagaimana cara hidup yang sihat dan kesempurnaan hidup yang wajib tetapi ianya telah membuktikan kemajuan-kemajuan yang nyata terserlah di dunia bukan hanya kepada kita sebagai rakyat dan penduduk yang telah menerima dan merasai kenyataan.

Di kemajuan pembangunan misalannya, bangunan-bangunan bagi jabatan-jabatan kementerian, keselesaan pegawai-pegawainya, jalan-jalan lebuhraya, jalan-jalan yang sempurna dan berkesusilaan, berbagai-bagai jenis kenderaan yang dari tahun ke tahun kian bertambah sangat mengagumkan. Begitupun kita semua memahami dan merasa serba penjagaan dan pemeliharaan kesihatan, kesihatan rakyat

mencakup cara hidup sihat, sebagaimana yang banyak kita dirista oleh beberapa Ahli-Ahli Majlis Yang Dimuliakan ini bahkan media massa, media cetak serta RTB sungguh susah nak dinafikan, begitu pun ribuan rumah-rumah kediaman untuk rakyat di semua daerah-daerah yang diungkayahkan secara pengkajian yang bersesuaian bagi kesenangan rakyat, walaupun masih banyak persoalan-persoalan dan masalah-masalah pembahagian permohonan kemajuan perumahan yang masih belum selesai yang saya percaya perkara ini sedang diteliti dengan cermat dan mudah-mudahan akan dapat disempurnakan. Mudah-mudahan segala masalah itu akan terhurai.

Yang Dipertua Dewan, diharapkan agar para ilmuan, para cendekiawan yang berpengetahuan, manusia-manusia yang berkaliber dalam

sesuatu yang pasti dan mesti sempurna sama ada dari segi ekonomi untuk mendapat dan menambahkan penghasilan dari sesuatu perusahaan mahupun dari segi pengilmuan. Kita harus menyedari akan keperluan ke matlamat itu. Dua atau tiga hari lalu barangkali Ahli-Ahli Majlis Yang Berhormat berkehendakkan pakar yang sebenar-benar pakar terutama di bahagian kesihatan.

Yang Dipertua Dewan, dalam soal ini saya merasa amat perlu kita mempunyai manusia yang pakar dan bukannya hanya yang segar, tetapi yang sebenar-benar pakar. Soal ini bukannya mudah untuk mendapatnya, tetapi jika boleh kita sediakan skim menjelmakan pakar ini. Sesungguhnya kita harus menyediakan pintu terbuka untuk orang-orang yang ingin menerubusi alam tamadun ini.

Yang Dipertua Dewan, dalam beberapa hari kita telah banyak memperuntukkan wang sebanyak \$4,631,014,673.00 seperti yang dinyatakan dalam Jadual pada tahun 2007/2008. Mudah-mudahan segala rancangan yang tertentu ini akan disempurnakan dengan ikhlas dan jujur oleh yang diamanahkan dan yang bertanggungjawab.

Yang Dipertua Dewan, harap maafkan saya. Dari apa yang saya gurindamkan ini bukanlah teka-teki si uru-uru, tetapi ianya adalah curahan dari seketul hati seorang hamba Allah yang berharap mudah-mudahan manusia-manusia yang diwasiatkan yang bertanggungjawab akan reda dan rela menanai dan menterjemahkan dengan terjemahan yang jujur, tepat dan tumpat.

Yang Dipertua Dewan, oleh kerana tempoh yang diberikan tidak begitu panjang akhirnya saya ucapkan ribuan terima kasih, kerana Yang Dipertua Dewan telah memberi saya peluang. Mudah-mudahan dengan pimpinan Pengiran Yang Dipertua, Majlis yang mulia ini akan berkesan dan menepati sasarannya. Terima kasih. Peliharalah nama Brunei Darussalam.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ucapan Penangguhan sudah pun digariskan sepertimana dilistkan di dalam kertas kerja. Sekiranya ada Ahli-Ahli sebelah kanan saya ingin membalas keraguan-keraguan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli sebelah kiri silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin

Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu peramba ingin bersama-sama menggabungkan diri dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengucapkan setinggi - tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Dipertua Dewan kerana dapat mengendalikan permesyuaratan ini dengan penuh teratur dan penuh kemesraan.

Apa yang saya ingin maklumkan di sini ialah untuk *merespond* beberapa perkara yang telah ditimbulkan dari hasil Ucapan Penangguhan daripada beberapa orang Ahli Yang Berhormat di sini.

Pertamanya yang berhubungkait dengan masalah-masalah ataupun sungutan - sungutan ahli-ahli perniagaan di Negara Brunei Darussalam ini mahupun pihak *investors*, yang maha pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam melalui kementerian-kementerian dan agensi-agensi berkenaan memanglah sentiasa mengambil perhatian yang berat untuk memudahkan dan juga menambah baik serta memudah carakan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh pihak kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan, misalnya sudah ada diadakan Mesra atau Minggu Pelanggan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan. Ini tidaklah dapat dinafikan bahawa pihak Kerajaan sentiasa mengambil

perhatian berat kelesaian dan menjadikan negara ini kondusif kepada ahli-ahli perniagaan dan juga *investors*. Misalnya saja saya memberikan beberapa misal beberapa buah agensi di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri seperti kita sedia maklum pemberian Lesen-lesen Rampaian telahpun ditangguhkan ataupun dipanjangkan yang pada kelazimannya diberikan satu tahun, dipanjangkan di antara 2 hingga 5 tahun mengikut kategori-kategori perniagaan yang dipohonkan.

Begitu juga halnya dengan Tekad Pemedulian Orang Ramai, ianya semakin cepat tempoh-tempoh yang diberikan, misalnya saja di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Permohonan Pas Kerja pada masa ini telah dapat disiapkan dalam tempoh empat hari manakala penyambungan Pas-Pas

Kerja di hari yang sama boleh disiapkan asalkan saja pemohon-pemohon tersebut memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditentukan.

Begitu juga halnya dengan permohonan Lesen Rampaian baru di daerah-daerah telah dapat disiapkan dalam tempoh 21 hari manakala bagi pembaharuan Lesen-Lesen Rampaian bagi peniaga-peniaga adalah tempoh 5 hingga 7 hari.

Begitu juga sekiranya ada peniaga-peniaga atau *investors* luar negeri akan diberikan kemudahan-kemudahan *Profesional Visit Visa* yang dibolehkan mereka memohon diberikan *Multiple Entry Visa* dalam tempoh-tempoh yang tertentu bagi membolehkan mereka ini berulang-alik ke Negara Brunei Darussalam tanpa dikehendaki visa, dan ada

juga sebilangan negara-negara telahpun dikecualikan visa dalam melawat ke Negara Brunei Darussalam iaitu lebih daripada 41 buah negara.

Berhubung dengan salah satu daripada Ahli Yang Berhormat tadi menimbulkan cadangan pembesaran kawasan Bandar Seri Begawan. Perkara ini memang telahpun diteliti dan dikaji oleh pihak Kerajaan dan ianya sudah dalam perhatian dan pertimbangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Masalah yang berhubungkait dengan cara pemilihan Penghulu Mukim yang telah ditimbulkan tadi memang adalah benar. Kebetulan saya membawa Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung 1988

ini menurut Peraturan 7 dipilih di kalangan ketua-ketua kampung dalam mukim yang berkenaan. Walau bagaimanapun, di dalam peraturan tersebut jika difikirkan calon-calon di kalangan ketua kampung itu tidak bersesuaian untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi sebagai Penghulu Mukim, maka ianya dapat digunakan peruntukan yang telah diguna pakai pada masa ini, jika sekiranya difikirkan calon-calon di kalangan Ketua Kampung dalam mukim itu tidak sesuai untuk dilantik menjadi Penghulu Mukim. Saya baca di sini ada peruntukan: "Walaupun bagaimanapun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam boleh melantik seseorang yang bersesuaian dan berkelayakan untuk menjadi Penghulu bagi sebuah mukim tanpa mengikut tatacara pencalonan dalam Fasal 7 (iii),

tanpa menghiraukan bahawa orang yang baginda lantik itu adalah bukan seorang Ketua Kampung atas sebab-sebab yang difikirkan baginda perlu untuk dibuat sedemikian". Jadinya di sini kalau sekiranya tidak ada calon-calon yang bersesuaian ianya diiklankan di kalangan penduduk-penduduk di mukim yang berkenaan. Misalnya saja setelah dicalonkan di kalangan orang-orang yang akan dicalonkan itu akan dinilai oleh satu panel yang telahpun ditetapkan, yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah masing-masing untuk menilai calon-calon tersebut dari aspek kepimpinan, kebolehan dan keterlibatan mereka dari aspek kemasyarakatan dan juga dari segi akhlak dan aspek-aspek yang bersesuaian di samping dari aspek tapisan-tapisan yang tertentu.

Saya buat contoh di sini, tatacara tersebut telah pun diguna pakai sepertimana yang ada pada masa ini iaitu perlantikan Penghulu Mukim Labi dan Penghulu Mukim Seria. Walau bagaimanapun saranan daripada salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi juga akan diambil perhatian. Saya perlu menjelaskan di sini ada peruntukan tidak semestinya di kalangan calon-calon Ketua Kampong itu untuk dicalonkan sebagai Penghulu Mukim. Itulah saja barangkali perkara-perkara ingin saya sentuh di dalam Dewan ini. Akhirnya sekali lagi dalam kesempatan ini Yang Dipertua Dewan juga mengalukan perhatian dan pandangan-pandangan yang bernas lagi positif dan konstruktif yang diujahkan oleh Ahli Yang Berhormat. Pandangan, idea dan buah fikiran biskita itu tidak sepatutnya terhad di dalam Dewan ini saja malahan saya mengalu-

alukan Yang Berhormat untuk bertukar-tukar fikiran dan pandangan tentang apa jua permasalahan dan kemusykilan yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk di negara ini supaya akan dapat dihadapkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri atau Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian ini bagi kita bersama-sama menjaga dan memelihara kebajikan, kesejahteraan dan keharmonian rakyat dan penduduk yang kita cintai di Negara Brunei Darussalam. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua): Bismillahir Rahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan

salam sejahtera. Yang Dipertua Dewan, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih di atas keizinan yang diberikan oleh Yang Dipertua Dewan untuk saya berucap dan memberikan sedikit ulasan di atas pandangan dan perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Dewan khususnya yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan yang mana ada 4 perkara tadi, iaitu pertama, mengenai insuran, kedua kawalan wang keluar negeri, ketiga elau n sara hidup dan keempat pencen.

Sebelum itu saya juga ingin menyertai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain untuk mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih dan syabas di atas kepimpinan Yang Dipertua Dewan yang membolehkan mesyuarat ini dapat berjalan dengan teratur, lancar dan dapat menyempurnakan tugas-tugas yang

begitu penting bagi Negara Brunei Darussalam.

Yang Dipertua Dewan dalam kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan di atas sokongan padu yang telah diberikan oleh semua Ahli Dewan dalam menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan yang telahpun dibentangkan dan juga Ketetapan tanpa sebarang pindaan terutama pandangan - pandangan dan sumbangan buah fikiran dari Ahli-Ahli semasa membahaskan Rang Undang-Undang tersebut di dalam Dewan yang mulia ini. Pandangan-pandangan dan idea-idea yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli ini insya-Allah akan diambil iktibar dan dikaji secara mendalam dan sehalus-halusnya terutamanya di dalam pelaksanaan peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan

di dalam Dewan ini dengan mengambil kira jua keutamaan dan keperluan serta kemampuan pelaksanaan serta sumber yang ada di pihak Kerajaan. Kita sama-sama menyedari bahawa proses pembangunan ini adalah proses dua hala yang memerlukan semua pihak sokong menyokong dan bantu membantu dalam mencapai sasaran tersebut. Oleh itu dalam Dewan yang mulia ini saya ingin menyeru pihak swasta dan orang ramai supaya akan mendokong dan menyokong dasar dan visi yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana saya percaya dengan adanya kesepaduan dan setiakawan ini insya-Allah perbelanjaan yang diperuntukkan oleh Kerajaan ini sudah setentunya akan membuahkan manfaat yang positif dan akan dapat meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini melalui

kegiatan ekonomi yang lebih mapan, yang *'end productnya'* akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan di negara ini dan jua akan membuahkan suasana yang kondusif kepada negara ini. Insya-Allah.

Mengenai dengan perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat di sana iaitu isu insuran. Sebagaimana yang telah dibentangkan dalam perintah insuran 2006, tujuan kita untuk menggunakan dan menguatkuasakan undang-undang ini ada 3 perkara.

- 1) iaitu untuk mengukuhkan dan memantapkan lagi sistem pengawal-seliaan pihak berkuasa terhadap operasi dan aktiviti-aktiviti syarikat-syarikat insuran yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam agar sentiasa dalam keadaan kukuh

kewangannya yang mana kebanyakannya dijalankan secara pentadbiran sebelum undang-undang ini dilaksanakan.

- 2) Perintah ini juga dapat membantu dalam menjamin kepentingan orang ramai selaku pemegang polisi insuran untuk mendapatkan perlindungan yang adil. dan,
- 3) Untuk mempertingkatkan penglibatan anak-anak tempatan di dalam sektor kewangan khususnya di bidang insuran.

Memang benar dalam akta insuran ini tempoh peralihan pada mulanya diberi 6 bulan tetapi baru-baru ini kita juga *flexible* dan telah memanjangkan tempoh itu kepada setahun dan dalam ketetapan yang kita luluskan pada

petang ini ada termasuk satu ketetapan yang berhubungkait dengan perintah insuran yang mana juga ketetapan ini akan memberikan *flexibility* kepada Kementerian Kewangan untuk memberikan tempoh yang lebih panjang. Walau bagaimanapun tempoh tersebut perlulah ada hadnya kerana tempoh yang diberikan setahun nampak-nampaknya adalah memadai. Apa yang Kementerian Kewangan perlukan disini sekiranya syarikat-syarikat itu tidak mampu, satu *option* ialah untuk mereka bergabung dengan syarikat-syarikat lain supaya syarat-syarat yang ditetapkan itu akan dapat dipenuhi.

Mengenai dengan wang keluar negara, perkara ini perlulah kita teliti sedalam-dalam dan sehalus-halusnya lebih-lebih lagi kita

mengamalkan dasar untuk menarik pelabur asing ke Negara Brunei Darussalam. Kerana dari pengalaman negara-negara di rantau ini yang mengamalkan kawalan kewangan, apabila kawalan kewangan dilaksanakan, maka banyaklah *investment* yang berkurangan. Perkara ini perlulah kita teliti secara mendalam terutama mengenai kesan-kesanya sebelum kita melaksanakan perkara ini.

Mengenai elaun sara hidup bagi pegawai yang berpencen, sukacita memaklumkan peraturan ini adalah berdasarkan kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri yang diluluskan pada tahun 1998. Alhamdulillah untuk makluman Ahli-Ahli, elaun sara hidup ini juga dilaratkan pemberiannya kepada pesara-pesara mengikut kadar pencen yang diterima pada setiap bulan. Bagi pesara-pesara yang

tidak menerima pencen perkhidmatan, isu ini tidaklah akan timbul. Kalau kita lihat bagi pesara-pesara yang menerima pencen pada kadar di bawah \$1,000 sebulan jumlah elaun sara hidup yang mereka terima adalah \$140.00 sebulan, iaitu tidak berubah daripada apa yang mereka terima semasa di dalam perkhidmatan. Manakala bagi mereka yang menerima pencen bulan yang lebih tinggi, tidaklah banyak bezanya. Contohnya pegawai-pegawai yang dalam Bahagian I yang bersara menerima pencen bulanan melebihi \$4,000.00, jumlah elaun sara hidup yang diterima semasa berpencen adalah sebanyak \$50.00 sebulan berbanding dengan \$80.00 sebulan semasa dalam perkhidmatan. Di sini kita perlulah sentiasa mengingati sesama kita, untuk memupuk budaya menyimpan dan menabung dan juga berjimat dalam

perbelanjaan kita berdasarkan kemampuan seseorang. Dengan cara ini insya-Allah kita dapat membantu menampung keperluan di masa hadapan terutama keperluan yang tidak dijangkakan.

Dan yang terakhir mengenai kenaikan pencen perkhidmatan. Alhamdulillah orang-orang yang berpencen adalah orang-orang yang sudah beruntung. Mereka ini apabila sampai umur berpencen akan menerima baksis dan pencen bulanan, dan apabila sudah sampai perkhidmatannya 15 tahun, mereka ini akan menerima balik pencen bulanan yang dihulurkan menurut perkiraan-perkiraan yang dikira semula. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Jawatan
Luar Pekema Raja Dato Seri Setia
Dr Awang Haji Mohd Zain bin Haji
Serudin, Menteri Hal Ehwal**

Ugama: Assalamualuakum
Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim,
peramba mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai saranan berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan menghargai tentang pandangan itu dan diharaplah pertukaran-pertukaran buah fikiran akan berterusan di Majlis ini dan bertujuan untuk membina negara kita dengan sebaik-baiknya.

Saya hanya akan membaca tiga buah pantun:-

“Beras kabun tidak beratah,
Baunya wangi buka selera,
Majlis menjunjung kurnia titah,
Membina tamadun bangsa mulia.”

Keris pusaka berbesi waja,
Lambang berani darah perwira,
Kelangsungan konsep Melayu, Islam
Beraja,

Brunei Darussalam aman sejahtera.”

Dan kepada Yang Dipertua Dewan,

‘Orang berpantun orang bersajak,

Hati susah jadi terhibur,

Yang Dipertua Dewan orangnya

bijak,

Memimpin sidang dengan teratur’.

Semoga Allah memelihara raja kita dan negara kita semua mendapat keredaan Allah.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, izinkanlah peramba mengabungkan diri peramba dengan Ahli-Ahli Berhormat yang telah mengucakan

ucapan tahniah dan penghargaan ke atas tuan peramba atas berjayanya dan kebijaksanaan, dan kesabaran tuan peramba memimpin dalam perbincangan Dewan yang mulia ini.

Peramba hanya ingin dalam menyentuh beberapa isu yang dibangkitkan yang dapat kategorikan kepada tiga kategori yang besar iaitu isu jalan raya ialah kesesakan dan izinkanlah peramba memberi jaminan kerana Ahli-Ahli yang membangkitkan bahawa Jabatan Jalan Raya dan Jabatan Kerja Raya akan sentiasa peka akan kesesakan akan jalan raya ini dan berusaha sedaya upaya untuk mengambil mana-mana tindakan yang bersesuaian.

Mengenai dengan tanah dua isu yang dibangkitkan di sana, satu pengantian 4 cara-cara terhadap

tanah yang diambil oleh Kerajaan di jalan raya. Alhamdulillah isu pertama seperti yang disebutkan tidak timbul. Isu yang kedua mengenai jalan-jalan raya yang dibincangkan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam peningkatan jalan-jalan ini.

Isu yang ketiga Plot X, ini akan dikaji kerana isu-isu mengenai dengan tanah-tanah yang diberikan pemecahan tanah adalah satu isu yang sangat penting dan kita memberikan atau menjadikan tanah-tanah yang dibelakang itu dapat dimajukan. Dan isu yang keempat pelebaran, ini juga akan ditingkatkan. Mengenai dengan akta-akta yang akan dikaji. Mengenai *structure title* pula, isu sudahpun dalam perhatian Kementerian ini dan Kementerian ini insya-Allah sudah dapat dilaksanakan dan dapat dijadikan

sebagai satu dasar yang ianya akan diambil oleh Kerajaan insya-Allah.

Juga jambatan yang telah dibangkitkan, Jambatan daripada Pintu Malim ke Pulau Sibungor dari Pulau Si Bungur ke Pulau Air Berkunci. Maka Jambatan ini masih dalam kajian kerana kedua-dua jambatan ini akan memakan belanja yang besar dan isu-isu jalan raya dan kesesakan jalan raya mungkin akan timbul juga dalam perkara ini. Jadi ertinya dalam erti kata yang pendek kedua-dua jambatan ini jua dapat dikaji.

Isu yang dibangkitkan yang keempat ialah Jambatan ke Bangar. Peramba ingin memaklumkan bahawa tidak ada perkembangan yang baharu selain daripada bahawa isu ini masih memerlukan kajian yang lebih mendalam kerana laluan jambatan ini akan menyentuh isu-isu

yang lebih tinggi yang sedang dalam perhatian negara ini. Itu saja yang dapat Peramba bangkitkan dalam mesyuarat ini sekali lagi. Peramba junjung kasih atas kemurahan hati tuan peramba memberikan peramba peluang untuk memberikan penerangan ini. Assalmualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Dipertua Dewan: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sukacita menyembahkan ucapan berbilang-banyak menjunjung kasih kehadapan majlis tuan peramba di atas keizinan untuk peramba memberikan peluang ke atas

response terhadap beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-Ahli di sebelah sana mengenai dengan kegiatan belia. Yang sebenarnya Anggaran Perbelanjaan Negara bagi Kewangan 2007 / 2008 yang kitani luluskan pagi ini, sudah terdapat bagi Peruntukan Khas Kegiatan-Kegiatan Belia ini. Kalau sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin menyemak ada di dalam Bahagian Belia dan Sukan. Peruntukan ini telahpun disediakan untuk berbagai aktiviti belia yang telahpun dirancang bagi dikendalikan bagi tahun 2007. Barangkali senarai aktiviti yang telah dirancang itu adalah terlalu panjang dan banyak di antaranya adalah program belia cinta tanah air yang telahpun dijalankan dalam bulan Januari 2007, sebelum Hari Kebangsaan dulu. Kemudian kita merancang beberapa aktiviti hujung minggu

di mana belia-belie telahpun diberi kesempatan kegiatan-kegiatan seperti berkayak, masak-memasak, belajar mengaji Al-Quran, belajar komputer dan juga untuk mendapat kemahiran-kemahiran dalam berbagai-bagai sukan, yang mana aktiviti-aktiviti ini diadakan di Pusat Belia dan Sukan di tiap-tiap daerah.

Dan antara program yang mustahak yang penting yang akan dijalankan pada tahun ini ialah satu program kursus *Diploma In Youth Work* yang akan dibuat dalam dua *module* yang mana program ini adalah hasil kelolaan antara Jabatan Belia dan Sukan dan juga *Commonwealth Youth Program* dan jadi ini adalah satu rancangan yang berguna bagi belia-belie kita di negara ini. Selain daripada itu beberapa *program* seperti *program* melatih belia, Kongres Belia Kebangsaan, *ASEAN Youth Day* juga kita akan

mengadakan Hari Kebangsaan Belia bagi kali kedua pada tahun ini pada 1hb Ogos. Demikian juga bagi Daerah Brunei dan Muara kita telahpun merancang untuk mengadakan sebanyak 23 aktiviti-aktiviti untuk belia-belie ini. Di Tutong juga jumlahnya 23 aktiviti yang akan diadakan sepanjang tahun 2007, di Belait agak kurang sedikit iaitu sebanyak 14 aktiviti atau kegiatan dan Daerah Temburong sebanyak 13.

Jadi saya percaya bahawa aktiviti-aktiviti ini dapat memenuhi citarasa belia-belie kita di negara ini dan sekiranya jika ada Ahli-Ahli Yang Berhoramt ingin mengetahui lagi secara terperinci lagi, saya bolehlah memberikan *phamplet* ini yang mengandungi aktiviti-aktiviti yang telah dirancangan itu. Dan jika sekiranya aktiviti-aktiviti ini tidak memuaskan hati Ahli-Ahli Yang

Berhormat, Ahli-Ahli Yang
Berhormat bolehlah
membincangkan dengan pihak saya
dan juga pihak Belia dan Sukan dan
untuk membuat apa-apa jua
rancangan bagi memantapkan lagi
aktiviti-aktiviti belia ini. Jadi dengan
ini peramba sekali lagi menyarankan
bahawa selama ini saya percaya
Kementerian peramba telahpun
mengadakan kegiatan-kegiatan belia
ini dengan pesatnya dan perkara ini
telahpun ditunjukkan dengan begitu
tulusnya kepada masyarakat di
negara ini. Jadi untuk mengakhiri
response peramba ini sukacita
peramba memberikan sebuah
pantun mengenai dengan belia ini.

“Orang menuba di Kampong
Peramu,
Kuali berisi gula melaka,
Kemeterian peramba tidak pernah
jemu,

Memeduli hal ehwal belia untuk,
kesejahteraan mereka”.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli
Yang Berhormat lain sekiranya tidak
ada Ahli-Ahli Yang Berhormat,
bersyukurlah kita ke hadrat Allah
Subhanahu Wata’ala pada hari
yang baik dengan suasana yang
tenang, indah dengan suara-suara
rantang dan terang, memberikan
penjelasan-penjelasan rasa
keseluruh rakyat Brunei dan
penduduk-penduduknya ternyata
saya perhatikan bahawa segala
Ahli-Ahli yang hadir ini mempunyai
sikap laku yang indah tidak dapat
dibayangkan, bagaimana saya yang
sudah lama di sini tiga tahun
sungguh indah dan sungguh
membawa tarikan kepada semua

pihak dalam negara kita ini. Maka dengan demikian saya ingin menyampaikan tahniah kepada Ahli-Ahli semua kerana kita dapat menyelesaikan banyak masalah-masalah dengan kerjasama, tekad hormat menghormati kita mendapat banyak perkara-perkara baik, manis, lemak, indah bunyi dan indah dilihat.

Tetapi jarang kita melihat masam atau merasai pahit dan pedas. Maka kerana itu saya tidak teragu-ragu lagi sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat memberikan kerjasama kepada saya dengan mendayungkan Majlis Dewan ini membawa keagungan dan ketinggian negara kita Melayu Islam Beraja dan insya-Allah perkembangan ini akan bertambah baik dari masa ke semasa dan akan menjadi perhatian keseluruhan

dunia melihat walaupun kecil caranya, maka yang demikian bersyukur kita bersama-sama kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan sekali lagi mengucapkan terima kasih atas kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat banyak perkara-perkara dan soalan-soalan dapat diselesaikan kerana permuafakatan yang sungguh intim sekali, maka saya ingin memberikan satu pantun:

“Tali diikat di bawa ke sana,
Diamibil oleh Si Awang Jaya,
Muafakat estimate sungguh
sempurna,
Mendirikan Dewan Negara amat
berjaya”.

Demikian terima kasih. Dan Majlis ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa akan diberitahu kemudian. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)